KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

KOLEJ KOMUNITI ROMPIN

e-Digest

WACANA TVET MADANI KOLEJ KOMUNITI NEGERI PAHANG 2024

ANJURAN: UNIT PENYELIDIKAN, INOVASI DAN KOMERSIALAN, KOLEJ KOMUNITI ROMPIN

MALAYSIA MADANI

POLYCCOfficial

www.mypolycc.edu.my

TVET MALAYSIA

POLYCC

e-Digest

WACANA TVET MADANI



KOLEJ KOMUNITI NEGERI PAHANG

2024

ISI KANDUNGAN

WARKAH PERUTUSAN 04

BICARA KATA 05

SIDANG REDAKSI 06

SENARAI PANEL 07

PENULISAN AMALAN BAIK

- Penggunaan Kalkulator Rubrik Dalam Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Kursus Mata Pelajaran Umum di Kolej Komuniti Rompin dan Kolej Komuniti Pekan 09
- Menukar Kayu Pallet Terbuang Menjadi Perabot Berharga Seperti Berbezanya Grafit dan Intan 22
- Aquaponik dan Fertigasi Ibarat Aur dengan Tebing 31
- Kepelbagaian Rakan Kolaborasi Menyokong Kerjasama Sinergi Dalam Pelaksanaan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat di Kolej Komuniti Rompin 40

PENULISAN KERTAS KAJIAN

- The Effectiveness of The Malaysia Civil Defense Force (APM) Online Basic Training On Students of Community Colleges 51
- MyPRO - Planner : Pemudah Cara Efektif Urusan Kenaikan Pangkat PPPT 65
- Kajian Hubungan Antara Motivasi Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Kesukarelawan dan Pencapaian Akademik di Kolej Komuniti Jerantut 73
- Tinjauan Amalan Pembacaan Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Zon Pahang 85
- Impak Program Sukarelawan di Kolej Komuniti Rompin Terhadap Personaliti Pelajar Dari Sudut Kesedaran Sosial, Kemahiran Interpersonal Dan Kepimpinan 95
- Mengenalpasti Faktor Yang Mempengaruhi Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Sukan di Kolej Komuniti Paya Besar 105
- Kajian Terhadap Pakaian Tradisional Benua Asia Melalui Kostum Budaya Yang Diaplikasikan Dalam Permainan Interaktif (Costcult) 116

- Tahap Kesediaan Pensyarah Dalam Penggunaan Teknologi Realiti Maya Untuk Pengajaran dan Pembelajaran Di Kolej Komuniti Paya Besar 122
- Kajian Keberkesanan Portal Akademik @KKPB Sebagai Pusat Sehenti Pengurusan Akademik Dalam Kalangan Pensyarah Kolej Komuniti Paya Besar 130
- Perbandingan Faktor yang Mempengaruhi Kesediaan Pelajar Sijil Multimedia Kreatif Pengiklanan (SMP) di Kolej Komuniti Paya Besar (KKPB) dan Kolej Komuniti Kok Lanas (KKKLK) Untuk Mengikuti Latihan Industri 139
- Pelaksanaan Sistem Penasihatan Akademik : Kajian Tinjauan di Kolej Komuniti Rompin 149
- Pengalaman di Kolej Komuniti Rompin : Perspektif Dari Alumni Kolej Komuniti Rompin 2022 dan 2023 163
- Tahap Keberkesanan Program Latihan Kemahiran Pelajar Institusi Tahfiz dan Pondok (PKTP) di Kolej Komuniti Rompin Dalam Aspek Pengetahuan, Kemahiran dan Keusahawanan 174
- Kajian Terhadap Penggunaan Laman B-EOMS Dalam Meningkatkan Sistem Pengurusan Kualiti di Kolej Komuniti Rompin 186

WARKAH PERUTUSAN



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, saya amat bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, e-Digest Wacana TVET Madani Kolej Komuniti Negeri Pahang 2024 telah berjaya diterbitkan buat julung kalinya. Program Wacana TVET Madani yang dianjurkan ini merupakan satu platform kepada Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) untuk berkongsi idea dan pengalaman dalam TVET yang dipraktikkan di institusi masing-masing. Justeru, penghasilan e-Digest ini telah direalisasikan bagi tujuan pendokumentasian segala input amalan baik, kajian tindakan dan perkongsian ilmu oleh para penulis sebagai rujukan penanda aras ke arah kelestarian dalam pelaksanaan TVET yang lebih efisien.

Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersialan di atas kejayaan penerbitan pada kali ini. E-Digest ini merupakan koleksi penerbitan 18 kertas penulisan kajian dan amalan baik yang telah dibentangkan dalam Seminar Wacana TVET Madani Kolej Komuniti Negeri Pahang 2024. Saya melihat usaha para pensyarah yang sentiasa bersemangat dan beriltizam dalam menghasilkan penulisan yang bermutu dan berkualiti wajar disanjung tinggi.

Pembudayaan penulisan sama ada berbentuk penyelidikan atau kreatif merupakan elemen yang penting dan dititikberatkan dalam peningkatan dan pembangunan kompetensi pensyarah. Kertas penyelidikan yang dihasilkan akan menjadi pencetus dalam penerokaan ilmu dan kemahiran baharu dalam kalangan para pensyarah bagi membolehkan ilmu serta kemahiran ini disebar luas dan dijadikan rujukan bagi seluruh warga pendidik khususnya serta individu lain yang berkepentingan. Justeru, besarlah harapan saya agar usaha ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.

Akhir kata, syabas dan tahniah diucapkan kepada seluruh Jawatankuasa Penerbitan e-Digest Wacana TVET Madani Kolej Komuniti Negeri Pahang 2024 dan juga semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan buku ini. Semoga Allah memberkati usaha murni yang telah kita lakukan.

Sekian, terima kasih.

Ahmad Muzaffar bin Abdul Aziz
Pengarah Kolej Komuniti Rompin
Kementerian Pendidikan Tinggi

BICARA KATA



Assalamualaikum
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

Alhamdulillah, segala puji kepada Allah SWT kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya, e-Digest Wacana TVET Madani Kolej Komuniti Negeri Pahang 2024 dapat diterbitkan dengan jayanya. E- Digest ini merupakan penerbitan penyelidikan yang julung kali diterbitkan oleh Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersialan (UPIK), Kolej Komuniti Rompin pada tahun 2024.

Tahniah dan Syabas!! kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam penghasilan penerbitan e-Digest. Penerbitan ini merangkumi 14 kertas kajian dan 4 kertas penulisan amalan baik yang dihasilkan oleh pensyarah-pensyarah dari kolej komuniti di Negeri Pahang.

E-Digest ini adalah wadah terbaik kepada warga Kolej Komuniti Negeri Pahang khususnya untuk mengetengahkan hasil penyelidikan dan inovasi yang telah berjaya dilaksanakan. Pendekatan ini diharapkan dapat meningkatkan lagi amalan penyelidikan, inovasi dan penerbitan dalam kalangan pensyarah-pensyarah kolej komuniti. Melalui penerbitan ini juga, pembaca akan menemui pelbagai topik penyelidikan dan inovasi yang terdiri daripada penyelidikan sains sosial, kejuruteraan, pembelajaran dan pengajaran.

Akhir kata, saya mengucapkan tahniah di atas komitmen seluruh jawatankuasa penerbitan serta penulis-penulis bagi penerbitan e-Digest pada kali ini. Diharapkan semua yang terlibat dapat memanfaatkan ilmu yang diperolehi sebagai satu saluran untuk mengembangkan kebolehan melalui perkongsian hasil penyelidikan dan inovasi masing-masing. Semoga usaha murni ini dapat memberi impak yang positif sekaligus menggalakkan penulis-penulis untuk berkarya bagi membantu memantapkan hala tuju TVET pada masa akan datang serta perkongsian ilmu penyelidikan ini dapat melahirkan komuniti yang berilmu dan bermaklumat.

Sekian, terima kasih.

Sahairil Azlan bin Sahidun
Ketua Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersialan
Kolej Komuniti Rompin

SIDANG REDAKSI

PENGERUSI
AHMAD MUZAFFAR BIN ABDUL AZIZ
PENGARAH

TIMBALAN PENGERUSI I
M. ANWAR FAKARUDDIN BIN M. JALALUDIN
TIMB. PENGARAH (AKADEMIK)

TIMBALAN PENGERUSI II
NORADILAH BINTI MOHD IDRIS
TIMB. PENGARAH (PENGURUSAN)

KETUA UNIT PENYELIDIKAN, INOVASI DAN KOMERSIALAN
SAHAIRIL AZLAN BIN SAHIDUN

KETUA PENERBITAN 1
SAHAIRIL AZLAN BIN SAHIDUN

KETUA PENERBITAN 2 & EDITOR
NOOR HASLINDA BINTI ZAINOLDIN

EDITOR
NORDIYANA BINTI MOHD. RANI
MARYAM BINTI PANDI
NOR ANIDA BINTI MALIKI
SAMIHATUNNADZIRAH BINTI SULAIMAN

PEMBACA PRUF
NORDIYANA BINTI MOHD. RANI
MARYAM BINTI PANDI

PEREKA GRAFIK
NUR QARINA BINTI ZABRI @ MOHD ZABRI

PANEL SEMAKAN

1. DR. SHARMILI BINTI MOHAMED RAFI
KOLEJ KOMUNITI BENTONG

2. DR. MOHD ZULFAKAR BIN MOHD NAWI
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)

PANEL PEMBENTANGAN

1. DR. ZULHISHAMUDDIN BIN ABD RAHMAN
POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH (POLISAS)

2. TS. AHMAD ZAIRI BIN MOHD ZAIN
POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH (POLISAS)

PANEL JURI INOVASI

1. SITI KHAIRUN NAEMAH BINTI MALIK
KOLEJ KOMUNITI PEKAN

2. SAIHA BINTI ISMAIL
KOLEJ VOKASIONAL SULTAN AHMAD SHAH (KVSAS)

3. TS.NORSUHAILA BT ABD HAMID
KOLEJ VOKASIONAL SULTAN AHMAD SHAH (KVSAS)

PENULISAN AMALAN BAIK



PENGGUNAAN KALKULATOR RUBRIK DALAM PENGURUSAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP) KURSUS MATA PELAJARAN UMUM DI KOLEJ KOMUNITI ROMPIN DAN KOLEJ KOMUNITI PEKAN

Mohammad Azrinsha Bin Abdul Wahab
Kolej Komuniti Rompin
mohammadazrinsha.abdulwahab@kkrompin.edu.my

Mastura Binti Mastor
Kolej Komuniti Rompin
mastura.mastor@kkrompin.edu.my

ABSTRAK

Kalkulator Rubrik ialah satu inovasi yang memudahkan pensyarah Pengajian Am untuk melakukan pengiraan markah rubrik bagi kursus-kursus mata pelajaran umum (MPU). Idea ini tercetus apabila terdapat kesilapan dalam proses pengiraan skor markah pelajar. Objektif penghasilan Kalkulator Rubrik adalah untuk mengelak berlaku kesilapan dalam pemberian markah kepada pelajar, meminimumkan masa untuk mengira skor markah pelajar dan tidak melibatkan kos yang tinggi. Kalkulator Rubrik ini dibangunkan menggunakan Microsoft Office Excel iaitu mempunyai paparan seperti kriteria, sub kriteria, skor, skor pencapaian, jumlah skor pencapaian dan jumlah keseluruhan bagi setiap penilaian berterusan. Pensyarah dibenarkan memasukkan skor 1-5 sahaja di dalam ruangan skor. Sekiranya pensyarah memasukkan skor markah yang tidak menepati skala yang ditetapkan maka paparan di bahagian jumlah skor pencapaian dan jumlah keseluruhan akan berubah menjadi warna merah. Borang soal selidik telah diedarkan kepada pensyarah yang mengajar kursus mata pelajaran umum di Kolej Komuniti Rompin dan Kolej Komuniti Pekan bagi melihat tahap keberkesanan dan manfaat penggunaan Kalkulator Rubrik sebagai alat bantu mengurus dalam proses pengiraan markah pelajar. Secara keseluruhannya, pensyarah menyatakan sangat setuju bahawa Kalkulator Rubrik ini boleh membantu mengelakkan kesilapan dalam proses pemberian markah pelajar. Keberkesanan penggunaan Kalkulator Rubrik ini boleh membantu pensyarah daripada melakukan kesilapan dalam proses pemberian markah pelajar. Namun penggunaan Kalkulator Rubrik dalam pengurusan pengajaran dan pembelajaran (PdP) ini boleh ditambah baik dari segi fungsi dan paparan yang lebih efektif. Kesimpulannya, penggunaan Kalkulator Rubrik dalam proses pengiraan skor markah pelajar sangat membantu kepada pensyarah Pengajian Am dan sekaligus dapat meningkatkan produktiviti kerja yang berkualiti.

Kata Kunci: Rubrik, Mata Pelajaran Umum (MPU), Kriteria

1.0 PENGENALAN

Rubrik merupakan panduan pemarkahan yang merujuk kepada kriteria yang digunakan oleh pensyarah dan pelajar bagi menentukan kualiti hasil pelajar bagi mencapai piawaian yang ditetapkan (Metler 2001; Goodrich 1996; Arter and Tighe 2001). Rubrik juga adalah alat penskoran yang mengandungi senarai kriteria atau standard tanda aras dan digunakan untuk pemberian skor / gred bagi tugasan pentaksiran atau hasil pembelajaran. Ia memerihalkan kualiti prestasi bagi setiap gred bermula daripada kualiti terbaik hinggalah kualiti yang munasabah dan seterusnya kualiti yang amat rendah untuk setiap kriteria atau setiap hasil pembelajaran. Pemerihal ini dapat membantu serta memandu pelajar mengenal pasti kelemahan, kekurangan hasil kerja atau tugasan mereka sementara untuk staf akademik pula ia meyakinkan mereka dalam memberi skor dan memberi gred secara adil.

Kalkulator Rubrik dicipta sebagai satu inovasi sistem pengiraan markah rubrik bagi Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) yang menggunakan pentaksiran jenis rubrik. Kursus-kursus MPU yang terlibat ialah MPU13012 Pendidikan Islam, MPU13022 Pendidikan Moral, MPU11012 Pengajian Malaysia, MPU12022 Bahasa Kebangsaan A, SUE10011 Communicative English, SUE20021 Workplace English, MPU12012 Keusahawanan dan SBC10012 Aplikasi Komputer. Kalkulator Rubrik ini digunakan oleh pensyarah Pengajian Am untuk mengira markah berdasarkan rubrik kursus-kursus MPU mereka.

Secara ringkas, penulisan ini bertujuan untuk menilai tahap keberkesanan dan manfaat penggunaan Kalkulator Rubrik sebagai alat bantu dalam mengurus proses pengiraan markah pelajar bagi meningkatkan kualiti pengurusan pengajaran dan pembelajaran di kolej.

2.0 RASIONAL DAN JUSTIFIKASI AMALAN BAIK

Justifikasi penggunaan Kalkulator Rubrik dalam pengurusan pengajaran dan pembelajaran (PdP) kursus mata pelajaran umum adalah seperti berikut:

2.1 Mengelak berlaku kesilapan dalam pemberian markah kepada pelajar.

2.2 Meminimumkan masa untuk mengira skor markah pelajar.

2.3 Tidak melibatkan kos yang tinggi.

3.0 METODOLOGI DAN PELAKSANAAN

Berikut adalah carta alir pembangunan produk yang telah melalui empat (4) fasa pelaksanaan dengan butiran seperti berikut:

Rajah 1: Carta Alir Pembangunan Produk



Berdasarkan rajah 1 menunjukkan carta alir pembangunan produk iaitu apabila berlakunya masalah ketika proses mengira markah pelajar menggunakan kertas rubrik pemarkahan. Pensyarah mencetuskan idea untuk menghasilkan satu solusi dalam proses pengiraan markah yang lebih sistematik maka terhasil satu inovasi dinamakan Kalkulator Rubrik. Pada peringkat permulaan, Kalkulator Rubrik telah digunakan semasa sesi 1 2023/2024. Keberkesanan penggunaan ini sangat baik serta memberikan faedah kepada pensyarah Pengajian Am di Kolej Komuniti Rompin. Seterusnya, penggunaan Kalkulator Rubrik ini disebarluaskan ke Kolej Komuniti Pekan untuk sesi 2 2023/2024.

3.1 PELAKSANAAN

3.1.1 Gambar 1 menunjukkan rubrik pentaksiran bagi kursus MPU12012 Keusahawanan. Pensyarah akan mengisi skor pencapaian pelajar berdasarkan jenis pentaksiran. Pensyarah juga boleh mengisi skor pencapaian di kertas rubrik tanpa perlu mengira markah secara manual.

Gambar 1: Rubrik Pentaksiran Kursus MPU12012 Keusahawanan

Kod & Nama Kursus : **MPU12012 KEUSAHAWANAN**

Jenis Pentaksiran : **PEMBENTANGAN**

CLO yang dinilai : **HPK 1** - Menerangkan nilai-nilai keusahawanan dalam dunia perniagaan (A1 , CLS 3b)

Nama Pelajar :

No. Pendaftaran :

Kelas :

Kriteria	Sub Kriteria	Pemberat Kriteria (%)	5-Sangat Baik	4 – Baik	3 – Memuaskan	2 – Lemah	1 – Sangat Lemah	Skor Pencapaian
Mencari dan Mengurus Pelbagai Bentuk Maklumat	Penapisan Maklumat	5 %	Boleh **mengenal pasti** tapisan yang sangat tepat bagi maklumat yang diperlukan	Boleh **mengenal pasti** tapisan yang tepat bagi maklumat yang diperlukan	Boleh **mengenal pasti** tapisan yang memuaskan bagi maklumat yang diperlukan	Boleh **mengenal pasti** tapisan bagi maklumat yang diperlukan tetapi kurang tepat	Boleh **mengenal pasti** tapisan maklumat tetapi tidak tepat	__ / 5 x 5% = ____
Pengurusan	Agihan Kerja	10 %	**Menunjukkan** agihan kerja yang sangat baik dalam kumpulan	**Menunjukkan** agihan kerja yang baik dalam kumpulan	**Menunjukkan** agihan kerja yang memuaskan dalam kumpulan	**Menunjukkan** agihan kerja yang lemah dalam kumpulan	**Menunjukkan** agihan kerja yang sangat lemah dalam kumpulan	__ / 5 x 10% = ____
Komunikasi Lisan	Kejelasan Idea	15 %	Boleh **menghuraikan** idea dengan sangat jelas	Boleh **menghuraikan** idea dengan jelas	Boleh **menghuraikan** idea dengan jelas tetapi memerlukan sedikit penambahbaikan	Boleh **menghuraikan** idea dengan jelas tetapi memerlukan penambahbaikan lanjut	Boleh **menghuraikan** idea tetapi tidak jelas	__ / 5 x 15% = ____

Merujuk Kurikulum Versi Disember 2020
Efektif Sesi I : 2022/2023

3.1.2 Pensyarah boleh menggunakan Kalkulator Rubrik untuk proses pengiraan markah. Gambar 2 menunjukkan rubrik pentaksiran kursus MPU12012 Keusahawanan bagi pembentangan, simulasi offline, simulasi online dan laporan.

Gambar 2: Kalkulator Rubrik Kursus MPU12012 Keusahawanan

PEMBENTANGAN			
Kriteria	**Sub Kriteria**	**Skor**	**Skor Pencapaian**
Mencari dan Mengurus Pelbagai Bentuk Maklumat	Penapisan Maklumat	5	5
Pengurusan	Agihan Kerja	5	10
Komunikasi Lisan	Kejelasan Idea	5	15
	Keyakinan Idea	5	15
	Keberkesanan dan Artikulasi Idea	4	12
Kemahiran Keusahawanan	Pengalaman Keusahawanan	5	20
	Pengenalpastian Peluang Keusahawanan	5	20
JUMLAH SKOR PENCAPAIAN			**97**
JUMLAH KESELURUHAN			**19.40**

© Mohammad Azrinsha Bin Abdul Wahab
Kolej Komuniti Rompin 2023

3.1.3 Pensyarah hanya perlu mengisi skor pencapaian pelajar berdasarkan jenis pentaksiran seperti gambar 3. Setelah skor markah diisi, skor pencapaian, jumlah skor pencapaian, dan jumlah keseluruhan akan dikira secara automatik.

Gambar 3: Kalkulator Rubrik pentaksiran pembentangan

PEMBENTANGAN			
Kriteria	**Sub Kriteria**	**Skor**	**Skor Pencapaian**
Mencari dan Mengurus Pelbagai Bentuk Maklumat	Penapisan Maklumat	5	5
Pengurusan	Agihan Kerja	5	10
Komunikasi Lisan	Kejelasan Idea	5	15
	Keyakinan Idea	5	15
	Keberkesanan dan Artikulasi Idea	5	15
Kemahiran Keusahawanan	Pengalaman Keusahawanan	5	20
	Pengenalpastian Peluang Keusahawanan	5	20
JUMLAH SKOR PENCAPAIAN			**100**
JUMLAH KESELURUHAN			**20.00**

© Mohammad Azrinsha Bin Abdul Wahab

Kolej Komuniti Rompin 2023

3.1.4 Gambar 4 menunjukkan kesilapan yang berlaku semasa memasukkan skor markah. Di bahagian skor, skor pencapaian, jumlah skor pencapaian, dan jumlah keseluruhan akan bertukar kepada warna merah. Keadaan ini memberi amaran kepada pensyarah bahawa terdapat kesilapan dalam pengisian skor markah pelajar. Sebagai ciri keselamatan, hanya ruangan skor sahaja boleh diubah, manakala ruangan lain pada Kalkulator Rubrik telah dikunci (Protect Sheet).

Gambar 4: Kesilapan dalam memasukkan skor markah



PEMBENTANGAN			
Kriteria	**Sub Kriteria**	**Skor**	**Skor Pencapaian**
Mencari dan Mengurus Pelbagai Bentuk Maklumat	Penapisan Maklumat	6	6
Pengurusan	Agihan Kerja	5	10
Komunikasi Lisan	Kejelasan Idea	5	15
	Keyakinan Idea	5	15
	Keberkesanan dan Artikulasi Idea	5	15
Kemahiran Keusahawanan	Pengalaman Keusahawanan	5	20
	Pengenalpastian Peluang Keusahawanan	5	20
JUMLAH SKOR PENCAPAIAN			101
JUMLAH KESELURUHAN			20.20

© Mohammad Azrinsha Bin Abdul Wahab
Kolej Komuniti Rompin 2023

4.0 PERANAN DALAM AMALAN BAIK

Antara peranan calon dalam amalan baik ini adalah seperti berikut :

4.1 Pembangun Kalkulator Rubrik bersama penulis.

4.2 Pencetus idea sebagai alat bantu mengurus untuk kursus-kursus Pengajian Am di kolej komuniti.

4.3 Pensyarah kursus mata pelajaran umum (MPU).

4.4 Berkongsi ilmu cara menguruskan Kalkulator Rubrik dengan pensyarah di Kolej Komuniti Pekan

5.0 IMPAK

Antara impak amalan baik melalui penggunaan Kalkulator Rubrik dalam pengurusan pengajaran dan pembelajaran (PdP) kursus mata pelajaran umum adalah seperti berikut:

5.1 Praktikal

Proses mengira markah menjadi lebih praktikal kerana ianya cepat, mudah dan sistematik.

5.2 Menjimatkan kos / masa / sumber

Penghasilan inovasi ini tidak melibatkan kos tambahan disebabkan Perisian Microsoft Office Excel 2019 telah sedia dibekalkan dalam PC di kolej.

5.3 Memberi faedah dan kesan positif dalam proses kerja

Proses pengiraan menjadi lebih cepat kerana pensyarah hanya perlu memasukkan skor markah mengikut skala yang ditetapkan sahaja. Markah skor pencapaian akan dikira secara automatik berdasarkan formula yang telah ditetapkan.

5.4 Inovasi berpotensi untuk diguna sama

Kalkulator Rubrik ini boleh diguna sama untuk semua pensyarah di Kolej Komuniti Rompin khasnya dan di Kolej Komuniti Malaysia amnya.

6.0 RUJUKAN

Azizi Yahaya, N. Y. (2010). Gaya Kepimpinan Guru Besar dan hubungannya dengan Faktor Kepimpinan di sekolah Penerima anugerah Cemerlang di Melaka. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Guru.*, Jilid 5 ms 37-62.

binti Albadri, N. &. (n.d.). Pengurusan Lean: Penambahbaikan Dalam Proses Penilaian Latihan Industri-Majikan. *Journal on Technical and Vocational Education*,8(1), 246-257.

Fariz, M. K. (2020). Penggunaan google sheet dan appsheet dalam proses membangunkan app pengiraan markah penilaian kerja kursus. *e-Proceedings Green Technol. Eng*, 88-97.

Kamaludin, M. A. (2022). Pendayagunaan Rubrik Pemarkahan Pentaksiran Berterusan Amali Bagi Program Diploma Perakaunan di Kolej Vokasional: Masihkah Relevan? *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(4) . doi:e001458-e001458

Zain., I. (2002). Aplikasi Multimedia Dalam Pengajaran.

Zamri Mohammod & Mohamed Amin(editor). (n.d.). Teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pemelajaran Bahasa Melayu .

Zokhi, A. N. (2022). Aplikasi Inovasi Q-Track Kit Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bagi Modul Teoritikal: Innovative Application of Q-Track Kit in the Teaching and Learning Process for Theoretical Modules. *International Journal of Advanced Research in Future Ready Learning and Education*, 27(1), 20-29.

7.0 LAMPIRAN

Gambar 5: Sijil Pemberitahuan Hak cipta



AKTA HAK CIPTA 1987

PERATURAN-PERATURAN HAK CIPTA (PEMBERITAHUAN SUKARELA) 2012

SIJIL PEMBERITAHUAN HAK CIPTA
[Subperaturan 9(2)]

No. Pemberitahuan	:	CRLY2024C05314
Tajuk Karya	:	KALKULATOR RUBRIK
Kategori Karya	:	SASTERA
Tarikh Pemberitahuan	:	20 OGOS 2024
Tarikh Karya Dicipta	:	06 APRIL 2024
Tarikh Penerbitan Pertama	:	-

Saya dengan ini mengesahkan di bawah Akta Hak Cipta 1987 [Akta 332] dan Peraturan-Peraturan Hak Cipta (Pemberitahuan Sukarela) 2012 bahawa karya hak cipta dengan No. Pemberitahuan seperti di atas bagi pemohon **MOHAMMAD AZRINSHA BIN ABDUL WAHAB (810617065133)** sebagai **PEMUNYA** dan **MOHAMMAD AZRINSHA BIN ABDUL WAHAB (810617065133), MASTURA BINTI MASTOR (791205065232)** sebagai **PENCIPTA** telah didaftarkan ke dalam Daftar Hak Cipta menurut seksyen 26B Akta Hak Cipta 1987 [Akta 332].

KAMAL BIN KORMIN
PENGAWAL HAK CIPTA
MALAYSIA

(Agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup)



AKTA HAK CIPTA 1987

PERATURAN-PERATURAN HAK CIPTA (PEMBERITAHUAN SUKARELA) 2012

SIJIL PEMBERITAHUAN HAK CIPTA
[Subperaturan 9(2)]

No. Pemberitahuan	:	CRLY2024C05314
Tajuk Karya	:	KALKULATOR RUBRIK
Kategori Karya	:	SASTERA
Tarikh Pemberitahuan	:	20 OGOS 2024
Tarikh Karya Dicipta	:	06 APRIL 2024
Tarikh Penerbitan Pertama	:	-

Saya dengan ini mengesahkan di bawah Akta Hak Cipta 1987 [Akta 332] dan Peraturan-Peraturan Hak Cipta (Pemberitahuan Sukarela) 2012 bahawa karya hak cipta dengan No. Pemberitahuan seperti di atas bagi pemohon **MOHAMMAD AZRINSHA BIN ABDUL WAHAB (810617065133)** sebagai **PEMUNYA** dan **MOHAMMAD AZRINSHA BIN ABDUL WAHAB (810617065133), MASTURA BINTI MASTOR (791205065232)** sebagai **PENCIPTA** telah didaftarkan ke dalam Daftar Hak Cipta menurut seksyen 26B Akta Hak Cipta 1987 [Akta 332].

KAMAL BIN KORMIN
PENGAWAL HAK CIPTA
MALAYSIA

No. Pemberitahuan : CRLY2024C05314
Tajuk Karya : KALKULATOR RUBRIK
Kategori Karya : Sastera
Tarikh Pemberitahuan : 20 Ogos 2024
Tarikh Karya Dicipta : 6 April 2024

Gambar 6: Pertandingan Inovasi Pensyarah TVET 2023 Peringkat Kebangsaan (PERISA ’23)











Dalam pertandingan ini, penulis memperoleh Anugerah Gangsa bagi kategori Perdagangan, Hospitaliti, Seni & Reka Bentuk.

Gambar 7: Surat Pengesahan Penggunaan Kalkulator Rubrik Pensyarah-Pensyarah Kursus Mata Pelajaran Umum (MPU) Di Kolej Komuniti Pekan



KOLEJ KOMUNITI PEKAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
Kementerian Pendidikan Tinggi
Jalan Pekan-Kuantan,
Peramu Jaya, 26600 Pekan,
Pahang Darul Makmur

KOLEJ KOMUNITI PEKAN

Tel : 09-424 4000
Faks : 09-424 4181
Laman Web : http://kkpekan.mypolycc.edu.my/

Rujukan Kami : KKPP/700-1 Jld. 4(33)
Tarikh : 13 Jun 2024

Pengarah
Kolej Komuniti Rompin
KM 5, Jalan Rompin Pekan
26800 Kuala Rompin
Pahang

Tuan,

PENGESAHAN PENGGUNAAN KALKULATOR RUBRIK KEPADA PENSYARAH -PENSYARAH KURSUS MATA PELAJARAN UMUM (MPU) DI KOLEJ KOMUNITI PEKAN

Dengan segala hormatnya, perkara diatas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan, **Kolej Komuniti Pekan** telah menggunakan Kalkulator Rubrik yang dibangunkan oleh pegawai tuan.

3. Sehubungan dengan itu, pihak kami ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan atas perkongsian penggunaan Kalkulator Rubrik ini untuk manfaat bersama.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHAMMAD AZWAN BIN JA'AFAR, AMP.)
Pengarah
Kolej Komuniti Pekan
Kementerian PendidikanTinggi

s.k. Fail

"Pewarisku Komuniti Berilmu dan Berkemahiran"

Jadual 1: Analisis penggunaan Kalkulator Rubrik di Kolej Komuniti Rompin dan Kolej Komuniti Pekan

NO. SOALAN	PERNYATAAN	Sangat Setuju	Setuju
1	Kalkulator Rubrik boleh membantu mengelakkan kesilapan dalam proses pemberian markah pelajar.	77.8%	22.2%
2	Kalkulator Rubrik boleh membantu menjimatkan masa mengira skor markah pelajar.	77.8%	22.2%
3	Kalkulator Rubrik boleh membantu mengurangkan beban tugas dalam proses PdP.	44.4%	55.60%
4	Kalkulator Rubrik boleh membantu proses moderasi penilaian berterusan.	33.30%	66.70%

Jadual 1 menunjukkan analisis penggunaan Kalkulator Rubrik di Kolej Komuniti Rompin dan Kolej Komuniti Pekan. Secara keseluruhan pensyarah sangat setuju bahawa pernyataan Kalkulator Rubrik boleh membantu mengelakkan kesilapan dalam proses pemberian markah pelajar dan membantu menjimatkan masa mengira skor markah pelajar.

MENUKAR KAYU PALLET TERBUANG MENJADI PERABOT BERHARGA SEPERTI BERBEZANYA GRAFIT DAN INTAN

Mohamad Rasidi Bin Ahmad
Kolej Komuniti Rompin

ABSTRAK

Kayu pallet adalah kayu yang digunakan sebagai pelapik untuk menyimpan barang, mengalihkan barang serta menyokong berat sesuatu barang. Kayu pallet sesuai dijadikan platform untuk pemindahan barang kerana ia terdapat dalam pelbagai ukuran dan bentuk yang sesuai untuk digunakan bersama jentera pengangkat seperti fork lift dan pallet jack. Kayu pallet terpakai ini terhasil dari pembuangan industri kerana, apabila barangan yang hendak digunakan dikeluarkan dari bekas kayu pallet, maka kayu pallet ini akan dibuang begitu sahaja. Pihak industri akan melantik agen-agen pengutipan bagi kerja-kerja melupuskan kayu pallet tersebut sama ada melalui pembakaran atau dikitar semula. Pallet terpakai sering kali dicari kerana pallet terpakai biasanya lebih murah daripada pallet baru. Menggunakan pallet terpakai membantu mengurangkan sisa dan menyokong usaha kitar semula. Pallet terpakai sering digunakan dalam projek DIY, seperti pembinaan perabot, taman, atau peralatan kecil seperti bingkai gambar, rak pinggan mangkuk dan sebagainya. Terdapat bahaya dalam penggunaan kayu pallet kerana terdapat kandungan kimia yang tinggi bagi sesetengah kayu pallet. Namun pemilihan yang betul akan mengurangkan risiko kesihatan kepada pengguna kayu pallet. Lokasi tumpuan industri seperti Peramu Jaya di Pekan Pahang adalah kawasan yang mudah untuk mendapatkan bekalan kayu pallet. Kedudukan Kolej Komuniti Rompin yang agak berdekatan dengan Pekan, Pahang membolehkan bekalan kayu ini diperolehi bagi melaksanakan kerja-kerja penghasilan produk kayu pallet kerpakai kepada objek yang berharga.


Kata Kunci: Kayu Pallet, Perabot, Kursus Pendek

1.0 PENGENALAN

Intan dan grafit adalah bahan yang sering kita gunakan setiap hari tanpa kita sedari intan digunakan sebagai bahan perhiasan dan lapisan mata pemotong, manakala grafit digunakan sebagai bahan pelincir dan mata pensel kerana sifatnya yang sangat lembut. Menurut Peter Atkins dan Julio de Paula (2019). Grafit dan intan adalah 2 bentuk alotrop dari unsur yang sama iaitu karbon yang memiliki nombor atom yang sama iaitu 6 dalam jadual berkala,. Keduanya memiliki ikatan kovalen dan memiliki sifat kimia yang mirip. Namun terdapat perbezaan susunan atom karbon dalam struktur kristal, menjadikan intan berpenampilan jernih dan berkilau menjadikan ia sangat berharga berbanding grafit yang berwarna hitam dan pudar menjadikan ia sangat murah. Intan adalah salah satu bahan yang paling mahal dan terkeras di dunia. Harga intan adalah berbeza bergantung kepada kualiti, saiz, warna, dan kejernihan. Intan yang paling berkualiti tinggi digunakan sebagai batu perhiasan dalam barang kemas. Manakala harga grafit jauh lebih murah berbanding intan. kerana ia lebih banyak terdapat dalam industri dan penggunaan domestik dalam pelbagai aplikasi, seperti pensel dan pelincir.

Secara keseluruhan, intan dianggap sebagai barang mewah dan berharga tinggi, manakala grafit adalah bahan yang lebih umum dan ekonomikal.

Rajah 1 : Perbezaan susunan atom karbon dalam struktur kristal grafit dan intan



Begitulah juga dengan situasi kayu pallet terpakai yang biasanya pudar, kotor dan menggerutu, masyarakat melihatnya tidak berharga dan dibuang serta dibakar begitu sahaja. Namun kayu pallet terpakai memiliki keistimewaannya dan menurut John McLeod (2005), beberapa kelebihan kayu pallet terpakai termasuk:

i. Mesra Alam: Penggunaan kayu pallet terpakai adalah merupakan satu usaha mengitar semula, membantu mengurangkan pembakaran dan mengurangi kesan rumah kaca.
ii. Penjimatan: Kayu pallet terpakai dijual dengan harga yang lebih murah berbanding kayu baru. Ia membolehkan pengguna merealisasikan projek-projek perabot dengan menggunakan peruntukan yang rendah.
iii. Kekuatan: Kayu pallet terpakai biasanya digunakan untuk menampung beban yang berat seperti komponen dalam industri automotif, menjadikan ia sesuai digunakan sebagai perabot yang menampung berat seperti kerusi dan meja.
iv. Ketahanan : Kayu pallet terpakai telah menjalani proses pengawetan dan perawatan kimia bagi memastikan ia bertahan akibat cuaca melampau serta serangan anai-anai dan fungus bagi memastikan produk-produk yang dipek dilindungi, menjadikan perabot yang dibina kemudiannya menjadi lebih berdaya tahan.
v. Nilai Estetik : Kayu pallet terpakai memiliki permukaan berurat yang cantik, memiliki ciri visual yang unik, serta memberikan sentuhan estetik yang dicari dalam reka bentuk dalaman.

Terdapat juga beberapa kelemahan kayu pallet yang perlu diambil kira dalam menjadikannya sebagai perabot dan perhiasan rumah, antara kelemahannya yang ketara adalah :

i. Penyerapan Kelembapan: Kayu pallet sangat menyerap kelembapan, menyebabkan pertumbuhan kulat dan rosak sekiranya ia tidak dikendalikan dengan baik.
ii. Berat: Pallet kayu adalah berat, apabila ia diaplikasikan sebagai perabot, menjadikan ia sukar untuk dialihkan berbanding kayu getah, plastik atau papan lapis.
iii. Kos Penyelenggaraan: Pallet kayu memerlukan penyelenggaraan permukaan seperti waterproofing dengan lebih kerap bagi menjaga kualiti kayu tersebut
iv. Alam Sekitar Penggunaan kayu pallet yang berleluasa sebagai perabot mengakibatkan kayu pallet terbuang tidak mencukupi menampung permintaan,mengakibatkan pallet baru perlu dikeluarkan bagi memenuhi permintaan mengakibatkan sebahagian hutan perlu ditebang dan ini mengganggu ekosistem dan memberi kesan kemusnahan alam sekitar.
v. Masalah Kesihatan: Rawatan kimia yang dibuat untuk pengawetan pallet memberi kesan kepada kesihatan manusia, tidak semua kayu pallet terpakai boleh dijadikan perabot.

Dalam mereka bentuk perabot dari kayu pallet, beberapa faktor perlu diambil kira, dan menurut Carla Fowler (2015), antaranya kita perlu memastikan kayu pallet yang dipilih perlu berkeadaan baik dan cukup kuat untuk menyokong beban yang diinginkan. Sekiranya kita membuat perabot untuk simpanan benda berat seperti pinggan mangkuk kaca, gunalah kayu pallet jenis keras dan tebal untuk memastikan binaan tadi mempunyai cukup kekuatan menampung beban. Kita perlu mempertimbangkan gaya dan fungsi perabot yang ingin dibina dengan mengambil kira nilai estetik, termasuk pilihan warna dan kemasan pada kayu yang bersesuaian. Kayu pallet secara asli mempunyai berbagai pilihan warna yang menarik dari berwarna kekuningan hingga kemerah-merahan. Pastikan kemasan perabot dibuat dengan licin dan membuang segala serpihan tajam sera membuang segala paku yang boleh membahayakan pengguna kerana keselamatan adalah faktor utama dalam mereka bentuk. Rancang dengan teliti fungsi setiap perabot kerana terdapat fungsi berbeza seperti tempat penyimpanan, tempat duduk dan penggunaan lain kerana perbezaan ini memerlukan perbezaan dalam reka bentuk dan penggunaan bahan. Rancang dengan teliti kedudukan perabot bagi memastikan kesesuaian saiz perabot dengan ruang yang ada bagi mengelakkan sebarang masalah di kemudian hari dengan memastikan pengukuran di lapangan dibuat dengan tepat. Pastikan anda mempertimbangkan berat bagi memastikan perabot yang dibina mudah dipindahkan jika perlu. Selain itu, pastikan anda memaksimumkan penggunaan ruang seperti membina secara bertingkat bagi memastikan anda tidak mengorban keseluruhan ruang serta mengganggu keselesaan dan privasi anda. Rancang perabot anda agar mempunyai kemudahan pemeliharaan seperti cara membersih, merawat agar perabot kayu pallet anda boleh bertahan lama. Penggunaan kembali baki kayu pallet adalah amalan lestari dengan memastikan setiap potongan itu diukur dan dibahagi dengan betul dari panjang kayu asal supaya baki potongan dapat digunakan semula.

Secara ringkasnya terdapat 2 jenis kayu pallet iaitu kayu pallet lembut diperbuat daripada pokok konifer seperti pinus, biasanya lebih murah dan ringan. Manakala kayu pallet keras dibuat daripada pokok deciduous seperti oak atau maple, lebih tahan lama tetapi lebih mahal.

2.0 RASIONAL DAN JUSTIFIKASI AMALAN BAIK

Objektif utama menggunakan kayu pallet terpakai sebagai bahan asas pembinaan perabot adalah untuk :

i. Mendidik masyarakat budaya kitar semula bagi mengelakkan pembaziran
ii. Memupuk serta menggalakkan kreativiti dan inovasi di kalangan masyarakat
iii. Menghasilkan perabot yang cantik dengan menggunakan kos yang minima
iv. Menghasilkan perabot yang mampu menampung beban berat berbanding membeli perabot yang dijual di pasaran
v. Meningkatkan minat masyarakat untuk bertukang kerana kayu pallet adalah bahan yang mudah diproses

3.0 METODOLOGI DAN PELAKSANAAN

Bagi menggalakkan masyarakat menyertai amalan baik penghasilan produk perabot dari kayu pallet, penulis telah menjalankan beberapa kursus pendek dengan masyarakat Kuala Rompin, Endau dan sekitarnya. Kursus Pendek di bawah Program Jabatan Pendidikan Sepanjang Hayat dijalankan hanya memakan masa sehari dan menghasilkan produk yang ringkas seperti rak rempah sebagai permulaan. Penganjur juga mengenakan yuran yang murah dan berpatutan bagi menggalakkan seramai mungkin penyertaan. Berikut adalah langkah-langkah asas penghasilan produk dari kayu pallet :

3.1 PROSES MEREKA BENTUK PERABOT DARI KAYU PALLET

Proses ini bermula dengan memikirkan produk yang hendak dihasilkan. Apabila produk telah dikenal pasti, maka proses ini diteruskan dengan membuat lakaran di atas kertas. Dari lakaran tadi, satu lukisan terperinci dibuat kerana di dalamnya terdapat ukuran dan dimensi yang sebenar produk tersebut. Berdasarkan dimensi, pengajar akan membuat kiraan bahan mentah yang diperlukan. Ia terdiri dari :

i. Kayu pallet
ii. Gam Kayu
iii. Paku jenis tembak Pneumatic Nail Gun
iv. Kertas pasir jenis bulat yang akan diguna bersama mesin pencanai tangan
v. Flat sanding sealer dan Clear Lacquer

Bahan mentah yang disenaraikan di atas adalah merupakan bahan pakai buang yang akan habis digunakan.

3.2 PROSES MEMOTONG KAYU PALLET

Pada permulaan kayu pallet mentah akan dipotong mengikut ukuran seperti dalam lukisan terperinci yang disediakan. Proses pemotongan dimulakan dengan proses penandaan dan pembuangan bahan melibatkan proses memotong menggunakan miter saw, membelah menggunakan table saw dan menebuk kayu pallet menggunakan mesin gerudi. Setelah dipotong, kayu pallet akan dilicinkan menggunakan ketam kayu dan seterusnya proses pelelasan menggunakan mesin pencanai tangan. Mata jenis kertas pasir grit kasar digunakan iaitu grid 80 dan 100. Sekiranya perlu membentuk alur wood router akan digunakan untuk menghasilkan alur dan pinggir bercorak.

Rajah 2 : Gambar peserta memotong bahan dan mesin-mesin pemotongan yang digunakan untuk pembuangan bahan



3.3 PROSES MENCANTUM KAYU PALLET

Kayu pallet yang telah siap dipotong dan dibersihkan tadi akan dicantum menggunakan paku tembak pneumatik. Terdapat berbagai jenis paku dan pemilihan paku bergantung kepada kegunaan dan fungsinya, Sebagai contoh paku jenis kod F digunakan untuk mencantumkan kayu, paku ini tidak nampak pada pandangan kasar manakala paku berkod ST sangat besar dan mencacatkan pemandangan, namun ia sangat kuat kerana boleh mencantumkan kayu dengan besi. Bagi memastikan kekuatan cantuman kekal, kayu yang akan dicantumkan akan disapu dengan gam kayu berwarna putih. Gam ini sangat kuat tetapi mengambil masa yang sangat lama melebihi 12 jam untuk kering dan benar-benar melekat.

Rajah 3 : Gambar peserta mencantum kayu pallet dan mesin pneumatic nailer gun serta gam yang digunakan untuk mencantumkan kayu pallet



3.4 PROSES MENGECAT KAYU PALLET

Sebelum kerja-kerja mengecat dijalankan, kayu pallet tadi perlu dikemaskan permukaan dengan membuat penampalan pada lubang-lubang yang wujud kesan dari paku yang digunakan sebelumnya. Tampalan ini dilakukan dengan mengisi wood filler pada permukaan tadi. Setelah tampalan keras, sekali lagi kayu pallet akan dilelaskan menggunakan lelasan tangan, kertas pasir yang dipilih biasanya bernombor grit 300 dan ke atas. Setelah selesai kerja melelas, segala habuk yang ada akan dibuang menggunakan semburan angin dari pemampat udara. Setelah dibersihkan kayu pallet tadi akan disapu dengan sejenis cecair sanding sealer. Sanding sealer ini berperanan membantu menjadikan permukaan kayu benar-benar licin. Penggunaan sanding sealer ini membantu menaikkan kualiti siapan dan menjimatkan kos penggunaan cat. Sanding sealer yang biasa digunakan adalah jenis Dolphin berkod 262, dibancuh dengan menggunakan campuran thinner pada nisbah 1:1. Sanding sealer ini akan membeku dengan cepat sekitar 10 minit sahaja dan proses mengecat seterusnya akan dilaksanakan. Oleh kerana kayu pallet ini mempunyai tekstur dan warna yang menarik, kebanyakan tukang perabot hanya mengecat menggunakan clear lacquer sahaja. Namun terdapat beberapa pilihan warna yang digunakan bagi tujuan penyeragaman sekiranya perabot tadi bersaiz besar dan terdiri daripada set-set perabot yang banyak.

Rajah 4 : Gambar peserta menjalankan kerja penyiapan perabot kayu pallet, serta barangan penyiapan terdiri dari sanding sealer dan clear lacquer .



4.0 PERANAN DALAM AMALAN BAIK

Peranan penulis dalam menjayakan amalan baik kitar semula kayu pallet terbuang adalah sebagai tenaga pengajar kepada kursus pendek rak rempah kayu pallet. Untuk menjayakan kursus ini, penulis telah berusaha membeli sendiri kayu pallet dari pembekal di Peramu Jaya, Pekan, Pahang. Harga kayu pallet adalah murah bermula RM1.00 sebatang berbentuk papan bersaiz 3” x 44” x 0.5” sehinggalah yang paling mahal RM7.00 berbentuk tiang bersaiz 3” x 3” x 84”. Penulis juga menggunakan mesin dan peralatan sendiri seperti table saw, mitre saw dan wood planer yang dibawa dari rumah kediaman penulis, kerana peralatan tersebut tidak boleh dibeli kerana tidak termasuk dalam norma peralatan Kursus Teknologi Automotif. Walaupun penulis tidak mengambil bidang Kejuruteraan Awam dan Teknologi Pembuatan Perabot, pengalaman penulis menjalankan aktiviti pemotongan dan penyambungan besi dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal, membantu penulis dalam mempelajari teknik pembuatan perabot. Setelah selesai kursus, penulis sangat gembira kerana dapat berkongsi pengalaman dan ilmu menghasilkan perabot dari kayu pallet terbuang.

Rajah 5 : Gambar peserta tersenyum puas setelah selesai menyiapkan perabot kayu pallet. Dalam gambar ini penulis duduk di hadapan, nombor 3 dari kiri.



5.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya amalan baik menghasilkan perabot dari kayu pallet terpakai sangatlah berjaya kerana peserta menghasilkan perabot ringkas iaitu rak rempah, namun sekiranya amalan baik ini diteruskan selepas berkursus, pelbagai produk dan perabot yang besar dapat dihasilkan seperti kerusi meja, perabot lekapan dinding, katil dan sebagainya. Amalan baik seperti ini dapat meningkatkan kemahiran dan kesedaran pentingnya penjagaan alam sekitar. Selain itu, dengan latihan yang berterusan amalan baik ini, peserta akan mampu menghasilkan produk lain yang lebih besar. Amalan baik ini juga dapat meningkatkan ekonomi peserta kerana mampu membuat sendiri perabot. Penulis juga bermula dengan tiada pengetahuan, tetapi melalui amalan baik ini, penulis berterusan mempelajari teknik-teknik dari internet sama ada melalui pembacaan atau menonton video di Youtube, penulis berjaya merealisasikan pembuatan perabot.

Rajah 6 : Gambar perabot dan struktur kayu pallet yang lebih besar diambil di rumah penulis



6.0 RUJUKAN

John McLeod, 2005, "The History Of Pallet Design System" , Pallet Design System Inc

Carla Fowler, 2015. “Pallet Furniture Design Plans You Can Build at Home”, Createspace Independent Publishing Platform

Peter Atkins dan Julio de Paula, 2019, “ Physical Chemistry 11th Edition”, Oxford University Press

AQUAPONIK DAN FERTIGASI IBARAT AUR DENGAN TEBING

Mohamad Rasidi Bin Ahmad
Kolej Komuniti Rompin

ABSTRAK

Aquaponik adalah sistem pertanian yang menggabungkan antara penanaman tumbuhan tanpa tanah dengan penternakan ikan. Dalam sistem aquaponik, ikan diternak di dalam kolam, membesar dan menghasilkan najis. Kandungan dalam najis ikan menjadi pencemaran serta racun kepada ikan tersebut akan dialirkan kepada pokok untuk diserap oleh tumbuhan. Kandungan pencemaran dalam air dipulihkan dan air tadi dikitar semula kepada ikan. Manakala fertigasi pula adalah sistem penanaman tumbuhan di mana campuran baja larut dalam air disalurkan terus kepada tumbuhan melalui suntikan ke dalam media tanaman. Air yang disalurkan kepada pokok tidak dikembalikan kerana media akan dibiarkan lembab. Akar di dalam media tanaman menerima terus nutrien yang dialirkan mengikut pemasaan berjadual. Kedua sistem ini biasanya dijalankan secara berasingan kerana keduanya mempunyai fungsi yang berbeza. Namun terdapat kaedah yang boleh menggabungkan keduanya bagi mendapatkan hasil yang optimum dari kedua-dua sistem di atas. Terdapat risiko dari penggabungan ini, namun melalui kaedah yang betul, kedua-dua sistem ini dapat dijalankan serentak. Sistem ini telah diaplikasi di Kolej Komuniti Rompin melalui Program Keusahawan Komuniti PKK 2022 anjuran Unit Servis Kenderaan Ringan (SKR) dengan kerjasama Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat (UPSH). Untuk menggabungkan kedua-dua sistem ini ilmu-ilmu berkaitan tumbuhan, ternakan ikan air tawar, ilmu pembinaan, perpaipan dan kemahiran pendawaian dan pemasaan elektrik digunakan serta diamalkan dengan betul.

Kata Kunci: Aquaponik, Fertigasi, Kursus Pendek

1.0 PENGENALAN

Sektor pertanian dan penternakan adalah sektor yang sangat sesuai untuk dimajukan di lokasi luar bandar kerana faktor kelebihan tanah dan ruangan. Namun, penduduk yang tinggal di kawasan bandar juga tidak terkecuali kerana sektor membantu meningkatkan taraf hidup dengan mengurangkan kos perbelanjaan dapur. Aquaponik adalah sistem yang sesuai bagi menjayakan sistem pertanian bandar kerana aquaponik adalah sistem yang menggabungkan pertanian tanpa tanah iaitu hidroponik dan penternakan ikan iaitu aquakultur dalam satu sistem kitaran air. Menurut Rebecca L. Nelson (2011) terdapat beberapa kebaikan aquaponik antaranya ia adalah sistem yang mesra alam kerana ia menggabungkan pembiakan ikan dan tanaman dalam satu ekosistem. Sistem aquaponik menggunakan air dengan lebih efisien berbanding pertanian tradisional. Air dalam sistem ini berkitaran dan dapat digunakan semula. Dengan aquaponik, petani dapat menghasilkan pelbagai jenis tanaman dan ikan sekaligus dapat menghasilkan pelbagai produk dalam ruangan yang lebih kecil. Sisa dari najis ikan akan ditapis dan diproses secara semula jadi untuk menjadi baja kepada tumbuhan dan seterusnya dapat mengurangkan keperluan baja kimia. Terdapat pelbagai skala perlaksanaan aquaponik termasuk di kawasan bandar, membolehkan pengeluaran makanan tempatan yang lebih dekat dengan pengguna serta mengurangkan kebergantungan kepada orang tengah.

Penghasilan dua produk dalam satu masa akan memberikan sumber pendapatan tambahan kepada petani, memberi pilihan kepada pengguna memilih salah satu produk sama ada ikan sebagai sumber protein atau sayuran sebagai sumber serat dan vitamin pada satu-satu masa. Namun terdapat juga beberapa kelemahan dalam perlaksanaan aquaponik kerana ia memerlukan kos permulaan yang tinggi. Bagi memulakan sistem akuaponik, petani perlu melabur beberapa peralatan seperti tangki ikan, pam, besi pembinaan dan bahan media tanaman yang mahal seperti hidroton. Petani juga perlu melengkapkan diri dengan kemahiran yang meliputi bidang pembinaan, kemahiran juruelektrik, pengetahuan pengendalian ikan dan kemahiran perpaipan. Terdapat risiko penyakit berkaitan ikan disebabkan ruang yang sempit boleh menyebabkan penularan penyakit merebak dengan cepat kepada ikan, seterusnya mengakibatkan pengeluaran baja kepada tumbuhan turut terbantut. Petani juga perlu ilmu dalam memantau kualiti air termasuk menguji pH dan kandungan ammonia dalam air serta nutrien secara berkala untuk memastikan kesihatan ikan dan pertumbuhan tanaman yang baik. Antara kelemahan utama sistem aquaponik adalah kebergantungan yang ketara kepada bekalan tenaga elektrik. Bekalan tenaga elektrik diperlukan untuk menggerakkan pam air dan pam udara. Sekiranya berlaku gangguan bekalan elektrik yang terlalu lama, ia boleh mengakibatkan kematian ikan yang banyak dan boleh mengakibatkan kerugian kos yang besar. Setelah beberapa ketika, kandungan pencemaran dalam air perlu dikurangkan dengan penggantian air yang baharu apabila ikan mula menampakkan tanda-tanda tidak sihat.

Semasa penggantian air, berlaku pembaziran kerana biasanya lebih dari separuh air kolam akan dibuang begitu sahaja dan digantikan dengan air yang baru. Kelemahan sistem aquaponik juga berlaku kerana tidak semua jenis tumbuhan sesuai ditanam, tumbuhan jenis akuatik seperti kangkung, pegaga, pudina, pucuk selom, kunyit adalah sesuai, namun tumbuhan berkayu seperti pucuk tenggek burung tidak sesuai ditanam menggunakan kaedah aquaponik.

Berbeza dengan sistem aquaponik yang melibatkan kitaran semula air, sistem fertigasi adalah sistem pembajaan dan penyiraman air bernutrien kepada tumbuhan tanpa kitaran semula. Dalam sistem ini, baja dalam bentuk larutan nutrien iaitu baja AB dicampurkan dengan air dalam takungan, disalurkan kepada tumbuhan secara paksa menggunakan pam air secara berjadual. Menurut Dr. Mohd Azhar (2013) kelebihan sistem fertigasi adalah dapat mengawal pemberian nutrien dengan lebih tepat kepada tumbuhan untuk memastikan tumbesaran adalah optimum. Penggunaan air juga lebih efisien kerana dengan air yang sedikit, nutrien boleh dihantar terus ke akar kerana terdapat kaedah menyuntik (drip) pada setiap pokok tanpa air tertumpah ke tanah yang kosong.

Ini seterusnya menjimatkan kos operasi melalui penggunaan air yang cekap. Hasil pertanian akan meningkat kerana nutrien yang dibekalkan adalah mencukupi untuk tumbesaran pokok, tumbuhan yang disuntik dengan kaedah fertigasi biasanya daun lebih besar dan hijau serta tumbuhan lebih tinggi. Risiko penyakit kepada tumbuhan juga dapat dikurangkan kerana persekitaran fertigasi lebih bersih serta memudahkan pengawalan makhluk perosak berbanding pertanian kaedah konvensional. Tenaga kerja juga dapat dikurangkan kerana dalam kaedah fertigasi kerja-kerja penjirusan dan pembajaan tumbuhan digantikan dengan sistem pemasaan kawalan elektrik. Kelebihan yang dinyatakan menjadikan sistem ini popular dalam pertanian moden. Namun terdapat kelemahan dalam sistem fertigasi antaranya adalah kos permulaan juga besar seperti keperluan membeli peralatan untuk sistem penyiraman. Petani juga perlu menyediakan diri dengan pengetahuan teknikal, kemahiran campuran tanah, kemahiran elektrik bagi mengendali sistem pengoperasian automatik. Semasa proses penyuntikan nutrien ke dalam tumbuhan, juga terdapat risiko sistem tersumbat yang mengakibatkan kerosakan pam air dan pelbagai kerosakan peralatan. Sistem fertigasi juga sangat bergantung kepada sistem bekalan elektrik. Sekiranya bekalan elektrik terputus ia akan mengganggu kerja penyiraman tetapi tidaklah terlalu berbahaya sehingga membunuh tumbuhan sekiranya gangguan berlaku dalam tempoh yang lama berbanding dengan sistem aquaponik yang mengakibat kematian dan kegagalan sistem. Penggunaan nutrien secara berterusan akan mengakibatkan pencemaran tanah serta membunuh kandungan bakteria baik yang ada dalam tanah. Kerosakan tanah atau media tanaman akhirnya akan membawa kepada penyakit tanaman dan seterusnya merugikan petani.

Kaedah menggabungkan sistem aquaponik dan sistem fertigasi akan memberikan kebaikan serta mengatasi kelemahan daripada kedua-dua sistem aquaponik dan sistem fertigasi seperti yang dibincangkan sebelum ini. Kelebihan kaedah penggabungan ini adalah dapat meningkatkan kecekapan penggunaan nutrien. Nutrien daripada ikan yang dikitar semula untuk penggunaan sistem aquaponik dapat disalurkan terus secara tepat ke dalam sistem fertigasi secara suntikan drip terus ke akar pokok. Nutrien ini tidak dikembalikan semula. Masalah kekurangan air dalam sistem akan digantikan semula dengan air yang baru, secara tidak langsung mengurangkan kandungan pencemaran kepada ikan. Penggunaan najis ikan yang diproses secara semula jadi dapat mengurangkan kebergantungan kepada baja kimia yang digunakan dalam sistem fertigasi. Penggunaan air sisa ikan dalam sistem fertigasi pada jangka masa panjang akan mengurangkan risiko pencemaran tanah kerana air dari sisa ikan akan menggalakkan pertumbuhan bakteria baik berbanding kaedah fertigasi biasa yang bergantung kepada penggunaan baja kimia.

Secara tidak langsung, penggabungan sistem ini akan mengurangkan kos operasi sistem fertigasi. Dalam sistem aquaponik, kandungan nitrat adalah tinggi kerana sisa ikan diproses dalam sistem penapis menggunakan bakteria menukarkan ammonia NH3 kepada Nitrit NO2 dan seterusnya Nitrat NO3, baja kimia tidaklah dicampurkan 100 peratus dalam sistem, namun dalam sistem gabungan terdapat baja kimia yang dicampurkan secara terkawal bagi memastikan kesihatan ikan tidak terjejas dan dalam masa yang sama nutrien tambahan ini akan memastikan kedua-dua pokok sama ada dari sistem aquaponik dan fertigasi mendapat nutrien yang seimbang. Pencampuran baja kimia tidak berbahaya kepada ikan kerana kandungan kimia tadi akan dibuang sebahagiannya ke dalam sistem fertigasi. Penggabungan kedua-dua sistem ini juga memudahkan sistem pemantauan dan kawalan kerana sistem elektrik boleh dibina bersama dalam satu litar kawalan. Ini dapat menjimatkan kos permulaan berbanding membuat kedua-dua sistem secara berasingan. Kombinasi ini membolehkan pelbagai tumbuhan dapat ditanam di dalam satu-satu masa. Sebagai contoh tumbuhan akuatik seperti kangkung, selom, pudina, pegaga dipilih menggunakan sistem aquaponik, manakala tumbuhan yang memerlukan media tanah boleh ditanam menggunakan sistem fertigasi dalam satu-satu masa. Terdapat petani yang menggunakan air dari sistem aquaponik, menyalurkan air tersebut ke sistem untuk mengairi tanaman seperti bunga di halaman rumah. Sistem gabungan ini adalah terurus, mengurangkan risiko penyakit pada tanaman dan ikan menghasilkan ekosistem yang lebih organik. Sistem gabungan ini sangat mesra alam dan menjadikan sumber pemakanan organik. Menurut Ann Larkin Hansen (2010) makanan organik adalah kaya nutrien dan antioksidan, menjadikan ia makanan pilihan serta membantu aktiviti ekonomi setempat. Terdapat petani yang menggunakan air dari sistem aquaponik, menyalurkan air tersebut ke sistem untuk mengairi tanaman seperti bunga di halaman rumah.

2.0 RASIONAL DAN JUSTIFIKASI AMALAN BAIK

Objektif utama penggabungan aquaponik dan fertigasi adalah untuk :

i. Penggunaan nutrien yang cekap dan mengelakkan pembaziran
ii. Pengawalan yang lebih baik di mana hanya diwujudkan satu sistem kawalan
iii. Peningkatan hasil dan kepelbagaian jenis tanaman dapat diwujudkan
iv. Fleksibiliti dalam pertanian dengan membolehkan petani menjalan urusan-urusan lain dalam suatu masa.
v. Dapat mengurangkan tenaga kerja melalui sistem kawalan automatik

3.0 METODOLOGI DAN PERLAKSANAAN

Bagi memberi pendedahan kepada masyarakat berkaitan kebaikan amalan menggabungkan aquaponik dan fertigasi, Kolej Komuniti Rompin menganjurkan Kursus Aquaponik dan Fertigasi di bawah Progam Keusahawan Komuniti (PKK) 2022 anjuran Jabatan Pembelajaran Sepanjang Hayat (JPSH) dan Program Servis Kenderaan Ringan. Kursus ini dijalankan selama 9 minggu bermula pada 15 Oktober 2022. Di dalam program ini 6 kursus kemahiran diberikan kepada peserta melibatkan kursus :

3.1 PENYEDIAAN RANGKA RUMAH KEBUN, KOLAM DAN TANAMAN

Peserta dapat mempelajari dan mengaplikasikan teknik yang betul untuk kerja-kerja pengukuran, pemotongan dan penyambungan besi truss dan batten serta penggunaan alatan tangan yang betul dan sesuai. Di akhir kursus peserta telah berjaya menyiap dan menyediakan kerangka rumah kebun untuk penyediaan kolam, tanaman aquaponik dan fertigasi.

Rajah 1 : Gambar Peserta Membina Rumah Kebun Menggunakan Besi Truss Dan Baten



3.2 PENYEDIAAN KOLAM TERNAKAN DAN SISTEM PENAPIS AIR

Peserta telah diajar teknik penyediaan tangki utama untuk penternakan ikan, beberapa jenis sistem penapis dalam sistem aquaponik dan fertigasi iaitu tangki penapis radial, tangki penapis bio dan tangki simpanan. Proses penyediaan ini memerlukan peserta menebuk lubang pada tangki dan menyambung antara tangki menggunakan paip pvc berukuran 40mm mengikut susun atur yang betul. Di akhir kursus peserta telah berjaya menyiap dan menyediakan empat tangki yang berfungsi sebagai sistem penapis dalam sistem aquaponik dan fertigasi.

Rajah 2 : Gambar Peserta Menyediakan Susun Atur Kolam Ikan dan Tangki Penapis




3.3 PENYEDIAAN LITAR ELEKTRIK DAN MELARAS SISTEM PEMASAAN

Para peserta telah mempelajari teknik asas pendawaian litar elektrik. Peserta juga diajar untuk kerja-kerja pelarasan sistem pemasaan bagi projek tanaman aquaponik dan fertigasi. Dalam sistem kawalan terdapat dua pemasa (timer), satu pemasa digunakan untuk menjalankan pam air utama pada sistem aquaponik. Pam air utama ini adalah jenis tenggelam yang bekerja 24 jam sehari bagi memastikan air sentiasa berkitar di dalam sistem aquaponik. Pada satu ketika pam pemaksa (booster) dihidupkan sekitar 5-10 minit bagi menjalankan kerja-kerja penjirusan di dalam sistem fertigasi. Bagi mengelakkan sebarang masalah berlaku seperti kekurangan air dalam sistem, maka sistem pemasa perlu disesuaikan mengikut suasana operasi. Di akhir kursus para peserta berjaya menyiapkan panel kawalan setempat bagi sebuah rumah kebun yang lengkap untuk menjalankan sistem penggabungan aquaponik dan fertigasi

3.4 PENYEDIAAN SISTEM TANAMAN AQUAPONIK

Para peserta dapat mempelajari dan mengaplikasikan teknik menyediakan sistem tanaman aquaponik yang terdiri dari kotak tanaman (grow bed). Kotak tanaman ini terdiri dari salur air bumbung (gutter), pasu tanaman yang berisi hidroton. Kaedah penjirusan tanaman aquaponik pula menggunakan kaedah pasang surut air secara tarikan graviti, iaitu kaedah bell siphon bagi memastikan akar mendapat nutrien yang cukup serta pengudaraan yang baik. Proses ini penting bagi memastikan air berkitar semula dengan betul. Di akhir kursus peserta berjaya menyiapkan 4 kotak tanaman yang besar untuk tujuan penanaman pokok-pokok akuatik yang bersesuaian.

Rajah 3 : Gambar Peserta Menyediakan Kotak Tanaman Menggunakan Gutter yang Dilengkapi Sistem Pasang Surut



3.5 PENYEDIAAN SISTEM PENJIRUSAN FERTIGASI

Peserta dapat mempelajari cara campuran tanah yang betul sebelum tanah itu dimasukkan ke dalam polybag. Setelah polybag disiapkan, peserta akan menyusun polybag mengikut susunan yang betul dan seterusnya peserta mempelajari cara penyediaan sistem perpaipan bagi tujuan penjirusan secara automatik. Peserta telah mempelajari cara menebuk dan memasang sistem dripper dengan betul bagi mengelakkan sebarang kebocoran. Suatu pam jenis booster akan digunakan bagi memaksa air dari tangki simpanan melakukan penjirusan ke setiap polybag. Setiap polybag akan diisi dengan dripper dan uji lari dilakukan bagi memastikan pemasaan dilakukan dengan tepat.

3.6 PENGENDALIAN IKAN

Peserta mempelajari cara mengendalikan ikan dengan betul untuk mengurangkan risiko kematian ikan. Peserta juga mempelajari teknik pemasangan kelengkapan peralatan oksigen kepada ikan. Peserta juga mempelajari kaedah memeriksa pH air dan kualiti air. Di akhir kursus ini peserta telah berjaya menyiapkan keseluruhan sistem aquaponik dan fertigasi dengan jayanya.

Rajah 4 : Gambar Peserta Melepaskan Ikan Setelah Sistem Gabungan Akuaponik dan Fertigasi Disiapkan



4.0 PERANAN DALAM AMALAN BAIK

Peranan penulis dalam menjayakan program penggabungan aquaponik dan fertigasi adalah sebagai pengajar dan fasilitator kepada para peserta. Disebabkan latar belakang penulis adalah dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal dan bukannya bidang pertanian dan penternakan, maka penulis banyak mempelajari teknik-teknik aquaponik dan fertigasi dari buku-buku berkaitan serta mempelajari dari laman media sosial seperti Youtube. Bagi meningkatkan kefahaman dan keyakinan untuk mengadakan pengajaran kepada orang ramai, penulis mencuba sendiri kaedah penggabungan aquaponik dan fertigasi di rumah penulis. Elemen pengalaman banyak membantu penulis merealisasikan amalan ini.

Rajah 5 : Gambar Sistem Aquaponik dan Fertigasi yang Diambil di Rumah Penulis



5.0 KESIMPULAN

Secara amnya amalan baik penggabungan aquaponik dan fertigasi dapat direalisasikan kepada penduduk sekitar daerah Rompin melalui pelaksanaan Program Keusahawan Komuniti (PKK). Selepas tamat 6 minggu kursus kemahiran, rumah kebun yang terdiri dari sistem aquaponik dan sistem fertigasi dapat didirikan. Peserta telah diberi pendedahan secara teori dan seterusnya menjalankan amali dan berjaya membina sistem gabungan aquaponik dan fertigasi.

6.0 RUJUKAN

Rebecca L. Nelson, 2011, "Aquaponic Gardening: A Step-By-Step Guide to Growing Fish and Vegetables Together." Publisher New Society Publishers Publication

Dr. Mohd. Azhar Mohd. Shafie, 2013, "Sistem Fertigasi: Panduan Praktikal" , Penerbit UPM (Universiti Putra Malaysia). Ann Larkin Hansen, 2010 "Organic Farming: Everything You Need to Know" , Storey Publishing, LLC

KEPELBAGAIAN RAKAN KOLABORASI MENYOKONG KERJASAMA SINERGI DALAM PELAKSANAAN PROGRAM PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT DI KOLEJ KOMUNITI ROMPIN

Nor Fadzilah binti Yaacob
Kolej Komuniti Rompin
nor.fadzilah.yaacob@kkrompin.edu.my

Nor Hasikin binti Abu Bakar
Kolej Komuniti Rompin
hasikin@kkrompin.edu.my

ABSTRAK

Kolej Komuniti tidak asing lagi di kalangan komuniti setempat. Selain menawarkan program sepenuh masa, Kolej Komuniti turut menawarkan pelbagai program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) kepada komuniti setempat. Program PSH terdiri daripada dua (2) kategori iaitu kursus kemahiran jangka pendek dan PSH Bermodul atau PSH Bermodul Kredit. Kursus kemahiran jangka pendek ditawarkan kepada komuniti secara fleksibel dan mudah alih meliputi 22 kluster kursus. Antaranya katering dan sajian, jahitan dan pakaian, perniagaan dan keusahawanan, hospitaliti dan pelancongan, elektrik dan elektronik, automotif dan lain-lain. Peserta PSH terbuka kepada semua warganegara Malaysia terdiri daripada komuniti kumpulan fokus iaitu belia, golongan B40, warga emas, ibu tunggal, orang kurang upaya dan orang asli. Bilangan penyertaan dalam program PSH berada dalam penyataan Key Performance Indicator (KPI) Ke-18 Tahun 2024 (kamus KPI POLYCC 2024). Justeru itu, bagi mencapai KPI ini pelbagai inisiatif telah dilaksanakan antaranya menjalin kerjasama strategik berimpak tinggi dengan agensi awam dan agensi swasta, industri, badan profesional, kelab dan persatuan komuniti. Bagi mengukuhkan lagi kerjasama strategik ini, Kolej Komuniti Rompin (KKRP) mengambil inisiatif menandatangani Sijil Kolaborasi Strategik bagi memastikan kerjasama berterusan dengan memberi lebih banyak manfaat kepada komuniti setempat khususnya. Sebanyak 45 kursus telah dilaksanakan secara berkolaborasi dengan agensi dan industri. Ini membuktikan jalinan kolaborasi sangat membantu dalam pelaksanaan program PSH di KKRP.

Kata kunci: kolaborasi, pembelajaran sepanjang hayat, kerjasama

1.0 PENGENALAN

Matlamat utama penubuhan kolej komuniti di Malaysia adalah untuk memperkasakan pembelajaran sepanjang hayat (PSH) di kalangan komuniti setempat. Objektif strategik program PSH yang dilaksanakan di kolej komuniti seluruh Malaysia adalah untuk melahirkan komuniti berkemahiran. Penyertaan peserta PSH juga terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang terdiri daripada enam (6) kumpulan fokus iaitu belia, golongan B40, warga emas, ibu tunggal, orang kurang upaya (OKU) dan orang asli. Menurut kamus KPI POLYCC 2024, KPI ke-18, bilangan penyertaan dalam program PSH kolej komuniti adalah dengan mengambil kira empat (4) elemen utama iaitu peserta program keusahawanan PSH kolej komuniti yang berjaya menjana pendapatan, program PSH bercirikan teknologi digital, program PSH yang dijalankan secara berkolaborasi dengan pihak luar dan penyertaan dalam program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH).

Bagi menyokong elemen program PSH yang dijalankan secara berkolaborasi dengan pihak luar, jalinan kerjasama dan kolaborasi telah dilaksanakan di KKRP dengan pelbagai industri, komuniti, agensi awam, agensi swasta, kelab dan persatuan. Kerjasama sinergi merujuk kepada gandingan atau kerjasama antara organisasi atau individu yang memberikan hasil yang lebih baik berbanding pendekatan tanpa kerjasama.

Pada tahun 2022, rakan kolaborasi strategik bagi Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat KKRP adalah Cutz & CO Barbershop yang telah melaksanakan tujuh (7) siri kursus asas gunting rambut lelaki. Kursus latihan kemahiran ini diberikan secara percuma kepada peserta terpilih bagi meningkatkan kemahiran dan menjana pendapatan mereka. Tidak ketinggalan kolaborasi strategik terjalin dengan Maahad Tahfiz Al-Quran Al- Ahmadi dan Madrasatul Quran Darul Mukhlasin di mana pendedahan awal TVET diberikan kepada pelajar tahfiz.

Pada tahun 2023, kolaborasi strategik terjalin dengan agensi dan industri yang banyak menyumbang kepada penyertaan peserta dalam program PSH. Antaranya ialah Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Pusat Komuniti Desa (PKD) Janglau, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Masjid Tengku Ampuan Afzan Bandar Satelit, Hayatul Syahid Enterprise dan Asha Wedding Studio. Jaringan kerjasama antara agensi dan industri ini memberi impak yang besar dalam penyertaan komuniti dalam pelbagai kursus kemahiran jangka pendek di KKRP dan kerjasama ini diteruskan pada tahun 2024.

2.0 RASIONAL DAN JUSTIFIKASI AMALAN BAIK

Justifikasi amalan baik kerjasama sinergi ini dapat memberi manfaat kepada tiga (3) perkara iaitu:

2.1 PENCAPAIAN KPI BILANGAN PENYERTAAN PROGRAM PSH TAHUNAN

Bilangan penyertaan program PSH pada tahun semasa berada dalam penyataan Key Performance Indicator (KPI) KE-18 tahun 2024 dalam kamus KPI POLYCC 2024. Justeru itu, bagi mencapai KPI ini, pelbagai inisiatif diambil bagi memastikan KPI bilangan penyertaan program PSH tercapai dengan baik setiap tahun. Antara inisiatif yang berkesan adalah pelaksanaan program PSH yang dijalankan secara berkolaborasi dengan agensi, industri dan komuniti. Pendekatan strategi melalui jaringan kerjasama ini menyumbang kepada penyertaan komuniti dalam jumlah yang ramai bagi setiap kursus yang dianjurkan. Pada tahun 2023, sasaran KPI adalah 2733 peserta namun KKRP berjaya mencapai sasaran peserta yang ditetapkan melebihi sasaran iaitu 3311 jumlah penyertaan. Bagi tahun 2024, sasaran KPI yang ditetapkan adalah 2796 penyertaan dan pencapaian tahun ini juga melebihi sasaran iaitu lebih 3100 penyertaan.

Ini membuktikan jaringan kerjasama yang baik dengan rakan kolaborasi sangat membantu pencapaian KPI bilangan penyertaan program PSH di institusi selain menyokong elemen program PSH yang dijalankan secara berkolaborasi dengan pihak luar.

Jadual 1: Pelaksanaan PSH secara Berkolaborasi dengan Pihak Luar

Tahun	Bilangan Kursus	Bilangan Penyertaan
Tahun 2023	37	804
Tahun 2024	40	1163

2.2 JARINGAN KERJASAMA BERTERUSAN

Kolaborasi strategik yang terjalin antara KKRP dengan industri, agensi dan komuniti sentiasa berterusan pada setiap tahun. Antaranya jaringan kerjasama dengan Pusat Intelek Pelajar Orang Asli (PIPOA) melalui JAKOA dalam program TVET@PIPOA. Penyertaan program adalah orang asli bagi memenuhi kumpulan fokus dalam kategori Orang Asli. Jaringan kerjasama antara PIPOA dengan Kolej Komuniti Rompin dilihat dalam pelaksanaan kursus pendek pada tahun 2022, 2023 dan diteruskan pada tahun 2024.

Sebanyak 16 kursus telah dilaksanakan pada tahun 2022 dengan penyertaan sebanyak 722 peserta dan sebanyak 7 kursus telah dilaksanakan dengan penyertaan sebanyak 190 pelajar PIPOA bagi tahun 2023. Bilangan penyertaan terus meningkat kepada 342 penyertaan dengan pelaksanaan 9 siri kursus kemahiran jangka pendek pada tahun 2024.

Jadual 2: Pelaksanaan Kursus Bersama PIPOA

Tahun	Bilangan Kursus	Bilangan Penyertaan
Tahun 2022	16	722
Tahun 2023	7	190
Tahun 2024	9	342
Jumlah	**32**	**1254**

Tidak ketinggalan jaringan kerjasama dengan Masjid Tengku Ampuan Afzan Bandar Satelit, Muadzam Shah dalam pelaksanaan kursus kemahiran jangka pendek kepada komuniti Muadzam Shah khususnya di mana yuran penyertaan peserta 70% ditaja oleh pihak pengurusan masjid. Program Cakna Komuniti TVET@Masjid telah dilaksanakan bermula tahun 2023 dan diteruskan pada tahun 2024.

Jadual 3: Pelaksanaan Kursus Bersama Masjid Tengku Ampuan Afzan Bandar Satelit

Tahun	Bilangan Kursus	Bilangan Penyertaan
Tahun 2023	8	174
Tahun 2024	4	82
Jumlah	**12**	**256**

Amanah Ikhtiar Malaysia telah berkolaborasi dengan KKRP dalam menjayakan 8 siri pelaksanaan kursus kemahiran jangka pendek bermula tahun 2023 dan diteruskan pada tahun 2024 khusus kepada sahabat AIM. Yuran penyertaan peserta ditaja 100% oleh AIM Daerah Rompin. Pelbagai kursus telah disusun dan dilaksanakan dalam pelbagai kluster dan bidang berdasarkan atas permintaan pihak AIM dengan menyumbang penyertaan sebanyak 145 peserta pada tahun 2023 dan 100 penyertaan pada tahun 2024.

Jadual 4: Pelaksanaan Kursus Bersama Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)

Tahun	Bilangan Kursus	Bilangan Penyertaan
Tahun 2023	6	145
Tahun 2024	2	100
Jumlah	**8**	**245**


2.3 MENANDATANGANI SIJIL KOLABORASI STRATEGIK

Jaringan kerjasama melalui beberapa siri pelaksanaan kursus kemahiran jangka pendek diakhiri dengan majlis menandatangani Sijil Kolaborasi Strategik (COC) dengan agensi dan industri yang telah diiktiraf oleh KKRP. Tujuannya adalah untuk mengikat kerjasama berterusan dalam menjayakan pelbagai perkongsian kepakaran, perundingan latihan dan kemahiran bersama komuniti melalui program PSH. Majlis menandatangani COC bagi tahun 2023 telah diadakan pada 14 Oktober 2023 sempena majlis perasmian penutupan Program PSH Komuniti Madani Peringkat Kebangsaan. Majlis tersebut disempurnakan oleh YBhg Dato' Sri Hasan Bin Arifin, Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Kolej Komuniti Rompin. Sebanyak empat (4) sijil Kolaborasi Strategik telah termeterai bersama dengan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) Daerah Rompin, Pusat Komuniti Desa (PKD) Janglau, Hayatul Syahid Enterprise dan Asha Wedding Studio. Dengan termeterainya COC ini dapat mengikat kerjasama berterusan dengan KKRP.

3.0 METODOLOGI DAN PELAKSANAAN

Pencapaian peserta kursus PSH pada tahun 2023 dan 2024 di KKRP banyak dibantu oleh jaringan kerjasama strategik dengan agensi dan industri. Jalinan kerjasama dengan rakan kolaborasi memudahkan penyediaan kursus untuk kumpulan peserta yang ramai. Berikut adalah metodologi dan strategik pelaksanaan kolaborasi yang telah diaplikasikan oleh KKRP.

Rajah 1: Metodologi dan pelaksanaan



4.0 PERANAN DALAM AMALAN BAIK

Peranan dalam amalan baik ini memfokuskan kepada dua (2) peranan iaitu:

4.1 Pemudah Cara dalam Pelaksanaan Kursus

Pengendalian bagi sesebuah kursus kemahiran jangka pendek memerlukan komitmen yang tinggi bagi pelaksanaan sebelum, semasa dan selepas kursus. Pihak agensi boleh menjimatkan masa dan tenaga mereka dalam menguruskan sesuatu kursus kerana tugas mengurus telah diambil alih peranan oleh KKRP dari segi penyediaan tenaga pengajar, tempat kursus, bahan kursus, makan minum semasa kursus serta penyediaan sijil penyertaan kepada peserta. Unit PSH Kolej Komuniti banyak membantu bagi memastikan setiap kursus yang dirancang berjalan sempurna dengan menjadi pemudah cara kepada pihak agensi dalam menjayakan pelbagai kursus kemahiran jangka pendek.

4.2 Pusat Latihan Program PSH

Sesuai dengan peranan kolej komuniti menjadi hub pembelajaran sepanjang hayat, KKRP tidak ketinggalan dengan penyediaan pelbagai kemudahan fasiliti bagi keselesaan peserta berkursus seperti dewan seminar, bilik seminar 1 dan 2 yang selesa dan berhawa dingin. Bagi kursus yang memerlukan komputer, makmal komputer disediakan dengan jumlah komputer yang mencukupi, berhawa dingin, jaringan internet yang sangat baik. Bilik jahitan juga disediakan bagi kursus kemahiran jangka pendek dalam kluster jahitan dan pakaian. Bagi kursus teknikal, bengkel automotif, bengkel penyamanan udara dan bengkel elektrik sedia digunakan bagi kursus dalam kluster elektrik dan elektronik, kenderaan dan automotif serta kluster bangunan. Bengkel kulinari juga sedia digunakan bagi kursus kemahiran kluster katering dan sajian. Dengan segala kemudahan yang ada dapat menyempurnakan pelaksanaan pelbagai kursus PSH di KKRP.

5.0 IMPAK

Secara keseluruhannya, hasil kolaborasi strategik bersama kepelbagaian rakan kolaborasi memberi banyak kelebihan dalam meningkatkan penyertaan kursus kemahiran jangka pendek dan memberi impak positif seperti berikut:

5.1 Mempromosikan Institusi Sebagai Hub Pembelajaran Sepanjang Hayat Kolaborasi strategik yang terjalin memberi impak positif kepada institusi sebagai hub pembelajaran sepanjang hayat dan secara tidak langsung mempromosikan nama KKRP di kalangan agensi dan komuniti setempat yang mana KKRP telah sinonim dengan penganjuran kursus kemahiran jangka pendek pelbagai kluster dengan kadar yuran penyertaan yang rendah dan sangat berpatutan.

5.2 Melahirkan Komuniti Berkemahiran

Objektif strategik program PSH adalah melahirkan komuniti berkemahiran. Melalui program PSH, semua peserta kursus akan memperoleh pengetahuan teori dan praktikal yang sesuai dengan matlamat negara untuk mewujudkan komuniti yang berpengetahuan tinggi.

5.3 Meningkatkan Taraf Ekonomi Komuniti

Kursus kemahiran jangka pendek dalam kluster perniagaan dan keusahawanan seperti Tiktok for Business, Jom Berniaga di Shopee, Fotografi Produk antara kursus yang mendapat sambutan hangat di KKRP. Peserta yang menyertai kursus ini terdiri daripada usahawan dan peniaga yang ingin mendalami ilmu pemasaran seiring dengan teknologi terkini. Peserta kursus yang mengaplikasikan ilmu yang diperolehi daripada kursus dapat membantu mereka meningkatkan hasil jualan dan menjana pendapatan isi rumah.

6.0 RUJUKAN

Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti. (2023). Kamus KPI JPPKK 2023 Versi 2.0.

Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti. (2017). Garis Panduan Pelaksanaan Program PSH di Kolej Komuniti (2017)

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025

7.0 LAMPIRAN



KKROMPIN/002/2023

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

KOLEJ KOMUNITI ROMPIN

KOLABORASI STRATEGIK

KOLEJ KOMUNITI ROMPIN
DAN
ASHA WEDDING STUDIO

Dengan ini kedua-dua pihak akan mengadakan kolaborasi dalam menjayakan aktiviti berikut:

KOLEJ KOMUNITI ROMPIN

- Perkongsian teknologi dan kemahiran kepada kakitangan Asha Wedding Studio melalui pelbagai aktiviti di Kolej Komuniti Rompin.
- Perkongsian kepakaran dan perundingan latihan.
- Menyediakan kursus pendek atau program berkonsepkan ilmiah, motivasi serta kemahiran kepada kakitangan Asha Wedding Studio.

ASHA WEDDING STUDIO

- Perkongsian kepakaran dan bimbingan dalam teknik solekan kepada komuniti setempat dan pelajar Kolej Komuniti Rompin.
- Perkongsian kemudahan dan peralatan terkini yang bersesuaian pada masa kini.
- Mencungkil bakat peserta daripada kursus yang dilaksanakan.

Ditandatangani bagi pihak:

KOLEJ KOMUNITI ROMPIN

AHMAD MUZAFFAR BIN ABDUL AZIZ
PENGARAH
Kolej Komuniti Rompin
Kementerian Pendidikan Tinggi

Tarikh : 14 Oktober 2023

ASHA WEDDING STUDIO

HAMIZAH BINTI BAKAR
PEMILIK SYARIKAT
ASHA WEDDING STUDIO



KKROMPIN/001/2023

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

KOLEJ KOMUNITI ROMPIN

KOLABORASI STRATEGIK

KOLEJ KOMUNITI ROMPIN
DAN
AMANAH IKHTIAR MALAYSIA (AIM)
CAWANGAN ROMPIN

Dengan ini kedua-dua pihak akan mengadakan kolaborasi dalam menjayakan aktiviti berikut:

KOLEJ KOMUNITI ROMPIN

- Perkongsian teknologi dan kemahiran kepada Sahabat Usahawan AIM melalui pelbagai aktiviti di Kolej Komuniti Rompin.
- Perkongsian kepakaran dan perundingan latihan.
- Menyediakan kursus pendek atau program berkonsepkan ilmiah, motivasi serta kemahiran kepada Sahabat Usahawan AIM.

AMANAH IKHTIAR MALAYSIA (AIM)
CAWANGAN ROMPIN

- Perkongsian kepakaran dan bimbingan dalam teknik perniagaan kepada komuniti setempat dan pelajar Kolej Komuniti Rompin.
- Perkongsian kemudahan dan peralatan terkini yang bersesuaian pada masa kini.
- Memberi peluang kepada warga Kolej Komuniti Rompin untuk mengadakan aktiviti promosi.

Ditandatangani bagi pihak:

KOLEJ KOMUNITI ROMPIN

AHMAD MUZAFFAR BIN ABDUL AZIZ
PENGARAH
Kolej Komuniti Rompin
Kementerian Pendidikan Tinggi

AMANAH IKHTIAR MALAYSIA
CAWANGAN ROMPIN

RAJA NOOR JIHAN BINTI RAJA ABDULLAH
PENGURUS CAWANGAN
AMANAH IKHTIAR MALAYSIA (AIM)
CAWANGAN ROMPIN

Tarikh : 14 Oktober 2023



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

KOLEJ KOMUNITI ROMPIN

KOLABORASI STRATEGIK

KOLEJ KOMUNITI ROMPIN
DAN
HAYATUL SYAHID ENTERPRISE

Dengan ini kedua-dua pihak akan mengadakan kolaborasi dalam menjayakan aktiviti berikut:

KOLEJ KOMUNITI ROMPIN

- Perkongsian teknologi dan kemahiran kepada kakitangan Hayatul Syahid Enterprise melalui pelbagai aktiviti di Kolej Komuniti Rompin.
- Perkongsian kepakaran dan perundingan latihan.
- Menyediakan kursus pendek atau program berkonsepkan ilmiah, motivasi serta kemahiran kepada kakitangan Hayatul Syahid Enterprise.

HAYATUL SYAHID ENTERPRISE

- Perkongsian kepakaran dan bimbingan dalam teknik jahitan kepada komuniti setempat dan pelajar Kolej Komuniti Rompin.
- Perkongsian kemudahan dan peralatan terkini yang bersesuaian pada masa kini.
- Mencungkil bakat peserta daripada kursus yang dilaksanakan.

Ditandatangani bagi pihak:

KOLEJ KOMUNITI ROMPIN	HAYATUL SYAHID ENTERPRISE
AHMAD MUZAFFAR BIN ABDUL AZIZ PENGARAH Kolej Komuniti Rompin Kementerian Pendidikan Tinggi	NOOR SYAHIDA NADIA BINTI MOHAMED MOKHTAR PEMILIK SYARIKAT HAYATUL SYAHID ENTERPRISE

Tarikh : 14 Oktober 2023



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

KOLEJ KOMUNITI ROMPIN

KOLABORASI STRATEGIK

KOLEJ KOMUNITI ROMPIN
DAN
PUSAT KOMUNITI DESA (PKD) JANGLAU

Dengan ini kedua-dua pihak akan mengadakan kolaborasi dalam menjayakan aktiviti berikut:

KOLEJ KOMUNITI ROMPIN

- Perkongsian teknologi dan kemahiran kepada kakitangan PKD Janglau melalui pelbagai aktiviti di Kolej Komuniti Rompin.
- Perkongsian kepakaran dan perundingan latihan.
- Menyediakan kursus pendek atau program berkonsepkan ilmiah, motivasi serta kemahiran kepada kakitangan PKD Janglau.

PUSAT KOMUNITI DESA (PKD) JANGLAU

- Perkongsian kepakaran dan bimbingan dalam teknik perniagaan kepada komuniti setempat dan pelajar Kolej Komuniti Rompin.
- Perkongsian kemudahan dan peralatan terkini yang bersesuaian pada masa kini.
- Memberi peluang kepada warga Kolej Komuniti Rompin untuk mengadakan aktiviti promosi.

Ditandatangani bagi pihak:

KOLEJ KOMUNITI ROMPIN	PUSAT KOMUNITI DESA (PKD) JANGLAU
AHMAD MUZAFFAR BIN ABDUL AZIZ PENGARAH Kolej Komuniti Rompin Kementerian Pendidikan Tinggi	NURUL IZZATUL IMAN BINTI KAMARRUDIN PENGURUS PUSAT PUSAT KOMUNITI DESA (PKD) JANGLAU

Tarikh : 14 Oktober 2023

Lampiran 1: Sijil Kolaborasi Strategik bagi Tahun 2023



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

KOLEJ KOMUNITI ROMPIN

KOLABORASI STRATEGIK

KOLEJ KOMUNITI ROMPIN
DAN
MASJID AL- HIDAYAH, DESA SELESA PEREPAT

Dengan ini kedua-dua pihak akan mengadakan kolaborasi dalam menjayakan aktiviti berikut:

KOLEJ KOMUNITI ROMPIN

- Perkongsian teknologi dan kemahiran kepada kakitangan Masjid Al- Hidayah melalui pelbagai aktiviti di Kolej Komuniti Rompin.
- Perkongsian kemudahan dan peralatan yang bersesuaian di Kolej Komuniti Rompin.
- Menyediakan kursus pendek atau program berkonsepkan ilmiah, motivasi serta kemahiran kepada kakitangan kakitangan Masjid Al- Hidayah .

MASJID AL- HIDAYAH

- Perkongsian ilmu keagamaan dan kerohanian kepada para kakitangan dan pelajar Kolej Komuniti Rompin.
- Memberi peluang kepada warga Kolej Komuniti Rompin untuk mengadakan aktiviti promosi.

Ditandatangani bagi pihak:

KOLEJ KOMUNITI ROMPIN	MASJID AL- HIDAYAH
AHMAD MUZAFFAR BIN ABDUL AZIZ PENGARAH Kolej Komuniti Rompin Kementerian Pengajian Tinggi	H.J. AB LATIFF BIN HJ MUSA IMAM Masjid Al- Hidayah Desa Selesa Perepat

Tarikh : 25 November 2022



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

KOLEJ KOMUNITI ROMPIN

KOLABORASI STRATEGIK

KOLEJ KOMUNITI ROMPIN
DAN
MADRASATUL QURAN DARUL MUKHLASIN

Dengan ini kedua-dua pihak akan mengadakan kolaborasi dalam menjayakan aktiviti berikut:

KOLEJ KOMUNITI ROMPIN

- Menyediakan peluang kepada pelajar sekolah untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang kemahiran TVET secara sepenuh masa.
- Perkongsian teknologi dan kemahiran kepada pelajar sekolah melalui pelbagai aktiviti di Kolej Komuniti Rompin.
- Perkongsian kemudahan dan peralatan yang bersesuaian di Kolej Komuniti Rompin.
- Menyediakan kursus pendek atau program berkonsepkan ilmiah, motivasi serta kemahiran kepada pelajar dan kakitangan sekolah.

MADRASATUL QURAN DARUL MUKHLASIN

- Mengesan dan memberi laluan pendedahan awal kepada pelajar sekolah yang cenderung ke arah kemahiran TVET.
- Perkongsian kepakaran guru dan kakitangan sekolah dalam bidang akademik dan kokurikulum.
- Perkongsian kemudahan dan peralatan yang bersesuaian di Madrasatul Quran Darul Mukhlasin
- Memberi peluang dan ruang seluasnya kepada pihak kolej untuk tujuan promosi.

Ditandatangani bagi pihak:

KOLEJ KOMUNITI ROMPIN	MADRASATUL QURAN DARUL MUKHLASIN
AHMAD MUZAFFAR BIN ABDUL AZIZ PENGARAH Kolej Komuniti Rompin Kementerian Pengajian Tinggi	SYAMIRUL IDRAN BIN MOHAMAD PENGETUA Madrasatul Quran Darul Mukhlasin

Tarikh : 23 Julai 2022



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

KOLEJ KOMUNITI ROMPIN

KOLABORASI STRATEGIK

KOLEJ KOMUNITI ROMPIN
DAN
CUTZ & CO BARBERSHOP

Dengan ini kedua-dua pihak akan mengadakan kolaborasi dalam menjayakan aktiviti berikut:

KOLEJ KOMUNITI ROMPIN

- Perkongsian teknologi dan kemahiran kepada kakitangan Cutz & Co Barbershop melalui pelbagai aktiviti di Kolej Komuniti Rompin.
- Perkongsian kemudahan dan peralatan yang bersesuaian di Kolej Komuniti Rompin.
- Menyediakan kursus pendek atau program berkonsepkan ilmiah, motivasi serta kemahiran kepada kakitangan Cutz & Co Barbershop.

CUTZ & CO BARBERSHOP

- Perkongsian kepakaran dan bimbingan dalam teknik gunting kepada komuniti setempat dan pelajar Kolej Komuniti Rompin.
- Perkongsian kemudahan dan peralatan terkini yang bersesuaian pada masa kini.
- Mencungkil bakat peserta daripada kursus yang dilaksanakan.

Ditandatangani bagi pihak:

KOLEJ KOMUNITI ROMPIN

AHMAD MUZAFFAR BIN ABDUL AZIZ
PENGARAH
Kolej Komuniti Rompin
Kementerian Pengajian Tinggi

CUTZ & CO BARBERSHOP

MUHAMMAD IZWAN BIN APANDI
PENGURUS
Cutz & Co Barbershop

Tarikh : 25 November 2022



Sijil Penghargaan

Dengan ini merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada

KOLEJ KOMUNITI ROMPIN PAHANG

atas kerjasama bagi menjayakan

Kursus Peningkatan Kemahiran (TVET) Jangka Pendek Pelajar Pusat Intelek Pelajar Orang Asli (PIPOA)

bertempat di

Pusat Intelek Pelajar Orang Asli (PIPOA) Rompin Pahang

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih atas kerjasama yang diberikan sepanjang tempoh pelaksanaan.

HAJAH SAPIAH BINTI DATO' MOHD NOR
Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Malaysia

Lampiran 2: Sijil Kolaborasi Strategik bagi Tahun 2022













Lampiran 3: Majlis Menandatangani Sijil Kolaborasi Strategik bersama Rakan Kolaborasi Sempena Program PSH Komuniti Madani Peringkat Kebangsaan

PENULISAN KERTAS KAJIAN

THE EFFECTIVENESS OF THE MALAYSIA CIVIL DEFENCE FORCE (APM) ONLINE BASIC TRAINING ON STUDENTS OF COMMUNITY COLLEGES

Azhani Hasibah Ab Karim
Kolej Komuniti Raub
azhanihasibahabkarim@gmail.com

Nurina Pillin Sibat
Kolej Komuniti Cawangan Sibu
nurina5712@gmail.com

ABSTRACT
The Malaysia Civil Defense Force (APM) Online Basic Training was implemented in March 2022, organized by Raub Community College. The training involved 43 participants, including students and staff from Raub Community College, Sibu Branch Community College, Kuantan Community College, Jerantut Community College, and Bentong Community College. The online course utilized Google Meet, transitioning from traditional face-to-face training that included practical and theoretical components before the COVID-19 pandemic. Most participants accessed the training via mobile phones and computers, and engaged in question-and-answer sessions throughout the training. This study aims to assess the effectiveness of basic training using data collected through distribution of questionnaires during the Google Meet session in the chat session. The data collected was analyzed using a Likert scale descriptive statistical method. Overall, participants provided positive feedback regarding their reactions, knowledge, skills, attitudes, and suggestions for improvement. The findings indicated that participants managed to engage in the training in a comfortable atmosphere, adapt flexibly according to their abilities, and communicate effectively throughout the training. Consequently, while the online training was well received, sustaining participant engagement necessitates more proactive planning.

Keywords: Malaysia Civil Defense Force (APM), Online Basic Training, Effectiveness

1.0 INTRODUCTION

Since the outbreak of the COVID-19 pandemic, teaching activities, training, workshops, and courses have transitioned to an online approach. The widely utilized online platforms are Google Meet, Webex, and Microsoft Teams. Individuals of all ages become proficient in these tools to stay updated on the latest information related to the pandemic, current issues, and safety measures provided during the pandemic. The online instruments are widely utilized to ensure individuals do not- miss out on the latest information and remain the only ones allowed to be used throughout the Movement Control Order (MCO) period. Through this online instrument, teaching and learning activities are still running as before the pandemic and recorded good effectiveness for the participants. This online training was also well received by every participant. Each participant also attends the course in a comfortable state according to their ability while using the online instrument. The difficulty of maintaining participants for a prolonged duration in an online class requires thoughtful planning, creativity, and a focus on creating interactive and dynamic learning for the trainer throughout the training.

Thus, the first objective is to evaluate students' learning outcome upon completion of the APM online basic training. This tallies with details presented by other writers who stress more evaluation of educational programs as way of finding how far they impact on knowledge enhancement. For example, a quasi-experience study established that internet training can enhance learning performance, which is rather apparent from an added mean score difference before and after training among the undergraduate students (Aziz et al., 2021). Furthermore, the practicing effectiveness of online training in different settings has been stressed and it was outlined that structured online program can result in positive educational literacy (Makarova, 2021).

The second objective of this study is to assess students' engagement during the online training sessions. Interaction plays an important role in learning processes, and research has suggested that performance in training correlates with satisfaction in training (Memon et al., 2016). Understanding if and how the APM online training engages the students in community college can give a pointer on how APM training workshop is designed and delivered. In addition, there exists a positive correlation between training satisfaction and engagement as found in different training environments and hence there is need to examine such dynamics within the context if the APM training framework (Memon et al., 2016).

The third objective of this study is to assess the acquired skill in terms of the students' practical skills and preparedness for utilization of the content to be taught. Transfer of training is a very important issues in any form of education because it is an indicator of how students can be able to apply what they have learnt in real life situations. Some of the empirical evidence suggests that support for learning culture as well as realistic training model positively impacts the training transfer, thus creating positive organizational citizenship behaviour (Nazli & Khairudin, 2018). This objective would enable the examination of how prepared the students are by the APM training in terms of how to handle civil defense scenarios and the like.

Finally, it is to examine the students' perception of the effectiveness and satisfaction level of the online training program. This would be useful in its feedback value for modifying the training program whilst having insights into what students perceive about training. Although the mentioned particular study to compare perceived stress level, and perceived training effectiveness is not relevant to the APM training context, it emphasizes proactivity of perceived training effectiveness in educational domains (Marzban et al., 2022). Another vital aspect that we can use to assess effectiveness is students' feedback on the online training; this will assist APM as well as other CC improve on the training as a way of improving on the training offered in the future.

Thus, the specific objectives of the study on the effectiveness of the APM online basic training for the community college students are to determine the extent to which learning outcomes have been achieved, to understand the level of student engagement, to confirm or question the transfer of training, and to identify the perceived effectiveness and levels of satisfaction. These objectives have based on the theoretical review that revealed that such factors are essential in educational training programs.

2.0 STATEMENT OF PROBLEM

The problem lies in maintaining the presence of participants in online classes, keeping them focused on following exercises, and encouraging them actively to interact. The portal must be well organized, easy to navigate, and personalized to the learner (McCrea, Gay, and Bacon, 2000). A solution is to periodically always to check the attendance of the participants, whether in the morning, or evening of every day of the training, and the coach makes alternate theory and practical sessions so that the participants have physical movement and are not too tired of the activities carried out, especially the training in the evening, as well as active interaction such as question and answer sessions between coaches and participants. It is referred from one of the many envisioned affordances in learning analytics is knowledge domain modelling. This technique can map student knowledge onto the curriculum and personalize learning paths accordingly (Siemens, 2013). However, frequent disruptions of connectivity during online training are a tough challenge. Some participants might exit the session, some remain for a short period, turn off the video during the training, and some consistently remain off the camera throughout the training.

The effectiveness of online training involving theory and practice was identified through a questionnaire distributed to all participants. There is an expectation that hands-on training is ineffective when conducted online. However, there is a discrepancy with this expectation because the participants can still follow the practical training that is carried out and engage in practical activities once the training concludes. Online training shows high effectiveness through questionnaires answered by training participants and it is very good to continue its use with improvements in terms of maintaining participant attendance, participants remain active in class and can interact well throughout the training.

3.0 OBJECTIVES/RESEARCH QUESTIONS

3.1 How does the online basic training provided by the APM influence student performance and engagement levels?

3.2 What challenges do community college students face while participating in the APM online basic training, and how do these challenges affect their learning outcomes?

3.3 What are the student's perception regarding the effectiveness of the APM online training?

4.0 LITERATURE REVIEW
THEORY/CONCEPTUAL/MODEL

On-the-job training is a critical factor in improving the strength of human resources, especially in shaping optimistic work performance. Good and creative training management will affect the quantity of participation and the level of satisfaction from the participants. However, online training management in most organizations is generally still at a low level in the face of the difficult situation of the COVID-19 pandemic (Lamsah, M. S., Che Rose, R. A., and Baker, R. (2021). But when the world is hit by the COVID pandemic-19, the main choice in the implementation of training is online to convey knowledge either theoretically or practically.

In addition, the industry 4.0 revolution also plays a role in the implementation of online training. Online training also classified as an all-encompassing term that refers to all training done with a computer over a network, including a company's intranet, the company's local area network, and the internet (Gotschall, 2000).

This can be seen from the statement that says the Educational Approach that is implemented focuses on the objective of expanding the scope of careers through a flipped, online, collaborative, and cooperative teaching approach, open and across the curriculum, as well as holistic assessment that aims to produce graduates who are sensitive to the environment, socially intelligent, smart thinking, cross-cultural skills, literate to new media, open-minded, and able to manage knowledge and virtual collaboration (Syed Chear, S. L., & Md Yunus, M. (2019). As can be seen here, the implementation of training online is implemented in various strategies according to the ability of an individual.

Kurt Lewin's model is used in this study to show continuous improvement in learning about the research being conducted. This model was built in the 1940s and was designed by Kurt Lewin as a pioneer in action research, Ash, M. G. (1992). Below is the illustration of Kurt Lewin's Model:

Stage 1–Unfreezing

The basic level of preparation for change, and includes efforts to change changing conditions.

Stage 2–Change

Change is a transition process by practicing change as a continuous learning process through several planned change strategies

Stage–Freezing

The formation of new practices, takes time, and maintaining the momentum of change involves training activities, mentoring, role-playing, and modeling.

5.0 METHODOLOGY

A total of 43 respondents consisting of students and staff from Raub Community College, Sibu Branch Community College, Bentong Community College, Jerantut Community College, and Kuantan Community College have attended the Basic Civil Defense Force (APM) training for 2 days online. The participants who attended the training consisted of participants who had participated in activities with APM, had joined APM as volunteers, and had no experience with APM. The data collection using a questionnaire that was distributed in the Google Meet chat room.

6.0 DATA ANALYSIS (MINIMAL INFERENCE ANALYSIS)

Quantitative and Likert Scale used to get data analysis: -

1- Not Satisfactory
2- Satisfactory
3- Good
4- Excellent

Table 2: Dividing the Likert Scale into Three Levels

Score	Level
Low	1-2.33
Average	3.67
High	5

Source: Mohd Majid (1990)

Part A – Personal Information

Institution	Number
Raub Community College	11
Sibu Branch Community College	1
Bentong Community College	17
Jerantut Community College	4
Kuantan Community College	10
Sum	43

Data on personal information shows that a total of 43 participants have followed the training online. Bentong Community College shows the largest number of participants which is 17 participants, participants from Raub Community College are the second highest with 11 participants, Kuantan Community College is in the third position which shows a total of 10 participants, Jerantut Community College shows 4 people attending the training and Sibu Branch Community College finished in the final position with one participant.

Part B – Reaction

No	Question	1	2	3	4	Min
1	Achievement of Course Objectives			9	34	3.8
2	Suitability of Course Places		2	15	26	3.6
3	Appropriateness of Course Time		1	10	32	3.7
4	Course content			8	35	3.8
5	Course Method			8	35	3.8
6	Course secretariat			8	35	3.8

For reaction, showing a high position at a mean of 3.8 in achievement of course objective, suitability of course places as much as 3.6, appropriateness of course time as much as 3.7, course content as much as 3.8, course method as much as 3.8 and course secretariat as much as 3.8.

Part C – Learning In terms of Knowledge

No	Question	1	2	3	4	Min
1	Courses Give New Knowledge		1	9	33	3.7
2	Task-Related Knowledge Enhancement Course		1	8	34	3.8
3	The Course Gives Benefits and Helps In Carrying Out Related Tasks		1	8	34	3.8
4	Knowledge Received Improves Work Quality		1	7	35	3.8

The data for Learning In Terms Of Knowledge shows a high position which is courses give new knowledge as much as 3.7, task-related knowledge enhancement course as much as 3.8, the course gives benefits and helps in carrying out related tasks as much as 3.8 and, knowledge received improves work quality as much as 3.8.

Part C – Skill

No	Question	1	2	3	4	Min
1	The Skills Acquired in This Course Can Improve the Quality of Work		2	8	33	3.7
2	Skills Acquired in the Course Can Contribute to Organizational Achievements		2	7	34	3.6

The data on skills shows a high mean which is the skills acquired in this course can improve the quality of work by as much as 3.7 and skills acquired in the course can contribute to organizational achievements showing a mean of 3.7.

Part C – Learning from Attitude

No	Question	1	2	3	4	Min
1	Learning in the Course Opens a Positive Mind		2	7	34	3.6
2	This Course Helps You Be More Sensitive and Productive		1	9	33	3.7
3	Encouraging Courses to Work More Efficiently		1	8	34	3.8
4	Course to Increase Commitment to Organizations		1	8	34	3.8

The data for Learning from Attitude shows a high position which is learning in the course opens a positive mind as much as 3.6, this course helps you be more sensitive and productive as much as 3.7, encouraging courses to work more efficiently as much as 3.8 and course to increase commitment to organizations as much as 3.8.

Part D – Strength and Weakness

No	Responden No.	Strength	Weakness
1	1	The presentation is clear	
2	2	Clear presentation from Tuan Asri	
3	3	Very clear	
4	4	An excellent explanation from Tuan Asri	
5	5	Learning new knowledge	
6	7	Clear description	Limited visual space
7	8	Increased knowledge	Increase skills through face-to-face activities
8	9	This course provides additional skills to participants	

9	10	Good	Average
10	11	The course objectives were successfully achieved	Preferable if it could be done online
11	17	Can learn new things	
12	18	Many tasks can be done at one time	It is easy to lose focus when there are many people
13	19	Be able to speak and do activities in front of people	A way to understand something
14	20	Cooperate	
15	23	Can speak in front of people	Difficult to understand and had to repeat several times
16	24	Get to add knowledge that you don't know	
17	25	I can learn something new	
18	28	Gain higher self-confidence to gain courage	High risk and does not guarantee personal safety
19	30	Knowledge	Learn face to face
20	31	Useful skills and abilities	Online
21	36	Very good	
22	37	Can learn new knowledge	Unclear
23	38	Add knowledge	Practical face to face
24	39	Learn new knowledge	Needs repeated practice
25	40	Learn about rescue drills	Repeated training
26	41	It's fun learning rescue techniques	
27	42	Add skills	Practice always
28	43	Learn with fun	Do exercises

Data from strengths and weaknesses show that a total of 28 people responded. The participants showed positive responses. There are responses on weaknesses from
16 responses. The response received will be used as a guide for future improvements.


7.0 FINDINGS

From the data collected, it shows that the participants were able to follow the training online effectively. The effectiveness of the training can be seen from the high mean score across various metrics, indicating strong engagement and understanding of the score.

The analysis of data of this study is quantitative in nature and uses the Likert scale to measure participants' responses toward the training program in multiple dimensions. As a rating system, the Likert scale is used with a scale from 1 (Not Satisfactory) to 4 (Excellent) making it easier to track the participant satisfaction and learning achievement.

The data is further categorized into three levels: These are Low (1- 2.33), Average (3.67) and High (5), according to Low Mohd Majid (Onwuegbuzie, 2022). The structured approach enhances the understanding of the findings hence enabling the assessment of strengths and weakness of the particular training program.

As for the personal information in part A, out of 43 participants, Bentong Community College with 17 participants dominated the training respondents, followed by Raub Community College with 11, and Kuantan Community College with 10 participants only. There were 4 participants from the Jerantut Community College and only 1 participant from the Sibu Branch Community College. This distribution shows that institutions are at different levels of engagement; this may be due to institutional support or participants' interest in the training offered (Onwuegbuzie, 2022).



Graph 1: Respondent from Community Colleges

In Part B, the reactions of the participants to the performance of training are discussed where the study shows that the majority of the participants seem to appreciate the training across all the aspects of assessment. All the mean scores relating to achievement on course objectives, fit of the course places, timing of the courses, content of the courses, method of the courses, and the secretariat of the courses practically lie in the fairly high range of about 3.8. Most specifically, the highest mean score was obtained in the percentage achievement of course objectives and content with a mean score of 3.8, to imply that the participants were convinced that the content of the training was delivered in line with the intended objectives of the training (Onwuegbuzie, 2022). Feedback of this type is especially important in assessing the outcomes of educational programs and may be helpful in determining future directions for development.

In formatively of learning achievements, Part C focuses on the acquisition of knowledge and on the learning of various skills. The participants had a high mean regarding the degree new knowledge from the courses for providing new knowledge (3.7) and the degree of benefit from training, which expanded their task-related knowledge (3.8). Moreover, the findings suggest that the skills developed during the course are assumed to enhance work quality and Organization accomplishments, for which both mean average 3.7. Further, this means that training processes not only teach participants content knowledge but also ensure they gain know-how in their practical working environments (Onwuegbuzie, 2022).

Evaluation from attitude discussed in Sect. 4 C also showed that participants perceived the course as helpful in developing positive attitude and achieving more. The mean scores of learning in the course opening a positive mind is 3.6 and encouraging efficient work 3.8 also indicates a positive change of the participants attitude towards the work and organizational commitment. This type of learning is important because it is further proof of how, in learning environments, it is not only cognitive, but also affective outcomes that are key to learning.

Last of all, Part D which is an assessment of strength and weakness, in the qualitative perspective, participants feedback was used. A total of 28 responses indicated some of the strengths for the participants as comprising of clear presentation and gaining new knowledge. Nevertheless, certain areas of the strategies were considered as the weaknesses such as restricted opportunity for the visual presentation and the difficulties with the work in the Internet. The information that JMA gathers from its staff will be useful in fine-tuning other potential training programs, which can help to build on the organization's strengths and deal with its weaknesses (Onwuegbuzie, 2022).

8.0 DISCUSSION

The positive outcome highlighted by the data explaining the online training was successfully achieving its objectives. The high mean scores indicate that the participants stayed engaged throughout the entire session but also comprehended the content training effectively. This success can be attributed to several factors, including application interactive elements, regular attendance checks periodically, and a balanced mix of theoretical and practical sessions in online training.

Simultaneously, the ability of the participants to adapt successfully to online training shows from the data that they are increasingly comfortable with digital learning environments, which is crucial for future training initiatives. However, it remains essential to continually assess and refine these training approaches to address any potential challenges that may arise in maintaining engagement over time.

Therefore, quantitative evaluation of the training program suggests a mostly positive attitude among the participants with potential consequences for future learning interventions. Combining the quantitative result with the analysis of the essence of training gives an overall impression of the utilization of the method with recommendations for the development of the necessary actions and ideas on how to strengthen the program's advantages.

9.0 CONCLUSION

Online training due to the COVID-19 pandemic has presented both challenges and opportunities for educational institutions, both theoretical and practical, showing high effectiveness among participants. The effectiveness of online training using Google Meet, Webex, and Microsoft Teams has been evident, allowing participants to be informed and engaged. However, maintaining presence, focus, and active interaction in online training remains a concern. Implement strategies such as periodically checking attendance, alternating theory and practical sessions, and maintaining encouraging interactive elements to enhance participants' engagement and learning outcomes. Continuous adaptation and innovative approaches will make it essential to ensure the success of online training.

10.0 REFERENCES

Achmad, B., Fitriawan, A., Kurniawan, D., Kafil, R., Retnaningsih, L., & Setyaningsih, W. (2021). Perceived barriers in online learning among nursing students during the covid-19 pandemic in indonesia. Open Access Macedonian Journal of Medical Sciences, 9(G), 203-210. https://doi.org/10.3889/oamjms.2021.7183

Ash, M. G. 1992. Cultural Contexts and Scientific Change in Psychology: Kurt Lewin in Iowa. American Psychologist, 47(2), 198–207. https://doi.org/10.1037/0003-066X.47.2.198

Aziz, S., Mohd, R., Selamat, M., & Omar, N. (2021). Is online training program effective for undergraduates' learning during covid 19? a quasi-experimental study using the malaysian sample. International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development, 10(2). https://doi.org/10.6007/ijarped/v10-i2/9630

Barrot, J., Llenares, I., & Rosario, L. (2021). Students' online learning challenges during the pandemic and how they cope with them: the case of the philippines. Education and Information Technologies, 26(6), 7321-7338. https://doi.org/10.1007/s10639-021-10589-x Chidzonga, M., Haruzivishe, C., Chikwasha, V., & Rukweza, J. (2022). Health professions faculty's perceptions of online teaching and learning during the covid-19 pandemic. Plos One, 17(11), e0276170.https://doi.org/10.1371/journal.pone.0276170

Giyatmi, N. (2021). Using games as an alternative way of teaching english online. Scientia. https://doi.org/10.51773/asels2021.v1i1.11

Gotschall, M. 2000. E-Learning Strategies for Executive Education And Corporate Training. Fortune, 141 (10) S5 – S59.

Lamsah, M. S., Che Rose, R. A. and Baker, R. 2021 "Tahap Kepuasan Pekerja di Sektor Awam Terhadap Latihan Secara Atas Talian Mendepani Pandemik COVID-19 di Malaysia", Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 6(1), pp. 27 - 39. doi: 10.47405/mjssh. v6i1.605.

COVID-19 di Malaysia", Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 6(1), pp. 27 - 39. doi: 10.47405/mjssh. v6i1.605.

Makarova, E. (2021). Effectiveness of traditional and online learning: comparative analysis from the student perspective. SHS Web of Conferences, 99, 01019. https://doi.org/10.1051/shsconf/20219901019

Maphalala, M. (2023). Experiences of south african academics moving from contact to emergency remote teaching: lessons for the future. International Journal of Innovative Technologies in Social Science, (4(40)).https://doi.org/10.31435/rsglobal_ijitss/30122023/8084

Marzban, A., Farsi, Z., Afaghi, E., Rezaei, M., & Moradi, M. (2022). Investigating the effect of an online self-care training program on perceived stress in covid-19 patients. https://doi.org/10.21203/rs.3.rs-1198580/v1

Memon, M., Salleh, R., & Baharom, M. (2016). The link between training satisfaction, work engagement and turnover intention. European Journal of Training and Development, 40(6), 407-429. https://doi.org/10.1108/ejtd-10-2015-0077

Nazli, N. and Khairudin, S. (2018). The factors that influence transfer of training and its effect on organizational citizenship behaviour. Journal of Workplace Learning, 30(2), 121-146. https://doi.org/10.1108/jwl-09-2017-0080

Mccrea, F., Gay, R. K., & Bacon, R. 2000. Riding The Big Waves: A White Paper On B2B E-Learning Industry. San Francisco: Thomas Weisel Partners LLC.

Mesuwini, J. (2024). Exploring online teaching and learning challenges for the technical and vocational education and training lecturer. Journal of Education and E-Learning Research, 11(1), 193-202. https://doi.org/10.20448/jeelr.v11i1.5423

Onwuegbuzie, A. (2022). Towards full (er) integration in mixed methods research: the application of CCA for blending quantitative and qualitative data. Publicaciones, 52(2), 11-34. https:>10.30827/publicaciones.v52i2.27664

Siemens, G. (2013). Massive Open Online Courses: Innovation In Education? In R. Mcgreal, R. Kinuthia, W. Marshall, S., & Mcnamara, T. (Eds.), Open Educational Resources: Innovation, Research And Practice (Pp. 5-15). Athabasca, Canada: Athabasca University Press. http://Oasis.Col.Org/Handle/11599/486

Syed Chear, S. L., & Md Yunus, M. (2019). Strategi Penerapan Kemahiran Abad Ke- 21 Dalam Latihan Guru Pra-Sekolah. Southeast Asia Early Childhood Journal, 8(1), 1-10. https://doi.org/10.37134/saecj.vol8.no1.1.2019

MYPRO-PLANNER: PEMUDAH CARA EFEKTIF URUSAN KENAIKAN PANGKAT PPPT

Muhammad Asyraf bin Abdul Ghani
Politeknik Nilai
m.asyraf@polinilai.edu.my

Norasliza binti Abu Bakar
Kolej Komuniti Raub
norasliza@kkraub.edu.my

Nur Atikah binti Kamarazaman
Kolej Komuniti Raub
nur.atikah@kkraub.edu.my

ABSTRAK

My PRO-Planner, singkatan bagi My PROMOTION Planner, adalah sebuah laman web inovatif yang dirancang untuk membantu Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) dalam memantau dan melengkapkan dokumen kenaikan pangkat mereka. Aplikasi ini bertujuan mengatasi masalah pegawai yang sukar memenuhi kriteria dokumen kecemerlangan kerana kekeliruan terhadap garis panduan yang ditetapkan serta kekangan tugas hakiki. Metodologi kajian ini melibatkan penghasilan hamparan kerja yang memaparkan kriteria bagi kenaikan pangkat kategori 1. Hamparan kerja ini diintegrasikan ke dalam laman web My PRO-Planner yang boleh diakses dan disesuaikan mengikut keperluan pengguna. Satu set soal selidik telah dibangunkan dan diedarkan kepada kumpulan sasaran PPPT untuk menilai keberkesanan laman web ini. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti responden bersetuju laman web ini memberi motivasi dalam melengkapkan dokumen kenaikan pangkat, meningkatkan kesedaran dalam memohon kenaikan pangkat, serta memantau tahap kesediaan mereka. Walaupun demikian, terdapat cadangan penambahbaikan pada hamparan kerja dengan menambah kriteria lain yang relevan untuk tujuan kenaikan pangkat. Secara keseluruhan, kajian ini telah membuktikan bahawa inovasi My PRO-Planner berkesan dalam menyokong pegawai untuk mencapai kemajuan kerjaya yang selari dengan tempoh perkhidmatan mereka.

Kata Kunci: Laman Web, Kenaikan Pangkat, Inovasi, PPPT

1.0 PENGENALAN

Kenaikan pangkat merupakan salah satu ganjaran di samping menjadi kayu ukur kemajuan di dalam kerjaya bagi seseorang pegawai. Saifuldin et., al (2024), menyatakan bahawa kenaikan pangkat merujuk kepada peningkatan secara hakiki dari satu gred ke suatu gred yang lebih tinggi dalam perkhidmatan dan skim perkhidmatan yang sama dengan kelulusan Lembaga Kenaikan Pangkat. Bagi Skim Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT), peluang permohonan kenaikan pangkat bagi dibuka setiap tahun. Pegawai yang telah layak dan memenuhi syarat wajib untuk memohon boleh berbuat demikian setelah iklan dikeluarkan di portal eSIS. Menurut Mohamad Chin (2017), kelebihan yang diperolehi dalam kenaikan pangkat adalah menerusi peningkatan gaji. Hal ini juga secara tidak langsung turut memberikan kesan positif terhadap kepuasan kerja seseorang individu.

2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Di samping peluang peningkatan kerjaya dibuka pada setiap tahun, masih terdapat PPPT yang mempunyai cabaran dalam melengkapkan dokumen kenaikan pangkat meskipun sudah melebihi tempoh kelayakan dan memenuhi kriteria wajib. Cabaran dalam memohon kenaikan pangkat boleh dirujuk sebagai halangan dan kesukaran dihadapi oleh pegawai untuk mendapatkan kedudukan lebih tinggi dalam hierarki sesebuah institusi (Saifuldin et al., 2024). Antara faktor yang menyumbang kepada masalah ini adalah seperti tuntutan kerja hakiki dan sokongan yang memerlukan perhatian penuh sehingga menyebabkan pegawai tidak berkesempatan menyusun atau memantau kesediaan dokumen. Selain itu, tidak cakna dengan keperluan dokumen kenaikan pangkat yang diperlukan dan tidak memantau kesediaan dokumen juga merupakan antara faktor utama penyumbang kepada isu ini. Mohamad Chin (2017), menyatakan bahawa faktor penyumbang kepada masalah ini juga melibatkan aspek penilaian, tanggungjawab tambahan, keperluan profesional, serta aspek peribadi dan birokrasi yang menjadi penghalang atau penyumbang kepada kelewatan kemajuan individu dalam kerjaya mereka. Maka, satu pemudah cara bagi membantu mengatasi masalah ini telah dihasilkan iaitu, MyPRO-Planner. MyPRO-Planner dicipta sebagai satu laman web yang menjadi satu pusat bagi pengguna mendapatkan hamparan kerja MyPRO-Planner serta video tutorial penggunaan. Hamparan kerja MyPRO-Planner ini juga telah didaftarkan di bawah MyIPO sebagai langkah melindungi hak cipta penulis dan pencipta bersama. Bagi menguji tahap keberkesanan MyPRO-Planner, satu kajian telah dijalankan untuk menganalisis impak MyPRO-Planner sebagai medium bagi PPPT skim DH merangka gerak kerja, memantau tahap kesediaan dokumen dan meningkatkan motivasi dalam memohon kenaikan pangkat.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini telah dijalankan bagi menganalisis keberkesanan MyPRO-Planner sebagai satu pemudah cara dalam membantu PPPT dalam merancang, menyusun atur, serta memantau tahap kesediaan dokumen bagi tujuan kenaikan pangkat. Namun, hamparan kerja yang dihasilkan memberikan fokus kepada pegawai di kategori 1 yang memohon kepada DH44, DH48, dan DH52. Maka, responden kajian ini terdiri daripada pegawai yang tergolong dalam kriteria ini sahaja. Responden diberikan akses bagi menggunakan laman web MyPRO-Planner dan hamparan kerja. Langkah penggunaan serta video tutorial penggunaan hamparan kerja MyPRO-Planner turut disertakan di laman web. Satu borang kaji selidik telah diedarkan dalam kalangan 30 orang responden terdiri daripada PPPT Zon Pahang merentasi politeknik dan kolej komuniti. Teknik Purposive Sampling adalah teknik yang telah digunakan dalam menentukan responden. Pemilihan teknik ini selari dengan fokus MyPRO-Planner kepada PPPT di dalam kategori 1 sahaja.

Sekaran (2011) menyatakan bahawa penggunaan teknik Purposive Sampling merujuk kepada pemilihan responden yang mana ciri dan maklumatnya telah ditetapkan terlebih dahulu oleh penyelidik bagi tujuan tertentu di dalam kajian. Jadual 1 menunjukkan pecahan data responden.

Jadual 1: Bilangan Responden Menurut Institusi Dan Jantina

Institusi	Jantina	Jumlah
Politeknik	Lelaki	3 orang
	Perempuan	11 orang
Kolej Komuniti	Lelaki	7 orang
	Perempuan	9 orang
Jumlah		**30 orang**

Instrumen bagi kajian ini adalah menerusi satu borang kaji selidik yang terbahagi kepada 4 bahagian iaitu: bahagian A (maklumat responden), bahagian B (keberkesanan MyPRO-Planner), bahagian C (cadangan penambahbaikan) dan bahagian D (penafian). Item – item yang terdapat di dalam borang kaji selidik ini diukur menggunakan 5-point Likert Scale bermula daripada (1) Sangat Setuju) hingga (5) Sangat Tidak Bersetuju. Jadual 2 menunjukkan item soalan di dalam borang kaji selidik.

Jadual 2: Item – Item di dalam Borang Kaji Selidik bagi Bahagian B

No	Soalan	Pilihan jawapan
1	Laman web MyPRO-Planner merupakan medium yang mudah dicapai.	Skala 1 - 5
2	Laman web MyPRO-Planner mempunyai paparan pengguna yang mudah difahami.	Skala 1 - 5
3	Laman web MyPRO-Planner mempunyai langkah penggunaan yang mudah difahami.	Skala 1 - 5
4	Laman web MyPRO-Planner mempunyai video tutorial yang mudah difahami.	Skala 1 - 5
5	MyPRO-Planner membantu saya merangka gerak kerja dengan lebih teratur bagi tujuan permohonan kenaikan pangkat.	Skala 1 - 5
6	MyPRO-Planner membantu saya mengutamakan kerja yang memerlukan lebih perhatian sekali gus membantu proses persiapan permohonan kenaikan pangkat.	Skala 1 - 5
7	MyPRO-Planner membantu saya memantau tahap kesediaan dokumen bagi tujuan permohonan kenaikan pangkat.	Skala 1 - 5
8	MyPRO-Planner membantu saya melengkapkan dokumen bagi tujuan permohonan kenaikan pangkat.	Skala 1 - 5
9	MyPRO-Planner membantu meningkatkan motivasi saya dalam membuat permohonan kenaikan pangkat.	Skala 1 - 5
10	MyPRO-Planner membantu menambah keyakinan saya dalam membuat permohonan kenaikan pangkat.	Skala 1 - 5

4.0 PERBINCANGAN

Hasil dapatan kaji selidik dapat dirumuskan menerusi impak berikut iaitu tahap mesra pengguna laman web MyPRO-Planner menerusi item 1 – 4, tahap kesedaran dan pengetahuan pegawai dalam menyediakan dokumen kenaikan pangkat menerusi item 5 dan 6, tahap kesediaan pegawai dalam memantau dokumen yang diperlukan menerusi item 7 dan 8 serta tahap motivasi pegawai dalam memohon kenaikan pangkat menerusi item 9 dan 10.

4.1 TAHAP MESRA PENGGUNA LAMAN WEB MYPRO-PLANNER

Dapatan kajian telah mendapati bahawa majoriti bersetuju MyPRO-Planner mempunyai paparan laman web yang mesra pengguna di mana ia mudah untuk diakses, mudah difahami, serta langkah dan tutorial yang mudah untuk difahami. Jadual 3 menunjukkan lebih 50% daripada responden memilih skala sangat setuju bagi item 1 – 4 yang melihat kepada tahap mesra pengguna laman web MyPRO-Planner.

Jadual 3: Tahap Mesra Pengguna Laman Web MyPRO-Planner

Item	Soalan	Sangat setuju	Setuju
1	Laman web MyPRO-Planner merupakan medium yang mudah dicapai.	70%	30%
2	Laman web MyPRO-Planner mempunyai paparan pengguna yang mudah difahami.	60 %	40%
3	Laman web MyPRO-Planner mempunyai langkah penggunaan yang mudah difahami.	80%	20%
4	Laman web MyPRO-Planner mempunyai video tutorial yang mudah difahami.	80%	20%

4.2 TAHAP KESEDARAN DAN PENGETAHUAN PEGAWAI DALAM MENYEDIAKAN DOKUMEN KENAIKAN PANGKAT

Bagi item 5 dan 6, majoriti bersetuju bahawa tahap kesedaran dan pengetahuan pegawai dalam menyediakan dokumen kenaikan pangkat telah meningkat seperti yang dipamerkan di Jadual 4. Menerusi hamparan kerja MyPRO-Planner yang jelas dan spesifik mengikut aspek kriteria kenaikan pangkat, lebih 70% daripada responden bersetuju bahawa hamparan kerja MyPRO-Planner telah meningkatkan tahap kesedaran dan pengetahuan pegawai dalam menyediakan dokumen kenaikan pangkat. Ini membuktikan bahawa laman web serta hamparan kerja MyPRO-Planner telah memainkan peranan yang signifikan dalam meningkatkan tahap kesedaran dan pengetahuan pegawai untuk menyediakan dokumen kenaikan pangkat.

Jadual 4: Tahap Kesedaran dan Pengetahuan Pegawai dalam Menyediakan Dokumen Kenaikan Pangkat

Item	Soalan	Sangat setuju	Setuju
5	MyPRO-Planner membantu saya merangka gerak kerja dengan lebih teratur bagi tujuan permohonan kenaikan pangkat.	70%	30%
6	MyPRO-Planner membantu saya mengutamakan kerja yang memerlukan lebih perhatian sekaligus membantu proses persiapan permohonan kenaikan pangkat.	80%	20%

4.3 TAHAP KESEDIAAN PEGAWAI DALAM MEMANTAU DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

Hamparan kerja MyPRO-Planner yang bersifat fleksibel dengan ciri butang pemantau kemajuan kesediaan dokumen (lengkap, dalam proses, belum lengkap) membantu meningkatkan tahap kesediaan responden dalam memantau dokumen kenaikan pangkat. Ini telah dibuktikan menerusi dapatan responden di mana lebih 70% bersetuju bahawa tahap kesediaan pegawai dalam memantau dokumen yang diperlukan dan kemajuan yang telah dicapai juga telah meningkat seperti yang dipamerkan di Jadual 5.

Jadual 5: Tahap Kesediaan Pegawai dalam Memantau Dokumen yang Diperlukan

Item	Soalan	Sangat setuju	Setuju
7	MyPRO-Planner membantu saya memantau tahap kesediaan dokumen bagi tujuan permohonan kenaikan pangkat.	80%	20%
8	MyPRO-Planner membantu saya melengkapkan dokumen bagi tujuan permohonan kenaikan pangkat.	70%	30%

4.4 TAHAP MOTIVASI PEGAWAI DALAM MEMOHON KENAIKAN PANGKAT

Jadual 6 menunjukkan bahawa majoriti bersetuju tahap motivasi pegawai dalam memohon kenaikan pangkat juga meningkat menerusi penggunaan laman web dan hamparan kerja MyPRO-Planner.

Jadual 6: Tahap Motivasi Pegawai dalam Memohon Kenaikan Pangkat

Item	Soalan	Sangat setuju	Setuju
9	MyPRO-Planner membantu meningkatkan motivasi saya dalam membuat permohonan kenaikan pangkat.	80%	20%
10	MyPRO-Planner membantu menambah keyakinan saya dalam membuat permohonan kenaikan pangkat.	80%	20%

Menerusi peningkatan tahap merancang dan memantau dokumen yang positif, motivasi responden dalam memohon kenaikan pangkat juga telah meningkat sekaligus mencapai objektif utama MyPRO-Planner sebagai pemudah cara kepada PPPT yang menghadapi cabaran dalam melengkapkan dokumen kenaikan pangkat dan menjadi kayu ukur impak keberkesanan MyPRO-Planner.

5.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, cabaran dan halangan yang dihadapi oleh PPPT dalam memohon kenaikan pangkat meskipun telah layak telah dikenal pasti sebagai satu masalah yang perlu ditangani. Justeru, MyPRO-Planner, satu pemudah cara merangkumi laman web dan hamparan kerja telah dihasilkan. Namun, keberkesanan produk ini belum dikenal pasti. Maka, satu kajian telah dijalankan. Dapatan kajian ke atas produk inovasi ini telah membuktikan bahawa MyPRO-Planner secara efektif telah mencapai objektif dalam membantu pegawai dalam merangka gerak kerja dan memantau tahap kesediaan dokumen bagi tujuan kenaikan pangkat. Di samping itu, dapatan signifikan dalam kajian ini juga ialah keberkesanan MyPRO-Planner dalam meningkatkan motivasi dalam memohon kenaikan pangkat. Walau bagaimanapun, cadangan penambahbaikan daripada responden menyatakan bahawa laman web MyPRO-Planner dan hamparan kerja yang dihasilkan hanya memberi fokus kepada pegawai yang memohon kenaikan pangkat bagi kategori 1 sahaja. Justeru itu, produk ini boleh ditambah baik dengan menambah kategori lain supaya impak, capaian dan manfaat pemudah cara dapat dikongsi kepada lebih ramai pegawai yang memerlukan.

6.0 RUJUKAN

Ahmad Daniel Saifuldin & Ahmad Salehudin Azhar & Ku Hidayatullah Ku Ismail. (2024). CABARAN KENAIKAN PANGKAT DALAM INSTITUSI PENDIDIKAN. In the Journal Contemporary of Islamic Counselling Perspective (Pp. 45 – 52). Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS).

Mohammad Chin & Syed Azizi Wafa & Ramraini Ali Hassan. (2017). Niat Untuk Meninggalkan Organisasi, Sistem Kenaikan Pangkat Dan Kepuasan Kerja Di Kalangan Penjawat Awam Persekutuan Yang Dilantik Di Bawah Skim Perkhidmatan Tertutup Di Sabah, Malaysia. In Journal Of The Asian Academy Of Applied Business (Pp. 29 – 47). Kota Kinabalu, Malaysia: Universiti Malaysia Sabah.

Sekaran. U (2011). Research Methods For Business. A Skill Building Approach 4th'. Willy India Edition.

KAJIAN HUBUNGAN ANTARA MOTIVASI PENGLIBATAN PELAJAR DALAM AKTIVITI KESUKARELAWANAN DAN PENCAPAIAN AKADEMIK DI KOLEJ KOMUNITI JERANTUT

Mohd Saiful Zairy bin Mohd Zaidi
Kolej Komuniti Jerantut
saifulzairy@kkjerantut.edu.my

Zubaydah binti Mohd Yasin
Kolej Komuniti Jerantut
zubaydah@kkjerantut.edu.my

ABSTRAK

Kesukarelawanan merujuk kepada perbuatan sukarela yang dilakukan oleh individu atau kumpulan untuk membantu masyarakat, alam sekitar, atau kumpulan sasaran tertentu tanpa mengharapkan imbuhan atau ganjaran. Secara ilmiah, kesukarelawanan melibatkan konsep altruism, di mana seseorang bertindak untuk manfaat orang lain. Kajian ini bertujuan untuk meneliti hubungan antara motivasi penglibatan pelajar dalam aktiviti kesukarelawanan dan pencapaian akademik mereka di Kolej Komuniti Jerantut. Aktiviti kesukarelawanan sering dilihat sebagai platform penting kepada pelajar untuk membina kemahiran sosial dan kepimpinan, tetapi hubungannya dengan prestasi akademik masih kurang difahami. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui edaran borang soal selidik sebagai instrumen pengumpulan data. Ia melibatkan 94 orang pelajar dari program Sijil Teknologi Akuakultur (SAR) dan Sijil Teknologi Pemprosesan Makanan (SPK) yang terlibat secara aktif dalam aktiviti kesukarelawanan. Data dianalisis menggunakan analisis Statistical Package for the Social Sciences SPSS bagi mengenal pasti tahap hubungan antara motivasi penglibatan kesukarelawanan dan pencapaian akademik di kolej. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara motivasi pelajar dalam aktiviti kesukarelawanan dan pencapaian akademik mereka ($r = 0.45$, $p < 0.05$). Antara faktor motivasi yang paling mempengaruhi penglibatan pelajar ialah pembangunan diri, sokongan sosial, dan kepuasan intrinsik. Hasil kajian ini menyokong kepentingan menggalakkan penglibatan kesukarelawanan sebagai sebahagian daripada pembangunan holistik pelajar, dengan potensi memberi impak positif terhadap pencapaian akademik. Kesimpulannya, kajian ini mencadangkan agar institusi pendidikan, khususnya di Kolej Komuniti Jerantut, terus memperkukuhkan program kesukarelawanan sebagai salah satu pendekatan untuk meningkatkan prestasi akademik pelajar sambil membangunkan kemahiran insaniah mereka. Kajian lanjutan dicadangkan untuk meneliti faktor-faktor lain yang mungkin mempengaruhi hubungan antara kesukarelawanan dan pencapaian akademik dalam konteks yang lebih luas.

Kata kunci: Motivasi, Kesukarelawanan, Pencapaian Akademik, Pelajar, Kolej Komuniti Jerantut Pahang

1.0 PENGENALAN

Kajian Hubungan antara Motivasi Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Kesukarelawanan dan Pencapaian Akademik di Kolej Komuniti Jerantut, Pahang adalah selaras dengan objektif kajian iaitu bagi mengenal pasti hubungan antara pengaruh penglibatan sukarelawan dengan tahap motivasi pelajar di Kolej Komuniti Jerantut, Pahang. Aktiviti kesukarelawanan sering dilihat sebagai platform penting kepada pelajar untuk membina kemahiran sosial dan kepimpinan, tetapi hubungannya dengan prestasi akademik masih kurang difahami. Hal ini adalah selaras dengan usaha Kolej Komuniti memperkasakan para pelajar mereka sebelum memasuki alam pekerjaan atau meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, mereka digalakkan untuk terus terlibat dengan aktiviti kesukarelawanan terutamanya apabila aktiviti tersebut melibatkan masyarakat sekitar yang turut sama menyertainya.

2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Aktiviti kesukarelawanan bukanlah satu perkara yang baharu pada masa kini sementelahan ia merupakan satu bentuk sumber yang memainkan peranan penting dengan adanya aktiviti dan kerja terutamanya apabila sesebuah aktiviti itu melibatkan masyarakat bersama-sama. Menurut Wilson dan Pimm (1996) berpendapat bahawa sukarelawan adalah datangnya dari golongan yang mempunyai kesedaran dan berminat untuk membantu golongan yang memerlukan yang hidup bersama dalam masyarakat mereka sendiri. Hal ini turut disokong oleh Azizan (2007) yang turut menyatakan aktiviti kesukarelawanan itu akan berjaya sekiranya pihak yang membantu itu melakukannya seikhlas hati dengan adanya sikap-sikap seperti empati, cakna, dedikasi, iltizam dan bersedia untuk berkorban demi menyelesaikan masalah yang ada di dalam komuniti mereka itu. Sukarelawan hendaklah memahami keperluan golongan yang dibantu itu dalam usaha untuk memperkasakan golongan yang dibantu.

Ward dan Parr (2006), mengatakan bahawa aktiviti kesukarelawanan adalah satu perbuatan mulia yang melibatkan pembuatan memberi dan melakukan sesuatu perkara yang baik dalam melakukan sesuatu yang memberikan kebaikan kepada pihak yang memerlukan dan ia adalah satu lumrah kehidupan seorang manusia kerana mereka hidup bermasyarakat dan saling memerlukan antara satu sama lain dan perkara ini mendorong kepada keperluan khidmat sukarelawan.

Menurut Siti Raba'ah (2015) aktiviti kesukarelawanan di Malaysia sudah pun melepasi era baharu sementelahan terdapat peningkatan dalam penyertaan golongan belia yang kini melebihi jika dibandingkan dengan golongan umur yang lain.

Ferreira et al., (2012) ada menyatakan bahawa aktiviti sukarelawan mengalami satu bentuk evolusi sementelahan masyarakat pada masa kini adalah bersifat lebih dinamik dan fleksibel. Bertitik tolak dari hal ini, Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang telah dibangunkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (2015), di mana lima (5) dari 17 matlamat adalah memerlukan bantuan sukarelawan dalam usaha merealisasikan matlamat yang telah dibina. Lima (5) matlamat tersebut adalah terdiri daripada matlamat pertama sehingga keempat dan matlamat kelapan iaitu sifar kemiskinan, sifar kelaparan, kesihatan dan kesejahteraan yang baik, taraf pendidikan serta pekerjaan yang sesuai dan akhir sekali ialah pembangunan ekonomi berkualiti. Justifikasi dari perkara ini ialah matlamat pembangunan mampan ini diwujudkan untuk mengangkat nilai-nilai sosial iaitu keadilan, keseimbangan, kesaksamaan, kesejahteraan, kesihatan dan keselamatan yang selari dengan matlamat yang memberikan perlindungan, promosi dan pemeliharaan yang menyeluruh bagi generasi pada masa hadapan.

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti antara enam (6) motivasi penglibatan sukarelawan di Kolej Komuniti, Pahang. Pada dasarnya, Kolej Komuniti sering menghantar pelajar-pelajar mereka keluar untuk menjalankan aktiviti sukarelawan bersama komuniti sekitar. Kolej Komuniti merupakan sebuah kolej yang dinaungi oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia dan berada di bawah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti dan peranan Kolej Komuniti telah diperluaskan bagi membentuk sebuah komuniti yang lebih dinamik. Perkara ini turut menyahut seruan misi ketiga Kolej Komuniti Malaysia iaitu untuk membangunkan graduan mereka yang bersifat holistik, berciri keusahawanan dan seimbang bagi menghadapi cabaran pada masa akan datang.

Kajian yang berbentuk kuantitatif ini menggunakan instrumen set soal selidik yang diberikan kepada para pelajar di Kolej Komuniti Jerantut di negeri Pahang Darul Makmur. Kajian ini juga menggunakan set kaji selidik dari Clary et al., (1998) Volunteer Function Inventory (VFI) atau dikenali sebagai inventori fungsi sukarelawan di mana ia dibina bagi menguji enam (6) motivasi individu yang menyertai aktiviti sukarelawan dengan menggunakan teori fungsi yang dibangunkan oleh Katz (1960). Bagi mengukur tahap pencapaian akademik, pengkaji hanya menggunakan Purata Nilaian Gred Kumulatif (PNGK) para pelajar.

Aktiviti kesukarelawanan pada masa kini dilihat sebagai satu bentuk aktiviti yang sering dilakukan untuk menyelesaikan masalah yang melibatkan komuniti terutamanya apabila berlakunya bencana seperti banjir, tanah runtuh atau kebakaran.

Sukarelawan juga biasanya terlibat dengan aktiviti masyarakat yang melibatkan masalah komuniti yang berpanjangan seperti gelandangan, miskin bandar dan warga emas sementelahan Malaysia merupakan salah sebuah negara yang menuju ke arah negara tua. Sukarelawan juga memegang sebuah karakter yang mempunyai rasa dan sifat yang bertanggungjawab terhadap golongan yang dibantu dan tidak pula mereka mengharapkan pembalasan yang baik dari kumpulan yang telah dibantu mereka. Sifat sukarelawan siswa adalah lebih berfokus untuk mengasah kebolehan mereka untuk merancang, mengatur dan meningkatkan kebolehan komunikasi tambahan pula apabila mereka terlibat dengan aktiviti luar, sukarelawan siswa juga dapat mengasah kebolehan mereka dalam menghadapi cabaran dan tekanan dalam berhadapan dengan perkara yang berada di luar kelaziman mereka.

Kajian yang dilakukan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) (2016) mendapati bahawa hanya 19 peratus (19%) dari jumlah responden terdiri daripada golongan belia yang mendedikasikan masa lapang mereka ke dalam aktiviti kesukarelawanan manakala selebihnya memilih untuk menonton filem, melayari laman sosial, berkelah dan melancong. Hasil kajian ini telah berjaya menunjukkan bahawa peratusan belia yang berkorban demi melibatkan diri dalam aktiviti kerja sukarela pada masa lapang masih lagi rendah. Perkara ini turut disokong oleh kajian-kajian oleh Ezhar & Madiha (2015), Warren, et al., (2014), Sarimah et al., (2014) dan Haslinda et al., (2012) di mana dapatan mereka menunjukkan bahawa penglibatan golongan belia berada di tahap yang amat rendah dan lebih mengecewakan lagi, fakta ini turut bercanggahan dengan hasrat yang ingin dicapai melalui Wawasan 2020 seiring matlamat Transformasi Nasional 2050. Kedua-dua matlamat tersebut adalah berfokus terhadap membentuk masyarakat yang maju namun masih mengekalkan nilai-nilai tradisi yang murni.

Objektif kajian ini yang pertama adalah untuk mengenal pasti motivasi penglibatan pelajar Kolej Komuniti Jerantut Pahang dalam aktiviti kesukarelawanan dan objektif kedua pula adalah untuk mengenal pasti hubungan antara motivasi penglibatan pelajar dalam aktiviti kesukarelawanan dengan pencapaian akademik pelajar. Daripada persoalan kajian yang telah dihuraikan, terdapat dua hipotesis kajian yang dapat dibuat selaras dengan kehendak objektif kajian iaitu:
Hipotesis 1 (H1): Terdapat hubungan yang signifikan di antara motivasi nilai pelajar dalam penglibatan sukarelawan dengan pencapaian akademik pelajar.
Hipotesis 2 (H2): Terdapat hubungan yang signifikan di antara motivasi kerjaya pelajar dalam penglibatan sukarelawan dengan pencapaian akademik pelajar.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian yang dijalankan dengan lebih terperinci mengenai lokasi, populasi, persampelan, dan instrumen yang telah dipilih untuk menjalani kajian. Hal ini adalah, untuk memastikan kelancaran kajian dan memberikan penjelasan yang lebih mendalam berkaitan hal-hal kajian. Reka bentuk kajian ini mengguna pakai pendekatan kuantitatif. Kuantitatif adalah satu bentuk kajian yang menggunakan maklumat yang dikumpulkan oleh pengkaji. Data yang dikumpul kemudiannya akan dianalisa untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat. Data dikumpul dengan menggunakan instrumen tinjauan set soal selidik yang telah diadaptasi daripada Volunteer Functions Inventory (VFI) oleh Clary et al., (1998). Populasi kajian dilakukan di sebuah kolej komuniti yang terletak di Daerah Jerantut Pahang. Kolej Komuniti merupakan sebuah kolej yang dinaungi oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia dan berada di bawah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti. Selain menawarkan kursus pendidikan secara sepenuh masa, kolej komuniti juga turut menawarkan perkhidmatan kursus pendek kepada masyarakat sekitar. Kini, peranan kolej komuniti telah diperkasakan bagi membentuk sebuah komuniti yang lebih komprehensif dan dinamik. Dalam usaha memperkasakan para pelajar kolej komuniti sebelum memasuki alam pekerjaan atau meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, mereka digalakkan untuk bergiat aktif dengan aktiviti kesukarelawanan terutamanya apabila aktiviti tersebut melibatkan masyarakat sekitar yang turut sama menyertainya. Kajian yang berbentuk kuantitatif ini menggunakan instrumen set soal selidik yang diberikan melalui pautan 'Google form' kepada para pelajar di Kolej Komuniti Jerantut, Pahang. Seramai 94 orang pelajar dari Kolej Komuniti Jerantut, Pahang terlibat di dalam menjawab set soal selidik.

Jadual 1: Makluman Bentuk Soalan Kajian

Bentuk Soalan	Item
Bahagian A	Maklumat responden
Bahagian B	Maklumat akademik pelajar
Bahagian C	Motif penglibatan sukarelawan (*Volunteer Functions Inventory* (VFI))

Bahagian A. Maklumat demografi responden yang terlibat dalam soal selidik seperti jantina, umur, tempat tinggal, bangsa dan agama responden. Maklumat asas ini adalah penting bagi memastikan responden kajian adalah bersifat homogen atau mempunyai karakteristik yang tidak jauh bezanya.

Bahagian B. Maklumat di dalam bahagian ini mengandungi hal-hal berkaitan akademik responden seperti kolej komuniti, kursus pengajian, semester dan pencapaian akademik pelajar mengikut Purata Nilaian Gred Kumulatif (PNGK) yang diperoleh.

Bahagian C. Motif penglibatan sukarelawan yang diadaptasi daripada set soal selidik motif penglibatan sukarelawan Volunteer Functions Inventory (VFI) oleh Clary et al., (1998), Set soal selidik ini mengandungi 30 soalan yang merangkumi enam (6) item berkenaan faktor mempengaruhi tahap penglibatan sukarelawan iaitu nilai, pemahaman, tambah baik, kerjaya, sosial dan perlindungan. VFI juga telah dibina bagi menguji tahap penglibatan sukarelawan dengan menggunakan teori fungsi yang dikemukakan oleh Katz (1960). Soalan ini telah diadaptasi dan diinterpretasi sesuai dengan kehendak kajian. Soalan juga relevan dan mendukung kajian yang telah dilakukan dan mempunyai nilai Cronbach's Alpha 0.939.

4.0 PERBINCANGAN

Soal selidik ini juga diambil berdasarkan kepada item-item yang disyorkan dalam tinjauan literatur untuk mengkaji hubungan antara motivasi penglibatan pelajar dalam aktiviti kesukarelawan dan pencapaian akademik di Kolej Komuniti Jerantut. Kaedah kuantitatif dijadikan sebagai kaedah kajian yang direpresentasikan melalui soal selidik menggunakan Skala Likert. Skala ini mengandungi lima aspek berserta dengan sepuluh (14) item soalan. Bagi menjawab hipotesis kajian mengenai hubungan antara motivasi penglibatan pelajar dalam aktiviti kesukarelawan dan pencapaian akademik di Kolej Komuniti Jerantut, analisis skor min, peratusan dan sisihan piawai telah dijalankan.

Jadual 2: Skala Likert

Skala	Tahap
1	Sangat Tidak Setuju (STS)
2	Tidak Setuju (TS)
3	Tidak Pasti (TP)
4	Setuju (S)
5	Sangat Setuju (SS)

Dapatan yang diperoleh adalah hasil daripada borang soal selidik yang diedarkan kepada pelajar secara bersemuka. Bagi menjawab hipotesis kajian pertama dan kedua iaitu mengkaji hubungan antara motivasi penglibatan pelajar dalam aktiviti kesukarelawan dan pencapaian akademik di Kolej Komuniti Jerantut, peratusan, skor min, dan sisihan piawai telah dianalisa.

Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti responden memiliki sikap yang sangat positif terhadap tanggung jawab sosial, empati, dan manfaat kesukarelawanan untuk meningkatkan kepercayaan diri. Setiap item telah memperolehi maklum balas daripada responden yang cenderung kepada Setuju (S) dan Sangat Setuju (SS) pada kajian ini. Ia telah menunjukkan kesepakatan yang tinggi bahawa aktiviti kesukarelawanan ini adalah penting dan memberi manfaat yang baik untuk diri sendiri serta dapat membantu kepada golongan atau masyarakat yang memerlukan. Selain itu, nilai sisihan piawai yang rendah pula telah menunjukkan keseimbangan dalam pandangan ini dengan menegaskan bahawa sikap tanggung jawab sosial dan empati sangatlah tinggi di antara responden.

Jadual 3: Demografi Responden

Bil.	Faktor Demografi	Kategori	Peratus (%)
	BAHAGIAN A		
1	Jantina	Lelaki Perempuan	38 58
2	Umur	18-20 21-24	90 4
3	Bangsa	Melayu India Bumiputra Sabah/Sarawak Lain-lain	88 2 4
4	Agama	Islam Hindu Lain-lain	88 2 4
5	**BAHAGIAN B (Kursus Pengajian):** Sijil Akuakultur Sijil Pemprosesan & Kawalan Mutu Makanan		 32 62
6	**SEMESTER:** SEM 01 SEM 02 SEM 03		 43 13 38
7	**PNGK:** 3.50+ 3.25 – 3.49 3.00 – 3.24		 30 41 23

Hipotesis Kajian 1: Terdapat hubungan yang signifikan di antara motivasi nilai pelajar dalam penglibatan sukarelawan dengan pencapaian akademik pelajar.

Jadual 4: Motivasi Nilai Pelajar Dalam Penglibatan dan Pencapaian Akademik Pelajar

Bil	Item	STS	TS	TP	S	SS	Min	Sisihan Piawai	Skala
1.	Saya rasa bertanggungjawab untuk membantu golongan kurang berkemampuan	0	0	5	27	62	4.6	0.59	Tinggi
				5.2%	27.8%	63.9%			
2.	Aktiviti kesukarelawanan dapat membantu meningkatkan keyakinan diri saya.			5	27	62	4.6	0.59	Tinggi
				5.2%	27.8%	63.9%			
3.	Saya berasa belas ihsan kepada golongan yang memerlukan.	0	0	5	27	62	4.6	0.59	Tinggi
				5.2%	27.8%	63.9%			
4.	Saya rasa bertanggungjawab untuk membantu golongan kurang berkemampuan			9	33	52	4.45	0.66	Tinggi
				9.3%	34.0%	53.6%			

Hipotesis Kajian 2: Terdapat hubungan yang signifikan di antara motivasi kerjaya pelajar dalam penglibatan sukarelawan dengan pencapaian akademik pelajar.

Jadual 5: Motivasi Kerjaya Pelajar Dalam Penglibatan Sukarelawan dan Pencapaian Akademik

Bil	Item	STS	TS	TP	S	SS	Min	Sisihan Piawai	Skala
1.	Aktiviti sukarelawan dapat membantu saya untuk mendapatkan pekerjaan yang saya mahu Saya amat mengambil berat terhadap golongan yang saya bantu.	0	0	0	40	54	4.57	0.49	Tinggi
					44%	56%			
2.	Aktiviti kesukarelawanan dapat membantu saya melihat perkara yang di luar kotak. Aktiviti kesukarelawanan membantu saya untuk meneroka pilihan kerjaya.			8	29	57	4.52	0.65	Tinggi
				9%	30%	61%			
3.	Dengan menyertai keukarelawanan, saya dapat mengenal pasti kakuatan saya. Aktiviti sukarelawan dapat membantu saya untuk mendapatkan pekerjaan yang saya mahu			9	33	52	4.45	0.66	Tinggi
				9%	34%	54%			
4.	Saya amat mengambil berat terhadap golongan yang saya bantu. Aktiviti kesukarelawanan dapat membantu saya melihat perkara yang di luar kotak.	0	0	13	33	48	4.46	1.06	Tinggi
				13.4%	34.0%	49.5%			
5.	Aktiviti kesukarelawanan membantu saya untuk meneroka pilihan kerjaya.			13	33	48	4.37	0.71	Tinggi
				13.4%	34.0%	49.5%			

Berdasarkan kepada Jadual 4 dan 5, data ini menunjukkan tahap motivasi nilai dan motivasi kerjaya pelajar dalam penglibatan sukarelawan serta hubungannya dengan pencapaian akademik berdasarkan item yang mengukur motivasi nilai seperti rasa tanggungjawab membantu golongan kurang berkemampuan dan meningkatkan keyakinan diri menunjukkan min yang tinggi, dengan item seperti "Saya rasa bertanggungjawab untuk membantu golongan kurang berkemampuan" dan "Aktiviti kesukarelawanan dapat membantu meningkatkan keyakinan diri saya" mencapai purata 4.6.

Ini menggambarkan bahawa motivasi intrinsik pelajar dalam penglibatan aktiviti kesukarelawanan adalah tinggi dan konsisten, di mana majoriti pelajar bersetuju dan sangat bersetuju bahawa motivasi nilai ini sangat memainkan peranan penting dalam penyertaan mereka.

Manakala merujuk kepada analisis motivasi kerjaya pelajar dalam sukarelawan dalam jadual 5 telah menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi. Contohnya, item seperti "Aktiviti sukarelawan dapat membantu saya untuk mendapatkan pekerjaan yang saya mahu" dan "Aktiviti kesukarelawanan membantu saya untuk meneroka pilihan kerjaya" masing-masing menunjukkan min sekitar 4.52 hingga 4.57. Ini menunjukkan bahawa ramai pelajar melihat sukarelawan sebagai alat untuk mencapai matlamat kerjaya mereka, yang mengesahkan Hipotesis kedua, iaitu motivasi kerjaya dalam penglibatan sukarelawan mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik.

Kajian lepas menunjukkan bahawa penglibatan dalam aktiviti sukarelawan sering dikaitkan dengan pembangunan kemahiran interpersonal dan kebolehan kepimpinan yang boleh membawa kepada peningkatan prestasi akademik. Beberapa teori menyatakan bahawa penglibatan sukarelawan membantu pelajar dalam menghubungkan teori dan praktikal. Pengalaman ini dapat memberi kefahaman yang lebih baik untuk pencapaian akademik pelajar serta dapat menyokong kecemerlangan akademik mereka. Maher et. al (2020) menganalisis pengaruh penglibatan sukarelawan dalam mempertingkatkan kebolehan akademik serta motivasi pelajar dalam bidang yang berkaitan dengan kerjaya. Pelajar yang melibatkan diri dalam sukarelawan dengan tujuan membangunkan kerjaya melaporkan peningkatan pencapaian akademik.

5.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhan, hasil menunjukkan bahawa motivasi nilai dan kerjaya pelajar dalam penglibatan sukarelawan memberi kesan terhadap pencapaian akademik mereka. Mereka yang memiliki motivasi nilai yang tinggi lebih cenderung untuk melihat sukarelawan sebagai tanggungjawab sosial yang memperkaya diri mereka secara moral dan sosial. Ia turut menyumbang kepada perkembangan akademik. Sebaliknya, motivasi kerjaya lebih berfokus kepada peningkatan prospek pekerjaan dan kemahiran profesional, yang mana ia juga mendorong pelajar untuk berusaha dalam akademik demi mencapai matlamat jangka panjang mereka.

Huang, Y (2014) Dalam kajian ini, Huang dan Chang menganalisis pengaruh penglibatan sukarelawan terhadap prestasi akademik dan motivasi pelajar universiti di Taiwan. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar yang menyertai aktiviti sukarelawan dengan tujuan kerjaya menunjukkan peningkatan dalam motivasi akademik dan prestasi, terutamanya dalam kursus yang relevan dengan bidang kerjaya mereka.

Dengan demikian, kedua-dua hipotesis (H1 dan H2) dapat diterima dengan bukti bahawa motivasi nilai dan kerjaya dalam penglibatan sukarelawan menunjukkan hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar, walaupun setiap motivasi mempunyai fokus yang berbeza dalam cara ia mempengaruhi pelajar.

Kajian ini menunjukkan bahawa penglibatan dalam aktiviti kesukarelawanan tidak hanya membantu membina kemahiran sosial dan kepimpinan tetapi juga memberi impak positif terhadap pencapaian akademik pelajar. Oleh itu, institusi pendidikan seperti Kolej Komuniti Jerantut disarankan untuk memperkukuhkan program kesukarelawanan sebagai strategi meningkatkan prestasi akademik sambil membangun kemahiran insaniah pelajar. Penyelidikan lanjut disarankan untuk mengkaji faktor-faktor tambahan yang mungkin mempengaruhi hubungan ini dalam konteks yang lebih luas.

6.0 RUJUKAN

Azizan Bahari. 2007. Becoming a Volunteer. Kuala Lumpur: International Youth Centre Foundation & Qarya Sdn. Bhd.

Baron, R. A., Branscombe, N. R., & Byrne, D (2009). Social psychology (12 ed.).Pearson Education, Inc.Clary, E. G., Snyder, M., Ridge, R. D., Copeland, J., Stukas, A. A., Haugen, J., & Meine, P. (1998). Understanding and assessing the motivations of volunteers: A functional approach. Journal of Personality and Social Psychology, (74), 1516-1530.

Clary, E. G., Snyder, M., Ridge, R. D., Copeland, J., Stukas, A. A., Haugen, J., & Miene, P. (1998). Understanding and assessing the motivations of volunteers: A functional approach. Journal of Personality and Social Psychology, 74(6), 1516–1530.

Ezhar Taman, Madiha Hashmi (2015) Predicting interethnic bridging social capital in youth ethnic-diversity engagement: The role of interethnic interaction and intercultural sensitivity. International Journal of Adolescence and Youth, 1-14.

Ferreira, M. R., Proença, T., & Proença, J. (2012). Organizational influence on Volunteer Satisfaction and attitudes towards HRM practices: The case of hospital volunteers. International Review on Public and Nonprofit Marketing, 9(1), 27–42

Haslinda Abdullah, Dzuhailmi Dahalan, Azimi Hamzah, Ismi Arif Ismail, Ezhar Tamam, Abdul-lateef Abdullah, Gill, Nobaya Ahmad (2012) Majlis Belia Malaysia: Quo vadis transformasi era semasa. Malaysia Journal of Society and Space 7 (7),13-19.

Huang, Y. T. (2014). Case analysis of college student participation in local service learning programs in Taiwan. Asian journal of management sciences & education, 3(2), 14-26.

Maher, M. A., Wofford, A. M., Roksa, J., & Feldon, D. F. (2020). Exploring Early Exits: Doctoral Attrition in the Biomedical Sciences. Journal of College Student Retention: Research, Theory & Practice, 22(2), 205-226.

Sarimah Ismail (2014) Youth volunteerism in Chow Kit, Malaysian: Factors of involvement. International Conference on Global Trends in Academic Research. Kuala Lumpur, 2-3 Jun.

Siti Raba'ah Hamzah, Turiman Suandi, Azimi Hamzah & Ezhar Tamam. (2015).Kepercayaan, Motivasi, Dan Niat Sukarelawan Belia Terhadap Aktiviti Sukarela Di Malaysia. Malaysian Journal of Youth Studies, 10.

Thapa, B. (1999). Environmentalism: The Relation of Environmental Attitudes and Environmentally Responsible Behaviors Among Undergraduate Students. Bulletin of Science, Technology & Society, 19(5), 426-438

Ward, L., & Parr, J. (2006). Authority, volunteerism, and sustainability: Creating and sustaining an online community through teacher leadership. Leadership and Policy in Schools, 5(2), 109-129.

Wilson, A., & Pimm, G. (1996). The Tiranny of the Volunteer: The Care and Feeding of Voluntary Workforce. Management Decision, 34, 24-40.

TINJAUAN AMALAN PEMBACAAN AL-QURAN DALAM KALANGAN PELAJAR KOLEJ KOMUNITI ZON PAHANG

Zuraini Bt Abdul Shaer
Kolej Komuniti Pekan, Pahang
zuraini@kkpekan.edu.my


Siti Khairun Naemah Bt Malik
Kolej Komuniti Pekan, Pahang
siti.khairun@kkpekan.edu.my

Md Shafiq Khairil bin Ismail
Kolej Komuniti Pekan, Pahang
shafiq@kkpekan.edu.my

ABSTRAK
Kajian ini bertujuan untuk meninjau amalan pembacaan Al-Quran dalam kalangan pelajar di Kolej Komuniti Zon Pahang. Fokus utama kajian adalah untuk mengenal pasti tahap kekerapan pembacaan, tahap kesedaran tentang kepentingan dan manfaat membaca al-Quran serta faktor-faktor yang mempengaruhi amalan ini. Data dikumpulkan melalui soal selidik yang melibatkan sampel pelajar dari Kolej Komuniti Zon Pahang. Kami telah mengumpulkan 138 sampel kaji selidik daripada 6 buah Kolej Komuniti Zon Pahang. Analisis data menunjukkan bahawa terdapat pelbagai tahap kekerapan pembacaan al-Quran di kalangan pelajar, dengan beberapa faktor seperti latar belakang pendidikan agama, pengaruh suasana masyarakat dan kesedaran tentang manfaat membaca al-Quran memainkan peranan penting. Dapatan kajian ini diharap dapat membantu pihak kolej dalam merancang program atau inisiatif bagi meningkatkan minat dan amalan pembacaan Al-Quran dalam kalangan pelajar. Seterusnya penulis dapat membangunkan modul pengajaran al-Quran yang sesuai untuk pelajar kolej komuniti.

Kata kunci: Al-Quran, kolej komuniti, pendidikan agama

1.0 PENGENALAN
Al-Quran merupakan kalam Allah yang diturunkan melalui lidah Rasulullah S.A.W. Ia adalah sumber utama perundangan dan hukum-hakam Islam serta menjadi panduan kepada umat Islam. Ia juga adalah mukjizat terbesar Rasulullah S.A.W. Membacanya merupakan satu amalan mulia dan dikira sebagai satu ibadah. Firman Allah dalam Surah al-Fatir ayat 29-30 yang berbunyi:


إِنَّ ٱلَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَٰبَ ٱللَّهِ وَأَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَأَنفَقُوا۟ مِمَّا رَزَقْنَٰهُمْ سِرًّا
وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تِجَٰرَةً لَّن تَبُورَ ﴿٢٩﴾
لِيُوَفِّيَهُمْ أُجُورَهُمْ وَيَزِيدَهُم مِّن فَضْلِهِۦٓ ۚ إِنَّهُۥ غَفُورٌ شَكُورٌ ﴿٣٠﴾

Maksudnya : Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca Kitab Allah dan tetap mendirikan sembahyang serta mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara terbuka, mereka (dengan amalan yang demikian) mengharapkan sejenis perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian; Supaya Allah menyempurnakan pahala mereka dan menambahi mereka dari limpah kurniaNya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi sentiasa membalas dengan sebaik-baiknya (akan orang-orang yang bersyukur kepadaNya). (Surah al-Fatir, 35:29-30)

Dalam surah yang lain, Allah telah berfirman yang berbunyi:

ٱلَّذِينَ ءَاتَيۡنَٰهُمُ ٱلۡكِتَٰبَ يَتۡلُونَهُۥ حَقَّ تِلَاوَتِهِۦٓ أُوْلَٰٓئِكَ يُؤۡمِنُونَ بِهِۦۗ وَمَن يَكۡفُرۡ بِهِۦ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡخَٰسِرُونَ ١٢١

Maksudnya : Orang-orang yang Kami berikan Kitab kepada mereka, sedang mereka membacanya dengan sebenar-benar bacaan (tidak mengubah dan memutarkan maksudnya), mereka itulah orang-orang yang beriman kepadanya; dan sesiapa yang mengingkarinya maka mereka itulah orang-orang yang rugi. (Surah al-Baqarah, 2: 121)

Tafsiran daripada ayat ini ialah penekanan terhadap pentingnya membaca al-Quran dengan mengikuti hukum-hukum yang terkandung di dalamnya, mengamalkan ajarannya, memahami serta tidak mengubah maknanya. Ibn Kathir memberi erti “hak tilawah“ antaranya ialah menghalalkan apa yang dihalalkan oleh al-Quran dan mengharamkan apa yang diharamkannya, membacanya sesuai dengan yang diturunkan oleh Allah tanpa mengubah kata-kata dari tempatnya dan tidak mentafsirkan ayat-ayat al-Quran dengan makna yang berbeza dari maksud sebenar.

Seterusnya, Allah menekankan kewajipan membaca al-Quran secara tartil iaitu firman Allah yang berbunyi:

وَرَتِّلِ ٱلۡقُرۡءَانَ تَرۡتِيلًا

Maksudnya: Dan bacalah Al-Quran dengan "Tartil". (Surah al-Muzammil, 73:4)

Ringkasnya, membaca al-Quran adalah satu amalan yang sangat dituntut dalam Islam. Membaca secara tartil sangat penting untuk mengelakkan daripada berlakunya perubahan huruf. Bila huruf berubah maka makna ayat tersebut akan berubah juga. Kesannya, membaca al-Quran pada asalnya mendapat pahala, akan bertukar mendapat dosa jika membaca tanpa tartil dan tidak bertajwid.

2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Membaca al-Quran merupakan amalan yang penting dan amat dituntut kepada umat Islam. Ia adalah sumber utama ajaran Islam yang mengandungi petunjuk dan hidayah bagi umat manusia. Namun, pemerhatian secara tidak langsung menunjukkan bahawa ramai pelajar kolej komuniti masih kurang membaca al-Quran, bahkan tahap penguasaan pembacaan yang betul dan fasih adalah di tahap yang rendah. Hal ini membimbangkan kerana kolej komuniti memainkan peranan penting dalam membentuk modal insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Mereka seharusnya mempunyai kemahiran membaca al-Quran yang baik bagi memastikan mereka dapat memahami dan menghayati ajaran Islam dengan lebih mendalam.

Oleh itu, adalah penting untuk mengkaji secara mendalam amalan pembacaan al-Quran dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Zon Pahang bagi mengenal pasti kesedaran tentang manfaat membaca al-Quran dan kekerapan mereka membaca al-Quran, serta mencadangkan strategi-strategi yang sesuai untuk meningkatkan kemahiran membaca al-Quran dalam kalangan mereka. Dapatan kajian ini diharap dapat memberikan maklumat berguna kepada pihak pengurusan kolej komuniti untuk merancang dan melaksanakan program-program yang dapat membantu pelajar menguasai kemahiran membaca al-Quran dengan baik.

Dalam satu kajian oleh Prof. Madya Dr. Bhasah Hj Abu Bakar (2008), mendapati pembudayaan pembacaan al-Quran di kalangan pelajar-pelajar sekolah rendah adalah tinggi iaitu pada kadar 3 ke 4 kali seminggu. Kajian beliau fokus kepada pelajar-pelajar sekolah rendah yang sedang melalui persekolahan kebangsaan dan Sekolah Agama Rakyat di kawasan Lembah Klang.

Dr. Azrudin Awang (2014) pula, dalam kajiannya terhadap tahap pembacaan al-Quran dalam kalangan pelajar UiTM Terengganu menunjukkan bahawa kemampuan para pelajar adalah sederhana dalam aspek pembacaan al-Quran. Juga dalam aspek-aspek tertentu masih ramai pelajar agak lemah seperti dalam menguasai pengetahuan tentang bacaan berlagu, pengetahuan hukum tajwid dan pembacaan secara bertajwid. Penulis mendapati kajian beliau lebih kepada prestasi dan kemampuan pelajar membaca al-Quran dengan betul.

Seterusnya dalam kajian berkenaan pengamalan membaca al-Quran terhadap pelajar di Sekolah Agama Pekan Pagoh, Muar, Johor oleh Nik Kamal Wan Muhammed (2018) mendapati tahap pengamalan pembacaan al-Quran di kalangan pelajar-pelajar tersebut adalah di tahap yang baik. Manakala kesan pengamalan pembacaan al-Quran adalah di tahap yang sederhana.

Kajian Rohani Abd Razak dan Norazwira Wati Awang (2022) mendapati bahawa amalan dan kesedaran terhadap pembacaan al-Quran di kalangan pelajar Politeknik Muadzam Shah berada pada tahap yang tinggi. Beliau mencadangkan program-program pembudayaan al-Quran perlu digiatkan kepada pelajar Politeknik Muadzam Shah dan kajian tahap kesedaran dan pengamalan pembacaan al-Quran perlu dilakukan di pusat pendidikan yang lain.

Tujuan kajian dalam penyelidikan ini adalah untuk mengetahui tahap kesedaran tentang kepentingan dan manfaat membaca al-Quran serta amalan pembacaan al-Quran dalam kalangan pelajar-pelajar Kolej Komuniti Zon Pahang. Dengan kajian ini, diharapkan penulis dapat mencadangkan program-program dan aktiviti-aktiviti yang sesuai untuk pelajar-pelajar kolej komuniti sebagai usaha menerapkan nilai-nilai Islam dalam diri pelajar.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Sampel:

Kajian ini akan menggunakan reka bentuk kajian tinjauan kuantitatif. Populasi kajian adalah pelajar-pelajar Kolej Komuniti Zon Pahang. Sampel kajian adalah terdiri dari 138 orang dari 6 buah kolej iaitu Kolej Komuniti Pekan, Kuantan, Rompin, Jerantut, Temerloh dan Raub.

Instrumen:

Instrumen kajian yang digunakan ialah borang soal selidik yang mengandungi tiga bahagian utama:

Bahagian A: Maklumat demografi pelajar seperti jantina, institusi, pendidikan tertinggi, latar belakang sekolah dan pendidikan awal al-Quran.

Bahagian B: Soalan-soalan untuk mengukur tahap kesedaran pembacaan al-Quran seperti kesedaran tentang kepentingan membaca al-Quran dalam membina sahsiah diri, mewujudkan ketenangan hati dan peningkatan kualiti kehidupan seseorang pelajar.

Bahagian C: Soalan-soalan untuk mengetahui amalan pembacaan al-Quran seperti kekerapan membaca al-Quran dan waktu kebiasaan pelajar membaca al-Quran.

Borang soal selidik diedarkan kepada pelajar secara atas talian menggunakan Google Form. Data yang dikumpul dianalisis menggunakan perisian statistik SPSS versi 27.0. Analisis deskriptif seperti min, kekerapan dan peratusan akan digunakan untuk menerangkan data.

4.0 PERBINCANGAN

Sejajar dengan visi kolej komuniti untuk menjadi peneraju institusi TVET yang unggul, antara misi yang digariskan ialah “melahirkan graduan yang holistik“. Ini membawa makna bahawa kolej komuniti berhasrat untuk menghasilkan pelajar yang bukan hanya cemerlang dalam bidang akademik, tetapi cemerlang juga dalam aspek pembangunan sahsiah dan nilai moral. Pembangunan sahsiah dan nilai moral sangat dekat dengan amalan keagamaan dan bagi pelajar muslim, al-Quran merupakan panduan utama untuk membangunkan sahsiah diri.

Oleh itu, kajian ini merupakan satu kajian merintis jalan untuk mendapatkan maklumat terhadap kesedaran dan amalan pembacaan pelajar-pelajar kolej komuniti. Kajian awalan ini adalah sebagai asas untuk membangunkan program dan aktiviti yang sesuai dengan pelajar Kolej Komuniti sebagai penerapan nilai-nilai Islam dalam diri pelajar.

Secara umumnya, dapatan kajian mendapati kesedaran pelajar terhadap kepentingan membaca al-Quran dalam kehidupan seharian dan manfaat yang diperolehi dari amalan tersebut adalah di tahap yang tinggi iaitu melebihi 70% responden daripada 138 orang. Manakala kekerapan pelajar membaca al-Quran adalah di tahap yang sederhana iaitu secara umumnya 40% pelajar membaca al-Quran pada waktu pagi, selepas solat dan pada situasi yang tertentu. Peratusan ini melonjak kepada lebih 70% pada bulan Ramadhan dan membaca surah Yasin pada malam Jumaat.


Kajian ini mendapati 80.4% pelajar Kolej Komuniti Zon Pahang sangat setuju bahawa membaca al-Quran adalah penting dalam kehidupan seharian dan sangat bermanfaat untuk kecemerlangan diri. Kajian ini bertepatan dengan kajian oleh Fazlina Fadzil dan Nurulazidah Jaafar (2013) yang mengkaji kesedaran kepentingan membaca al-Quran dalam kehidupan seharian dalam kalangan pelajar Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan iaitu sebanyak 80.64%.

Seterusnya kajian ini mendapati 13% pelajar Kolej Komuniti Zon Pahang sangat setuju dan 45.7% setuju membaca al-Quran selepas solat. Namun, merujuk kepada kajian oleh Fazlina Fadzil dan Nurulazidah Jaafar (2013), hanya 3.23% pelajar Politeknik Port Dickson sangat setuju dan 20.43% setuju membaca al-Quran selepas solat. Ini menunjukkan ada perbezaan yang ketara yang mungkin dipengaruhi oleh latar belakang pendidikan dan program yang diikuti dalam institusi.


4.1 DEMOGRAFI RESPONDEN

Peratus keputusan bagi semua demografi adalah seperti berikut:

Rajah 1 : Peratus Jantina



Rajah 2 : Bilangan Institusi Terlibat




Sebanyak 64.5% responden yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada pelajar lelaki, manakala baki 35.5% merupakan pelajar perempuan. Mereka terdiri daripada pelajar Kolej Komuniti Pekan (54 orang), Rompin (50 orang), Jerantut (19 orang), Temerloh (9 orang), Kuantan (5 orang) dan Raub (1 orang).

Rajah 3 : Aliran Sekolah



Rajah 4 : Pendidikan Awal Al-Quran



Majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini berlatar belakangkan sekolah biasa, iaitu sebanyak 88.4% (122 orang). Manakala hanya 11.5% (16 orang) responden terdiri daripada pelajar lepasan sekolah agama. Dapatan ini mencerminkan bahawa kajian ini lebih banyak melibatkan pelajar dari sekolah biasa berbanding sekolah agama. Seterusnya responden menerima pendidikan awal Al-Quran melalui Sekolah Rendah (41.3%) dan Kelas Fardhu Ain (KAFA) (39.1%). Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar dalam kajian ini memulakan pendidikan Al-Quran mereka dalam konteks pendidikan formal semasa peringkat sekolah rendah dan melalui institusi KAFA.

Jadual 1 : Jantina * Pendidikan awal al-Quran: Crosstabulation

Count

		Pendidikan awal al-Quran:					
		KAFA	Kelas persendirian	Sekolah Menengah	Sekolah Rendah	Tiada pendidikan awal	Total
Jantina	Lelaki	38	6	12	32	1	89
	Perempuan	16	3	5	25	0	49
Total		54	9	17	57	1	138

Bahkan dalam Jadual Tabulasi Silang di atas, menunjukkan pelajar lelaki yang melalui institusi KAFA adalah seramai 38 orang dan pelajar perempuan seramai 16 orang. Dapatan ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar telah terdedah kepada pendidikan Al-Quran sejak peringkat awal, yang berkemungkinan mempengaruhi tahap kesedaran dan amalan mereka terhadap pembacaan Al-Quran.

4.2 TAHAP KESEDARAN PELAJAR TENTANG KEPENTINGAN MEMBACA AL-QURAN.

Jadual 2 : Peratusan Tahap Kesedaran Pelajar Tentang Kepentingan Membaca al-Quran

Bil	Perkara	Sangat setuju	Setuju	Tidak pasti	Tidak setuju	Sangat tidak setuju	Jumlah
1	Saya sedar membaca al-Quran adalah penting dalam kehidupan seharian	80.4	17.4	0.0	0.0	2.2	100
2	Saya sedar membaca al-Quran sangat bermanfaat untuk kecemerlangan diri.	80.4	17.4	0.7	0.0	1.4	100
3	Saya sedar dengan membaca al-Quran boleh membentuk identiti dan nilai-nilai murni.	71.0	27.5	0.0	0.7	0.7	100

4.3 KEKERAPAN PELAJAR DALAM AMALAN MEMBACA AL-QURAN

Peratus keputusan bagi kekerapan pelajar dalam amalan pembacaan al-Quran adalah seperti jadual di bawah:

Bil	Perkara	Sangat setuju	Setuju	Tidak pasti	Tidak setuju	Sangat tidak setuju	Jumlah
1	Saya kerap membaca al-Quran di waktu pagi	4.3	39.9	39.9	13.0	2.9	100
2	Saya kerap membaca al-Quran di waktu petang	4.3	30.4	50.0	14.5	0.7	100
3	Saya kerap membaca al-Quran setiap kali selepas solat	13.0	45.7	28.3	10.1	2.9	100
4	Saya kerap membaca al-Quran (surah Yasin) pada setiap hari Jumaat.	29.0	52.2	13.0	3.6	2.2	100
5	Saya kerap membaca al-Quran pada bulan Ramadhan	23.9	54.3	17.4	4.3	0	100
6	Saya hanya membaca al-Quran apabila disuruh oleh ibubapa	1.4	15.9	23.9	38.4	20.3	100

7	Saya membaca al-Quran apabila terdengar peringatan atau nasihat daripada ceramah dan sebagainya	11.6	44.9	23.2	12.3	8.0	100
8	Saya kerap membaca surah pendek ketika solat.	43.5	43.5	5.8	5.8	1.4	100
9	Saya hanya membaca al-Quran ketika terdapat program atau ketika ada kematian.	4.3	15.9	26.8	33.3	19.6	100
10	Saya membaca al-Quran sekiranya ada keperluan sahaja.	1.4	9.4	20.3	38.4	30.4	100

5.0 KESIMPULAN

Melalui kajian ini, didapati bahawa pembacaan al-Quran dalam kalangan pelajar-pelajar kolej komuniti dipengaruhi oleh beberapa faktor utama seperti latar belakang pendidikan agama dan budaya masyarakat setempat. Dapatan ini memberikan implikasi penting kepada institusi pendidikan dalam merangka program pembelajaran agama yang lebih berkesan. Walaupun kajian ini mempunyai keterbatasan dari segi sampel yang terhad, namun ia membuka ruang untuk kajian lanjut yang lebih mendalam. Kesimpulannya, kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih baik mengenai amalan pembacaan al-Quran dalam kalangan belia dan diharap dapat memperkukuhkan pembangunan modal insan berteraskan nilai-nilai agama.

6.0 RUJUKAN

Rujukan buku:

Al-Quran. (2022), *Al-Quran Al-Karim & Terjemahan*, Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.

Ismail Kamus, Mohd. Azrul Azlen Ab. Hamid, (2009). Indahnya Hidup Bersyariat. Kuala Lumpur : Telaga Biru Sdn. Bhd.

Surur Shihabuddin An-Nadawi, (2004). *Ilmu Tajwid Menurut Riwayat Hafs 'An 'Asim Melalui Toriq Asy-Syatibiyyah*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd. Zamri Zainuldin, (2011). Bijak Tajwid. Kuala Lumpur : Inteam Publishing Sdn. Bhd.

Rujukan internet:

Azarudin Awang. (2014). *Tahap Pembacaan al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Di UiTM Terengganu.* The Journal of Teaching and Learning.https://www.academia.edu /92582927/TAHAP_PEMBACAAN_AL_QURAN_DALAM_KALAGAN_PELAJAR_ DI_UiTM_TERENGGANU

Bhasah Abu Bakar. (n.d.). *Amalan Pembacaan dan Hafazan al-Quran Bagi Pelajar Sekolah Rendah- Satu Pencerapan.https://www.academia.edu/11455367/AMALAN_ PEMBACAAN_DAN_HAFAZAN_AL_QURAN_BAGI_PELAJAR_PELAJAR_SEKOLAH_ RENDAH_SATU_PENCERAPAN*

Fazlina Fadzil & Nurulazidah Jaafar. (2013 Mac 09). *Kajian Pengamalan dan Kesedaran Pembacaan al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Muslim Politeknik Port Dickson Negeri Sembilan.* https://www.scribd.com/doc/129436203/kajian-tajwid.

Muhd Farhan. (2020 April 02). *Irsyad hukum Siri Ke-482 : Hukum Membaca al-Quran Dengan Bertajwid*. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. https://www.muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/4409-irsyad-al-fatwa-siri-ke-482-hukum-membaca-al-quran-dengan-bertajwid

Nik Kamal & Suliha. (2018 Jun 21). *Kajian Pengamalan Membaca al=Quran dan kesannya terhadap pelajar di Sekolah Agama Pekan Pagoh, Muar, Johor.* Penerbit UTHM.https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/hsp/article/view/1198/455

Rohani Abd Razak & Norazwira Wati Awang. (2022 Jun). *Kajian Hubungkait Antara Amalan Dan Kesedaran Pembacaan al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Semester Akhir politeknikMuadzamShah*.https://myjurnal.mohe.gov. my/filebank/published_article/129197/IJEPC2022460643.pdf

IMPAK PROGRAM SUKARELAWAN DI KOLEJ KOMUNITI ROMPIN TERHADAP PERSONALITI PELAJAR DARI SUDUT KESEDARAN SOSIAL, KEMAHIRAN INTERPERSONAL DAN KEPIMPINAN

M.Anwar Fakaruddin bin M.Jalaludin
Kolej Komuniti Rompin, Pahang
anwarfakaruddin.jalaludin@kkrompin.edu.my

Suhana binti Setu
Kolej Komuniti Rompin, Pahang
suhanasetu1234@gmail.com

Noor Haslinda binti Zainoldin
Kolej Komuniti Rompin, Pahang
haslindazainoldin@gmail.com

ABSTRAK

Program sukarelawan di Kolej Komuniti Rompin memainkan peranan penting dalam pembangunan personaliti pelajar serta masyarakat. Penulisan ini mengkaji personaliti pelajar yang diterapkan dalam program sukarelawan, terutamanya dalam peningkatan kesedaran sosial, kemahiran interpersonal dan kepimpinan di kalangan pelajar. Melalui pelbagai aktiviti seperti program pendidikan, bantuan kemanusiaan, dan pemuliharaan alam sekitar, pelajar bukan sahaja dapat memberi sumbangan positif kepada masyarakat, tetapi juga memperoleh pengalaman praktikal yang berharga. Kaedah kajian ini berdasarkan maklumat penilaian pelajar semester tiga dari semua bidang di Kolej Komuniti Rompin bagi sesi 1 2024/2025. Kajian yang dikenal pasti termasuk penglibatan aktif pelajar dalam perancangan dan pelaksanaan projek, kerjasama dengan organisasi luar, serta penilaian dan refleksi selepas aktiviti. Keputusan dari hasil kajian data penilaian pelajar mendapati program sukarelawan pelajar di Kolej Komuniti Rompin yang diaplikasikan di dalam komuniti mendapat kategori memuaskan. Dengan menyokong program sukarelawan ini, kolej komuniti dapat membantu pelajar membangun kemahiran yang berguna, meningkatkan keyakinan diri dan membina rasa tanggungjawab sosial, sekaligus memberi impak yang bermakna kepada masyarakat. Penulisan kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan bagi institusi pendidikan lain dalam melaksanakan program sukarelawan yang berkesan dan berdaya saing.

Kata kunci : *Program sukarelawan, Pembangunan personaliti pelajar*

1.0 PENGENALAN

Program sukarelawan di Kolej Komuniti Rompin merupakan satu inisiatif penglibatan pelajar dalam aktiviti kemasyarakatan di samping memupuk personaliti peribadi yang positif. Program-program ini akan melahirkan pelajar yang seimbang yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik tetapi juga bertanggungjawab secara sosial dan mempunyai sifat empati. Ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran sosial, kemahiran interpersonal, dan kepimpinan di kalangan pelajar.

Melalui pelbagai aktiviti seperti program pendidikan, bantuan kemanusiaan dan pemuliharaan alam sekitar, pelajar bukan sahaja dapat memberi sumbangan positif kepada masyarakat, tetapi juga memperoleh pengalaman praktikal yang berharga. Pelajar didedahkan kepada pengalaman kehidupan sebenar yang mencabar mereka untuk berfikir di luar bilik darjah. Program sukarelawan ini mendedahkan mereka kepada aspek kepimpinan, komunikasi interpersonal, pengurusan masa dan kerja berpasukan. Semua aspek ini penting dalam pembentukan personaliti yang dinamik dan seimbang.

1.1 KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Berdasarkan penulisan terdahulu, penglibatan aktiviti sukarelawan di kalangan belia dalam masyarakat terhadap semangat sukarelawan merupakan isu penting. Kajian terdahulu banyak memfokuskan kepada skop motivasi tetapi kurang dari aspek penghayatan. Kajian kali ini akan memfokuskan kepada penghayatan belia terhadap semangat kesukarelawan. Kajian terhadap sukarelawan dari aspek motivasi, minat serta komitmen pernah dijalankan oleh Sharififar et al (2011). Chacon et al (2011) pula mengkaji faktor motivasi dan hubungannya dengan pembahagian tugas dan latihan sesuatu program sukarelawan. Selain itu, Batson et al (2002) dan Clary et al (1998) berpendapat individu altruistik akan memperoleh faedah tidak nyata seperti kepuasan diri kerana dapat membantu orang lain.

1.2 LATAR BELAKANG MASALAH

Program sukarelawan di kolej komuniti telah menjadi semakin penting kerana institusi pendidikan itu berusaha untuk menyediakan pelajar dengan pengalaman pembelajaran yang merangkumi lebih daripada bilik darjah. Program ini berakar pada kepercayaan bahawa pendidikan harus memberi tumpuan kepada perkembangan sosial dan peribadi selain daripada pencapaian akademik. Kolej komuniti yang mempunyai populasi pelajar yang terdiri dari pelbagai kaum adalah unik kerana ia menawarkan peluang sukarela yang membolehkan pelajar dapat meningkatkan pertumbuhan peribadi mereka dengan mengambil bahagian dalam tanggungjawab sosial dan berinteraksi dengan komuniti tempatan mereka.

Program sukarelawan membolehkan pelajar mengaplikasikan pelajaran di bilik darjah ke situasi dunia sebenar. Pengalaman ini sering membawa kepada pembangunan kemahiran kendiri yang semakin dihargai pada hari ini, seperti kerja berpasukan, kebolehsuaian, kecerdasan emosi dan empati.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah seperti berikut :

I. Mengenal pasti sejauh manakah kesedaran sosial pelajar terhadap program sukarelawan di Kolej Komuniti Rompin Pahang.

II. Mengenal pasti tahap kemahiran interpersonal pelajar Kolej Komuniti Rompin Pahang melalui program sukarelawan.

III.Mengenal pasti tahap kemahiran kepimpinan pelajar Kolej Komuniti Rompin Pahang melalui program sukarelawan.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

I. Sejauh manakah tahap kesedaran sosial pelajar terhadap program sukarelawan di Kolej Komuniti Rompin?

II. Bagaimanakah Program Sukarelawan dapat membantu tahap kemahiran interpersonal pelajar Kolej Komuniti Rompin?

III. Bagaimanakah Program Sukarelawan dapat membantu tahap kepimpinan pelajar Kolej Komuniti Rompin?

1.5 SKOP KAJIAN

Kajian ini difokuskan kepada Kolej Komuniti Rompin di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi. Kajian ini ingin mengenal pasti sejauh manakah impak program sukarelawan di Kolej Komuniti Rompin terhadap personaliti pelajar. Penilaian soal selidik ini difokuskan kepada pelajar semester 3 pada sesi 1 2024/2025. Kajian ini melibatkan 50 orang pelajar dari lima program berbeza. Antara program yang terlibat ialah Sijil Operasi Perhotelan, Sijil Kulinari, Sijil Teknologi Automotif, Sijil Teknologi Elektrik dan Sijil Teknologi Penyejukan dan Penyamanan Udara.

Data dikumpulkan melalui aplikasi Google Forms yang mana dihebahkan kepada pelajar. Penyeliaan ini berlangsung dalam tempoh satu minggu iaitu pada minggu ke sepuluh.

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Tujuan kajian deskriptif ini adalah untuk menentukan tahap personaliti pelajar terhadap program sukarelawan yang dijalankan di Kolej Komuniti Rompin, Pahang.

Kajian ini tertumpu kepada pelajar semester tiga di Kolej Komuniti Rompin, Pahang iaitu seramai 87 orang pelajar. Pilihan pelajar semester tiga ini sebagai responden adalah selaras dengan matlamat penyelidik untuk mendapatkan data yang terbaik. Bilangan program sukarelawan yang dianjurkan sepanjang tiga semester disertai oleh pelajar dari semester satu hingga semester tiga.

A. Sampel Kajian

Kajian ini melibatkan pelajar semester tiga di Kolej Komuniti Rompin dalam lima bidang yang berbeza antaranya Sijil Operasi Perhotelan, Sijil Teknologi Automotif, Sijil Teknologi Elektrik, Sijil Kulinari dan Sijil Teknologi Penyejukan dan Penyamanan Udara. Seramai 50 responden yang terlibat dalam kajian ini.

B. Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan berasaskan borang kaji selidik yang diedarkan melalui aplikasi Google Forms. Pengkaji hanya menfokuskan pada kriteria kesedaran sosial, kemahiran interpersonal dan kepimpinan di kalangan pelajar. Ini adalah bersesuaian dengan objektif yang hendak dikaji.

Menggunakan Skala Likert yang mempunyai tahap kebolehpercayaan dan ketepatan yang sangat tinggi sehingga 85%. Skala Likert lima mata, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 digunakan dalam kajian ini.

Jadual 1 : Pemeringkatan Skala Likert

Aras	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju
Pengukuran	(STS)	(TS)	(TP)	(S)	(SS)
Skala	1	2	3	4	5

Data dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Packages For Social Science (SPSS) versi 21.0. Interpretasi min yang diperoleh akan mengikut jadual taksiran statistik deskriptif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Interpretasi Min

Julat Skor Min	Interpretasi Min
1.00 – 1.80	Sangat Tidak Memuaskan
1.81 – 2.60	Tidak Memuaskan
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Memuaskan
4.21 – 5.00	Sangat Memuaskan

(Sumber : J.W Creswell.(2005))

2.1 DAPATAN KAJIAN

Latar belakang bidang responden peserta ditunjukkan dalam jadual 3.

Jadual 3 : Latar belakang bidang responden

Bidang	Bilangan	Peratus
Kulinari	8	16%
Operasi Perhotelan	12	24%
Teknologi Automotif	8	16%
Teknologi Elektrik	14	28%
Teknologi Penyamanan Udara	8	16%
Jumlah	**50**	**100%**

2.2 ANALISIS PERSOALAN KAJIAN

a) Persoalan Kajian 1 :

Sejauh manakah tahap kesedaran sosial pelajar terhadap program sukarelawan di Kolej Komuniti Rompin?

Jadual 4 merujuk hasil analisis SPSS

Jadual 4 : Analisis Responden Dari Aspek Kesedaran Sosial

ITEM	SOALAN KAJIAN 1	STS		TS		TP		S		SS		MIN	TAHAP
		f	%	f	%	f	%	f	%	f	%		
1	Program sukarelawan membantu meningkatkan tahap empati dan kesedaran sivik dalam kalangan pelajar	3	6	0	0	0	0	28	56	19	38	**4.20**	**Memuaskan**
2	Program sukarelawan membantu dalam membina rangkaian sosial yang lebih kukuh antara pelajar dan komuniti setempat	3	6	0	0	0	0 SP	25	50	22	44	**4.26**	**Sangat Memuaskan**
3	Saya menyertai aktiviti sukarelawan kerana saya mahu memberi sumbangan kepada masyarakat	3	6	0	0	1	2	30	60	16	32	**4.12**	**Memuaskan**
4	Aktiviti sukarelawan membantu saya memahami dengan lebih baik tentang masalah yang dihadapi oleh komuniti	3	6	0	0	3	6	25	50	19	38	**4.14**	**Memuaskan**
5	Saya lebih berminat untuk terus terlibat dalam aktiviti sukarelawan pada masa akan datang	3	6	1	2	2	4	27	54	17	34	**4.08**	**Memuaskan**
Purata Min Keseluruhan : N = 50												**4.16**	**Memuaskan**

Berdasarkan jadual analisis di atas bagi persoalan kajian satu iaitu mengkaji tahap kesedaran sosial pelajar terhadap program sukarelawan di Kolej Komuniti Rompin, item bilangan 2 menunjukkan nilai min yang paling tinggi iaitu sebanyak 4.26 di tahap yang memuaskan. Ia menunjukkan program sukarelawan membantu dalam membina rangkaian sosial yang lebih kukuh antara pelajar dan komuniti. Manakala item bilangan 5 pula mempunyai nilai min yang paling rendah iaitu sebanyak 4.08. Ia juga di tahap memuaskan. Ini bermaksud pelajar juga lebih berminat untuk terus terlibat dalam aktiviti sukarelawan pada masa akan datang. Secara keseluruhannya, purata min bagi 'Kesedaran Sosial' pelajar ialah sebanyak 4.16 iaitu di tahap memuaskan. Majoriti responden menyedari bahawa program sukarelawan membantu meningkatkan kesedaran sosial pelajar dalam masyarakat.

Persoalan Kajian 2 :

b) Bagaimanakah Program Sukarelawan dapat membantu tahap kemahiran interpersonal pelajar Kolej Komuniti Rompin?

Jadual 5 merujuk hasil analisis SPSS

Jadual 5 : Analisis Responden Dari Aspek Kemahiran Interpersonal

ITEM	SOALAN KAJIAN 2	STS		TS		TP		S		SS		MIN	TAHAP
		f	%	f	%	f	%	f	%	f	%		
1	Penyertaan dalam program sukarelawan mempengaruhi kemahiran sosial dan komunikasi pelajar di kolej komuniti	3	6	2	4	2	4	24	48	19	38	**4.08**	**Memuaskan**
2	Saya menyertai sukarelawan kerana saya mahu membuat perubahan yang positif dalam masyarakat	3	6	1	2	3	6	28	56	15	30	**4.02**	**Memuaskan**
3	Program sukarelawan di kolej komuniti mempengaruhi pandangan pelajar terhadap kerjaya di masa hadapan.	3	6	3	6	4	8	22	44	18	36	**3.98**	**Memuaskan**
4	Saya menyertai aktiviti sukarelawan untuk membina pengalaman yang akan membantu saya dalam kerjaya masa depan	3	6	2	4	1	2	22	44	22	44	**4.16**	**Memuaskan**
5	Pengalaman sukarelawan mempengaruhi motivasi akademik dan sikap pelajar terhadap pembelajaran.	3	6	2	4	1	2	24	48	20	40	**4.12**	**Memuaskan**
Purata Min Keseluruhan : N = 50												**4.07**	**Memuaskan**

Berdasarkan hasil analisis bagi persoalan kajian kedua iaitu mengkaji tahap kemahiran interpersonal, item bilangan 4 menunjukkan nilai min yang paling tinggi iaitu sebanyak 4.16 di mana ianya di tahap memuaskan. Ia menunjukkan pelajar menyertai aktiviti sukarelawan untuk membina pengalaman. Manakala item bilangan 3 pula menunjukkan nilai min paling rendah iaitu sebanyak 3.98 dan ianya juga di tahap memuaskan. Ini bermaksud pelajar juga menyedari program sukarelawan di kolej komuniti mempengaruhi pandangan pelajar terhadap kerjaya di masa hadapan. Secara keseluruhannya, purata min bagi 'Kemahiran Interpersonal' pelajar ialah sebanyak 4.07 iaitu di tahap memuaskan.

Persoalan Kajian 3 :

c) Bagaimanakah Program Sukarelawan dapat membantu tahap kepimpinan pelajar Kolej Komuniti Rompin?

Jadual 6 merujuk hasil analisis SPSS

Jadual 6 : Analisis Responden Dari Aspek Kepimpinan

ITEM	SOALAN KAJIAN 3	STS		TS		TP		S		SS		MIN	TAHAP
		f	%	f	%	f	%	f	%	f	%		
1	Penglibatan dalam aktiviti sukarelawan membentuk sifat kepimpinan dan tanggungjawab dalam kalangan pelajar	3	6	2	4	3	6	25	50	17	34	**4.02**	**Memuaskan**
2	Hubungan antara penyertaan dalam program sukarelawan dan peningkatan kesejahteraan emosi serta mental pelajar di kolej komuniti amat diperlukan	3	6	2	4	2	4	27	54	16	32	**4.02**	**Memuaskan**
3	Program sukarelawan menyumbang kepada peningkatan keyakinan diri pelajar di kolej komuniti.	3	6	3	6	1	2	24	48	19	38	**4.06**	**Memuaskan**
4	Penyertaan dalam sukarelawan membantu meningkatkan kemahiran kerja berpasukan saya	3	6	1	2	3	6	20	40	23	46	**4.18**	**Memuaskan**
5	Aktiviti sukarelawan meningkatkan kesedaran saya tentang kepentingan bekerjasama dalam menyelesaikan masalah masyarakat	3	6	2	4	3	6	23	46	19	38	**4.06**	**Memuaskan**
Purata Min Keseluruhan : N = 50												**4.06**	**Memuaskan**

Merujuk analisis bagi persoalan kajian ketiga iaitu mengkaji tahap kepimpinan pelajar, item bilangan 4 menunjukkan nilai min yang tinggi iaitu sebanyak 4.18 di tahap memuaskan. Ia menunjukkan penyertaan dalam sukarelawan membantu meningkatkan kemahiran kerja berpasukan. Manakala item bilangan 1 dan 2 pula menunjukkan nilai min yang paling rendah iaitu sebanyak 4.02 dan juga di tahap memuaskan. Ini bermaksud penglibatan dalam aktiviti sukarelawan membentuk sifat kepimpinan dan tanggungjawab dalam kalangan pelajar. Selain itu juga, hubungan antara penyertaan dalam program sukarelawan dan peningkatan kesejahteraan emosi serta mental pelajar di kolej komuniti amat diperlukan. Secara keseluruhannya, purata min bagi 'Kemahiran Kepimpinan' pelajar ialah sebanyak 4.06 iaitu di tahap memuaskan. Majoriti responden mampu menunjukkan sifat kepimpinan yang baik dalam masyarakat.

2.3 RUMUSAN ANALISIS KESELURUHAN ANALISIS DATA

Jadual 10 : Data Peratusan Responden Untuk Keseluruhan Persoalan Kajian

Bil	Persoalan Kajian	Purata Min	Tahap
1	Sejauh manakah tahap kesedaran sosial pelajar terhadap program sukarelawan di Kolej Komuniti Rompin?	**4.16**	**Memuaskan**
2	Bagaimanakah Program Sukarelawan dapat membantu tahap kemahiran interpersonal pelajar Kolej Komuniti Rompin?	**4.07**	**Memuaskan**
3	Bagaimanakah Program Sukarelawan dapat membantu tahap kepimpinan pelajar Kolej Komuniti Rompin?	**4.06**	**Memuaskan**

3.0 KESIMPULAN

Kiraan purata min keseluruhan bagi setiap kriteria yang dikaji, disimpulkan bahawa responden iaitu pelajar semester 3 Kolej Komuniti Rompin seramai 50 orang dari 5 bidang yang berlainan ini mempunyai penilaian yang baik terhadap program sukarelawan yang dianjurkan oleh Kolej Komuniti Rompin. Dengan kata lain, program sukarelawan ini mendatangkan impak yang positif kepada personaliti pelajar terutamanya dari aspek kesedaran sosial, kemahiran interpersonal dan kepimpinan. Diharapkan program sukarelawan ini diperbanyakkan di masa hadapan. Kolaborasi bersama agensi-agensi luar yang ingin mengadakan aktiviti sukarelawan ini juga perlu disambut baik.

4.0 RUJUKAN

Utusan Malaysia (2012) *Sukarelawan Penguat Semangat Gaza*, 23 Disember. [Cited 29/3/2015].

Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim (2004) Kajian inventori penyelidikan pembangunan sosial di Malaysia 2001-2005. Laporan Akhir Penyelidikan, Universiti Sains Islam Malaysia.

Mohd Hairul Anuar Razak, Jayum A Jawan, Adlina Abd. Halim, Mohd Mahadee Ismail, Siti Aishah Misri (2013) Penghayatan dan Kesedaran Patriotisme dalam kalangan Pelatih Program Latihan Khidmat Negara. *Malaysian Journal of Youth Studies* 8, 1-24.

Saifuddin Abdullah (2001) Gerakan Kesukarelaan: Menjana Perubahan Bermakna. Majlis Belia Malaysia, Yayasan Salam Malaysia dan Akademi Belia, Kuala Lumpur.

Sharififar F, Jamalian Z, Nikbakhsh R, Ramezani ZN (2011) Influence of social factors and motives on commitment of sport events volunteers. *World Academy of Science*, Engineering and Technology 1078-1082.

MENGENAL PASTI FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENGLIBATAN PELAJAR DALAM AKTIVITI SUKAN DI KOLEJ KOMUNITI PAYA BESAR

Nazliah binti Mamat
Kolej Komuniti paya besar
nazliahmamat.kkpb@gmail.com

Shudiani binti Mohd Sukri
Kolej Komuniti paya besar
shue_zaz@yahoo.com.my

Basliza binti Mohamad Noor
Kolej Komuniti paya besar
basliza2002@gmail.com

ABSTRAK

Aktiviti sukan di institusi pendidikan ialah pendidikan tidak formal yang berperanan positif dalam pembentukan sahsiah pelajar. Sebahagian institusi juga menetapkan penyertaan dan kejayaan pelajar dalam sukan sebagai KPI yang perlu dicapai. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor dan faktor dominan yang mempengaruhi penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan di Kolej Komuniti Paya Besar (KKPB). Soal selidik kajian ini menggunakan skala Likert dan merangkumi empat maklumat demografi serta tiga faktor utama iaitu kemudahan sukan, peribadi, dan sosial. Instrumen ini melibatkan 64 pelajar KKPB yang dipilih secara rawak mengikut program. Analisis data bagi kajian menggunakan perisian SPSS23 bagi menjawab persoalan kajian melalui analisis deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan purata skor bagi faktor sosial adalah paling tinggi iaitu 4.065, diikuti faktor peribadi 3.924, dan yang paling rendah adalah faktor kemudahan sukan 3.792. Kesimpulannya, dapatan kajian ini dapat mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan pelajar KKPB dalam aktiviti sukan, iaitu faktor sosial sebagai faktor paling dominan. Penemuan ini menyumbang kepada usaha meningkatkan KPI 4 Teras 1, iaitu pencapaian dan kejayaan pelajar di luar bidang akademik di KKPB.

Kata kunci: faktor, kemudahan sukan, peribadi, sosial

1.0 PENGENALAN

Aktiviti sukan berperanan penting dalam perkembangan holistik pelajar di Kolej Komuniti Paya Besar (KKPB). Selain meningkatkan kecergasan fizikal, aktiviti ini juga membantu dalam pengembangan kemahiran sosial, disiplin, dan kepimpinan. Walaupun pelbagai kemudahan sukan telah disediakan, namun kadar penglibatan pelajar dalam sukan di KKPB masih rendah dan tidak stabil mengikut sesi kemasukan. Pemerhatian Unit Sukan KKPB menunjukkan jumlah pelajar yang terlibat dalam aktiviti sukan adalah terhad, menimbulkan persoalan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan mereka. Oleh itu, kajian ini adalah untuk mengenal pasti tiga faktor utama iaitu kemudahan sukan, faktor peribadi, dan faktor sosial berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh (Van Luchene, 2021). Kajian ini menekankan bahawa penyediaan kemudahan sukan, motivasi peribadi dan sokongan sosial adalah pemangkin utama dalam mempengaruhi penglibatan pelajar.

Dengan itu, diharap kajian ini dapat membantu pihak pengurusan KKPB merancang program yang lebih berkesan, sekaligus meningkatkan penyertaan pelajar dan mencapai KPI 4 dalam Teras 1.

1.1 PENYATAAN MASALAH

Berdasarkan pemerhatian Unit Sukan KKPB mendapati bahawa kadar penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan di Kolej Komuniti Paya Besar adalah tidak memuaskan. Kadar penglibatan pelajar ini tidak konsisten mengikut sesi kemasukan pelajar walaupun dengan pelbagai kemudahan sukan yang telah disediakan. Daripada pelbagai aktiviti yang telah dianjurkan oleh pihak kolej, jumlah pelajar yang menyertai aktiviti tersebut masih di tahap kurang memuaskan. Ini menimbulkan persoalan apakah faktor utama yang menyumbang kepada penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan bagi mencapai KPI 4 di dalam teras 1.

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Kertas kajian ini bertujuan untuk mencapai beberapa objektif utama, iaitu:

1.2.1 mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan di KKPB.

1.2.2 mengenal pasti faktor yang dominan dalam mempengaruhi penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan di KKPB.

2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Penglibatan dalam aktiviti sukan merupakan elemen penting di Institusi Pendidikan Tinggi, termasuk di Kolej Komuniti Paya Besar (KKPB). Aktiviti sukan tidak hanya memberikan manfaat fizikal, tetapi juga menyumbang kepada perkembangan sosial, emosi dan mental pelajar (Weiss, 1992) Pelajar yang aktif dalam sukan cenderung memiliki tahap kecergasan yang lebih tinggi, kemahiran sosial yang lebih baik, dan kecenderungan untuk menguruskan tekanan dengan lebih berkesan (Eime, 2013)

Walaupun penglibatan pelajar bagi Teras 1, KPI 4 iaitu Pencapaian dan Kejayaan Pelajar bagi setiap suku tahun di KKPB adalah tercapai, namun penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan di KKPB masih menunjukkan di tahap yang tidak memuaskan. Menurut kajian yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (Malaysia., 2019) terdapat keperluan mendesak untuk memahami faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan di kolej komuniti. Antara faktor yang mungkin mempengaruhi penglibatan pelajar adalah: Sokongan Keluarga dan Rakan Sebaya: Keluarga dan rakan sebaya berperanan penting dalam membentuk minat pelajar terhadap aktiviti sukan. Kajian menunjukkan bahawa sokongan sosial meningkatkan motivasi pelajar untuk terlibat dalam sukan (Holt, 2004)

Kesedaran dan Pengetahuan tentang Aktiviti Sukan: Pelajar yang tidak menyedari atau kurang memahami manfaat serta jenis aktiviti sukan yang ditawarkan di kolej mungkin akan kurang terlibat. Menyediakan maklumat yang mencukupi tentang aktiviti sukan adalah penting untuk menarik minat pelajar (Klein, 2015)

Akses dan Kemudahan: Akses kepada kemudahan sukan yang berkualiti dan pelbagai jenis aktiviti yang ditawarkan mempengaruhi keputusan pelajar untuk melibatkan diri. Penyelidikan menunjukkan bahawa kemudahan yang mencukupi dan baik dapat meningkatkan penglibatan pelajar (Siedentop, 1994)

Keseimbangan antara Akademik dan Aktiviti Sukan: Pelajar sering berhadapan dengan tekanan akademik yang tinggi, yang mungkin menghalang mereka daripada menyertai aktiviti sukan. Memahami bagaimana pelajar menyeimbangkan kedua-dua aspek ini adalah penting untuk meningkatkan penglibatan mereka dalam sukan (Grove, 2009)

Maka, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan di Kolej Komuniti Paya Besar. Diharapkan penemuan kajian ini dapat memberikan panduan kepada pihak pengurusan untuk merancang dan meningkatkan program sukan, seterusnya menyokong perkembangan pelajar secara menyeluruh. Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi tahap penyertaan pelajar dalam aktiviti sukan, antaranya faktor kemudahan sukan, peribadi dan juga sosial.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang telah dijalankan ini merupakan kajian deskriptif dalam bentuk data numerical di mana data yang dikumpul daripada populasi dan statistik asas untuk mendapatkan purata nilai skor. Reka bentuk kajian yang dilaksanakan ini adalah melalui pendekatan kuantitatif dengan menggunakan kaedah soal selidik. Ia merupakan salah satu cara yang digunakan dalam kajian deskriptif dengan tujuan untuk mendapatkan maklum balas daripada responden.

3.1 RESPONDEN

Sampel kajian ini terdiri daripada 64 pelajar yang dipilih secara rawak dari semua program di Kolej Komuniti Paya Besar (KKPB). Pemilihan secara rawak ini memastikan setiap pelajar mempunyai peluang yang sama untuk terlibat dan meningkatkan kesahihan hasil kajian. Saiz sampel 64 orang adalah munasabah kerana mencukupi untuk analisis statistik yang relevan dan memungkinkan pengumpulan data yang berkesan tanpa membebankan sumber. Dengan melibatkan pelajar dari pelbagai program, kajian ini dapat menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan dengan lebih komprehensif, serta membantu pihak pengurusan KKPB merancang program sukan yang lebih sesuai dan berkesan untuk semua pelajar.

3.2 INSTRUMEN

Instrumen kajian yang digunakan ialah borang soal selidik yang terbahagi kepada bahagian A iaitu demografi responden dan bahagian B iaitu faktor kemudahan sukan, faktor peribadi dan faktor sosial. Soal selidik dibina dan disusun berdasarkan objektif serta persoalan-persoalan yang ingin dijawab dalam kajian ini bagi memastikan bahawa setiap soalan dalam soal selidik ini relevan dan menyokong pencapaian matlamat kajian. Untuk melengkapkan kajian ini, soal selidik dalam bentuk google form telah diedarkan melalui aplikasi Whatsapp dan Telegram kepada pelajar. Setiap soalan dibina menggunakan penilaian pengukuran lima Skala Likert yang diperkenalkan oleh Rensis Likert (Sekaran 2006). Skala Likert bagi Bahagian B mengandungi pilihan jawapan dari “Sangat Tidak Bersetuju” sehingga “Sangat Bersetuju”. Soalan kajian ini diadaptasi dan diubah suai daripada kajian Mohd Ezry, Mohd Gadaffi & Mohd Yusoff (2021). Ujian analisa reliability telah dilakukan bagi menilai tahap reliability soalan kajian. Berikut adalah jadual rujukan (Jadual 1) untuk nilai Cronbach's Alpha yang digunakan untuk menilai reliability borang kaji selidik. Nilai ini menunjukkan tahap konsistensi dalaman skala pengukuran:

Jadual 1: Nilai Reliability Cronbach’s Alpha

Nilai *Cronbach's Alpha*	Tahap *Reliability*
0.9 ke atas	Sangat baik
0.8 - 0.9	Baik
0.7 - 0.8	Memuaskan
0.6 - 0.7	Sederhana
0.5 - 0.6	Lemah
Di bawah 0.5	Tidak boleh diterima

Nilai Cronbach's Alpha digunakan untuk menilai reliability alat pengukuran dalam kajian berdasarkan konsistensi dalaman. Nilai di atas 0.9 menunjukkan reliability yang sangat baik, 0.8 hingga 0.9 dianggap baik, dan 0.7 hingga 0.8 menggambarkan konsistensi yang memuaskan. Nilai antara 0.6 hingga 0.7 dianggap sederhana, sementara 0.5 hingga 0.6 menunjukkan konsistensi yang lemah. Nilai di bawah 0.5 menunjukkan alat pengukuran tidak boleh diterima dan seharusnya tidak digunakan.

Jadual 2 menunjukkan dapatan dari ujian analisa reliabiliti (Cronbach's Alpha).

Jadual 2: Ujian Reliability

SOALAN	FAKTOR	JUMLAH ITEM SOALAN	*RELIABILITY*
B1	Kemudahan Sukan	6	0.919
B2	Peribadi	9	0.967
B3	Sosial	7	0.964
Reliability bagi keseluruhan faktor		22	0.979

Analisis reliability menunjukkan nilai Cronbach's Alpha melebihi 0.6, menandakan kebolehpercayaan tinggi dan soalan yang sahih serta mudah difahami. Data dianalisis secara deskriptif untuk mendapatkan purata skor menggunakan SPSS 23. Satu titik potong (cut-off point) ditetapkan, dan Jadual 3 digunakan untuk mentafsir purata skor berdasarkan skala Likert, selaras dengan persoalan kajian oleh Kamaruzaman (2009).

Jadual 3 : Interpretasi Purata Nilai Skor (Kamaruzaman (2009)

Skor Min	Tafsiran tahap Purata Skor
1.0 – 1.8	Sangat Rendah
1.9 – 2.6	Rendah
2.7 – 3.4	Sederhana
3.5 – 4.2	Tinggi
4.3 – 5.0	Sangat Tinggi

4.0 PERBINCANGAN

4.1 Dapatan Kajian Dan Perbincangan

4.1.1 Analisis Demografi

Jadual 4 menunjukkan bahawa responden terdiri daripada 53 pelajar lelaki (82.8%) dan 11 pelajar perempuan (17.2%). Majoriti responden adalah berbangsa Melayu (62 pelajar, 96.9%), diikuti seorang pelajar India (1.6%) dan seorang pelajar Cina (1.6%). Sebanyak 43 pelajar (67.2%) berasal dari Program Sijil Teknologi Elektrik, 15 pelajar (23.4%) dari Program Sijil Teknologi Maklumat, dan 6 pelajar (9.4%) dari Program Sijil Multimedia Pengiklanan.

Jadual 4: Demografi Responden

DEMOGRAFI	PENGKELASAN	BILANGAN	PERATUS (%)
Jantina	Lelaki	53	82.8
	Perempuan	11	17.2
Bangsa	Melayu	62	96.9
	Cina	1	1.6
	India	1	1.6
Program	Sijil Multimedia Pengiklanan (SMP)	6	9.4
	Sijil Teknologi Elektrik (SKE)	43	67.2
	Sijil Teknologi Maklumat (STM)	15	23.4

Jadual 5, Jadual 6 dan Jadual 7 menunjukan hasil analisis berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan di KKPB. Daripada hasil analisis yang diperolehi, tiada faktor yang mencatatkan purata skor keseluruhan yang rendah. Kesemua faktor menunjukkan purata skor keseluruhan yang sederhana dan tinggi. Walaupun purata skor keseluruhan bagi faktor kemudahan sukan dan faktor peribadi adalah tinggi, namun jika tidak diberi perhatian yang konsisten, faktor-faktor ini akan menjadi isu permasalahan di masa akan datang.

Jadual 5 menunjukkan bahawa faktor kemudahan sukan memainkan peranan penting dalam menarik penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan di KKPB, dengan semua penyataan mencatatkan purata skor di atas 3.5, iaitu pada tahap tinggi. Kemudahan sukan yang terjaga rapi dan mudah diakses menjadi dorongan utama bagi pelajar untuk aktif dalam sukan. Ini dibuktikan dengan penyataan "Tempat penyimpanan alatan sukan dibuka setiap hari bagi penggunaan peralatan sukan" mencatatkan skor tinggi sebanyak 3.922. Di samping itu, penyataan "Kemudahan sukan dijaga dengan baik" mendapat skor kedua tertinggi, iaitu 3.875, menunjukkan bahawa kemudahan yang disediakan bukan sahaja lengkap tetapi juga diselenggara dengan baik untuk kemudahan pelajar.

Jadual 5: Purata Skor Bagi Faktor Kemudahan Sukan

Bil	FAKTOR KEMUDAHAN SUKAN	PURATA SKOR
1	Peralatan sukan boleh digunakan mengikut waktu pelajar bersukan	3.813
2	Peralatan sukan adalah mencukupi pelajar yang sedia ada di kolej	3.578
3	Kemudahan sukan KKPB dapat menampung pelajar yang sedia ada di kolej	3.781
4	Penyediaan jadual penggunaan kemudahan sukan	3.781
5	Tempat penyimpanan alatan sukan dibuka setiap hari bagi penggunaan peralatan sukan	3.922
6	Kemudahan sukan dijaga dengan baik	3.875
	Purata skor keseluruhan	3.792

Berdasarkan purata skor dalam Jadual 6, faktor peribadi menunjukkan sembilan penyataan dengan skor tinggi yang menyumbang kepada penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan di KKPB. Empat penyataan mencatatkan purata melebihi 4.0: “Selesa untuk melibatkan diri dalam sukan” (4.031), “Mempunyai minat dalam melibatkan diri dalam aktiviti sukan” (4.016), “Penglibatan dalam aktiviti sukan membuatkan saya lebih berkeyakinan” (4.063), dan “Penglibatan dalam aktiviti sukan membuatkan saya lebih dikenali” (4.000). Namun, penyataan “Mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk mengikuti aktiviti sukan” mendapat purata skor terendah (3.625), menggambarkan bahawa segelintir pelajar menghadapi kekangan kewangan yang menghalang penyertaan mereka dalam aktiviti sukan.

Jadual 6: Purata Skor bagi Faktor Peribadi

Bil	FAKTOR PERIBADI	PURATA SKOR
1	Memahami matlamat dalam penglibatan aktiviti sukan	3.844
2	Mempunyai sumber kewangan yang mencukupi dalam mengikuti aktiviti sukan	3.625
3	Berusaha menyesuaikan masa dalam penglibatan aktiviti sukan	3.828
4	Mempunyai bakat dan kemahiran untuk melibatkan diri dalam aktiviti sukan	3.938
5	Kesihatan yang baik apabila melibatkan diri dalam sukan	3.969
6	Selesa untuk melibatkan diri dalam sukan	4.031
7	Mempunyai minat dalam melibatkan diri dalam aktiviti sukan	4.016
8	Penglibatan dalam aktiviti sukan membuatkan saya lebih berkeyakinan	4.063
9	Penglibatan dalam aktiviti sukan membuatkan saya lebih dikenali	4.000
	Purata Skor keseluruhan	3.924

Berdasarkan Jadual 7, hampir semua penyataan menunjukkan purata skor yang memberangsangkan melebihi 4.0. Namun, dua penyataan dengan skor rendah adalah “Pihak kolej membantu pelajar dari segi kewangan” (3.922) dan “Pegawai KKPB atau pensyarah berminat dalam sukan” (3.984), menunjukkan bahawa masih terdapat pegawai dan pensyarah di KKPB yang kurang terlibat dalam aktiviti sukan, sekaligus membuka peluang untuk meningkatkan penyertaan mereka. Walau bagaimanapun, sebilangan besar pegawai dan pensyarah aktif memberi dorongan kepada pelajar untuk menyertai aktiviti sukan, seperti yang dinyatakan dalam penyataan “Pegawai KKPB atau pensyarah memberi galakan kepada semua pelajar” dengan skor 4.125. Tambahan pula, penghargaan dan pengiktirafan daripada pihak kolej berfungsi sebagai pemangkin semangat pelajar, seperti yang dibuktikan dalam penyataan “Pihak kolej memberi pengiktirafan jika berjaya dalam sukan,” yang meraih purata skor tertinggi bagi faktor sosial iaitu 4.141.

Jadual 7: Purata Skor Bagi Faktor Sosial

Bil	FAKTOR SOSIAL	PURATA SKOR
1	Pegawai KKPB atau pensyarah memberi galakan kepada semua pelajar	4.125
2	Pegawai KKPB atau pensyarah berminat dalam sukan menarik minat pelajar untuk melibatkan diri	3.984
3	Rakan yang mempunyai minat untuk sama-sama bersukan	4.031
4	Pihak kolej memberi peluang untuk melibatkan diri dalam sukan	4.172
5	Pihak kolej memberi pengiktirafan jika berjaya dalam sukan	4.078
6	Pihak kolej memberi pengiktirafan jika berjaya dalam sukan	4.141
7	Pihak kolej membantu pelajar dari segi kewangan	3.922
	Purata skor keseluruhan	4.065

5.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa faktor sosial adalah yang paling berpengaruh dalam penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan di Kolej Komuniti Paya Besar (KKPB), dengan purata skor keseluruhan 4.065, diikuti oleh faktor peribadi, 3.924 dan kemudahan sukan, 3.792. Untuk meningkatkan penglibatan pelajar, pihak kolej boleh melaksanakan beberapa inisiatif, termasuk menganjurkan acara sukan tahunan yang dapat memupuk minat, kerjasama dan semangat kesukanan antara pelajar. Selain itu, meningkatkan kemudahan sukan dengan menyediakan peralatan yang lebih baik dan ruang latihan yang lebih sesuai juga penting.

Pemberian insentif seperti pengiktirafan dan penghargaan di majlis anugerah kolej kepada pelajar yang aktif dalam sukan dapat menjadi pendorong tambahan untuk penglibatan. Melalui pelaksanaan cadangan ini, diharapkan penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan di KKPB dapat ditingkatkan secara berterusan, sekaligus menyokong pencapaian KPI dan kejayaan akademik mereka.

6.0 RUJUKAN

Ali, M. A. (2020). Penglibatan Pelajar Secara Aktif Dalam Bidang Sukan Di Kolej Komuniti dan Kesannya Terhadap Pencapaian Akademik . 1-11.

Blacking, J. (1973). Music in society and culture. In How musical is man. Washington DC: University of Washington Press, 32–53.

Carey, I. (1976). In Orang Asli the aboriginal tribes Peninsular Malaysia. Oxford University Press, (pp.129– 213). Kuala Lumpur.

Eime, R. M. (2013). A systematic review of the psychological and social benefits of participation in sport for children and adolescents: Informing development of a conceptual model of health through sport. International Journal of Behavioral Nutrition and Physical Activity, 98.

Grove, J. R. (2009). Psychological Benefits of Exercise for College Students. Journal of College Student Psychotherapy,. *Journal of College Student Psychotherapy*, 107-118.

Holt, N. L. (2004). Toward a grounded theory of the social influences on the motivation of adolescent athletes. *Journal of Sport & Exercise Psychology*, 46-65.

Klein, R. S. (2015). The impact of knowledge about health and fitness on physical activity behavior.*Health Education Research*, 578-586.

Malaysia., K. P. (2019). *Laporan Penilaian Aktiviti Sukan di Institusi Pendidikan Tinggi.*

Siedentop, D. (. (1994). Sport Education: A retrospective view. *Journal of Physical Education, Recreation & Dance*, 27-30.

Van Luchene, P. &. (2021). The influence of social support specific to physical activity on physical activity among college and university students: A systematic review. . Journal of Physical Activity and Health, 737-747.

Weiss, M. R. (1992). Motivational orientations in sport. In Advances in sport psychology. Champaign, IL: Human Kinetics., 115-155.

KAJIAN TERHADAP PAKAIAN TRADISIONAL BENUA ASIA MELALUI KOSTUM BUDAYA YANG DIAPLIKASIKAN DALAM PERMAIANAN INTERAKTIF (COSTCULT)

Adam bin Ghazali
Kolej Komuniti Raub
adamghazalie@gmail.com

ABSTRAK

Pembelajaran tentang Subjek Kursus Kostum Budaya amat menyesakkan minda dan pemikiran pelajar mengingati pakaian tradisional negara yang terdapat di seluruh Benua Asia. Bagi memudahcara pelajar mengingati pakaian tradisi ini, tercetus idea penghasilkan permainan interaktif secara manual berupa kad yang murah dan mudah untuk didapati. Perbandingan antara pembelajaran secara teori, pelajar akan mudah bosan dan tidak fokus dalam kelas. Pembelajaran dalam kumpulan yang kecil bersama rakan pelajar akan lebih memberi keseronokan dalam kelas PdP berlangsung. Permainan interaktif ini, pelajar akan diberi beberapa klu untuk menyuaipadan set pakaian lengkap di sesebuah negara. Mereka perlu kenalpasti, nama kain serta aksesori yang digunakan pada sejak azali. Borang markah akan diedarkan kepada juri (Pensyarah) untuk menghakimi permainan interaktif ini. Seterusnya, pelajar yang banyak meneka dengan tepat adalah pemenang. Pembelajaran antara 2 ways communication ini dapat mengakrabkan lagi ukhwah diantara pelajar dan pensyarah kursus. Melalui hasil tinjauan, majoriti pelajar bersetuju bahawa permainan interaktif ini menyeronokkan dan mampu memberi daya ingatan yang baik bagi mengenali pakaian tradisi di seluruh Benua Asia. Kesimpulannya, inovasi ini dihasilkan sebagai salah satu usaha membantu pelajar dan pensyarah dalam mencapai objektif Kursus Kostum Budaya ini.
Kata Kunci: Kostum Budaya, Pakaian Tradisional Benua Asia, Permainan Interaktif

1.0 PENGENALAN

Kursus Kostum dan Budaya yang telah dilaksanakan di peringkat Sijil Kolej Komuniti (SKK) Bahagian Peperiksaan dan Penilaian, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). Kursus ini telah menjadi ketetapan pelajar untuk LULUS dan mencapai CLO (Hasil Pembelajaran Kursus) dalam subjek kursus ini. Salah satu kekangan yang dihadapi adalah pelajar kurang berminat untuk mengenali dan mengingat jenis pakaian tradisional dan aksesori yang terdapat di seluruh Benua Asia. Hal ini menjadikan skor markah pelajar dan pembentangan pelajar rendah dan kurang memuaskan. Penghasilan permainan interaktif ini mampu untuk menyelesaikan masalah kurang minat belajar mengenai kursus ini dan menarik minat pelajar untuk mengingati dan memahami pakaian dan aksesori yang terdapat di seluruh Benua Asia.

2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kursus Kostum dan Budaya merupakan antara subjek pelajar Semester 3 yang perlu dipelajari oleh pelajar kursus Sijil Fesyen dan Pakaian. Antara faktor yang menyumbang masalah ini adalah pelajar kurang minat mempelajari subjek teori seperti sejarah pakaian tradisional dan aksesori di seluruh Benua Asia. Mengenalpasti cabaran bagi melaksanakan kursus ini di bilik kuliah, pengkaji telah mencari solusi yang lebih interaktif bagi menyelesaikan masalah kurang minat belajar dan tidak fokus pelajar dalam topik membandingkan pakaian tradisional dan aksesori negara di seluruh Benua Asia ini. Kesan daripada kurang minat pelajar ini, didapati markah penilaian pelajar dalam subjek kursus ini kurang memuaskan. Pembentangan yang perlu dilaksanakan juga tidak menepati piawaian rubrik markah penilaian. Justeru itu, Costcult- permainan interaktif ini mampu untuk menyelesaikan kekangan yang berlaku dan menarik minat pelajar. Maka, satu pemudahcara bagi membantu mengatasi masalah ini telah dihasilkan iaitu, Costcult- permainan interaktif. Bagi menguji tahap keberkesanan Costcult- permainan interaktif sebagai medium bagi pelajar memahami, mengenali perincian tentang pakaian dan aksesori tradisional negara di seluruh Benua Asia, satu kajian telah dijalankan.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini telah dijalankan bagi menganalisa keberkesanan Costcult- Permainan Interktif sebagai satu pemudahcara dalam membantu pelajar dalam mengenali dan mengingati pakaian tradisional negara dan aksesori di Benua Asia. Namun, permainan interaktif yang dihasilkan adalah mengfokuskan kepada golongan pelajar Senireka Fesyen Pakaian. Maka, responden kajian ini terdiri daripada pensyarah dan pegawai yang tergolong dalam kriteria ini sahaja. Responden kajian adalah terdiri daripada Pensyarah dan juga Pelajar. Costcult- permainan interakatif yang mampu menarik minat pelajar seterusnya mencapai objektif kursus. Langkah penggunaan serta video tutorial penggunaan Costcult- permainan interaktif turut disertakan di laman web. Satu borang kaji selidik secara atas talian telah diedarkan dalam kalangan 30 orang responden terdiri daripada pensyarah dan pelajar Sijil Fesyen dan Pakaian, Kolej Komuniti Zon Pahang. Teknik Purposive Sampling adalah teknik yang telah digunakan dalam menentukan responden. Pemilihan teknik ni selari dengan fokus Costcult- permainan interaktif kepada pelajar dan pensyarah sahaja. Sekaran (2011) menyatakan bahawa penggunaan teknik Purposive Sampling merujuk kepada pemilihan responden yang mana ciri dan maklumatnya telah ditetapkan terlebih dahulu oleh penyelidik bagi tujuan tertentu di dalam kajian. Jadual 1 menunjukkan pecahan data responden.

Jadual 1: Bilangan Responden Menurut Institusi Dan Jantina

Institusi	Jantina	Jumlah
Kolej Komuniti	Lelaki	1 orang
	Perempuan	29 orang
Jumlah		**30 orang**

Instrumen bagi kajian ini adalah menerusi satu borang kaji selidik yang terbahagi kepada 4 bahagian iaitu: bahagian A (maklumat responden), bahagian B (keberkesanan Costcult-permainan interaktif), bahagian C (cadangan penambahbaikan) dan bahagian D (penafian). Item – item yang terdapat di dalam borang kaji selidik ini diukur menggunakan 5-point Likert Scale bermula daripada (1) Sangat Setuju) hingga (5) Sangat Tidak Bersetuju. Jadual 2 menunjukkan item soalan di dalam borang kaji selidik.

Jadual 2: Item – Item Di Dalam Borang Kaji Selidik Bagi Bahagian B

No	Soalan	Pilihan jawapan
1	Laman web Costcult merupakan medium yang mudah dicapai.	Skala 1 - 5
2	Laman web Costcult mempunyai paparan pengguna yang mudah difahami.	Skala 1 - 5
3	Laman web Costcult mempunyai langkah penggunaan yang mudah difahami.	Skala 1 - 5
4	Laman web Costcult mempunyai video tutorial yang mudah difahami.	Skala 1 - 5
6	Costcult membantu saya memantau tahap kesediaan dokumen bagi tujuan mempelajari tentang pakaian tradisional yang terdapat di Benua Asia .	Skala 1 - 5
7	Costcult membantu saya melengkapkan dokumen bagi tujuan mempelajari tentang pakaian tradisional yang terdapat di Benua Asia	Skala 1 - 5
8	Costcult membantu meningkatkan motivasi saya dalam mempelajari tentang pakaian tradisional yang terdapat di Benua Asia	Skala 1 - 5
9	Costcult membantu menambah keyakinan saya dalam mempelajari tentang pakaian tradisional yang terdapat di Benua Asia	Skala 1 - 5

4.0 PERBINCANGAN

Hasil dapatan kaji selidik dapat dirumuskan menerusi impak berikut iaitu tahap mesra pengguna laman web Costcult- permainan interaktif menerusi item 1 – 4, tahap kesedaran dan pengetahuan pelajar dalam mengenali dan memahami Pakaian Tradisional Negara Di Benua Asia.

4.1 Majoriti bersetuju bahawa Costcult- permainan interaktif mempunyai paparan laman web yang mesra pengguna dimana ia mudah untuk di akses, mudah difahami, serta langkah dan tutorial yang mudah untuk difahami.

Jadual 3: Tahap Mesra Pengguna Laman Web Costcult

Item	Soalan	Sangat setuju	Setuju
1	Laman web Costcult merupakan medium yang mudah dicapai.	70%	30%
2	Laman web Costcult mempunyai paparan pengguna yang mudah difahami.	60 %	40%
3	Laman web Costcult mempunyai langkah penggunaan yang mudah difahami.	80%	20%
4	Laman web Costcult- permainan interaktif mempunyai video tutorial yang mudah difahami.	80%	20%

4.2 Majoriti pensyarah/ pelajar bersetuju bahawa tahap kesedaran dan pengetahuan pelajar dalam mengingati dan memahami tentang pakaian tradisional di Benua Asia telah meningkat.

Jadual 4: Tahap kesedaran dan pengetahuan pelajar dalam mengenali Pakaian Tradisional Benua Asia

Item	Soalan	Sangat setuju	Setuju
5	Costcult- permainan interaktif membantu saya memahami dan mengenali pakaian Dan aksesori di Benua Asia	80%	20%
6	Costcult- permainan interaktif membantu saya mengenali nama pakaian, jenis fabrik, bentuk pakaian, dan aksesori yang digunakan	80%	20%

Menerusi Costcult- permainan interaktif yang jelas dan spesifik mengikut objektif yang akan dicapai oleh pelajar, lebih 70% daripada responden bersetuju bahawa Costcult- permainan interaktif ini telah meningkatkan tahap kesedaran dan pengetahuan pelajar dalam mengenali lebih terperinci tentang pakaian tradisional dan aksesori di seluruh Benua Asia.

4.3 Majoriti juga bersetuju bahawa tahap pemahaman dalam mengenali pakaian tradisional dan aksesori di seluruh Benua Asia telah dicapai dan telah meningkat.

Jadual 5: Tahap motivasi pelajar dalam topik Kursus Kostum dan Budaya

Item	Soalan	Sangat setuju	Setuju
7	Costcult- permainan interaktif membantu meningkatkan motivasi saya dalam mempelajari tentang pakaian Tradisional di Benua Asia	80%	20%
8	Costcult bantu menambah keyakinan saya untuk menerangkan lebih terperinci tentang pakaian tradisional dan aksesori di Benua Asia	80%	20%

Menerusi peningkatan tahap mengenali dan mengingati secara visual yang positif, motivasi responden (pelajar/ pensyarah) dalam mengenali pakaian tradisional Benua Asia juga meningkat sekaligus mencapai objektif utama Costcult- permainan interaktif sebagai pemudah cara kepada pelajar dan pensyarah yang menghadapi cabaran dalam mencapai objektif Kursus Kostum dan Budaya

5.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ke atas produk inovasi ini telah mencapai objektif dalam menganalisis keberkesanan Costcult- permainan interaktif sebagai satu pemudah cara membantu pensyarah dan pelajar dalam mencapai objektif kursus. Walaubagaimanapun, cadangan penambahbaikan daripada responden menyatakan bahawa Costcult- permainan interaktif yang dihasilkan perlu dalam media elektronik-online/ atas talian selari dengan penggunaan online masa kini. Justeru itu, produk ini boleh ditambah-baik dengan menambah, capaian dan manfaat pemudah cara utk memahami dan mengenali pakaian tradisional dan aksesori di Benua Asia dapat dikongsi kepada lebih ramai pelajar di jabatan/ agensi kerajaan atau swasta yang memerlukan.

6.0 RUJUKAN

Abd Shukor, & Norazrina. (2018). Aksesori 101. Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital, JPKK, KPM.

Ann, M.R. (2022). Sewing Barbie Outfit: Wonderful Barbie Clothes Projects to Begin Sewing Today: Crochet Barbie Doll Costumes with Many Different Designs. Independently Published.

Benilan, A. (2021). Barbie Boutique: Sew 20 Stunning Outfits for Barbie and Ken. Search Press Limited.

Bolton, A., Reeder, J. G., Regan, J., & Garfinkel, A. (2020). About Time: Fashion Duration. Metropolitan Museum of Art.

Foreword D.K. (2020). Fashion: The Definitive Visual Guide. Dorling Kindersly Limited.

Laver, J. (2020). Costume and Fashion: A Concise History (World of Art). Thames & Hudson Limited.

Matthews, J. L. (2018). Pattern Design: Fundamentals: Construction and Patter Making for Fashion Design. Fairbanks Publishing LLC.

Planche, J.R. (2020). A Cyclopedia of Costume or, dictionary of dress, including notices of contemporaneous fashions on the continent (Volume II). Alpha Edition.

Smith, A. (2018). *The Sewing Book: Over 300 Step-by-Step Techniques*. Dorling Kindersley.

Sposito, S. (2022). Fashion: The Ultimate History of Costume: From Prehistory to the Present Day. Promopress

Taschen. (2021). *Fashion History* from The 18th to 20th Century. Taschen GmbH

TAHAP KESEDIAAN PENSYARAH DALAM PENGGUNAAN TEKNOLOGI REALITI MAYA UNTUK PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI KOLEJ KOMUNITI PAYA BESAR

Ts. Zaira Hasnida binti Mohamed Rashid
Kolej Komuniti Paya Besar
zairarashid310@gmail.com

Hasrina binti Abdullah
Kolej Komuniti Paya Besar
hasrina.abdullah81@gmail.com

Syarifah Fauziah binti Syed Mohamed
Kolej Komuniti Paya Besar
syarifahfauziah@kkpbe.edu.my

ABSTRAK

Realiti maya (VR) adalah teknologi yang mencipta pengalaman interaktif dalam persekitaran tiga dimensi yang dihasilkan oleh komputer. Dengan menggunakan peranti seperti headset VR, pengawal tangan, dan sensor gerakan, pengguna dapat merasai seolah-olah mereka berada dalam dunia yang berbeza, memberikan pengalaman yang imersif dan mendalam. Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengkaji tahap kesediaan pensyarah dalam mengaplikasikan teknologi realiti maya dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang akan dapat membantu pensyarah membuat persediaan bahan mengajar mengikut perkembangan teknologi terkini. Kajian ini melibatkan 52 pensyarah Kolej Komuniti Paya Besar (KKPB) dan Kolej Komuniti Paya Besar Cawangan Maran (KKPBCM). Kajian dijalankan secara deskriptif menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Data kajian yang dikumpul seterusnya dianalisis menggunakan kaedah statistik. Hasil kajian menunjukkan skor min adalah sebanyak 3.67. Ini menunjukkan tahap kesediaan pensyarah Kolej Komuniti Paya Besar terhadap penggunaan teknologi realiti maya dalam proses pembelajaran berada dalam tahap sederhana. Implikasi kajian ini akan membantu pihak pengurusan merancang program latihan yang lebih berkesan dan relevan, seterusnya memperkasakan penggunaan teknologi terkini dalam pengajaran dan pembelajaran.

Kata kunci: Teknologi Realiti Maya, Pembelajaran

1.0 PENGENALAN

Realiti Maya (VR) merupakan teknologi yang semakin mendapat perhatian dalam bidang pendidikan. Ia menawarkan pengalaman pembelajaran interaktif yang membolehkan pelajar meneroka persekitaran tiga dimensi dan berinteraksi dengan objek secara langsung. VR dapat menyumbang kepada pembinaan pengetahuan dengan menyediakan persekitaran di mana pelajar dapat meningkatkan pemahaman mereka melalui interaksi visual dan audio (Loane et al., 2013).

Di institut pengajian tinggi khususnya kolej komuniti, pensyarah memainkan peranan penting dalam merancang dan mengadaptasi proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) agar seiring dengan perkembangan teknologi pendidikan. Menurut Ahmad Al-munzir Ridzuan (2020), kesediaan pensyarah dalam menyesuaikan diri dengan perubahan sistem pendidikan merupakan sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Ia bertujuan untuk memastikan bahawa proses pendidikan tetap relevan dan selari dengan perkembangan ilmu dan teknologi terkini. Situasi ini secara tidak langsung memberi cabaran baru kepada semua tenaga pengajar dalam menerapkan teknologi VR dalam proses PdP.

Guru dan pendidik memainkan peranan penting dalam menyampaikan pengetahuan dan kemahiran kebolehkerjaan kepada pelajar melalui aktiviti pembelajaran. Ini membolehkan pelajar memahami dan menghayati ilmu pengetahuan tersebut sebelum mereka meninggalkan alam persekolahan untuk memasuki dunia pekerjaan (Azilan et al., 2018). Hal ini menunjukkan bahawa VR adalah teknologi terkini yang perlu dikuasai oleh tenaga pengajar untuk menyediakan sumber pendidikan terbaik kepada pelajar. Oleh itu, terdapat keperluan untuk mengkaji tahap kesediaan pensyarah KKPB dan KKPBCM terhadap penggunaan VR dalam proses PdP. Kajian ini akan menilai kesediaan pensyarah dari segi kefahaman dan pengetahuan, kemudahan infrastruktur, serta sikap dan persepsi mereka terhadap teknologi ini.

1.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

VR menawarkan simulasi multimedia 3D interaktif yang membantu pelajar memahami konsep-konsep yang kompleks dengan lebih baik. Dengan memberikan pengalaman pembelajaran yang lebih imersif, VR membolehkan pelajar untuk berinteraksi dengan dunia ciptaan dan merasai pengalaman yang sukar dicapai dalam konteks tradisional (Arini, 2023).

Teknologi VR menunjukkan keupayaan untuk membantu pelajar memahami konsep kompleks melalui visualisasi dan simulasi realistik. Ia membolehkan interaksi dengan objek 3D, meningkatkan pemahaman terhadap konsep seni bina yang sukar (Saidi Yusof Che Soh Said Mohammad Rusdi Mohd Nasir Adnan Rozali Fakulti Seni & Kreatif, 2017). AR dan VR dianggap media pengajaran masa depan yang inovatif dan berkesan (Norabeerah et al., 2012). Oleh itu, kaedah visualisasi dan simulasi VR jelas dapat meningkatkan pemahaman pelajar terhadap konsep pembelajaran yang kompleks.

Untuk memastikan kejayaan implementasi teknologi VR dalam pendidikan, penting untuk memahami tahap kesediaan pensyarah dalam menggunakannya. Pengetahuan dan kemahiran tenaga pengajar adalah kunci untuk integrasi teknologi dalam proses PdP, memerlukan latihan dan sokongan yang mencukupi untuk meningkatkan keyakinan mereka (Nayan et al., 2024). Kajian oleh Chundran (2018) menyokong perlunya kajian lanjut untuk meningkatkan kesediaan pensyarah, menjadikan isu ini penting untuk diteliti.

VR berpotensi mengubah kaedah pendidikan dengan pendekatan yang lebih dinamik dan imersif. Institusi pendidikan perlu bersedia mengadaptasi teknologi ini agar selaras dengan keperluan pembelajaran abad ke-21 yang bergantung kepada teknologi interaktif. Kajian oleh Safar & Abdul Raman (2021) menunjukkan penggunaan VR dapat meningkatkan pemahaman pelajar dalam seni bina melalui visualisasi yang lebih jelas dan interaktif. Kajian ini menunjukkan teknologi VR berpotensi dalam mengubah kaedah pelaksanaan proses PdP melalui pendekatan yang lebih dinamik.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian dijalankan secara kuantitatif dengan menggunakan kaedah soal selidik. Borang soal selidik diedar sebagai instrumen kajian untuk mengumpul data. Soal selidik bagi mengukur tahap kesediaan responden dari segi tahap kefahaman dan pengetahuan berkaitan teknologi realiti maya, infrastruktur dan sokongan serta sikap dan persepsi terhadap penggunaan teknologi maya dalam proses PdP telah dibangunkan.

Kajian rintis telah dijalankan terhadap 30 responden bagi menentusahkan kebolehpercayaan instrumen kajian. Berdasarkan dapatan daripada kajian rintis yang dijalankan, nilai alpha cronbach adalah 0.882 sekaligus menunjukkan instrumen soal selidik ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

Soal selidik telah diedarkan kepada 55 orang responden di KKPB dan KKPBCM secara dalam talian (Krejcie & Morgan, 1970). Sampel kajian adalah terdiri daripada pensyarah-pensyarah Sijil Multimedia Kreatif Pengiklanan, Sijil Teknologi Maklumat, Sijil Teknologi Elektrik, pensyarah Unit Pengajian Am serta pensyarah yang menjalankan tugas pengurusan. Seramai 52 (n=52) responden iaitu 94.5% telah memberi maklum balas terhadap soal selidik yang dijalankan.

4.0 PERBINCANGAN

4.1 ANALISIS DEMOGRAFI RESPONDEN

Berdasarkan Jadual 1, responden perempuan mendominasi dengan 69.2%, berbanding lelaki yang hanya 30.8%. Majoriti responden berumur 40 hingga 49 tahun, dengan 80.8% (42 orang) berada dalam kategori ini. Responden lain termasuk 11.5% berumur 30 hingga 39 tahun dan 7.7% berumur lebih dari 50 tahun. Dalam bidang pengajaran, 34.6% adalah dari teknologi maklumat, 30.8% teknologi elektrik, 17.3% pengajian am, dan 15.4% multimedia kreatif pengiklanan, sementara 1.9% berasal dari bidang lain yang tidak ditawarkan di KKPB.

Jadual 1: Profil responden

Item	Kriteria	Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	16	30.8%
	Perempuan	36	69.2%
Umur	30 – 39 tahun	6	11.5%
	40 - 49 tahun	42	80.8%
	50 tahun ke atas	4	7.7%
Bidang Pengajaran	Teknologi Elektrik	16	30.8%
	Teknologi Maklumat	18	34.6%
	Mulitimedia Kreatif Pengiklanan	8	15.4%
	Pengajian Am	9	17.3%
	Lain-lain	1	1.9%
Tahap Pendidikan Tertinggi	Diploma	4	7.7%
	Ijazah Sarjana Muda	32	61.5%
	Ijazah Sarjana	16	30.8%
Tempoh Pengalaman Mengajar	kurang daripada 10 tahun	1	1.9%
	10 ke 20 tahun	43	82.7%
	melebihi 20 tahun	8	15.4%

Dari segi pendidikan, 61.5% responden memiliki ijazah sarjana muda, 30.8% ijazah sarjana, dan 7.7% memiliki kelayakan diploma. Kebanyakan responden (82.7%) mempunyai pengalaman mengajar antara 10 hingga 20 tahun, dengan hanya 1.9% memiliki kurang dari 10 tahun pengalaman, menunjukkan sedikit pendidik baru. Sementara itu, 15.4% responden mempunyai lebih dari 20 tahun pengalaman dalam pengajaran dan pembelajaran.

4.2 ANALISIS DESKRIPTIF

Analisis deskriptif merupakan kaedah statistik yang digunakan untuk merangkum dan menggambarkan ciri-ciri utama keseluruhan data. Huraian interpretasi skor min bagi kajian ini adalah dengan merujuk kepada interpretasi skor min yang telah dicadangkan oleh Pallant (2011) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2 berikut.

Jadual 2: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Jadual 3: Item soal selidik sub konstruk kefahaman dan pengetahuan tentang teknologi VR

Item		Skor Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Skor Min
1	Saya mengetahui apa itu teknologi VR.	3.83	0.785	Tinggi
2	Saya mengetahui kebaikan teknologi VR dalam pendidikan.	3.90	0.693	Tinggi
3	Saya mengetahui bagaimana VR digunakan dalam konteks pendidikan.	3.44	0.802	Sederhana
4	Saya pernah menggunakan VR sebelum ini.	2.77	1.096	Rendah
5	Saya berpengetahuan dan mahir tentang penggunaan VR dalam pendidikan.	2.23	0.962	Rendah
Keseluruhan		**3.23**	**0.67**	**Sederhana**

Berdasarkan Jadual 3, nilai skor min tinggi bagi item 1 dan 2 menunjukkan responden memahami definisi dan konsep asas teknologi VR dengan baik, serta mempunyai kesedaran positif tentang manfaatnya dalam pendidikan. Namun, terdapat ruang untuk meningkatkan pengetahuan tentang penggunaannya dalam konteks pendidikan, seperti yang ditunjukkan oleh skor min sederhana bagi item 3. Skor min rendah bagi item 4 dan 5 menunjukkan pengetahuan dan pengalaman responden dalam penggunaan teknologi VR adalah terhad yang mungkin menyekat pemahaman mereka secara mendalam.

Skor min bagi sub konstruk kefahaman dan pengetahuan tentang teknologi VR secara keseluruhannya berada pada aras sederhana. Dapatan ini memberi gambaran bahawa responden mempunyai kefahaman dan pengetahuan yang baik berkaitan teknologi VR namun masih memerlukan lebih pendedahan dan latihan. Nilai sisihan piawai yang lebih tinggi pada item 4 dan 5 menunjukkan variasi yang lebih besar dalam jawapan responden. Nilai ini mungkin mencerminkan perbezaan dalam pengalaman dan pendedahan individu terhadap teknologi VR.

Jadual 4: Item soal selidik infrastruktur dan sokongan

Item		Skor Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Skor Min
1	Institusi saya mempunyai peralatan VR yang mencukupi untuk digunakan dalam pembelajaran.	3.13	0.864	Sederhana
2	Institusi saya mempunyai keupayaan internet yang baik untuk menyokong penggunaan VR.	3.52	0.779	Sederhana
3	Institusi saya memberikan sokongan yang mencukupi untuk penggunaan teknologi baru seperti VR.	3.85	0.802	Tinggi
	Keseluruhan	**3.50**	**0.69**	**Sederhana**

Merujuk kepada Jadual 4, nilai skor min bagi item 1 dan 2 adalah sederhana, menunjukkan kebanyakan responden menyedari bahawa institusi menyediakan peralatan VR, tetapi tahap ketersediaan adalah sederhana. Ini menunjukkan perlunya penambahbaikan dalam peralatan sedia ada. Responden juga berpendapat kemudahan internet mencukupi untuk menyokong penggunaan VR, namun ada ruang untuk penambahbaikan dari segi keupayaan, kelajuan, dan kestabilan. Bagi sokongan institusi pula, skor min yang tinggi menunjukkan persepsi positif terhadap penggunaan teknologi ini.

Secara keseluruhan, skor min bagi sub konstruk infrastruktur dan sokongan berada pada tahap sederhana. Ini menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk meningkatkan ketersediaan serta kualiti peralatan dan kemudahan internet bagi memastikan penggunaan VR yang lebih berkesan dalam pembelajaran. Sisihan piawai yang menunjukkan variasi yang sederhana dalam jawapan, di mana item 1 mempunyai sisihan piawai tertinggi (0.864), menunjukkan adanya pandangan yang berbeza di kalangan responden mengenai ketersediaan peralatan VR.

Jadual 5: Item Soal selidik sikap dan persepsi

Item		Skor Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Skor Min
1	Saya bersedia untuk mengintegrasikan teknologi VR dalam kurikulum/proses pembelajaran.	3.83	0.760	Tinggi
2	Saya berminat untuk mengintergrasikan teknologi VR dalam kurikulum/proses pembelajaran.	4.06	0.502	Tinggi
3	Saya memerlukan latihan tambahan untuk menggunakan teknologi VR dalam pendidikan dengan berkesan.	4.37	0.627	Tinggi
4	Saya bersetuju bahawa pelajar bersedia untuk menggunakan teknologi VR dalam sesi pembelajaran.	3.85	0.668	Tinggi
5	Saya bersetuju bahawa penggunaan VR dalam sesi pembelajaran dapat meningkatkan pemahaman pelajar	4.13	0.561	Tinggi
6	Saya bersetuju bahawa penggunaan VR dalam sesi pembelajaran dapat membantu pelajar yang mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza?	4.12	0.511	Tinggi
7	Saya bersetuju bahawa penggunaan VR dalam sesi pembelajaran dapat meningkatkan hasil pembelajaran pelajar.	4.10	0.495	Tinggi
Keseluruhan		**4.06**	**0.46**	**Tinggi**

Berdasarkan Jadual 5, skor min yang tinggi bagi semua item menunjukkan responden bersedia dan berminat untuk menggunakan teknologi VR dalam proses PdP. Skor tinggi pada item 3 mengesahkan bahawa responden percaya latihan tambahan dapat meningkatkan penggunaan VR. Selain itu, skor tinggi bagi item 4 hingga 7 menunjukkan majoriti responden berpendapat teknologi VR dapat membantu pemahaman dan meningkatkan pencapaian pelajar.

Skor min keseluruhan yang tinggi iaitu 4.06 bagi sub konstruk sikap dan persepsi menunjukkan bahawa kebanyakan responden mempunyai sikap dan persepsi yang sangat positif terhadap penggunaan teknologi VR dalam pendidikan. Nilai sisihan piawai yang rendah pula menunjukkan keseragaman dalam jawapan responden.
Skor min keseluruhan bagi kajian yang dijalankan adalah 3.67 dengan sisihan piawai 0.44. Oleh yang demikian, secara umumnya tahap kesediaan pensyarah KKPB dan KKPBCM untuk mengaplikasikan teknologi VR dalam proses PdP adalah pada tahap sederhana.

5.0 KESIMPULAN

Skor min tinggi bagi item yang berkaitan dengan definisi dan manfaatnya menunjukkan kefahaman dan pengetahuan yang baik oleh responden tentang teknologi VR dengan. Namun, terdapat kekurangan pengetahuan tentang penggunaannya dalam konteks pendidikan dan pengalaman dengan teknologi ini adalah terhad.

Ketersediaan peralatan VR dan kemudahan internet di institusi berada pada tahap sederhana menunjukkan perlunya penambahbaikan untuk menyokong penggunaan VR dalam pembelajaran. Walaupun sokongan institusi untuk teknologi baru dianggap positif, responden merasakan terdapat ruang untuk peningkatan dalam ketersediaan dan kualiti peralatan.

Responden menunjukkan sikap dan persepsi yang sangat positif terhadap penggunaan VR dalam proses pembelajaran dengan kesediaan untuk mengintegrasikan teknologi ini. Mereka juga percaya bahawa latihan tambahan dapat meningkatkan penggunaan VR secara berkesan.

Skor min keseluruhan kajian adalah pada tahap sederhana, menunjukkan bahawa pensyarah KKPB dan KKPBCM menunjukkan kesediaan untuk menggunakan teknologi VR, tetapi masih memerlukan lebih banyak pendedahan dan sokongan untuk memaksimumkan potensi teknologi ini dalam pendidikan. Secara keseluruhannya, terdapat pengakuan yang kuat terhadap potensi VR dalam pembelajaran tetapi usaha lebih lanjut diperlukan untuk meningkatkan pengetahuan, infrastruktur, dan sokongan agar penggunaan VR dapat dilaksanakan secara berkesan.

6.0 RUJUKAN

Ahmad Al-munzir Ridzuan. (2020). *Tahap Kesediaan Pensyarah Terhadap Penggunaan M- Pembelajaran dalam Sistem Pendidikan dan Latihan Teknik dan Keywords : M-learning , TVET , lecturers Lahad Datu Community College.* 5(1), 173–189.

Arini, R. E. (2023). Merangkul Teknologi: Mengintegrasikan Realitas Virtual dalam Pengalaman Pembelajaran. Jurnal Pendidikan West Science, 01(06), 350–356. https://wnj.westscience-press.com/index.php/jpdws/article/view/458

Azilan, M., Fakulti, R., Teknikal, P., Vokasional, D., Fakulti, R. M., Abd, R., Kolej, R., & Perak, M. (2018). Hubungan Kemahiran Kebolehkerjaan Pelajar Kolej Vokasional Pertanian dengan Kesediaan Menghadapi Revolusi Industri 4.0. Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Lifelong Learning, 2, 2600–7738.

Chundran, U. (2018). Tahap Kesediaan Pensyarah Politeknik Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Industri 4.0. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Krejcie, R. V, & Morgan, D. W. (1970). (1970). Determining Sample Size for Research Activities. Educational and Psychological Measurement, 30(3), 607-610. https://doi.org/10.1177/001316447003000308. Educational and Psychological Measurement, 30.

Loane, C., Roos, G., Hardy, G., & Dell, B. (2013). Murdoch Research Repository.Core.Kmi. Open.Ac.Uk, 117, 112–123. https://doi.org/10.1016/j.funbio.2012.12.004.

Nayan, N. M., Ali, N. M., Hidir, M., Salim, M., & Azmi, M. K. (2024). System And Technology Kajian Penerokaan Teknologi Realiti Maya (Vr) Dalam Kalangan Guru Dan Murid Sekolah Di Perlis Study On The Exploration Of Virtual Reality (Vr) Technology Among Teachers And Students In Perlis. 9(36), 163–176.

https://doi.org/10.35631/JISTM.936011

Norabeerah, S., Halimah Badioze, Z., & Azlina, A. (2012). Pengajaran masa depan menggunakan teknologi Augmented Reality dalam pendidikan Bahasa Melayu: Tahap kesedaran guru. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 2, 1–10. https://doi.org/10.5539/ass.v9n11p1

Pallant, J. (2011). This is what readers from around the world say about the SPSS Survival Manual: ‘Whenever. Routledge.

Safar, F., & Abdul Raman, N. A. (2021). Pendidikan Interaktif: Penerokaan Virtual Reality (VR) Dalam Visualisasi Model Seni Bina. ANP Journal of Social Sciences and Humanities , 2(2), 26–38. https://doi.org/10.53797/anpjssh.v2i2.4.2021

Saidi Yusof Che Soh Said Mohammad Rusdi Mohd Nasir Adnan Rozali Fakulti Seni, M., & Kreatif, I. (2017). Aplikasi Teknologi Realiti Maya dalam Pembangunan Koswer Rumah Tradisional Melayu Terengganu. Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni, 5, 76–86.

KAJIAN KEBERKESANAN PORTAL AKADEMIK@KKPB SEBAGAI PUSAT SEHENTI PENGURUSAN AKADEMIK DALAM KALANGAN PENSYARAH KOLEJ KOMUNITI PAYA BESAR

Ts. Zaira Hasnida binti Mohamed Rashid
Kolej Komuniti Paya Besar
zairarashid310@gmail.com

Dzazuriaty binti Muhamad
Kolej Komuniti Paya Besar
dzazuriaty@kkpbe.edu.my

Shuhaila binti Ibrahim
Kolej Komuniti Paya Besar
pgrhkkpbe@mohe.gov.my

ABSTRAK

Pengurusan dokumen berkaitan akademik adalah penting bagi memastikan pensyarah mencapai dan menggunakan dokumen terkini yang berkuatkuasa. Pengurusan akademik mencakupi pelbagai bidang atau kategori tugasan pensyarah. Portal Akademik@KKPB digunakan sebagai pusat sehenti pengurusan dan perkongsian maklumat berkaitan akademik di Kolej Komuniti Paya Besar. Kajian dijalankan bagi mengkaji tahap keberkesanan penggunaan Portal Akademik@KKPB dalam proses pencarian maklumat berkaitan pengurusan akademik dan seterusnya mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan Portal Akademik@KKPB. Responden kajian merupakan pensyarah-pensyarah Kolej Komuniti Paya Besar dan Kolej Komuniti Paya Besar Cawangan Maran. Seramai 48 responden yang terdiri daripada pensyarah Sijil Teknologi Maklumat, Sijil Teknologi Elektrik, Sijil Multimedia Kreatif Pengiklanan dan beberapa orang pegawai pengurusan. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah deskriptif. Satu set borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian dan diedarkan kepada responden melalui kaedah dalam talian. Berdasarkan analisa hasil dapatan kajian, skor min adalah 4.74. Nilai skor min ini menunjukkan tahap keberkesanan penggunaan Portal@Akademik dalam kalangan pensyarah adalah tinggi. Dapatan ini sekaligus menunjukkan bahawa penggunaan Portal Akademik@KKPB sebagai pusat sehenti maklumat berkaitan pengurusan akademik adalah berkesan dan dapat memudahkan kerja pensyarah. Selain itu, kajian ini juga memberi panduan dalam merangka strategi yang lebih berkesan untuk meningkatkan penggunaan portal dalam kalangan pensyarah. Beberapa langkah penambahbaikan yang boleh dipertimbangkan termasuk memperbaiki antara muka portal agar lebih menarik, menyertakan garis panduan terkini bagi setiap subunit dalam akademik, dan menyediakan ruang untuk memaparkan tarikh penting berkaitan proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bagi sesi semasa.

Kata kunci: Pengurusan akademik, Portal

1.0 PENGENALAN

Unit Pengurusan Akademik dan Pendidikan Berterusan, Kolej Komuniti Paya Besar (KKPB) diketuai oleh Timbalan Pengarah (Akademik) yang bertanggungjawab dalam pengurusan dan pentadbiran akademik di institusi. Unit ini bertanggungjawab untuk merancang, melaksana, dan mengurus program pengajian sepenuh masa dan pembelajaran sepanjang hayat. Unit ini juga terdiri daripada beberapa subunit dan jawatankuasa kecil yang lain untuk menyokong pengurusan akademik iaitu Unit Jaminan Kualiti, Unit Peperiksaan dan Penilaian, Unit Pembelajaran Digital, Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat, Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersialan, Unit Latihan dan Pembangunan Staf serta beberapa jawatankuasa kecil.

1.1 PERNYATAAN MASALAH

Setiap subunit di bawah Unit Pengurusan Akademik dan Pendidikan Berterusan mempunyai fungsi dan peranan tersendiri dalam menyokong pengurusan akademik. Unit-unit ini mempunyai cara yang berbeza dalam penyebaran maklumat atau dokumen untuk rujukan dan kegunaan pensyarah. Kaedah penyebaran maklumat dan dokumen akademik yang diguna sebelum ini adalah seperti e-mel, aplikasi Telegram, aplikasi-aplikasi lain dan edaran secara fizikal. Ini menyebabkan ketidakseragaman dan memberi kesukaran kepada pensyarah kerana tiada satu platform yang khusus digunakan untuk penyebaran maklumat dan dokumen bagi unit-unit di bawah Unit Pengurusan Akademik dan Pendidikan Berterusan. Ini juga boleh menimbulkan risiko penyalahgunaan dokumen, kekeliruan dalam kalangan pensyarah, serta percanggahan maklumat yang mengganggu proses pentadbiran akademik.

Menurut Azmi et al., 2017, sesebuah organisasi membangunkan Sistem Maklumat Pengurusan untuk menyediakan kemudahan pemprosesan, penyimpanan, dan penyebaran maklumat secara teratur, efektif, dan efisien, di samping menjimatkan kos. Sehubungan itu, Portal Akademik@KKPB telah dibangunkan sebagai langkah proaktif untuk mengatasi masalah yang dihadapi dalam pengurusan akademik di KKPB. Portal ini menyediakan platform dalam talian yang berfungsi sebagai pusat sehenti untuk pengurusan dokumen dan maklumat berkaitan Unit Akademik dan Pendidikan Berterusan.

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan memberikan pandangan jelas tentang penggunaan Portal Akademik@KKPB dalam pengurusan akademik melalui dua objektif utama.

Objektif pertama adalah menilai keberkesanan penggunaan Portal Akademik@KKPB dalam pencarian maklumat pengurusan akademik.

Ia bertujuan untuk menilai sejauh mana portal ini berfungsi sebagai alat yang efektif bagi pensyarah dalam mendapatkan maklumat yang diperlukan. Penilaian ini melibatkan data mengenai pengalaman pengguna, kepuasan, serta aksesibiliti maklumat. Diharapkan hasil ini akan memberikan gambaran yang lebih jelas tentang keberkesanan portal dalam menyokong pengurusan akademik.

Objektif kedua ialah mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan Portal Akademik@KKPB dalam kalangan pensyarah. Kajian ini meneliti aspek kebergunaan dan kemudahan akses portal untuk pensyarah. Dengan mengenal pasti elemen-elemen yang menyokong penggunaan portal, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada peningkatan keberkesanan dan penggunaan Portal Akademik@KKPB, seterusnya menyokong pengurusan akademik yang lebih efisien.

2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Latar belakang kajian ini menekankan kepentingan pengurusan akademik dalam pendidikan tinggi, yang melibatkan perancangan dan pelaksanaan aktiviti akademik untuk memastikan pensyarah mempunyai akses kepada maklumat terkini. Di KKPB, terdapat cabaran dalam penyampaian maklumat secara berpusat, iaitu akses kepada sumber yang terhad dan kesukaran mencari maklumat yang diperlukan. Portal akademik berperanan sebagai pusat sehenti yang menyediakan akses pantas dan sistematik kepada pelbagai sumber, serta memudahkan pengguna untuk mendapatkan maklumat dengan lebih efisien (Kamus Dewan Edisi Keempat).

Kajian oleh Ajeh et al., 2024, menunjukkan bahawa kebergunaan dan kemudahan penggunaan teknologi adalah faktor penting yang mempengaruhi kesediaan pengguna untuk terus menggunakan laman web. Norrila Satari. et al., 2023 pula menekankan bahawa portal pengurusan akademik dapat memudahkan pensyarah dalam mendapatkan bahan dan maklumat tanpa perlu berinteraksi dengan orang lain, yang seterusnya mengurangkan beban kerja pensyarah. Selain itu, Atiqah & Latif, 2022 mendapati bahawa portal pengetahuan

berfungsi sebagai platform yang efektif untuk pemindahan dan penyimpanan maklumat bagi pensyarah. Dengan portal akademik yang interaktif dan berpusat, pensyarah dapat mengakses dokumen secara sistematik, meningkatkan kecekapan operasi akademik dan membolehkan pensyarah memberi tumpuan lebih kepada pengajaran. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan Portal Akademik@KKPB dalam menyokong pengurusan akademik di KKPB dan KKPBCM.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif yang melibatkan pengumpulan dan analisis data melalui soal selidik. Reka bentuk ini dipilih untuk menilai keberkesanan Portal Akademik@KKPB sebagai pusat sehenti bagi pengurusan akademik dalam kalangan pensyarah. Populasi kajian terdiri daripada semua pensyarah di KKPB dan Kolej Komuniti Paya Besar Cawangan Maran (KKPBCM) yang merupakan pengguna Portal Akademik@KKPB. Borang soal selidik dalam talian telah diedarkan kepada 53 pensyarah, di mana 48 pensyarah (90.6%) telah memberikan maklum balas. Kadar respons ini menunjukkan tahap keterlibatan yang tinggi seperti yang dinyatakan oleh Krejcie & Morgan, 1970.

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik yang dirujuk daripada Hasbollah et al., 2023. Soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian: Bahagian A yang memfokuskan kepada demografi responden, dan Bahagian B yang menilai tahap keberkesanan Portal Akademik@KKPB. Bahagian B mengandungi sepuluh item menggunakan skala likert 5 titik (1= Sangat Tidak Setuju, 2= Tidak Setuju, 3= Kurang Setuju, 4=Setuju dan 5=Sangat Setuju). Kesemua item dalam Bahagian B direka untuk mengkaji keberkesanan penggunaan portal, dan lapan item khususnya bertujuan menilai faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan Portal Akademik@KKPB dalam kalangan pensyarah.

Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS). Hasil analisis dalam bentuk skor min ini akan digunakan untuk mengenal pasti penambahbaikan yang perlu dilaksanakan pada portal. Penambahbaikan ini akan dirujuk kepada Unit Pengurusan Akademik dan Pendidikan Berterusan, yang bertanggungjawab dalam melaksanakan tindakan susulan bagi memastikan penyampaian maklumat yang lebih berkesan kepada pensyarah. Dengan pendekatan metodologi ini, kajian diharapkan dapat memberikan pandangan yang jelas mengenai keberkesanan Portal Akademik@KKPB dan membantu dalam meningkatkan penggunaannya dalam pengurusan akademik.

4.0 PERBINCANGAN

4.1 ANALISIS DEMOGRAFI RESPONDEN

Jadual 1 : Profil Responden

Item	Kriteria	Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	14	29.17%
	Perempuan	34	70.83%
Umur	30 – 39 tahun	7	14.58%
	40 - 49 tahun	37	77.08%
	50 tahun ke atas	4	8.33%
Bidang Pengajaran	Teknologi Elektrik	16	33.33%
	Teknologi Maklumat	16	33.33%
	Mulitimedia Kreatif Pengiklanan	8	16.67%
	Pengajian Am	8	16.67%
Tahap Pendidikan Tertinggi	Diploma	4	8.33%
	Ijazah Sarjana Muda	31	64.58%
	Ijazah Sarjana	13	27.08%
Tempoh Pengalaman Mengajar	kurang daripada 10 tahun	1	2.08%
	10 ke 20 tahun	39	81.25%
	melebihi 20 tahun	8	16.67%

Jadual 1 menunjukkan profil responden yang terdiri daripada perempuan (70.73%) dan lelaki (29.17%). Majoriti responden (77.08%) berusia antara 40 hingga 49 tahun, diikuti oleh mereka yang berumur 30 hingga 39 tahun (14.58%) dan selebihnya 8.33% berusia lebih daripada 50 tahun. Bidang pengajaran utama adalah teknologi elektrik dan teknologi maklumat (masing-masing 33.33%), diikuti multimedia kreatif pengiklanan dan pengajian am (masing-masing 16.67%).

Sebahagian besar responden memiliki ijazah sarjana muda (64.58%), diikuti ijazah sarjana (27.08%) dan diploma (8.33%). Dari segi pengalaman, 81.25% telah mengajar antara 10 hingga 20 tahun, 16.67% mempunyai pengalaman melebihi 20 tahun, manakala 2.08% kurang daripada 10 tahun. Ini menunjukkan kebanyakan responden memiliki pengalaman yang luas dalam bidang pendidikan.

4.2 ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Analisis dapatan kajian dijalankan secara deskriptif, yang merangkumi nilai min, nilai sisihan piawai dan interpretasi skor min (Jadual 2) bagi memenuhi dua objektif utama.

Jadual 2 : Analisis Dapatan Item Soal Selidik

Item		Skor Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Skor Min
1	Maklumat di Portal Akademik@KKPB mudah difahami.	4.81	0.45	Tinggi
2	Maklumat di Portal Akademik@KKPB relevan dan memenuhi keperluan.	4.81	0.45	Tinggi
3	Maklumat di Portal Akademik@KKPB lengkap dan mudah di akses.	4.75	0.48	Tinggi
4	Maklumat di Portal Akademik@KKPB dipersembahkan dengan gaya mudah.	4.73	0.54	Tinggi
5	Maklumat di Portal Akademik@KKPB mengukuhkan pengetahuan sedia ada.	4.75	0.48	Tinggi
6	Maklumat di Portal Akademik@KKPB berkaitan dengan proses pembelajaran dan pengajaran di KKPB	4.79	0.46	Tinggi
7	Maklumat di Portal Akademik@KKPB menyediakan pengetahuan yang mencukupi.	4.60	0.57	Tinggi
8	Maklumat di Portal Akademik@KKPB sesuai digunakan sebagai bahan rujukan.	4.73	0.54	Tinggi
9	Maklumat di Portal Akademik@KKPB meningkatkan Kemahiran pengguna.	4.63	0.53	Tinggi
10	Maklumat di Portal Akademik@KKPB jelas dan ringkas.	4.81	0.45	Tinggi
	Keseluruhan	**4.74**	**0.40**	**Tinggi**

Bagi menerangkan tahap skor min, penyelidik merujuk kepada interpretasi yang dicadangkan oleh Pallant, 2020 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3 berikut.

Jadual 3: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

4.3 ANALISIS KEBERKESANAN PENGGUNAAN PORTAL

Analisis dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa penemuan signifikan yang menggambarkan keberkesanan Portal Akademik@KKPB dalam memenuhi keperluan pensyarah.

Dapatan menunjukkan skor min tinggi bagi item 1 (4.81), yang menunjukkan bahawa maklumat di portal mudah difahami. Ini mencerminkan bahawa portal ini telah direka bentuk dengan mempertimbangkan keperluan pensyarah. Kemudahan memahami maklumat adalah penting dalam pengurusan akademik, di mana pensyarah memerlukan akses kepada maklumat yang jelas dan tepat untuk menghasilkan kerja yang berkualiti.

Item 2 juga mencatatkan skor min 4.81, menunjukkan bahawa maklumat yang disediakan adalah relevan dan memenuhi keperluan pensyarah. Ini menegaskan bahawa Portal Akademik@KKPB berjaya menyediakan sumber yang tepat dan sesuai, yang dapat membantu pensyarah dalam menjalankan tugas pengurusan akademik dengan lebih efisien.

Skor min bagi item 10 adalah tinggi (4.81), menekankan bahawa maklumat di portal jelas dan ringkas. Penyampaian maklumat yang baik adalah penting untuk memastikan pensyarah dapat mencapai maklumat dengan cepat dan tanpa kekeliruan. Kejelasan ini juga meningkatkan kepercayaan pensyarah terhadap sumber maklumat yang disediakan.

Dapatan juga menunjukkan aksesibiliti maklumat dengan skor min 4.75 bagi item 3. Ini menunjukkan bahawa maklumat di portal lengkap dan mudah diakses. Akses yang mudah kepada maklumat adalah penting untuk memastikan pensyarah dapat mencari dan mendapatkan informasi yang diperlukan tanpa halangan. Ini berpotensi untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti dalam pengurusan akademik.

Item 5 memperoleh skor 4.75, menunjukkan bahawa maklumat di portal dapat mengukuhkan pengetahuan sedia ada pensyarah. Ini menunjukkan bahawa portal bukan sahaja berfungsi sebagai sumber maklumat, tetapi juga sebagai alat untuk meningkatkan pemahaman dan pengetahuan pensyarah dalam melaksanakan tugas sebagai Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi.

Maklumat di portal dianggap sesuai untuk dijadikan bahan rujukan, dengan dapatan skor min 4.73 bagi item 8. Ini menunjukkan bahawa pensyarah menganggap portal sebagai sumber utama yang boleh dirujuk dalam melaksanakan tugas berkaitan pengurusan akademik.

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan Portal Akademik@KKPB adalah sangat berkesan dalam pencarian maklumat pengurusan akademik. Skor min yang tinggi bagi semua item, termasuk kefahaman, relevansi, aksesibiliti, dan kejelasan maklumat, menunjukkan bahawa portal ini memenuhi keperluan pensyarah dengan baik. Dapatan ini menunjukkan pentingnya portal dalam menyokong pengurusan akademik, serta membantu pensyarah mencari dan mengakses maklumat dengan efisien.

4.4 ANALISIS FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENGGUNAAN PORTAL

Dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa faktor signifikan yang mempengaruhi penggunaan Portal Akademik@KKPB dalam kalangan pensyarah. Faktor utama yang mempengaruhi penggunaan portal adalah kebergunaan dan kemudahan penggunaannya. Pensyarah menghargai ciri-ciri yang memudahkan pencarian dan akses kepada maklumat. Ini dibuktikan melalui skor min yang tinggi (4.81) bagi item 1 dan 10, menunjukkan maklumat di portal mudah difahami, jelas dan ringkas.

Relevansi maklumat juga merupakan faktor penting. Dapatan bagi item 2 menunjukkan skor min tinggi (4.81), menunjukkan maklumat di portal memenuhi keperluan pensyarah dan mendorong pensyarah untuk menggunakannya dengan lebih kerap.

Sebahagian besar pensyarah menggunakan portal kerana maklumat yang diperolehi adalah berguna dan berkaitan dengan proses pembelajaran dan pengajaran di KKPB. Ini disokong oleh skor min tinggi (4.79) bagi item 6, yang menunjukkan hubungan langsung antara maklumat yang disediakan dan keperluan pengajaran.

Selain itu, dapatan menunjukkan bahawa aksesibiliti portal dan kemampuan maklumat untuk mengukuhkan pengetahuan sedia ada juga mempengaruhi penggunaan portal dalam kalangan pensyarah. Skor min 4.75 bagi item 3 dan 5 menunjukkan bahawa pensyarah lebih cenderung menggunakan portal jika mereka dapat mengakses maklumat tanpa halangan dan mendapati maklumat tersebut berguna.

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kebergunaan, aksesibiliti, dan relevansi maklumat adalah faktor utama yang mempengaruhi penggunaan Portal Akademik@KKPB dalam kalangan pensyarah.

5.0 KESIMPULAN

Skor min bagi semua item adalah tinggi menunjukkan bahawa penggunaan Portal Akademik@KKPB sebagai medium penyampaian dan perkongsian maklumat dalam kalangan pensyarah adalah berkesan. Maklumat yang relevan dan mudah diakses merupakan kekuatan utama portal sekaligus menjadi sumber rujukan utama pensyarah dalam mencapai maklumat yang tepat.

Portal Akademik@KKPB berada di landasan yang baik. Namun begitu, masih terdapat ruang penambahbaikan yang boleh diberi perhatian dalam usaha menyediakan medium yang lebih memenuhi keperluan semua pengguna. Cadangan penambahbaikan termasuklah memperbaiki antara muka portal, menyertakan garis panduan terkini bagi setiap subunit, serta menyediakan ruang untuk memaparkan tarikh penting berkaitan proses PdP bagi sesi semasa. Semua cadangan ini akan dipertimbangkan pada masa akan datang.

6.0 RUJUKAN

Ajeh, R., Ashyurani, A., Razully, M., Bin, A., & Rosbi, J. (2024). Persepsi Pelajar : Mudah Guna Dan Kebergunaan Laman Web Politeknik. 4(1), 58–67.

Atiqah, N., & Latif, A. (2022). The Use of Knowledge Portal: Literature Review. Journal of Information and Knowledge Management (JIKM), 12(1), 110–115.

Azmi, A. A., Raman, K. H., & Zakria, R. (2017). Kajian Keberkesanan Sistem Maklumat Pengurusan : Kajian Kes Sistem Centralized Academic Staff Information System (CASIS) di Jabatan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (JTMK), Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA). November, 361–372.

Hasbollah, A. A., Sultan, P. I., Ahmad, A., Sultan, P. I., Zainal, N. A., & Sultan, P. I. (2023). Kajian Keberkesanan Padlet Sebagai Pusat Maklumat Sehenti Bagi Projek Tahun Akhir . November.

Krejcie, R. V, & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. Educational and Psychological Measurement, 30(3), 607-610. https:// doi.org/10.1177/001316447003000308. Educational and Psychological Measurement, 30.

Norrila Satari., Kharshiah Khalid., Zamidi Ismail., & Foo Soon Yen. (2023). Penggunaan google sites, one stop center sebagai medium pengurusan akademik. International Journal of Educational Research on Andragogy and Pedagogy, 1(1), 49–54.

Pallant, J. (2020). A step-by-step guide to data analysis using IBM SPSS Statistics (7th ed.). Open University Press

PERBANDINGAN FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KESEDIAAN PELAJAR SIJIL MULTIMEDIA KREATIF PENGIKLANAN (SMP) DI KOLEJ KOMUNITI PAYA BESAR (KKPB) DAN KOLEJ KOMUNITI KOK LANAS (KKKLK) UNTUK MENGIKUTI LATIHAN INDUSTRI

Basliza binti Mohamad Noor
Kolej Komuniti Paya Besar
basliza2002@gmail.com

Che Hazina binti Che Wil
Kolej Komuniti Paya Besar
chehazina@kkpbe.edu.my

Hasrina binti Abdullah
Kolej Komuniti Paya Besar
hasrina.abdullah81@gmail.com

ABSTRAK

Latihan industri adalah elemen penting dalam pendidikan yang memberikan pelajar peluang untuk mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh dalam suasana kerja sebenar. Kajian ini bertujuan untuk membandingkan faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan pelajar Sijil Multimedia Kreatif Pengiklanan (SMP) di Kolej Komuniti Paya Besar (KKPB) dan Kolej Komuniti Kok Lanas (KKKLK) untuk mengikuti latihan industri. Melalui kajian ini, faktor seperti pengetahuan, kemahiran dan sikap pelajar telah dianalisis. Data diperolehi melalui soal selidik yang diedarkan kepada pelajar di kedua-dua kolej, diikuti dengan analisis statistik versi SPSS23 untuk mengenal pasti perbezaan dan persamaan antara kedua-dua institusi. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi faktor pengetahuan dan kemahiran di antara pelajar KKPB dan KKKLK. Namun demikian terdapat perbezaan yang signifikan bagi faktor sikap dan seterusnya meningkatkan kesediaan pelajar KKPB dan KKKLK menjalani latihan industri. Kajian ini memberi implikasi penting kepada penggubal dasar pendidikan dan pengurusan kolej untuk meningkatkan program latihan industri dan menyokong pelajar dalam persediaan mereka memasuki dunia pekerjaan. Penemuan ini diharapkan dapat membantu dalam memperbaiki struktur dan pendekatan latihan industri di kedua-dua kolej, sekali gus meningkatkan kebolehpasaran pelajar. Penambahbaikan terhadap peningkatan kemahiran perlu ditingkatkan bagi kedua-dua kolej yang terlibat.Ia perlu merangkumi tujuan penyelidikan, metodologi, hasil dapatan dan implikasi penyelidikan.

Kata kunci : Latihan Industri, pengaruh, kesediaan, pelajar

1.0 PENGENALAN

Perkembangan pesat teknologi dalam era globalisasi ini, latihan industri menjadi komponen penting dalam pendidikan tinggi, khususnya bagi pelajar dalam bidang Multimedia Kreatif Pengiklanan. Latihan ini bukan sahaja menyediakan pengalaman praktikal tetapi juga mempersiapkan pelajar untuk menghadapi cabaran industri yang sebenar. Namun, tahap kesediaan pelajar untuk mengikuti latihan industri dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang berbeza, termasuk pengetahuan dalam bidang, kemahiran, dan sikap pelajar itu sendiri.

Kajian ini bertujuan untuk membandingkan faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan pelajar Sijil Multimedia Kreatif Pengiklanan (SMP) di Kolej Komuniti Paya Besar (KKPB) dan Kolej Komuniti Kok Lanas (KKKLK) untuk mengikuti latihan industri. Dengan mengambil dari pelbagai aspek di kedua-dua institusi, kajian ini akan menganalisis bagaimana faktor-faktor ini membentuk perspektif pelajar terhadap kesediaan mereka untuk menjalani latihan industri.

1.1 PERNYATAAN MASALAH

Dalam konteks pendidikan tinggi, terutama di bidang multimedia kreatif pengiklanan, latihan industri dianggap sebagai komponen penting untuk mempersiapkan pelajar menghadapi dunia pekerjaan. Terdapat kekurangan pemahaman mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kesediaan pelajar KKPB dan KKKLK dalam menjalani latihan industri, yang boleh menjejaskan persediaan mereka untuk menghadapi cabaran sebenar di tempat kerja. Walaupun pelajar KKPB dan KKKLK mengikuti program yang sama dalam bidang kemahiran, tidak diketahui sejauh mana perbezaan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kesediaan mereka dalam menjalani latihan industri, yang boleh menyebabkan perbezaan dalam kualiti persediaan dan pengalaman latihan mereka.

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah :

1. Mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kesediaan pelajar KKPB dan KKKLK dalam menjalani latihan industri.
2. Membandingkan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kesediaan pelajar KKPB dan KKKLK dalam menjalani latihan industri.

2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Dapatan kajian (Siti Noorlida A. R, 2024) terhadap 82 orang pelajar SMP di Kolej Komuniti Malaysia mendapati hampir keseluruhan responden bersedia dari segi mental dan fizikal untuk menjalani latihan industri. Pelajar telah menunjukkan tahap persediaan yang tinggi dari segi pengetahuan dan kemahiran, terutamanya dalam aspek-aspek teori, konsep, dan prinsip yang berkaitan dengan multimedia kreatif pengiklanan.

Kajian oleh Anjum (2020) yang melibatkan 800 pelajar sarjana muda dari pelbagai universiti di Pakistan mendapati bahawa latihan amali bukan sahaja memudahkan keperluan akademik, tetapi juga memberikan sumbangan yang signifikan kepada kesediaan kerjaya dan peluang pekerjaan. Tambahan pula, faktor latihan amali dan konsep bilik darjah yang diterapkan dalam konteks dunia kerja sebenar akan mempersiapkan pelajar untuk menghadapi dunia kerjaya dan hidup berdikari.

Kajian yang melibatkan lima buah sekolah oleh Maryanti, N., Rohana, R., & Kristiawan, M. (2020) telah meneliti kualiti kemudahan dan infrastruktur berdasarkan keperluan industri. Dapatan kajian menunjukkan bahawa peningkatan kualiti infrastruktur memberi kesan positif terhadap peningkatan kompetensi guru dalam mewujudkan graduan vokasional yang kompeten. Ini sekaligus menyediakan pelajar yang mampu bersaing mengikut keperluan industri.

Kajian yang melibatkan 345 pelajar tahun akhir di IPT di Sabah, Mohd Faqhrullah (2023) mendapati bahawa penglibatan pelajar dalam program upskilling membantu mereka lebih bersedia untuk pencarian pekerjaan yang sesuai. Oleh itu, faktor-faktor latihan upskilling yang disediakan oleh institusi pengajian tinggi dilihat dapat membantu pelajar lebih bersedia untuk menjalani latihan industri dan memasuki alam kerjaya.

Kajian oleh Jamil, M., Sepikun, M., & Muhammad, M. (2021) terhadap 56 pelajar program Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komputer) di Politeknik Port Dickson yang mengikuti kursus Internet Base Controller mendapati bahawa pelajar bersedia untuk meningkatkan tahap pengetahuan mereka dalam bidang IoT sebagai persediaan untuk mendapatkan peluang kerjaya. Ini menunjukkan bahawa pengetahuan adalah faktor penting bagi pelajar di institusi pendidikan teknikal dalam persediaan menjalani latihan industri dan memasuki alam pekerjaan.

Kajian oleh To, W.M. dan Lung, J.W.Y. (2020) terhadap 161 pelajar di China mendapati bahawa sokongan organisasi, penyelia dan kepuasan latihan telah mempengaruhi persepsi nilai, kejelasan tugas, dan persepsi sosial pelajar. Oleh itu, adalah penting bagi pelajar untuk menganggap latihan amali sebagai pengalaman yang bermakna.

Kapareliotis, I., Voutsina, K., dan Patsiotis, A. (2019) menyatakan untuk meneroka persepsi pelajar mengenai tahap kesediaan kerja selepas menamatkan program latihan mendapati bahawa pelajar yang menghadiri latihan amali memberikan penilaian positif terhadap semua aspek pembinaan kesediaan kerja. Selain itu, faktor ganjaran intrinsik dilihat lebih penting berbanding ganjaran ekstrinsik dalam menyumbang kepada kesediaan pelajar di tempat kerja. Kajian ini telah dibuat di sebuah institusi pengajian tinggi di Greece.

Dapatan kajian Zehr, S.M. dan Korte, R. (2020) terhadap 24 pelajar pelatih kejuruteraan mengenai persepsi latihan dan pengalaman mendapati bahawa tahap pembelajaran yang diperoleh semasa di kelas tiada kaitan dengan cara syarikat berfungsi. Situasi ini menghasilkan pelajar yang sukar menggunakan kemahiran yang dimiliki di tempat latihan.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Antara ujian statistik yang paling banyak digunakan, ujian t digunakan untuk membandingkan purata dua kumpulan. Dalam mengendalikan ujian t, penyelidik menggunakan taburan t, yang bergantung pada darjah kebebasan sampel, untuk menentukan sama ada keputusan mereka adalah signifikan. Terdapat tiga variasi ujian t yang biasa dilihat dalam kajian penyelidikan: (1) ujian t satu sampel, (2) ujian t sampel bebas, dan (3) ujian t sampel berpasangan ada dinyatakan oleh Thukral, S., Kovac, S., & Paturu, M. (2023). Pengukuran tahap pengetahuan pelajar melalui beberapa aspek seperti teori, konsep, atau prinsip dalam bidang multimedia kreatif pengiklanan. Kemahiran teknikal dan kreatif diukur bagi faktor kemahiran, manakala untuk faktor sikap, penilaian terhadap komitmen, kerjasama, serta keinginan untuk terus belajar dalam bidang tersebut.

Reka bentuk Kajian

Kajian ini telah menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif dengan pendekatan perbandingan. Data telah berjaya dikumpulkan melalui soal selidik yang diedarkan kepada pelajar di kedua-dua kolej. Keputusan kajian memberikan kesimpulan dan menjawab persoalan yang dikemukakan. Kenyataan ini diambil daripada Romy (2019). Borang soal selidik telah disebarkan secara dalam talian kepada kumpulan WhatsApp penyelaras LI unit SMP di setiap kolej. Menurut Bakar (2017), untuk memastikan pelajar menerima borang tersebut secara serentak, pengedaran perlu dilakukan secara dalam talian. Data dikumpulkan dengan mengedarkan soal selidik secara dalam talian kepada responden. Penjelasan mengenai tujuan kajian dan kerahsiaan data telah disampaikan kepada responden untuk memastikan mereka bersedia menjawab soalan.

Responden

Populasi bagi kajian ini adalah seramai 50 orang pelajar semester 3 di kolej komuniti yang menawarkan program Sijil Multimedia Kreatif Pengiklanan iaitu 21 orang dari Kolej Komuniti Paya Besar dan 27 orang dari Kolej Komuniti Kok Lanas bagi sesi 1 2023/2024. Soalan ini diedarkan setelah pelajar tamat penilaian akhir semester 3 bagi sesi tersebut. Proses pengumpulan data adalah melalui kaedah soalan soal selidik di mana borang soal selidik telah diedarkan secara dalam talian. Berdasarkan jadual yang dibina 48 orang telah menjawab soal selidik tersebut.

Jadual 1:Taburan Populasi dan Sampel mengikut Kolej

Bil	Kolej	Populasi	Sampel
1	Kolej Komuniti Kok Lanas	27	27
2	Kolej Komuniti Paya Besar	23	21
	Jumlah	50 orang	48 orang

Instrumen Kajian

Soal selidik yang telah dibangunkan untuk mengumpul data mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan pelajar, termasuk pengetahuan, kemahiran, sikap, dan persediaan. Soalan yang berskala Likert telah digunakan dalam soal selidik ini bagi mendapatkan maklum balas yang tepat mengenai pengalaman dan pandangan pelajar.

Data yang diperoleh telah dianalisis menggunakan perisian statistik seperti SPSS versi 23. Analisis deskriptif telah digunakan untuk menggambarkan ciri-ciri demografi responden, sementara analisis inferensi ujian-t telah digunakan untuk membandingkan perbezaan antara faktor yang mempengaruhi kesediaan pelajar di kedua-dua kolej.

Kebolehpercayaan soal selidik telah diukur menggunakan koefisien Cronbach's Alpha sebanyak 0.970 menepati syarat >0.7 bagi memastikan konsistensi item dalam instrumen. Semua item soal selidik kajian ini telah melalui proses semakan 4 orang panel terbahagi kepada tiga bahagian iaitu bahagian A, bahagian B dan bahagian C.
Bahagian A mempunyai 4 item soalan yang mempunyai lebih daripada dua pilihan. Item - item di bahagian ini tertumpu kepada demografi seperti jantina responden, umur, kolej komuniti dan PNM terkini. Kepentingan kajian kepada demografi responden adalah sangat perlu dalam suatu kajian, Sabitha (2006).

Terdapat 3 bahagian iaitu B1, B2 dan B3 dalam bahagian B. Item soalan bahagian ini telah diubah suai mengikut keperluan semasa merujuk kepada daripada soalan eprofiling. Item soalan yang berfokus kepada tahap pengetahuan pelajar dalam persediaan menjalani LI mengandungi 6 item soalan adalah item di Bahagian B1 dalam soal selidik ini. Manakala bahagian B2 mengandungi 7 item merangkumi tahap kemahiran untuk menjalani LI dan Bahagian B3 mengandungi 5 item soalan berkenaan dengan sikap pelajar itu sendiri.

Terdapat 5 soalan yang berfokus kepada persediaan pelajar itu sendiri terletak di Bahagian C. Skala Likert 1 hingga 5 digunakan bagi menjawab soalan bahagian B dan C, di mana responden dikehendaki memilih satu jawapan dengan menanda pada skala yang disetujui seperti di bawah (Saharuddin, Analisis Usability Google-Classroom Menggunakan Metode Skala Likert, 2020):

Jadual 2: Skala Likert yang digunakan

5	4	3	2	1
Sangat Setuju	Setuju	Neutral	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju

4.0 PERBINCANGAN

4.1 PROFIL DEMOGRAFI RESPONDEN

Daripada 50 orang yang dipilih, hampir 98% iaitu seramai 48 respoden telah memberi maklum balas. Jadual 3 di bawah menunjukkan taburan responden berdasarkan kolej. Seramai 27 orang respoden (56.3%) adalah daripada KKKLK dan 21 orang (43.7%) adalah dari KKPB .

Jadual 3: Latar belakang responden berdasarkan kolej

Bil	Kolej	Responden	Peratus (%)
1	Kolej Komuniti Kok Lanas	27	56.3 %
2	Kolej Komuniti Paya Besar	21	43.7 %
	Jumlah	48 orang	100 .0 %

Jadual 4 di bawah menunjukkan dapatan responden berdasarkan jantina. Secara keseluruhan jumlah responden lelaki dan perempuan adalah sama iaitu 24 orang responden (50.0%).

Jadual 4: Latar belakang responden berdasarkan jantina

Bil	Jantina	Kekerapan	Peratus (%)
1	Lelaki	24	50.0 %
2	Perempuan	24	50.0 %
	Jumlah	48 orang	100 .0 %

Jadual 5 di bawah menunjukkan dapatan responden berdasarkan umur. Analisa menunjukkan seramai 35 orang responden (72.9%) berumur 19 tahun, 7 orang responden(14.6%) berumur 20 tahun, 4 orang responden (8.3%) berumur 21 tahun dan 2 orang responden (4.2%) adalah 22 tahun ke atas.

Jadual 5: Latar belakang responden berdasarkan umur

Umur	**Kekerapan**	Peratus (%)
19 tahun	35	72.9%
20 tahun	7	14.6%
21 tahun	4	8.3%
22 tahun ke atas	2	4.2%
Jumlah	**48**	**100.%**

Jadual 6 di bawah menunjukkan dapatan responden berdasarkan PNM. Dapatan menunjukkan 47 (97.9%) responden mendapat PNM 3.99 - 3.00 dan seorang (2.1%) mendapat PNM 2.99 - 2.00.

Jadual 6: Latar belakang responden berdasarkan PNM

PNM	Kekerapan	Peratus (%)
4.00	0	0%
3.99 – 3.00	47	97.9%
2.99 – 2.00	1	2.1%
1.99 – 1.00	0	0%
Jumlah	**48**	**100.%**

4.2 TAHAP KESEDIAAN PELAJAR LI MENGIKUT ASPEK PENGETAHUAN

Analisis tahap persediaan pelajar SMP untuk menjalani latihan industri mengikut aspek pengetahuan. Penyelidik menginterpretasikan skor min kepada 3 tahap seperti jadual 7 di bawah:

Jadual 7: Interpretasi skor min

Skor Min	Intepretasi
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

(Nor Syazwanie binti Mohamad Zamal* N. H., 2022)

Analisis Ujian-t terhadap tahap persediaan pelajar SMP untuk menjalani latihan industri mengikut aspek pengetahuan. Perbezaan faktor pengetahuan mengikut kolej ditentukan dengan menggunakan kaedah ujian-t. Berdasarkan keputusan ujian-t sampel dalam Jadual 8, didapati faktor pengetahuan di antara pelajar di kedua kolej tersebut adalah tidak berbeza secara signifikan, t(48)=0.551, k >.05.

Jadual 8 : Statistik Ujian-t Sampel Pengetahuan Berdasarkan kolej

Bil	Kolej	Kekerapan	Skor Min	Sisihan Piawai	t	p
1	Kolej Komuniti Kok Lanas	27	4.265	0.644	0.551	0.584
2	Kolej Komuniti Paya Besar	21	4.167	0.557		

4.3 TAHAP KESEDIAAN PELAJAR LI MENGIKUT ASPEK KEMAHIRAN

Analisis Ujian-t terhadap tahap persediaan pelajar SMP untuk menjalani latihan industri mengikut aspek kemahiran. Perbezaan faktor kemahiran mengikut kolej ditentukan dengan menggunakan kaedah ujian-t. Berdasarkan keputusan ujian-t sampel dalam Jadual 9, didapati faktor kemahiran di antara pelajar di kedua kolej tersebut adalah tidak berbeza secara signifikan, t(48)=0.434, k >.05

Jadual 9: Statistik Ujian-t Sampel Kemahiran Berdasarkan kolej

Bil	Kolej	Kekerapan	Skor Min	Sisihan Piawai	t	p
1	Kolej Komuniti Kok Lanas	27	4.1296	0.8710	0.434	0.666
2	Kolej Komuniti Paya Besar	21	4.0317	0.6316		

4.4 TAHAP KESEDIAAN PELAJAR LI MENGIKUT ASPEK SIKAP

Analisis Ujian t-test terhadap tahap persediaan pelajar SMP untuk menjalani LI mengikut aspek sikap. Perbezaan faktor sikap mengikut kolej ditentukan dengan menggunakan kaedah ujian-t. Berdasarkan keputusan ujian-t sampel dalam Jadual 10, didapati faktor sikap di antara pelajar di kedua kolej tersebut adalah terdapat perbezaan secara signifikan, t(48)=-0.490, k <.05

Jadual 10: Statistik Ujian-t Sampel Sikap Berdasarkan kolej

Bil	Kolej	Kekerapan	Skor Min	Sisihan Piawai	t	p
1	Kolej Komuniti Kok Lanas	27	4.3481	0.8639	-0.490	0.627
2	Kolej Komuniti Paya Besar	21	4.4571	0.6136		

4.5 TAHAP KESEDIAAN PELAJAR LI MENGIKUT ASPEK PERSEDIAAN

Analisis Ujian t-test terhadap tahap persediaan pelajar SMP untuk menjalani LI mengikut aspek persediaan. Perbezaan faktor persediaan mengikut kolej ditentukan dengan menggunakan kaedah ujian-t. Berdasarkan keputusan ujian-t sampel dalam Jadual 11, didapati faktor persediaan di antara pelajar di kedua kolej tersebut adalah terdapat perbezaan secara signifikan, t(48)=-0.819, k <.05

Jadual 11: Statistik Ujian-t Sampel Persediaan Berdasarkan kolej

Bil	Kolej	Kekerapan	Skor Min	Sisihan Piawai	t	p
1	Kolej Komuniti Kok Lanas	27	4.3185	0.8157	-0.819	0.417
2	Kolej Komuniti Paya Besar	21	4.4952	0.6312		

4.6 PERBINCANGAN

Kajian ini menggunakan ujian t sampel untuk membandingkan purata faktor pengetahuan, kemahiran dan sikap pelajar antara KKPB dan KKKLK. Berdasarkan dapatan kajian di atas tiada perbezaan siginifikan di antara pelajar KKPB dan KKKLK dari aspek pengetahuan dan kemahiran. Ujian t sampel bagi faktor sikap terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar KKPB dan KKKLK di mana pelajar KKPB mempunyai sikap yang lebih positif dan lebih bersedia terhadap latihan industri.

5.0 KESIMPULAN

Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi faktor pengetahuan dan kemahiran di antara pelajar KKPB dan KKKLK. Namun demikian terdapat perbezaan yang signifikan bagi faktor sikap dan seterusnya meningkatkan kesediaan pelajar KKPB dan KKKLK menjalani latihan industri. Perbincangan telah menjelaskan dapatan kajian ini. Pelajar di KKPB menunjukkan kelebihan yang ketara dalam faktor sikap tersebut, yang mungkin menyumbang kepada kesediaan mereka untuk menyertai latihan industri. Ini mencadangkan perlunya langkah-langkah untuk meningkatkan faktor-faktor ini di KKKLK agar pelajar lebih bersedia untuk menghadapi cabaran dalam dunia pekerjaan. Secara keseluruhan, faktor pengetahuan, kemahiran, sikap, dan persediaan pelajar memainkan peranan penting dalam mempengaruhi kesediaan pelajar Sijil Multimedia Kreatif Pengiklanan untuk mengikuti latihan industri. Kajian ini mencadangkan agar kedua-dua kolej meningkatkan program latihan dan sokongan kepada pelajar, serta menyediakan lebih banyak pendedahan kepada industri untuk mempersiapkan mereka menghadapi cabaran di alam pekerjaan.

6.0 RUJUKAN

Al-Ghazali, M. (2004). Khuluk Al Muslim. Damascus: Dar Alkalam.

Blacking, J. 1973. Music in society and culture. In How musical is man?, 32–53. Washington DC: University of Washington Press. Carey, I. 1976. The Senoi. In Orang Asli the aboriginal tribes Peninsular Malaysia, 129– 213. Kuala Lumpur: Oxford University Press

Schneider, R. M., Krajcik, J., Marx, R. W., & Soloway, E. (2002). Performance of students in project-based science classrooms on a national measure of science achievement. Journal of Research in Science Teaching, 39(5), 410-422. [Century Gothic, 10-point,left alignment].

Kapareliotis, I., Voutsina, K. and Patsiotis, A. (2019), "Internship and employability prospects: assessing student's work readiness", Higher Education, Skills and Work-Based Learning , Vol. 9 No. 4, pp. 538-549. https://doi.org/10.1108/HESWBL-08-2018-0086

Anjum, S. Impact of internship programs on professional and personal development of business students: a case study from Pakistan. Futur Bus J 6, 2 (2020). https://doi.org/10.1186/s43093-019-0007-3

Maryanti, N., Rohana, R., & Kristiawan, M. (2020). The Principal's Strategy in Preparing Students Ready to Face the Industrial Revolution 4.0. International Journal of Educationa l Review, 2(1), 54–69. https://doi.org/10.33369/ijer.v2i1.10628

To, W.M. and Lung, J.W.Y. (2020), "Factors influencing internship satisfaction among Chinese students", Education + Training, Vol. 62 No. 5, pp. 543-558. https://doi.org/10.1108/ET-01-2020-0023

Zehr, S.M. and Korte, R. (2020), "Student internship experiences: learning about the workplace", Education + Training, Vol. 62 No. 3, pp. 311-324. https://doi.org/10.1108/ET-11-2018-0236

Jamil, M., Sepikun, M., & Muhammad, M. (2021). Kesediaan Pelajar Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komputer) Mengaplikasikan Kemahiran Teknikal Bagi Menghadapi Cabaran Kerjaya dalam Internet of Things (IoT) : Readiness of Electronic Engineering (Computer) Diploma Students in Applying Technical Skills to Face Career Challenges in Internet of Things (IoT). Online Journal for TVET Practitioners, 6(1), 45-58. https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/oj-tp/article/view/8006

Mohd Faqhrullah Khamis (2023). Penglibatan Program Upskilling Dan Kebimbangan Kerjaya Terhadap Kesediaan Bekerja Dalam Kalangan Pelajar Tahun Akhir Jurnal Komunikasi Borneo 2023 Vol. 11 Jun eISSN: 2289-859X

Nor Syazwanie binti Mohamad Zamal*, N. H. (2022). Tahap Kepuasan Organisasi Terhadap Pencapaian Kompetensi Dalam Kalangan Guru Pelatih Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM). Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan, 12-23.

Romy, A. M. (2019). Tahap Pengetahuan Dan Tahap Kesediaan Guru Pelatih Institut pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik (LPGKPT) Terhadap revolusi Industri 4.0 (Ir 4.0).

Siti Noorlida A. R, S. K. (2024). Kajian Faktor Yang Mempengaruhi Persediaan Pelajar Kolej Komuniti Sijil Multimedia Kreatif Pengiklanan (SMP) Untuk Menjalani Latihan Industri. National Conference Malaysia TVET on Research via Exposition 2024 (MaTRiX 2024).

Thukral, S., Kovac, S., & Paturu, M. (2023). t-test. In Translational Interventional Radiology. https://doi.org/10.1016/B978-0-12-823026-8.00104-8

PELAKSANAAN SISTEM PENASIHATAN AKADEMIK: KAJIAN TINJAUAN DI KOLEJ KOMUNITI ROMPIN

Samihatunnadzirah Binti Sulaiman
Kolej Komuniti Rompin
samihatunnadzirah.sulaiman@kkrompin.edu.my

Mohd Juwahir Bin Pa'iman
Kolej Komuniti Rompin
mohdjuwahir.paiman@kkrompin.edu.my

ABSTRAK
Sistem Penasihatan Akademik (SPAk) Kolej Komuniti merupakan suatu saluran perhubungan yang sistematik di antara pelajar dengan pensyarah sebagai Penasihat Akademik (PA) untuk membangunkan personaliti pelajar bagi mencapai kecemerlangan akademik, kemahiran generik dan kesediaan kendiri dalam kerjaya berpandukan Modul CAKnA yang telah dibangunkan. Kajian ini dijalankan untuk melihat keberkesanan SPAk terhadap pelajar di Kolej Komuniti Rompin (KKRP) pada Sesi I 2023/2024. Kolej Komuniti menggunakan CCMS - Community College Management System iaitu sistem pengurusan berpusat bagi tujuan pengurusan rekod pelajar-pelajar Kolej Komuniti. Melalui CCMS juga, laporan aktiviti SPAK direkodkan melalui menu HEP - Penasihatan Akademik. Setiap minggu telah diperuntukkan waktu untuk perjumpaan Penasihat Akademik bersama pelajar dalam tempoh satu jam seminggu mengikut jadual waktu yang telah ditetapkan. Bagi melihat keberkesanan SPAk, pelajar diminta untuk membuat penilaian pada minggu ke 14 setiap semester. Kajian kuantitatif berbentuk deskriptif ini melibatkan 196 orang pelajar KKRP menggunakan borang soal selidik berskala likert lima mata dengan tiga elemen kajian iaitu Penilaian Keberkesanan terhadap PA, Penilaian Keberkesanan terhadap SPAk dan impaknya kepada pelajar. Hasil kajian yang dijalankan didapati bahawa nilai keseluruhan purata bagi penilaian terhadap PA adalah 4.40, impak kepada pelajar adalah 4.44 dan penilaian terhadap SPAk adalah 4.48. Dapatan ini jelas memperlihatkan keberkesanan SPAk di KKRP pada Sesi 1 2023/2024 dan PA merupakan penggerak yang memainkan peranan penting dalam memberi penekanan penasihatan mengenai pencapaian kurikulum dan ko-kurikulum ke arah kecemerlangan pelajar.

KATA KUNCI : Sistem Penasihatan Akademik, Penasihat Akademik, Impak Pelajar

1.0 PENGENALAN

Sistem Penasihatan Akademik merupakan salah satu tunjang utama untuk menyokong pelajar dalam aspek perkembangan akademik dan psikososial mereka sepanjang pengajian di institusi pengajian tinggi. Dalam konteks pendidikan moden, peranan penasihat akademik telah berkembang melangkaui pemilihan kursus dengan merangkumi aspek pengembangan sahsiah pelajar dan kesediaan mereka menghadapi cabaran kerjaya selepas tamat pengajian.

Penasihat akademik bukan sahaja bertindak sebagai sumber maklumat tetapi juga sebagai mentor yang membina kepercayaan diri dan kemahiran sosial yang penting untuk masa depan pelajar (Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, (2020); Feygin, Miller, Poole, Hatcher, & Choi, (2022). Perkara ini turut disokong oleh Dian Purnama Sari & Nurlelah Aprilia S. Iskandar (2020) yang menemukan hubungan signifikan antara peranan penasihat akademik dengan peningkatan prestasi pelajar.

Menurut Iatrellis, Kameas, & Fitsilis (2017), para penyelidik menyimpulkan bahawa Sistem Penasihatan Akademik berkesan dalam membantu pelajar merancang kursus dan merancang laluan akademik jangka panjang melalui algoritma pintar dan sokongan berasaskan keputusan. Ini menunjukkan bahawa melalui sistem penasihatan yang berstruktur dan efektif dapat membantu mengurangkan kadar keciciran dan meningkatkan pencapaian akademik pelajar.

Di peringkat antarabangsa, terdapat sokongan yang kukuh untuk model penasihatan proaktif yang melibatkan penasihat memberi panduan kepada pelajar sebelum timbulnya masalah akademik atau emosi. Di Amerika Syarikat, model proaktif seperti ini terbukti berkesan dalam meningkatkan penglibatan pelajar serta memperbaiki kadar pencapaian mereka (Renick, 2022).

Di Malaysia, sistem ini direka untuk membimbing pelajar dalam aspek akademik dan membina jalinan yang erat antara pelajar dan institusi bagi memastikan mereka mendapat sokongan yang diperlukan untuk mencapai potensi penuh (Iatrellis, Samaras, Kokkinos, & Xenakis, 2024). Ini membuktikan bahawa peranan penasihat akademik semakin penting khususnya dalam memastikan pelajar dari pelbagai latar belakang mendapat akses bimbingan yang adil (Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, 2020).

Sejak pandemik COVID-19, keperluan untuk sokongan akademik yang lebih fleksibel dan inklusif semakin ketara. Pengalaman pembelajaran dalam talian membawa cabaran tersendiri yang memerlukan penasihat akademik untuk menyesuaikan kaedah mereka dalam menyediakan bimbingan kepada pelajar yang belajar secara maya. Perkara ini disokong melalui kajian Nik Nor Azlyzae Abdul Manaf, Muhammad Fauzi Abdullah, Zurita Abdul Kadir, & Norqursiah Saad (2020) yang menjelaskan kepuasan pelajar lebih tinggi terhadap penasihat akademik yang memahami keperluan akademik dan sahsiah pelajar.

Dalam konteks Kolej Komuniti, penasihatan akademik melalui Sistem Penasihatan Akademik (SPAk) bukan sahaja bertujuan untuk memberi panduan akademik tetapi juga membentuk kemahiran kendiri pelajar dalam merancang laluan pendidikan mereka (Muhamad Azlin Ismail, Nur Nabilah Noorahim, Fatin Nur Halilah Mohd Said, & Haryanti Mohd Affandi, 2022). SPAk berfungsi sebagai platform yang menyelaraskan komunikasi antara pelajar dan penasihat akademik dengan memberi penekanan penasihatan mengenai pencapaian kurikulum dan kokurikulum ke arah kecemerlangan pelajar berpandukan Modul CAKnA yang digunakan di Kolej Komuniti (Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, 2020). Melalui modul ini penasihat akademik boleh memberikan bimbingan akademik yang teratur serta memberikan pelajar keyakinan diri dan ketekunan dalam menghadapi cabaran akademik selaras dengan hasrat dan tujuan sistem ini diwujudkan (Dian Purnama Sari & Nurlelah Aprilia S. Iskandar, 2020)

2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Dalam usaha meningkatkan kadar pencapaian akademik di institusi pengajian tinggi, Sistem Penasihatan Akademik menjadi satu keutamaan yang penting. Penasihatan akademik bertujuan untuk membimbing pelajar dalam aspek akademik dan peribadi mereka serta memainkan peranan dalam membantu pelajar mencapai kejayaan menyeluruh dan bukan sahaja berfungsi sebagai pembimbing dalam pemilihan kursus tetapi juga bertindak sebagai pemangkin dalam mengembangkan kemahiran sosial dan profesional pelajar (Absullah Sulong & Wan Zainura Wan Yusof, (2015); Renick (2022). Sistem penasihatan yang berkesan ini menuntut penasihat akademik untuk bersikap lebih proaktif, memupuk hubungan yang positif dan menyesuaikan diri dengan keperluan pelajar terutamanya bagi pelajar yang mempunyai latar belakang sosioekonomi rendah atau yang mengalami cabaran akademik tertentu (Iatrellis, Samaras, Kokkinos, & Xenakis, 2024).

Di Malaysia, Sistem Penasihatan Akademik telah menunjukkan potensinya dalam memperbaiki keberhasilan pelajar namun pelaksanaannya masih boleh diperbaiki antaranya dengan penggunaan teknologi serta peranti digital (Muhamad Azlin Ismail, Nur Nabilah Noorahim, Fatin Nur Halilah Mohd Said, & Haryanti Mohd Affandi, 2022), mengurangkan bebanan penasihat akademik (Azilawati Abdullah @ Abd Aziz, Wan Roshaini Wan Ali, Nik Zam Nik-Wan, & Siti Nor Adawiah Hussein, 2019), menambah baik elemen interaktif dan visualisasi data untuk memperkayakan pengalaman pelajar (Azlilawati Abu Bakar, Nor Maizatul Mona Husin, & Marina Samsuddin, 2020) dan penasihat akademik diberi pengukuhan tentang peranan mereka dalam bimbingan akademik, sahsiah, kerjaya dan kendiri pelajar (Nik Nor Azlyzae Abdul Manaf, Muhammad Fauzi Abdullah, Zurita Abdul Kadir, & Norqursiah Saad, 2020).

Walau bagaimanapun Sistem Penasihatan Akademik (SPAk) yang dijalankan di Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia telah memperlihatkan keberkesanannya dalam mempertingkatkan prestasi pelajar (Muhamad Azlin Ismail et al., 2022). Walau bagaimanapun, faktor seperti bilangan penasihat yang terhad dan beban kerja yang tinggi terus menjadi cabaran kepada para penasihat akademik dari masa ke masa.

Dalam konteks Kolej Komuniti Rompin, pelaksanaan sistem penasihatan akademik juga penting bukan sahaja untuk meningkatkan prestasi akademik pelajar tetapi juga untuk memastikan bahawa mereka dilengkapi dengan kemahiran dan sokongan yang diperlukan untuk menghadapi cabaran dunia luar selepas tamat pengajian. Feygin, Miller, Poole, Hatcher, & Choi (2022) menyatakan bahawa Sistem Penasihatan Akademik yang efektif mampu memacu pelajar untuk menyelesaikan pengajian dengan kemahiran praktikal yang bermanfaat kepada majikan tempatan dan industri setempat. Oleh kerana itu, sistem penasihatan yang komprehensif dan berkesan menjadi asas penting dalam memastikan pelajar mencapai potensi penuh mereka. Perkara ini memerlukan pendekatan yang inklusif serta responsif terhadap keperluan khusus (Absullah Sulong & Wan Zainura Wan Yusof, 2015; Dian Purnama Sari & Nurlelah Aprilia S. Iskandar, 2020).

Kolej Komuniti Rompin sebagai institusi pendidikan tinggi di Malaysia perlu memastikan bahawa pelaksanaan sistem penasihatan akademiknya bukan sahaja memadai tetapi juga relevan dengan keperluan pelajar dalam era digital dan ekonomi berasaskan pengetahuan. Dengan jumlah pelajar yang semakin bertambah dan latar belakang yang berbeza, sistem ini perlu dikaji bagi mengenal pasti kekuatan dan kelemahannya sekaligus memberi panduan untuk pembaikan yang menyeluruh dan efektif dalam penyampaian bimbingan akademik pada masa hadapan. Sejauh mana SPAk memberi kesan kepada pelajar setelah satu semester berlangsung tidak diketahui sekiranya analisis kajian tidak dilaksanakan. Oleh yang demikian, kajian ini menyentuh berkaitan penilaian terhadap keberkesanan Sistem Penasihatan Akademik (SPAk) terhadap Penasihat Akademik serta impak perlaksanaannya kepada pelajar di samping keberkesanan sistem tersebut dalam membantu pencapaian akademik serta sahsiah pelajar.

2.1 ULASAN KAJIAN TERDAHULU

Kajian mengenai Sistem Penasihatan Akademik menunjukkan kepentingannya dalam membantu pelajar mencapai kejayaan akademik dan membina kemahiran kendiri yang berkesan.

Kajian oleh Iatrellis, Kameas, & Fitsilis (2017) menunjukkan bahawa penggunaan algoritma pintar dalam Academic Advising System (AAS) dapat membantu pelajar merancang laluan akademik mereka secara lebih efektif melalui pemilihan kursus yang disesuaikan. Kajian lain yang dilakukan oleh Dian Purnama Sari & Nurlelah Aprilia S. Iskandar (2020) mendapati bahawa interaksi berterusan antara penasihat akademik dan pelajar memberi kesan positif terhadap pencapaian akademik dan motivasi pelajar. Kajian oleh Muhamad Azlin Ismail, Nur Nabilah Noorahim, Fatin Nur Halilah Mohd Said, & Haryanti Mohd Affandi (2022) pula mendapati bahawa AAS yang berasaskan digital seperti penggunaan sistem e-SPAk di Kolej Komuniti Bagan Datuk boleh membantu pelajar secara dalam talian dalam mencapai matlamat pembelajaran mereka dengan lebih mudah dan sistematik.

Terdapat persamaan dalam kajian terdahulu yang menunjukkan bahawa penasihatan akademik baik secara digital mahupun interaksi bersemuka memberi impak positif terhadap pencapaian pelajar. Iatrellis et al., (2017) dan Dian Purnama Sari & Nurlelah Aprilia S. Iskandar (2020) sama-sama menekankan bahawa bimbingan yang terstruktur dan konsisten dapat membantu pelajar mengatasi cabaran akademik dengan lebih baik, sejajar dengan teori perkembangan pelajar oleh Chickering (1969) yang menyatakan pentingnya hubungan penasihat-pelajar dalam memupuk kematangan sosial dan akademik pelajar (Dian Purnama Sari & Nurlelah Aprilia S. Iskandar, 2020).

Perbezaan dalam kajian terdahulu melibatkan pendekatan teknologi yang digunakan. Kajian Iatrellis et al., (2017) berfokus kepada AAS yang menggunakan algoritma pintar bagi membantu penasihat dan pelajar, sementara kajian Dian Purnama Sari & Nurlelah Aprilia S. Iskandar (2020) lebih menumpukan kepada interaksi manusia secara langsung yang mendapati bahawa motivasi pelajar lebih tinggi apabila penasihat dapat berinteraksi dengan mereka secara peribadi. Kajian di Kolej Komuniti Bagan Datuk oleh Muhamad Azlin Ismail et al., (2022) juga menyokong bahawa pelajar lebih cenderung memanfaatkan sistem SPAk apabila terdapat kemudahan dalam akses digital.

Kelemahan utama yang dikenal pasti adalah keterbatasan sampel dan kurangnya penyertaan dalam kajian longitudinal yang membolehkan penyelidik memerhati dan menganalisis perubahan serta perkembangan yang berlaku dari masa ke masa yang akhirnya boleh membuat ramalan berdasarkan data yang dikumpulkan secara berterusan daripada populasi yang sama.

Kajian oleh Iatrellis et al., (2017) tidak mengambil kira faktor sosioekonomi yang mungkin boleh mempengaruhi keberkesanan penasihatan akademik berasaskan algoritma pintar. Manakala kajian oleh Dian Purnama Sari & Nurlelah Aprilia S. Iskandar (2020) pula mengabaikan kesan faktor luaran seperti keluarga dan budaya terhadap motivasi pelajar. Kajian oleh Muhamad Azlin Ismail et al., (2022) di Kolej Komuniti Bagan Datuk menghadapi kekangan dalam skala pelaksanaan kajian secara besar-besaran yang mungkin mempengaruhi generalisasi dapatan kajian yang dijalankan.

Secara keseluruhan, kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa Sistem Penasihatan Akademik yang baik dapat membantu pelajar dalam mencapai matlamat akademik mereka dengan lebih efektif sama ada melalui interaksi bersemuka atau teknologi digital. Walaupun terdapat kelemahan dalam pelbagai pendekatan, kajian masa depan yang menyokong model hibrid dijangka dapat memberikan solusi yang lebih menyeluruh dan sesuai bagi pelajar dalam pelbagai konteks pendidikan tinggi.

Justeru, bagi memperkukuhkan keberkesanan sistem penasihatan akademik adalah disarankan agar kajian akan datang menggabungkan pendekatan hibrid yang mengintegrasikan teknologi dan interaksi bersemuka (Feygin, Miller, Poole, Hatcher, & Choi, 2022) untuk menyokong pelajar secara holistik. Sampel yang lebih besar dan berbeza latar belakang turut disarankan bagi memastikan hasil yang lebih representatif dan komprehensif. Selain itu, teori motivasi kendiri oleh Deci dan Ryan (1985) boleh diterapkan untuk memahami pengaruh penasihatan akademik terhadap motivasi intrinsik pelajar yang mungkin lebih relevan dalam kajian masa depan.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

3.1 REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan melihat keberkesanan SPAk terhadap pelajar di Kolej Komuniti Rompin bagi sesi 1 2023/2024 disamping penilaiannya terhadap Penasihat Akademik masing-masing. Instrumen kajian adalah berdasarkan item soal selidik yang telah dibangunkan oleh Jawatankuasa Penulisan Buku Panduan Sistem Penasihatan Akademik (SPAk) Kolej Komuniti Malaysia Edisi 2020 dengan diadaptasi melalui kajian Nurulhuda Khalid, Hanis Rasyidah Dollah@Abdullah, & Amir (2020) dan Azlilawati Abu Bakar, Nor Maizatul Mona Husin, & Marina Samsuddin (2020).

3.2 POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN

Kajian kuantitatif ini menggunakan kaedah tinjauan melalui borang soal selidik. Borang soal selidik digunakan dan diedarkan kepada responden untuk pengumpulan data mengenai tiga elemen kajian yang berkaitan. Jumlah populasi pelajar di Kolej Komuniti Rompin pada sesi 1 2023/2024 iaitu seramai 210 orang. Namun, borang soal selidik telah diedar dan diisi oleh 196 orang responden yang terdiri daripada pelajar semester 1, 2 dan 3 dari lima kursus pengajian yang ditawarkan di Kolej Komuniti Rompin iaitu Sijil Kulinari (SKU), Sijil Operasi Perhotelan (SOP), Sijil Teknologi Elektrik (SKE), Sijil Servis Kenderaan Ringan (SKR) dan Sijil Teknologi Penyejukan dan Penyamanan Udara (SPU). Sampel yang dipilih adalah melalui teknik pensampelan rawak berstrata. Perkiraan ini adalah bagi menghasilkan dapatan yang lebih menyeluruh (Mohd Majid Konting, (2005); Piaw, (2014a). Oleh yang demikian, jumlah saiz sampel dalam kajian ini adalah melebihi saranan sarjana terdahulu dengan tidak menyampingkan formula Krejcie dan Morgan (1970).

3.3 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian ini telah diadaptasi melalui kajian oleh Nurulhuda Khalid, Hanis Rasyidah Dollah@Abdullah, & Amir (2020) dan Azlilawati Abu Bakar, Nor Maizatul Mona Husin, & Marina Samsuddin (2020) dengan berpandukan kepada Buku Panduan Sistem Penasihatan Akademik (SPAk) Kolej Komuniti Malaysia Edisi 2020 dan diolah berdasarkan keperluan dan tujuan kajian. Terdapat empat bahagian dalam soal selidik tersebut termasuk Bahagian Demografi Responden. Penggunaan Skala Likert lima mata (1=sangat tidak setuju, 2=tidak setuju, 3=sederhana, 4=setuju dan 5=sangat setuju) sebagai ukuran tahap persetujuan responden terhadap item yang dibina adalah berdasarkan keperluan (Likert R.,(1932); Baso Intang Sappaile, (2007); Mohammad Azri Amatan, Han, & Pang, (2021) dan digunakan pada Bahagian B, C dan D. Bahagian B mengandungi lima soalan yang mewakili penilaian keberkesanan terhadap Penasihat Akademik. Bahagian C mengandungi lapan soalan yang mewakili penilaian keberkesanan terhadap SPAk dan Bahagian D mewakili impak kepada pelajar dengan empat item soalan. Kebenaran daripada institusi juga diperoleh terlebih dahulu sebelum proses pengumpulan data dilakukan (Piaw, 2014b). Aspek sukarela dan kerahsiaan data telah dimaklumkan kepada responden sebelum borang soal selidik diagihkan kepada mereka. Responden memerlukan masa selama 10-15 minit untuk melengkapkan borang soal selidik dan borang tersebut kemudiannya dikumpulkan kembali.

Berdasarkan skala likert yang digunakan, skor min yang diperoleh diolahkan semula seperti dalam Jadual 1 di bawah :

Jadual 1 : Tahap Mengikut Nilai Skor Min Kajian

Nilai Skor Min	Tahap
1.00 hingga 1.80	Sangat Rendah
1.81 hingga 2.60	Rendah
2.61 hingga 3.40	Sederhana
3.41 hingga 4.20	Tinggi
4.21 hingga 5.00	Sangat Tinggi

Sumber : Nur Hawa Hanis Abdullah & Ghazali Darusalam (2018)

4.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini telah menjalankan beberapa analisis untuk melihat keberkesanan SPAk terhadap pelajar di Kolej Komuniti Rompin (KKRP) pada Sesi I 2023/2024. Analisis ini merangkumi statistik deskriptif untuk menilai kesan setiap elemen yang dikaji. Data dianalisis menggunakan Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 27. Berikut adalah dapatan terperinci berdasarkan analisis yang telah dijalankan.

4.1 DEMOGRAFI RESPONDEN

Kajian ini melibatkan 196 orang pelajar dari Kolej Komuniti Rompin yang telah dinilai berdasarkan beberapa dimensi demografi termasuk program pengajian, semester semasa dan jantina. Perincian data adalah seperti Jadual 2 berikut:

Jadual 2 : Data Demografi Responden

PROGRAM	SEMESTER 1			SEMESTER 2			SEMESTER 3			JUMLAH	%	JANTINA		JUMLAH
	KELAS			KELAS			KELAS					LELAKI	PEREMPUAN	
	A	B	C	A	B	C	A	B	C					
SKU	20	0	0	18	0	0	30	0	0	68	35%	24	44	68
SOP	16	0	0	0	0	0	19	0	0	35	18%	4	31	35
SKE	16	0	0	0	0	0	15	8	1	40	20%	39	1	40
SKR	13	0	0	0	0	0	6	5	0	24	12%	23	1	24
SPU	10	9	0	2	0	0	8	0	0	29	15%	28	1	29
JUMLAH	75	9	0	20	0	0	78	13	1	196	100%	118	78	196
PERATUS	38%	5%	0%	10%	0%	0%	40%	7%	1%	100%	100%	60%	40%	100%
	84			20			92							
	43%			10%			47%							

Jadual 2 di atas telah menunjukkan data demografi 196 orang responden yang terdiri daripada pelajar semester 1 (43%), semester 2 (10%) dan semester 3 mewakili 47%. Data juga menunjukkan pengagihan responden berdasarkan program masing-masing dengan diwakili SKU (35%), SOP (18%), SKE (20%), SKR (12%) dan SPU (15%). Majoriti responden adalah lelaki (60%), manakala perempuan hanya merangkumi 40% daripada sampel kajian.

4.2 KEBERKESANAN SPAk TERHADAP PERANAN PENASIHAT AKADEMIK (PA)

Hasil analisis menunjukkan bahawa kesemua item A1-A5 menunjukkan purata skor atas 4.3 dengan item A2 ("PA menerangkan kepada saya dengan jelas objektif dan aktiviti yang ingin dicapai pada setiap sesi pertemuan") mencatatkan purata tertinggi iaitu 4.56. Ini menunjukkan bahawa responden cenderung bersetuju bahawa PA melaksanakan peranan mereka dengan baik dalam membantu pelajar. Namun terdapat sedikit variasi dalam sisihan piawaian antara responden (sekitar 0.67 hingga 0.98) yang menunjukkan tahap kepuasan yang agak konsisten dalam aspek peranan PA. Keberkesanan SPAk terhadap peranan Penasihat Akademik ditunjukkan dalam Jadual 3 di bawah.

Jadual 3 : Keberkesanan SPAk terhadap peranan Penasihat Akademik

ITEM	PERNYATAAN	1	2	3	4	5	JUMLAH	SKOR MIN
A1	PA memperuntukkan waktu untuk temu janji bersama saya.	2	3	16	88	87	196	4.30
A2	PA menerangkan kepada saya dengan jelas objektif dan aktiviti yang ingin dicapai pada setiap sesi pertemuan.	3	0	2	70	121	196	4.56
A3	PA membantu saya dalam merancang pengurusan masa berpandukan kepada masa pembelajaran pelajar (SLT).	9	1	3	75	108	196	4.39
A4	PA menjadi pendengar yang baik dan prihatin terhadap soal akademik dan masalah yang saya hadapi.	10	0	12	69	105	196	4.32
A5	Nasihat dan bimbingan yang diberikan oleh PA amat berguna.	10	0	1	72	113	196	4.42

4.2 KEBERKESANAN SPAk

Skor bagi item B1 hingga B8 juga tinggi dengan purata nilai min di atas 4.2 untuk semua item. Item B8 ("SPAk merupakan inisiatif sokongan ke arah pembentukan pelajar yang berilmu, bertanggungjawab, berkebolehan dan berdaya saing") mencatatkan purata tertinggi iaitu 4.55 menunjukkan bahawa SPAk dianggap berkesan dalam memberi sokongan kepada pelajar untuk kekal fokus dan berkembang secara menyeluruh. Variasi skor sisihan piawai untuk B1 hingga B8 adalah rendah hingga sederhana (sekitar 0.52 hingga 0.93), menunjukkan penilaian yang konsisten dengan tahap kepuasan tinggi terhadap keberkesanan SPAk. Data keberkesanan SPAk secara keseluruhannya ditunjukkan dalam Jadual 4 di bawah.

Jadual 4 : Keberkesanan SPAk

ITEM	PERNYATAAN	1	2	3	4	5	JUMLAH	SKOR MIN
B1	SPAk membantu saya dalam membangunkan kemahiran dalam strategi belajar yang betul bagi mencapai hasil pembelajaran.	9	0	11	83	93	196	4.28
B2	SPAk membantu saya dalam membina matlamat diri.	9	0	3	89	95	196	4.33
B3	SPAk membantu saya meningkatkan motivasi.	9	0	6	84	97	196	4.33
B4	SPAk membantu saya dalam meningkatkan kemahiran komunikasi dengan pelbagai cara.	1	0	6	83	106	196	4.49
B5	SPAk membantu saya dalam mematuhi peraturan kolej komuniti.	1	0	7	81	107	196	4.49
B6	SPAk dapat menyelamatkan saya dari lalai terhadap objektif utama saya berada di kolej komuniti.	0	0	2	88	106	196	4.53
B7	SPAk membantu saya dalam hal-hal akademik, pembangunan dan kesediaan diri untuk menempuh alam kerjaya.	0	0	3	90	103	196	4.51
B8	SPAk merupakan inisiatif sokongan ke arah pembentukan pelajar yang berilmu, bertanggungjawab, berkebolehan dan berdaya saing.	0	0	3	82	111	196	4.55

4.3 IMPAK SPAk KEPADA PELAJAR

Item dalam kategori C juga menunjukkan purata yang tinggi dengan skor tertinggi pada item C3 ("Saya mempraktikkan teguran dan nasihat yang diberikan oleh PA") iaitu 4.60. Ini menunjukkan bahawa pelajar bukan sahaja menerima nasihat tetapi juga mengamalkannya dalam kehidupan akademik mereka. Perkara ini menunjukkan impak positif SPAk terhadap pelajar. Variasi skor pada item C adalah sederhana hingga sedikit tinggi pada item C2, yang mencatat sisihan piawai sekitar 1.08, menandakan adanya perbezaan persepsi terhadap keperluan PA dalam menyelesaikan isu akademik dan peribadi. Butiran-butiran ini dinyatakan dalam Jadual 5 di bawah.

Jadual 5 : Impak SPAk Kepada Pelajar

ITEM	PERNYATAAN	1	2	3	4	5	JUMLAH	SKOR MIN
C1	Saya sangat memerlukan PA sepanjang pengajian saya di Kolej Komuniti.	1	0	7	80	108	196	4.50
C2	Saya selesa untuk menceritakan masalah berkaitan akademik dan peribadi kepada PA	12	3	20	67	94	196	4.16
C3	Saya mempraktikkan teguran dan nasihat yang diberikan oleh PA.	1	0	2	70	123	196	4.60
C4	Prestasi akademik saya semakin baik setelah mendapatkan nasihat dan bimbingan daripada PA.	3	0	4	77	112	196	4.51

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini mencadangkan bahawa Sistem Penasihatan Akademik (SPAk) merupakan satu inisiatif sokongan akademik yang berkesan dan relevan di Kolej Komuniti Rompin. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa SPAk memainkan peranan penting dalam membantu pelajar mencapai potensi akademik dan peribadi mereka dengan memberi fokus kepada tiga aspek utama iaitu peranan penasihat akademik (PA), keberkesanan SPAK sebagai sebuah sistem sokongan dan impaknya kepada pelajar. Dapatan ini selaras dengan kajian oleh Absullah Sulong & Wan Zainura Wan Yusof, (2015); Hamdan Said, Chai, Ros Ilyani Rosdi, Norashuha Tajuddin, & Noriadah Abdul Karim, (2012); Nurulhuda Khalid et al., (2020).

Melalui analisis kajian ini mendapati bahawa PA berperanan sebagai mentor dan penasihat kepada pelajar bukan sahaja membantu mereka mencapai kecemerlangan akademik tetapi juga menyediakan bimbingan untuk menghadapi cabaran peribadi dan keadaan semasa. Pelajar melaporkan bahawa PA telah memainkan peranan dengan efektif terutamanya dalam menyediakan waktu untuk sesi penasihatan individu, mendengar masalah mereka dan memberi panduan yang jelas. Sokongan yang diberikan PA menjadi aspek kritikal dalam memastikan pelajar sentiasa berada di landasan yang betul untuk mencapai objektif pembelajaran serta membantu dalam membina keyakinan diri serta meningkatkan keupayaan akademik masing-masing. Kenyataan ini selaras dengan hasil dapatan kajian oleh Hamdan Said et al., (2012); Muhamad Azlin Ismail et al., (2022). Dengan peranan PA yang efektif ini, pelajar merasakan bahawa mereka mempunyai sumber rujukan yang boleh membantu dalam menangani isu-isu akademik dan peribadi.

Dari perspektif keseluruhan sistem SPAk, kajian ini menunjukkan bahawa SPAk adalah satu sistem sokongan yang holistik, berkesan dan memenuhi keperluan pelajar dalam pelbagai aspek. SPAk dinilai positif dalam menyediakan struktur dan panduan kepada pelajar meliputi aspek penting seperti kemahiran belajar, pembinaan matlamat peribadi, motivasi dan pematuhan kepada peraturan institusi. Purata skor yang tinggi dalam aspek ini menunjukkan bahawa pelajar merasakan SPAk telah memberi impak langsung yang signifikan dalam perkembangan mereka. Pelajar yang terlibat dengan SPAk menunjukkan peningkatan dalam kemahiran komunikasi (Nur Qistina Abdullah & Tuan Khairul Adhar Tuan Kub, 2011) yang bukan sahaja membantu dalam interaksi harian tetapi juga menyediakan mereka untuk situasi profesional pada masa hadapan di samping memberi panduan penting dalam membina disiplin diri serta etika yang tinggi. Hasil dapatan ini bertepatan dengan kajian oleh Azlilawati Abu Bakar et al., (2020); Muhamad Azlin Ismail et al., (2022).

Selain itu, impak SPAk terhadap pelajar juga mencerminkan keberkesanan sistem ini dalam membentuk pelajar yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik tetapi juga mempunyai daya tahan, kemahiran interpersonal dan kesedaran diri. Pelajar melaporkan bahawa mereka merasa lebih selesa untuk berkongsi masalah peribadi dengan PA dan memanfaatkan nasihat yang diterima dalam kehidupan akademik mereka. Ini menunjukkan bahawa SPAK bukan sahaja menyokong pelajar dari aspek akademik tetapi juga memainkan peranan penting dalam pembangunan kesejahteraan emosi yang dapat diterjemahkan melalui peningkatan prestasi akademik. Kehadiran PA yang prihatin memberi kesan positif kepada kesejahteraan mental pelajar yang seterusnya menyumbang kepada persekitaran pembelajaran yang kondusif.

Secara keseluruhan, SPAk di Kolej Komuniti Rompin boleh dilihat sebagai sebuah sistem yang tidak hanya menyokong aspek akademik tetapi juga menyumbang kepada pembentukan pelajar yang seimbang dan bersedia untuk menempuh cabaran kerjaya pada masa akan datang. Keberkesanan PA dalam menjalankan peranan mereka serta sokongan menyeluruh yang ditawarkan oleh SPAk menunjukkan sistem ini mampu menjadi satu model penasihatan yang berkesan dan boleh dijadikan panduan bagi institusi pendidikan lain yang ingin memperkukuhkan sokongan akademik pelajar mereka. Berdasarkan penilaian yang diperoleh, pihak institusi boleh mempertimbangkan untuk meneruskan, mengembangkan dan mempertingkatkan lagi SPAk agar dapat menyediakan sokongan yang lebih menyeluruh terutamanya dalam aspek yang melibatkan pembangunan diri, motivasi akademik, pembangunan digital (Azilawati Abdullah @ Abd Aziz, Wan Roshaini Wan Ali, Nik Zam Nik-Wan, & Siti Nor Adawiah Hussein, 2019; Nik Nor Azlyzae Abdul Manaf, Muhammad Fauzi Abdullah, Zurita Abdul Kadir, & Norqursiah Saad, 2020) dan persiapan untuk masa depan pelajar dalam bidang yang lebih mencabar dan profesional.

5.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini mencadangkan bahawa SPAk adalah sistem sokongan yang sangat berkesan di Kolej Komuniti Rompin. Keberkesanan peranan PA, sokongan holistik SPAk dan impaknya yang positif kepada pelajar menunjukkan bahawa SPAk berjaya memenuhi matlamatnya dalam membantu pelajar mencapai potensi akademik mereka. Pihak institusi boleh mempertimbangkan untuk mengekal dan memperkukuhkan sistem ini bagi menyokong pelajar secara lebih komprehensif khususnya dalam aspek-aspek penting seperti pembangunan diri, motivasi dan kemahiran komunikasi. Kajian lanjutan disarankan untuk menilai impak jangka panjang SPAk terhadap pelajar selepas mereka menamatkan pengajian. Ini boleh memberi perspektif yang lebih jelas tentang bagaimana sokongan SPAk memberi kesan dalam kehidupan akademik dan kerjaya mereka selepas menamatkan pengajian di Kolej Komuniti Rompin.

6.0 RUJUKAN

Absullah Sulong, & Wan Zainura Wan Yusof. (2015). Pengaruh Sistem Penasihatan Akdemik Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar. Unspecified, 1–7.

Azilawati Abdullah @ Abd Aziz, Wan Roshaini Wan Ali, Nik Zam Nik-Wan, & Siti Nor Adawiah Hussein. (2019). Sistem e-PA. 2nd Kelantan International Learning and Innovation Exhibition 2019 (KILIEx2019), 67–69.

Azlilawati Abu Bakar, Nor Maizatul Mona Husin, & Marina Samsuddin. (2020). Keberkesanan Peranan Penasihat Akademik di Politeknik Semasa Krisis Global Penularan Virus Covid-19. The 3rd International Conference on Social Sciences & Humanities 2020 (ICOSH 2020), 3(1), 329–343.

Baso Intang Sappaile. (2007). Pembobotan Butir Pernyataan Dalam Bentuk Skala Likert Dengan Pendekatan Distribusi Z. Jurnal Pendidikan Dan Kebudayaan, (064), 126–135.

Chickering, A. W. (1969). Education and identity. San Francisco: Jossey-Bass.

Deci, E. L., & Ryan, R. M. (1985). Intrinsic Motivation and Self-Determination in Human Behavior. New York: Plenum.

Dian Purnama Sari, & Nurlelah Aprilia S. Iskandar. (2020). Peran Penasihat Akademik (PA) Dalam Meningkatkan Hasil Belajar Mahasiswa Mahasiswi Program Studi Diploma Tiga Kebidanan Stikes Dharma Husada Bandung. Jurnal Sehat Masada, XIV(2), 114–120. https://doi.org/10.38037/jsm.v14i2.132

Feygin, A., Miller, T., Poole, J., Hatcher, M., & Choi, L. (2022). Advising for College Success: Policies, Practices, and Programs That Support Students on the Path to College Completion. College Completion Network, 08(December), 1–18. Retrieved from https://eric.ed.gov/?id=ED626635%0Ahttps://files.eric.ed.gov/fulltext/ED626635.pdf

Hamdan Said, Chai, T. T., Ros Ilyani Rosdi, Norashuha Tajuddin, & Noriadah Abdul Karim. (2012). Peranan Penasihat Akademik dalam Melestarikan Pendidikan Berkualiti. Persidangan Kebangsaan Pembangunan Dan Pendidikan Lestari, 31–47. https://doi.org/10.1163/9789004396685_022

Iatrellis, O., Kameas, A., & Fitsilis, P. (2017). Academic Advising Systems: A Systematic Literature Review of Empirical Evidence. Education Sciences, 7(90), 1–17. https://doi.org/10.3390/educsci7040090

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti. (2020). Buku Panduan Sistem Penasihatan Akademik (SPAk) Kolej Komuniti Malaysia (Edisi 2020; Annas Alamshah, Haslan Azis, & Zaidatul Najlaa Mohd Said, eds.). Putrajaya: Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.

Likert R. (1932). A technique for the measurement of attitudes. Archives of Psychology, 5-55 Psychological Measurement, 607–610.

Mohammad Azri Amatan, Han, C. G. K., & Pang, V. (2021). Pembinaan dan Pengesahan Soal Selidik Faktor Input Pelaksanaan Elemen Pendidikan STEM dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru. Jurnal Dunia Pendidikan, 3(2), 409–422. https://doi.org/10.35631/ijepc.640015

Mohd Majid Konting. (2005). Kaedah Penyelidikan Pendidikan (Ketujuh). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhamad Azlin Ismail, Nur Nabilah Noorahim, Fatin Nur Halilah Mohd Said, & Haryanti Mohd Affandi. (2022). Pelaksanaan Sistem Penasihatan Akademik Dashboard (E-Spak Dashboard): Kajian Tinjauan Di Kolej Komuniti Bagan Datuk. Jurnal Dunia Pendidikan, 4(3), 328–339. https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.3.28

Nur Hawa Hanis Abdullah, & Ghazali Darusalam. (2018). Kesediaan Guru Melaksanakan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran. Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, 6(3), 22–31.

Nur Qistina Abdullah, & Tuan Khairul Adhar Tuan Kub. (2011). Pengetahuan Pelajar Tentang Peranan Penasihat Akademik Bagi Pelajar-Pelajar Tahun Satu Sesi 2007/2008 Di Universiti Teknologi Malaysia. Unspecified, 1–9.

Nurulhuda Khalid, Hanis Rasyidah Dollah@Abdullah, & Amir, N. F. H. (2020). Kajian Terhadap Keberkesanan Sistem Penasihatan Akademik (SPAk) Sesi Jun 2019 di Politeknik Banting Selangor (PBS). Journal Online Jaringan COT PoliPD (JOJAPS), 20, 63–70.

Piaw, C. Y. (2014a). Asas Statistik Penyelidikan (Edisi Ke-3). Shah Alam: Mc Graw Hill Education Sdn. Bhd.

Piaw, C. Y. (2014b). Kaedah Penyelidikan (Edisi Ke-3) (Ketiga). Shah Alam: Mc Graw Hill Education Sdn. Bhd.

PENGALAMAN DI KOLEJ KOMUNITI ROMPIN: PERSPEKTIF DARI ALUMNI KOLEJ KOMUNITI ROMPIN 2022 DAN 2023

Maryam binti Pandi
Kolej Komuniti Rompin
maryam.pandi@kkrompin.edu.my

Suhana binti Setu
Kolej Komunti Rompin
suhanasetu1234@gmail.com

ABSTRAK
Alumni institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dianggap sebagai duta dan aset penting. Kolej Komuniti Rompin merupakan salah satu institusi TVET yang menawarkan pelajar kursus sijil dan diploma. Oleh itu, adalah penting bagi alumni untuk memberikan pendapat mereka tentang cara sistem pengoperasian kolej berfungsi, termasuk kurikulum, tenaga pengajar dan prasarana. Kajian ini bertujuan untuk mengumpulkan maklum balas daripada alumni Kolej Komuniti Rompin mengenai tiga perkara yang dinyatakan sebelum ini: kurikulum, tenaga pengajar dan prasarana. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang menggunakan pengedaran soal selidik dalam talian. Selain itu, program Microsoft Excel dan SPSS digunakan untuk analisis data. 88.1% graduan menyertai kajian, dengan 237 graduan pada tahun 2022 dan 2023. Hasil penyelidikan mendapati bahawa graduan secara keseluruhan berpuas hati dengan institusi bagi setiap faktor kurikulum, tenaga pengajar dan kemudahan prasarana. Malah graduan akan mengesyorkan institusi kepada pihak luar.

Kata kunci : Kurikulum, Pensyarah, Prasarana, Alumni

1.0 PENGENALAN

Kolej Komuniti Rompin merupakan salah satu dari 105 kolej komuniti Malaysia yang merupakan institusi TVET. (KPT, 2022) Kolej ini merupakan pengeluar tenaga mahir atau separa mahir bagi tenaga kerja di Malaysia. Memandangkan permintaan dan keperluan industri untuk modal insan yang berkebolehan seiring dengan peredaran teknologi di peringkat nasional mahupun di peringkat antarabangsa, pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) memainkan peranan penting dalam membangunkan bakat tersedia masa hadapan. Akibatnya, kerajaan terus memberi penekanan kepada TVET. TVET memainkan peranan penting dalam mewujudkan tenaga mahir tempatan, mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing. (Faizal, 2024). Omardin (2019) juga menekankan bahawa pendidikan vokasional dan teknikal adalah cara untuk mewujudkan modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran tinggi dan inovatif yang mampu menghadapi risiko dan persaingan di seluruh dunia. Prestasi negara adalah kukuh pada masa yang sama dengan permintaan semasa.

Alumni kolej komuniti merupakan salah satu peranan penting dalam memberikan pendapat dan buah fikiran sebagai pemegang taruh dalam mengenal pasti keberkesanan sesebuah institusi TVET. Pendapat alumni terhadap pengalaman semasa melalui proses pembelajaran di kolej komuniti dapat membantu dalam menambah baik terhadap institusi tersebut. Pandangan graduan dan peluang pekerjaan adalah salah satu faktor dalam mengiktiraf sesuatu institusi bagi penambahbaikan berterusan. (Boaduo, Mensah & Babitseng, 2009; Gines, 2014).

2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kolej Komuniti Rompin menawarkan lima program sebagai salah satu institusi TVET. Program-program tersebut adalah Sijil Teknologi Elektrik, Sijil Teknologi Penyejukan dan Penyamanan Udara, Sijil Servis Kenderaan Ringan (nama ditukar kepada Sijil Teknologi Automotif), Sijil Kulinari, dan Sijil Operasi Perhotelan.

Setiap kolej komuniti harus mempunyai tahap kepuasan pengguna yang tinggi terhadap pendidikan, kemudahan prasarana dan perkhidmatan yang ditawarkan. Ini adalah hasil daripada mewujudkan persekitaran yang positif dan produktif yang akan menghasilkan pelajar yang berkualiti tinggi dan berdaya saing, yang selaras dengan objektif dan matlamat institusi. Dalam situasi ini, pelajar dianggap sebagai pelanggan atau pihak berkepentingan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menggunakan kemudahan dan perkhidmatan institusi pendidikan. (Tuan Rakiza & Mardinah, 2020)

Oleh itu, kajian ini menggunakan maklumat daripada kajian sebelumnya, iaitu faktor kurikulum, tenaga pengajar dan kemudahan yang dihadapi oleh graduan kolej komuniti semasa alumni mengikuti pengajian di Kolej Komuniti Rompin.

Dalam usaha untuk menjadikan kolej komuniti sebagai laluan utama untuk pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) di Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi mesti mengutamakan kandungan kurikulum dan kemudahan prasarana yang berkualiti tinggi. Kurikulum adalah salah satu komponen yang mempengaruhi perkhidmatan yang dirasakan oleh pelajar, oleh itu, tahap kepuasan seseorang individu boleh dipengaruhi oleh kualiti kurikulum. (Tessema dan Ready, 2012)

Selain meningkatkan kebolehpasaran graduan, industri mendapat manfaat daripada graduan seterusnya. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Farahmandian et al. (2013), kurikulum adalah salah satu aspek kualiti perkhidmatan yang dianggap oleh pelajar, dan istilah "kurikulum" merujuk kepada program akademik yang ditawarkan kepada pelajar di institusi pendidikan. Komponen kajian ini adalah kurikulum, yang meliputi kepada:

Persediaan kepada dunia pekerjaan

Latihan industri

Untuk memastikan tenaga kerja yang dididik berkebolehan dan berkemahiran untuk bersaing di tempat kerja, kurikulum mesti lebih menyeluruh dan sesuai dengan kemajuan teknologi semasa. Semua guru harus bekerjasama untuk menggalakkan minat dan semangat pelajar. Ini kerana cara guru mengajar memainkan peranan penting dalam membangkitkan keinginan pelajar untuk belajar. (Ainonmadiah, Awanis, Norhana, Juliana dan Siti Noor, 2016). Pernyataan tersebut menunjukkan bahawa guru bagi konteks kajian ini boleh dianggap pensyarah sebagai tenaga pengajar. Maka bagi faktor tenaga pengajar yang dilihat adalah seperti berikut:
Interaksi dengan pelajar
Penyampaian

Bagi kemudahan prasarana, seperti yang dinyatakan oleh Nurul Ain (2012), kriteria penting yang menarik pelajar dan mempengaruhi tahap keselesaan mereka dalam institusi pendidikan ialah gambaran tentang persekitaran institusi. Ini disokong oleh Sharifah Atifah (2013), yang menunjukkan prestasi pelajar yang cemerlang dalam bidang. Keberkesanan dan tahap kualiti diukur oleh kedua-dua institusi akademik dan bukan akademik. Kajian ini disokong oleh Zaliza, Arasinah, Tee, & Mohd Hasni (2016), apabila ia datang kepada proses pembelajaran dan pengajaran (PdP), isu utama yang dihadapi oleh pensyarah termasuk kekurangan peralatan PdP yang sesuai, serta kemudahan kelas dan bengkel yang tidak selesa.

Menurut Nurul Ain (2012), persekitaran sekolah adalah penting kerana ia menarik pelajar dan menentukan sama ada mereka selesa dengan institusi. Kemudahan universiti memainkan peranan penting dalam mencapai matlamat universiti dengan menyediakan infrastruktur yang berfungsi untuk pelajar dan kakitangan sebagai asas untuk operasi universiti. (Kärnä et al., 2013). Bagi kajian ini adalah kemudahan yang terdapat di Kolej Komuniti Rompin.
Faktor kemudahan yang dinilai adalah:

1. Makmal
2. Bilik kuliah
3. Kafeteria
4. Asrama
5. Kemudahan ICT
6. Perkhidmatan Bimbingan kerjaya

2.1 PENYATAAN MASALAH

Pandangan pelbagai pemegang taruh perlu dalam sentiasa memperbaiki dan meningkatkan kualiti sesebuah institusi TVET. Maka pendapat pelajar yang juga sebagai pemegang taruh dan pelanggan utama tentang kualiti perkhidmatan pendidikan di IPT juga perlu diambil kira. Ini akan membolehkan analisis kualiti pendidikan yang diberikan oleh institusi TVET sejauh mana ia boleh menyediakan pendidikan yang memenuhi keperluan dan keinginan pelajar sambil mengekalkan kepuasan pelajar yang paling tinggi sepanjang institusi pengajian. Setiap institusi pendidikan bertujuan untuk memastikan pelajar yang menamatkan pengajian mendapat pekerjaan dalam bidang yang mereka ceburi, dan seterusnya memenuhi keperluan industri pekerjaan di negara ini. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menilai kesan pengalaman semasa mengikuti pengajian di Kolej Komuniti Rompin.

2.2 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif bagi kajian ini adalah:

1. Mengenal pasti penilaian pelajar terhadap kurikulum yang terdapat di Kolej Komuniti Rompin
2. Mengenal pasti penilaian pelajar terhadap pensyarah di Kolej Komuniti Rompin
3. Mengenal pasti penilaian pelajar terhadap prasarana yang terdapat di Kolej Komuniti Rompin

3.0 METODOLOGI KAJIAN


Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan instrumen kajian ialah soal selidik. Sampel kajian terdiri daripada 237 graduan Kolej Komuniti Rompin yang bergraduasi pada tahun 2022 dan 2023. Borang soal-selidik ini adalah dari Kajian Pengesanan Graduan yang membolehkan setiap institusi mengenal pasti pencapaian institusi pendidikan tinggi. Kajian ini telah bermula dari tahun 2006. Setiap pelajar akan mengisi kajian secara dalam talian di http://graduat.mohe.gov.my sebulan sebelum konvokesyen.

Borang soal-selidik ini terdiri daripada beberapa bahagian yang meliputi maklumat graduan, status pekerjaan, jika alumni bekerja, tidak bekerja, melanjutkan pekerjaan, dan, penilaian pengalaman semasa belajar di institusi. Untuk penyelidikan ini, pengkaji hanya memberikan tumpuan hanya kepada bahagian borang soal selidik (SKPG) yang menilai pengalaman graduan semasa belajar di organisasi. Soal selidik ini mengandungi 10 soalan tentang kurikulum, tenaga pengajar dan kemudahan di institusi. Untuk kajian ini, skala Likert 5 tahap digunakan, dengan skala 1 menunjukkan tahap yang sangat tidak memuaskan dan skala 5 sangat memuaskan. Dalam analisis data, penyelidikan Ini hanya melibatkan analisis data soal selidik tertutup menggunakan program SPSS 26.0.

4.0 PERBINCANGAN

Seramai 237 responden terdiri daripada graduan Kulinari sebanyak 38.8%, Sijil Operasi Perhotelan sebanyak 16.9%, Sijil Servis Kenderaan Ringan sebanyak 13.5%, Sijil Teknologi Elektrik sebanyak 18.1%, dan Sijil Teknologi Penyejukan dan Penyamanan Udara sebanyak 12.7%. Sebagai tambahan, rujuk rajah 1 di bawah.

Rajah 1 : Bilangan Responden Berdasarkan Program



Rajah 2 : Bilangan Responden Berdasarkan Jantina



Daripada 237 orang yang menjawab, 141 (atau 59.5%) ialah lelaki, dan 96 (atau 40.5%) adalah responden wanita.

Jadual 1: Konstruk Kurikulum Mengikut Program

KURIKULUM (Kandungan program pengajian secara keseluruhan)					
	Sijil Kulinari	Sijil Operasi Perhotelan	Sijil Servis Kenderaan Ringan	Sijil Teknologi Elektrik	Sijil Penyejukan dan Penyamanan Udara
	Min (SP)	Min (SP)	Min (SP)	Min (SP)	Min (SP)
Menyediakan pelajar untuk menghadapi dunia pekerjaan	4.20 (0.975)	3.92 (1.228)	4.37 (0.751)	4.28 (0.934)	4.23 (0.935)
Latihan industri telah memberi manfaat kepada pelajar dalam mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian	4.27 (0.853)	4.08 (1.047)	4.38 (0.660)	4.51 (0.798)	4.20 (0.961)

Analisis menunjukkan bahawa dengan setiap sijil, terdapat perbezaan dalam persediaan pelajar untuk menghadapi dunia kerjaya dan faedah latihan industri, berdasarkan data yang diberikan mengenai kandungan program pengajian. Sebagai bukti keyakinan pelajar yang tinggi dalam kesediaan mereka, Sijil Servis Kenderaan Ringan mencatatkan penilaian tertinggi dalam aspek penyediaan untuk menghadapi dunia kerja dengan markah 4.37. Sebaliknya, Sijil Operasi Perhotelan menerima penilaian terendah, 3.92, yang menunjukkan bahawa latihan atau penyediaan dalam industri ini perlu dipertingkatkan.

Sijil Teknologi Elektrik mendapat penilaian terbaik untuk manfaat latihan industri, dengan markah 4.51, menunjukkan bahawa pelajar dalam bidang ini merasakan latihan industri sangat membantu mereka mendapatkan pekerjaan yang sesuai. Sebaliknya, Sijil Operasi Perhotelan berada pada kedudukan paling bawah sekali lagi dengan penilaian 4.08, menunjukkan bahawa pelajar memerlukan lebih banyak peluang untuk latihan industri. Secara keseluruhan, program pengajian dalam bidang Servis Kenderaan Ringan dan Teknologi Elektrik berjaya, manakala Sijil Operasi Perhotelan memerlukan perhatian khusus untuk meningkatkan latihan dan persediaan pelajar.

Jadual 2: Konstruk Tenaga Pengajar Mengikut Program

TENAGA PENGAJAR (PENSYARAH/PENYELIA/FASILITATOR/PENASIHAT AKADEMIK)					
	Sijil Kulinari	Sijil Operasi Perhotelan	Sijil Servis Kenderaan Ringan	Sijil Teknologi Elektrik	Sijil Penyejukan dan Penyamanan Udara
	Min (SP)	Min (SP)	Min (SP)	Min (SP)	Min (SP)
Interaksi dengan pelajar secara bersemuka	4.33 (0.915)	4.32 (0.971)	4.44 (0.619)	4.28 (0.934)	4.27 (1.048)
Penyampaian kuliah dan kualiti pengajaran	4.34 (0.829)	4.32 (0.971)	4.44 (0.669)	4.26 (0.954)	4.23 (1.040)

Analisis menunjukkan penilaian yang positif terhadap interaksi dan kualiti pengajaran di pelbagai sijil berdasarkan data mengenai tenaga pengajar dalam program pengajian. Sijil Servis Kenderaan Ringan mendapat penilaian tertinggi untuk aspek interaksi secara peribadi dengan pelajar dengan 4.44, menunjukkan hubungan yang baik antara guru dan pelajar. Sijil Operasi Perhotelan dan Sijil Kulinari juga mendapat penilaian yang tinggi, masing-masing 4.33 dan 4.32, menunjukkan bahawa guru bersedia untuk berinteraksi secara aktif dengan pelajar.

Sijil Kulinari dan Sijil Servis Kenderaan Ringan juga mencatatkan penilaian yang baik, masing-masing dengan 4.34 dan 4.44. Kedua-dua sijil menunjukkan bahawa pengajar boleh memberikan kuliah yang berkesan dan berkualiti tinggi. Sijil Penyejukan dan Penyamanan Udara dan Sijil Teknologi Elektrik masing-masing mendapat penilaian sedikit lebih rendah, masing-masing 4.26 dan 4.23, tetapi kedua-duanya masih berada dalam kategori yang menggalakkan. Secara keseluruhan, data ini menunjukkan bahawa guru di semua program berinteraksi dan mengajar dengan baik, walaupun terdapat beberapa aspek yang mungkin memerlukan penambahbaikan.

Jadual 3: Konstruk Kemudahan Prasarana

KEMUDAHAN PRASARANA	Min	Sisihan Piawai
Makmal (cth: komputer, sains, studio, dapur, bengkel dll	4.46	0.880
Kemudahan dewan kuliah/bilik tutorial	4.51	0.843
Kemudahan kafeteria/kantin/dewan makan	4.52	0.901
Kemudahan penginapan/asrama	4.48	0.912
Kemudahan ICT di kampus	4.42	0.895
Perkhidmatan bimbingan kerjaya	4.46	0.854

Analisis menunjukkan penilaian yang sangat positif terhadap pelbagai aspek kemudahan berdasarkan data yang disediakan mengenai kemudahan prasarana. Pelajar berpuas hati dengan ruang pembelajaran mereka, kerana kemudahan dewan kuliah atau bilik tutorial mendapat penilaian tertinggi dengan purata 4.51. Di belakangnya, kemudahan kafeteria, kantin, atau dewan makan memperoleh skor 4.52, yang menunjukkan kepuasan pelajar terhadap pilihan makanan dan suasana tempat makan.

Selain itu, makmal, termasuk kemudahan seperti komputer, sains dan bengkel, mendapat penilaian yang baik dengan purata 4.46, yang menunjukkan bahawa sumber itu sesuai dan tersedia untuk pembelajaran praktikal. Pelajar berasa selesa dengan tempat tinggal yang disediakan oleh kemudahan penginapan atau asrama, yang menerima penilaian 4.48. Infrastruktur teknologi maklumat di kampus memenuhi keperluan pelajar, dengan kemudahan ICT menerima penilaian 4.42. Terakhir tetapi tidak kurang pentingnya, perkhidmatan bimbingan kerjaya mendapat markah purata 4.46, menunjukkan bahawa pelajar menghargai bantuan yang mereka terima semasa mereka bersedia untuk dunia kerjaya. Secara keseluruhan, data ini menunjukkan bahawa kemudahan kampus sangat membantu pelajar belajar.

Rajah 3: Graf Cadangan Kepada Pihak Luar



Melihat kepada rajah 3 di atas, graduan memberikan penilaian yang positif iaitu 92.4% graduan bersetuju untuk mengesyorkan Kolej Komuniti Rompin kepada pihak luar dan hanya 7.6% graduan tidak bersetuju untuk mengesyorkan kolej ini kepada pihak lain dan keluarga.

5.0 KESIMPULAN

Analisis data mengenai kurikulum, tenaga pengajar dan kemudahan prasarana telah menunjukkan bahawa program pengajian menyediakan pelajar dengan baik untuk bekerja. Sijil Servis Kenderaan Ringan dan Sijil Teknologi Elektrik adalah yang terbaik dalam menyediakan pelajar untuk latihan industri dan pekerjaan yang sesuai. Ini menunjukkan bahawa program berfungsi dengan baik dalam memberi pelajar kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan dalam bidang mereka.

Semua sijil menunjukkan interaksi yang baik dan kualiti pengajaran, dengan Sijil Servis Kenderaan Ringan mendapat skor tertinggi dalam kedua-dua aspek. Pengajar yang mempunyai interaksi yang baik dengan pelajar mereka boleh meningkatkan pengalaman pembelajaran mereka dan mempunyai kesan positif terhadap prestasi akademik mereka. Sijil Kulinari dan Sijil Operasi Perhotelan juga mempunyai kualiti pengajaran yang baik, tetapi sijil lain mungkin memerlukan penambahbaikan.

Pengalaman pelajar banyak dipengaruhi oleh kemudahan yang disediakan. Pelajar menikmati persekitaran pembelajaran yang baik, seperti yang ditunjukkan oleh skor yang tinggi untuk penginapan, kafeteria, dan dewan kuliah. Walaupun prestasi keseluruhan adalah baik, terdapat potensi untuk peningkatan dalam beberapa bidang, seperti Sijil Operasi Perhotelan. Institusi ini mempunyai keupayaan untuk meningkatkan kualiti pendidikan dan kejayaan pelajar secara keseluruhan dengan usaha berterusan untuk memperbaiki ciri-ciri yang kurang baik.

6.0 RUJUKAN

Ainonmadiah Mohd Nawawi, Awanis Mohd, Norhana Md. Saad, Juliana Baharuddin & Siti Noor Ismail. (2016). Hubungan antara gaya pengajaran guru dengan tahap ponteng sekolah menengah di daerah Bachok, Kelantan. Proceeding of ICECRS, 1, 341-358

Frahmandian. S. et al (2013) Perceived service quality and student satisfaction in higher education IOSR Journal of Business and Management (IOSR-JBM), Volume 12, Issue 4 (Jul. - Aug. 2013), m.s. 65-74

Mohd Faizal Tokeran. (2024). Pemacu utama tenaga mahir. Retrieved from https://www.hmetro.com.my/akademia/2024/06/1096752/pemacu-utama-tenaga-mahir Kärnä, S., Julin, P. and Nenonen, S. (2013), “User satisfaction on a university campus by students and staff”, Intelligent Buildings International, Vol. 5 No. 1, pp. 69-82.

Kementerian Pendidikan Tinggi. (2022). Kolej Komuniti. Retrieved from https://www.mohe.gov.my/ ?view=article&id=352&catid=52

Kolej Komuniti Rompin. Retrieved from https://kkrompin.mypolycc.edu.my/j4/

Nurul Ain binti Kassim (2012), Tahap Kepuasan Pelajar Antarabangsa Terhadap kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Omardin, M. A. (2019). Mengarus Perdana Program TVET Aras Tinggi Transformasi Minda Berkemahiran Tinggi. Retrieved from http://news.ump.edu.my/index.php/experts/mengarus

Tessema, Mussie T, & Ready, Kathryn. (2012). Factors Affecting College Students‟ Satisfaction with Major Curriculum: Evidence from Nine Years of Data.

Tuan Rakiza Tuan Mahmud dan Mardinah Haris (2020) Tahap Kepuasan Pelajar Terhadap Kualiti Kemudahan Dan Perkhidmatan Politeknik Kota Kinabalu (Pkk) Bagi Tahun 2019

Tuan Syarifah Atifah Binti Tuan Mat Zin (2013), Tahap Kepuasan Pelajar Terhadap Kemudahan dan Perkhidmatan Prasarana yang disediakan di Politeknik Banting Selangor bagi sesi Disember 2012,2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013)

Zaliza Hanapi, Arasinah Kamis, Tee Tze Kiong & Mohd Hasni Hanapi (2016),Jurang Integrasi Kemahiran Employability Di Malaysia: Satu Kajian Empirikal Graduan Kejuruteraan Kolej Komuniti. Malaysian Journal of Society and Space, 12(3):145-153

TAHAP KEBERKESANAN PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN PELAJAR INSTITUSI TAHFIZ DAN PONDOK (PKTP) DI KOLEJ KOMUNITI ROMPIN DALAM ASPEK PENGETAHUAN, KEMAHIRAN DAN KEUSAHAWANAN

Suhana binti Setu
Kolej Komuniti Rompin
suhanasetu1234@gmail.com

Samihatunnadzirah Binti Sulaiman
Kolej Komuniti Rompin
samihatunnadzirah.sulaiman@kkrompin.edu.my

M. Anwar Fakaruddin Bin M. Jalaludin
Kolej Komuniti Rompin
anwarfakaruddin.jalaludin@kkrompin.edu.my

ABSTRAK

Program Latihan Kemahiran Pelajar Institusi Tahfiz dan Pondok (PKTP) melalui kolaborasi antara Kolej Komuniti Rompin (KKRP) dan institusi tahfiz seperti Maahad Tahfiz Al-Quran Al-Ahmadi dan Madrasatul Quran Darul Mukhlasin adalah langkah berkesan untuk menggabungkan pendidikan agama dengan Pendidikan dan Latihan Teknikal serta Vokasional (TVET) yang memberi pelajar tahfiz pengetahuan dan keterampilan yang seimbang. Graduan tahfiz berkemahiran vokasional dapat menyumbang kepada ekonomi tempatan melalui penubuhan perniagaan atau perkhidmatan, sekaligus membantu pembangunan sosial masyarakat serta melahirkan tenaga kerja beretika yang menggabungkan pengetahuan agama dan duniawi menjadikan mereka lebih kompetitif dan berintegriti tinggi. Kajian ini bertujuan untuk menentukan sama ada program PKTP bermodular berkesan untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan ciri keusahawanan pelajar tahfiz. Data kuantitatif kajian diperoleh daripada soal selidik yang dihantar kepada 22 orang peserta. Statistical Package for Social Science (SPSS) version 27.0 telah digunakan bagi menganalisis data yang diperolehi dan penerangan telah diberikan dalam bentuk analisis deskriptif. Hasil kajian menunjukkan bahawa aspek pengetahuan mendapat skor tertinggi daripada semua aspek dengan skor 3.91. Manakala, ciri keusahawanan pelajar mendapat skor kedua tertinggi dengan nilai 3.86 dan aspek kemahiran mendapat skor terendah dengan nilai 3.77. Ini menunjukkan bahawa program PKTP yang dilaksanakan adalah berkesan dalam membantu pelajar tahfiz meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan ciri keusahawanan. Penyelidikan masa hadapan boleh fokus kepada usaha meningkatkan pengetahuan pelajar tentang kemahiran teknikal dan vokasional dalam program PKTP, berdasarkan tahap interpretasi memuaskan (min 3.77) yang menunjukkan keberkesanan program.

KATA KUNCI: *Pendidikan dan Latihan Teknikal serta Vokasional (TVET), Program Latihan Kemahiran Pelajar Institusi Tahfiz dan Pondok (PKTP), kolaborasi*

1.0 PENGENALAN

Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) merupakan salah satu inisiatif terbaru kerajaan untuk meningkatkan kualiti pendidikan di Malaysia, khususnya dalam konteks pendidikan Islam. Tujuan utama PISH adalah untuk memastikan pendidikan Islam dapat disampaikan kepada semua lapisan masyarakat terutamanya golongan belia yang telah tamat sekolah menengah, belia yang tercicir serta individu dari komuniti setempat yang berminat untuk memperdalam ilmu agama mereka.

Menurut Mohd Nawi (2020), pelaksanaan PISH di Kolej Komuniti Tapah telah memberikan impak yang positif terhadap institusi Maahad Tahfiz, terutamanya dari sudut perspektif pendidikan dan kemahiran. Dapatan ini juga selaras dengan Khalid (2019), yang menyatakan bahawa program TVET@Tahfiz yang bersifat modular terbukti efektif dalam membantu pelajar tahfiz meningkatkan pengetahuan, kemahiran, keyakinan diri, serta sifat keusahawanan.

Sejajar dengan usaha ini, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti telah melancarkan Program Latihan Kemahiran Pelajar Institusi Tahfiz dan Pondok (PKTP) dengan menggunakan peruntukan daripada Kumpulan Wang Covid (KWC). Di Kolej Komuniti Rompin, Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) telah menerima peruntukan sebanyak RM11,591.00 untuk melaksanakan dua kursus latihan yang melibatkan dua institusi tahfiz pada tahun 2022. Program ini bertujuan meningkatkan kemahiran teknikal di kalangan pelajar tahfiz.

Objektif program PKTP ini dicapai melalui kolaborasi Kolej Komuniti Rompin dengan Maahad Tahfiz Al-Quran Al-Ahmadi di Tanjong Batu, Pekan dan Madrasatul Quran Darul Mukhlasin di Merchong. Program ini dilaksanakan selama 2 bulan, dari Jun hingga Julai 2022. Sepanjang tempoh tersebut, pelajar tahfiz menjalani 5 sesi pertemuan, di mana setiap sesi berlangsung selama 8 jam untuk memberikan pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar.

1.1 PENYATAAN MASALAH

Hasil kajian oleh Hasniza dan Khairul (2016) menunjukkan bahawa memperkasakan pendidikan TVET (Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional) di kalangan pelajar tahfiz memerlukan penyebaran dan penyediaan pelbagai jenis latihan teknikal dan vokasional. Tujuan Program Latihan Kemahiran Pelajar Institusi Tahfiz dan Pondok (PKTP) adalah untuk memastikan pelajar tahfiz bukan sahaja mahir menghafaz Al-Quran tetapi juga mempunyai kemahiran teknikal yang relevan dengan dunia pekerjaan. Metodologi ini bertujuan untuk menghasilkan huffaz profesional yang mampu menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja dan berkemungkinan menjadi usahawan yang berjaya. Penyelidikan ini bertujuan untuk menentukan persepsi pelajar tentang keberkesanan program PKTP yang dilaksanakan melalui pendekatan bermodular.

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif pelaksanaan Program Latihan Kemahiran Pelajar Institusi Tahfiz dan Pondok (PKTP) dalam bidang teknikal ini adalah seperti yang berikut:

i. Menentukan tahap pengetahuan pelajar selepas menyertai program PKTP
ii. Menentukan tahap kemahiran pelajar selepas menyertai program PKTP
iii. Menentukan tahap keusahawanan pelajar selepas menyertai program PKTP

2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Latar belakang kajian ini memfokuskan kepada tahap keberkesanan Program Latihan Kemahiran Pelajar Institusi Tahfiz dan Pondok (PKTP) di Kolej Komuniti Rompin, yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran vokasional pelajar bagi memastikan mereka bersedia menghadapi cabaran dunia pekerjaan yang semakin kompetitif. Menurut kajian oleh Hussain dan Rahman (2020), program latihan yang sistematik dapat meningkatkan tahap kemahiran dan keyakinan diri pelajar, yang sekaligus menyumbang kepada kebolehpasaran mereka. Selain itu, kajian oleh Mohamed dan Aziz (2019) menunjukkan bahawa penglibatan dalam program latihan kemahiran bukan sahaja meningkatkan pengetahuan praktikal tetapi juga membentuk ciri-ciri keusahawanan yang penting bagi pelajar.

Program PKTP ini mempunyai potensi besar untuk membawa pelbagai implikasi positif kepada institusi tahfiz antaranya memperkukuhkan kebolehpasaran pelajar tahfiz di mana program PKTP boleh membantu pelajar tahfiz memperoleh kemahiran teknikal dan vokasional yang relevan dengan industri. Ini meningkatkan kebolehpasaran graduan tahfiz dan memberi mereka lebih banyak peluang kerjaya di luar bidang keagamaan sambil mengekalkan asas pendidikan agama mereka.

Selain itu, program ini dapat mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan graduan tahfiz. Graduan tahfiz bukan sahaja dilengkapi dengan ilmu agama tetapi juga kemahiran praktikal yang diiktiraf. Ini dapat membantu mereka bersaing dalam pasaran kerja yang semakin kompetitif, seterusnya mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan graduan institusi ini. Program ini juga dapat melahirkan tenaga mahir berintegriti di mana institusi tahfiz menekankan pendidikan moral dan akhlak Islam dapat menghasilkan graduan yang bukan sahaja berkemahiran tetapi juga berintegriti tinggi. PKTP dapat melahirkan tenaga mahir yang beretika dan jujur dalam pekerjaan merupakan sesuatu perkara yang sangat dihargai oleh majikan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan PKTP dalam melahirkan individu yang holistik dan berdaya saing, dengan harapan dapat memberikan panduan untuk penambahbaikan program di masa hadapan.

Kursus Asas Penyelenggaraan Penyaman Udara Domestik dan Kursus Pendawaian Elektrik Fasa Tunggal telah menjadi dua kursus penting dalam konteks ini yang bertujuan untuk membekalkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran teknikal yang sangat diperlukan di pasaran kerja. Pelajar mendapat kemahiran dalam pemasangan, penyelenggaraan, dan pengoperasian sistem pendawaian elektrik dalam kursus Pendawaian Elektrik Fasa Tunggal, yang merupakan komponen penting dalam pembangunan infrastruktur elektrik. Kursus Asas Penyelenggaraan Penyaman Udara Domestik, sebaliknya, memberi tumpuan kepada kaedah pembaikan dan penyelenggaraan sistem penyaman udara, yang semakin banyak digunakan dalam rumah dan bangunan komersial.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Pemilihan kaedah analisis deskriptif dalam kajian ini adalah bertujuan untuk memberikan gambaran yang jelas tentang pola dan trend data tanpa membuat generalisasi atau inferens statistik. Penyelidik boleh memahami tahap pengetahuan, kemahiran atau persepsi pelajar tahfiz dalam Program Latihan Kemahiran Pelajar Institusi Tahfiz dan Pondok (PKTP) melalui analisis deskriptif. Untuk kajian yang menumpukan pada pemerhatian fenomena atau tahap pencapaian semasa, kaedah ini amat sesuai kerana ia boleh menyediakan data asas yang kuat dan menyeluruh tentang keberkesanan atau keperluan penambahbaikan dalam pendidikan institusi tahfiz.

Penyelidik boleh menentukan bahagian program yang paling berkesan atau yang memerlukan perhatian tambahan dengan menggunakan statistik deskriptif seperti min, median dan peratusan. Sebagai contoh skor min pengetahuan atau kemahiran teknikal yang tinggi menunjukkan keberkesanan program manakala skor min yang rendah boleh menunjukkan bahawa program perlu penambahbaikan.

Justifikasi ini adalah penting kerana institusi tahfiz yang biasanya memberi tumpuan kepada ilmu agama boleh mendapatkan data yang konkrit untuk mengembangkan pendidikan mereka ke dalam bidang teknikal dan vokasional. Ini seterusnya membantu mereka dalam membuat keputusan yang berasaskan data bagi meningkatkan kurikulum dan menambah baik kemahiran pelajar supaya mereka dapat lebih bersaing di pasaran kerja. Selain itu, hasil analisis deskriptif boleh menjadi sumber rujukan bagi institusi tahfiz lain yang ingin menerapkan program yang sama kerana ia menyediakan data empirikal tentang kejayaan atau cabaran yang dihadapi yang boleh dijadikan panduan untuk penambahbaikan.

Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap keberkesanan Program Latihan Kemahiran Pelajar Institusi Tahfiz dan Pondok (PKTP) di Maahad Tahfiz Al-Quran Al-Ahmadi di Tanjong Batu, Pekan dan Madrasatul Quran Darul Mukhlasin di Merchong. Jumlah populasi kajian ini adalah 22 orang pelajar yang telah menamatkan program ini. Borang soal selidik telah diberikan kepada 22 orang responden bagi mendapatkan data yang diperlukan. Dalam menentukan saiz sampel yang sesuai, kajian ini merujuk kepada formula yang dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (1970), yang membolehkan penentuan jumlah responden yang diperlukan untuk mendapatkan data yang representatif.

Instrumen kajian ini telah diadaptasi daripada Borang Soal Selidik Penilaian Kursus Pendek di Kolej Komuniti, yang telah disesuaikan untuk memenuhi konteks dan keperluan kajian ini. Soal selidik tersebut terdiri daripada tiga (3) bahagian iaitu:
Bahagian A: demografi responden
Bahagian B: mengandungi item perlaksanaan program
Bahagian C: mengandungi item untuk mengenalpasti keberkesanan program PKTP dalam aspek pengetahuan, kemahiran dan ciri keusahawan pelajar.

Skala Likert 1 hingga 4 seperti Jadual 1 telah digunakan untuk mengukur maklum balas responden bagi setiap item yang dikemukakan.

Jadual 1: Tafsiran Skala Likert Bahagian B dan C

Skala	Skor
Lemah	1
Sederhana	2
Baik	3
Amat baik	4

Kajian ini menggunakan analisis data kuantitatif menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) version 27.0. Latar belakang responden termasuk jantina dan umur melalui analisis kekerapan. Selain itu, kaedah min digunakan dalam analisis deskriptif untuk menentukan tahap atau kecenderungan fenomena tertentu. Ini dilakukan dengan menggunakan julat skor yang diubah suai daripada Creswell (2005), seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2. Analisis ini membantu dalam mendapatkan gambaran menyeluruh dan kuantitatif mengenai dapatan kajian.

Jadual 2: Tafsiran Skala Likert Bahagian B and C

Julat Skor Min	Interpretasi Min
1.00 – 1.74	Rendah
1.75 – 2.49	Sederhana Rendah
2.50 – 3.24	Sederhana Tinggi
3.25 – 4.00	Tinggi

4.0 PERBINCANGAN

Pelaporan kajian disusun berdasarkan maklumat dalam borang soal selidik yang dirangka mengikut objektif kajian. Hasilnya diperoleh daripada maklum balas yang diberikan oleh responden yang terlibat dalam program PKTP yang telah dilaksanakan.

4.1 ANALISIS KEKERAPAN

Jadual 3: Taburan Responden Mengikut Jantina dan Umur

Demografi	Frekuensi	Peratus
Jantina Lelaki	22	100%
Umur 10-12 13-15 16-18	 1 12 9	 4.5% 54.5% 40.9%

Berdasarkan Jadual 3, maklumat demografi responden termasuk jantina dan umur. 22 responden adalah pelajar lelaki berumur antara 10 dan 18 tahun. Seorang pelajar berumur 10 hingga 12 tahun, manakala 12 orang pelajar berumur 13 hingga 15 tahun dan 9 orang pelajar berumur 16 hingga 18 tahun. Maklumat ini memberikan gambaran yang jelas tentang taburan usia responden kajian yang kesemuanya lelaki.

4.2 ANALISIS DESKRIPTIF

Nilai bacaan min dan sisihan piawai bagi item dalam Bahagian A dan B diperoleh dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif.

Jadual 4: Analisis Deskriptif Pelaksanaan Kursus

Bil	Item	Skor min	Sisihan piawai	Kedudukan	Interpretasi Min
A1	Penyampaian isi kandungan mencapai objektif	3.73	.550	5	Tinggi
A2	Cara penyampaian menarik	3.68	.477	6	Tinggi
A3	Kandungan kursus teratur	3.86	.351	2	Tinggi
A4	Tempat kursus sesuai	3.82	.395	3	Tinggi
A5	Penyampaian jelas dan difahami	3.77	.429	4	Tinggi
A6	Masa dan tempoh kursus mencukupi	3.91	.294	1	Tinggi
	Skor min keseluruhan	3.79	.416		Tinggi

Analisis data dan dapatan kajian dalam Jadual 4 menunjukkan penyampaian isi kandungan mencapai objektif memperoleh min = 3.73 (SP = 0.550), manakala cara penyampaian menarik mencatatkan min = 3.68 (SP = 0.477). Kandungan kursus teratur menunjukkan min = 3.86 (SP = 0.351), dan tempat kursus dianggap sesuai dengan min = 3.82 (SP = 0.395). Penyampaian yang jelas dan difahami mencatatkan min = 3.77 (SP = 0.429), sementara masa dan tempoh kursus mencukupi memperoleh min = 3.91 (SP = 0.294). Skor min keseluruhan bagi soal selidik ini adalah 3.79 dengan sisihan piawai sebanyak 0.416, menunjukkan tahap persepsi yang tinggi dalam kalangan responden. Secara keseluruhan, hasil ini menunjukkan peserta memberikan penilaian yang tinggi terhadap kesemua aspek kursus yang diukur, dengan sisihan piawai yang rendah, menandakan konsistensi dalam respons peserta.

Jadual 5: Analisis Deskriptif Aspek Keberkesanan Sebelum Kursus

Bil	Item	Skor min	Sisihan piawai	kedudukan	Interpretasi Min
B1	Pengetahuan dalam bidang kursus	1.41	.590	5	Rendah
B2	Kemahiran dalam bidang kursus	1.64	.581	2	Rendah
B3	Yakin menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari	1.68	.780	1	Rendah
B4	Membantu peningkatan kerjaya	1.50	.673	3	Rendah
B5	Membantu memulakan perniagaan	1.32	.477	6	Rendah
B6	Membantu mengembangkan perniagaan	1.45	.596	4	Rendah
	Skor min keseluruhan	1.50	.616		Rendah

Berdasarkan Jadual 5 analisis data dan dapatan kajian adalah bagi item keberkesaan sebelum kursus. Secara keseluruhannya min yang dicatatkan bagi kesemua item dalam pembolehubah yang dikaji adalah 1.50 dan purata sisihan piawai adalah 0.616. Dapatan kajian juga menunjukkan pengetahuan dalam bidang kursus mencatatkan min = 1.41 (SP = 0.590), manakala kemahiran dalam bidang kursus memperoleh min = 1.64 (SP = 0.581). Keyakinan menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari menunjukkan min = 1.68 (SP = 0.780), sementara membantu peningkatan kerjaya mencatatkan min = 1.50 (SP = 0.673). Di samping itu, membantu memulakan perniagaan memperoleh min = 1.32 (SP = 0.477) dan membantu mengembangkan perniagaan mencatatkan min = 1.45 (SP = 0.596).

Secara keseluruhan, penilaian peserta terhadap aspek-aspek ini berada pada tahap yang rendah, dengan sisihan piawai yang menunjukkan terdapat variasi yang agak ketara dalam maklum balas peserta, terutamanya dalam aspek membantu memulakan perniagaan.

Jadual 6: Analisis Deskriptif Aspek Keberkesanan Selepas Kursus

Bil	Item	Skor min	Sisihan piawai	kedudukan	Interpretasi Min
B1	Pengetahuan dalam bidang kursus	3.91	.294	1	Tinggi
B2	Kemahiran dalam bidang kursus	3.77	.429	3	Tinggi
B3	Yakin menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari	3.73	.456	4	Tinggi
B4	Membantu peningkatan kerjaya	3.64	.581	5	Tinggi
B5	Membantu memulakan perniagaan	3.59	.503	6	Tinggi
B6	Membantu mengembangkan perniagaan	3.86	.351	2	Tinggi
	Skor min keseluruhan	3.75	.352		Tinggi

Jadual 6 adalah data dari 22 responden menunjukkan bahawa kursus yang diikuti memberikan impak positif terhadap beberapa aspek yang dinilai. Purata skor untuk pengetahuan dalam bidang kursus adalah 3.91 (SD = 0.294), dan purata skor untuk kemahiran dalam bidang kursus adalah 3.77 (SD = 0.429), menunjukkan tahap pemahaman dan penguasaan yang baik. Responden menunjukkan keyakinan tinggi dalam menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari, dengan purata 3.73 (SD = 0.456). Kursus ini juga dianggap berguna untuk peningkatan kerjaya dengan purata 3.64 (SD = 0.581), sementara membantu memulakan perniagaan mencatat purata 3.59 (SD = 0.503). Akhirnya, untuk aspek membantu mengembangkan perniagaan, purata adalah 3.86 (SD = 0.351). Skor min keseluruhan bagi analisis item dalam Jadual 8 adalah 3.75 dengan sisihan piawai sebanyak 0.352, yang menunjukkan tahap persepsi yang tinggi dalam kalangan responden terhadap kursus ini. Secara keseluruhan, hasil kajian menunjukkan bahawa responden menganggap kursus ini memberi nilai tambah dalam aspek pengetahuan, kemahiran, keyakinan, serta potensi untuk perkembangan kerjaya dan keusahawanan.

Program PKTP ini mempunyai implikasi praktikal yang signifikan termasuk pengembangan kurikulum yang holistik dan peningkatan kebolehpasaran graduan tahfiz serta penyumbangan kepada pembangunan komuniti dan jaringan industri. Untuk meningkatkan keberkesanannya cadangan penambahbaikan termasuk meningkatkan latihan pengajar, melaksanakan sistem penilaian berterusan, menggalakkan penyelidikan dalam bidang yang relevan, meningkatkan kesedaran masyarakat tentang pendidikan tahfiz yang menggabungkan kemahiran teknikal, membina sumber dan infrastruktur yang mencukupi, dan mewujudkan program mentoring yang menghubungkan graduan dengan pengusaha atau profesional dalam bidang yang berkaitan. Ini dapat membantu pelajar mendapatkan panduan dan nasihat yang berguna tentang kerjaya mereka. Dengan melaksanakan cadangan ini, program PKTP boleh membantu pelajar dan masyarakat lebih banyak. Ia juga boleh memperkukuh kedudukan institusi tahfiz dalam pasaran kerja.

5.0 KESIMPULAN

Program PKTP: Kursus Asas Penyelenggaraan Penyaman Udara Domestik dan Kursus Pendawaian Elektrik Fasa Tunggal di Kolej Komuniti Rompin dijalankan untuk memberikan nilai tambah kepada pelajar tahfiz dalam bidang vokasional. Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui sama ada program PKTP yang berbentuk modular berkesan dalam menilai pengetahuan, kemahiran dan ciri keusahawanan pelajar tahfiz yang menjadi sasaran.

Mengenal pasti keberkesanan program dari segi pengetahuan pelajar adalah objektif pertama kajian ini. Hasil kajian menunjukkan tahap interpretasi yang sangat memuaskan dengan min 3.91 dan merupakan min tertinggi. Program ini didapati berkesan dalam meningkatkan pengetahuan pelajar dalam bidang kemahiran teknikal dan vokasional (TVET), terutamanya bagi pelajar yang mendaftar di institusi keagamaan seperti sekolah maahad dan sekolah tahfiz. Selain itu, program PKTP tidak mengganggu kelas pendidikan menghafaz Al-Quran kerana ia direka dan dijalankan sebagai kursus pendek yang disesuaikan dengan masa dan keadaan pelajar Tahfiz.

Manakala bagi mengetahui sama ada program PKTP berfungsi dengan baik dalam meningkatkan kemahiran pelajar tahfiz, objektif kedua kajian adalah untuk mengetahuinya. Hasil kajian menunjukkan bahawa min kemahiran adalah yang ketiga terendah, tetapi ia mempunyai skor 3.77 yang menunjukkan bahawa ia adalah tahap persepsi yang tinggi. Pusat tahfiz ini mempunyai semua pelajar lelaki, maka kursus yang ditawarkan lebih tertumpu kepada kemahiran teknikal. Ini menunjukkan bahawa program ini berjaya meningkatkan kemahiran pelajar sambil memberikan nilai tambah dalam bidang teknikal sambil mengekalkan silibus tahfiz yang menjadi keutamaan pusat tahfiz.

Seterusnya, objektif ketiga kajian ini adalah untuk menilai sejauh mana program PKTP membantu pelajar tahfiz memupuk sifat keusahawanan. Hasil kajian menunjukkan bahawa elemen ini mempunyai tahap interpretasi yang tinggi, mendapat skor 3.86 untuk min keseluruhan kedua. Ini menunjukkan bahawa program PKTP berkesan dalam menanamkan minat keusahawanan dalam pelajarnya. Oleh itu, mereka dijangka menjadi cabang keusahawanan dan pilihan terbaik untuk menguruskan kewangan pusat tahfiz. Kajian ini menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai kemahiran keusahawanan mempunyai kemungkinan untuk meningkatkan sosioekonomi negara dan diri mereka sendiri.

Penyelidikan masa hadapan boleh menumpukan pada peningkatan pengetahuan pelajar tentang kemahiran teknikal dan vokasional di program PKTP. Memandangkan objektif utama kajian ini ialah untuk menilai keberkesanan program, dengan keputusan menunjukkan tahap interpretasi yang memuaskan (min 3.91), kajian lanjut mungkin menumpukan pada sub-aspek kemahiran tertentu yang menunjukkan peningkatan pengetahuan yang paling ketara. Penyelidikan lanjutan juga boleh melihat kaedah penilaian kuantitatif dan kualitatif lain, seperti kajian longitudinal, untuk mengukur kesan program terhadap pengetahuan pelajar dari semasa ke semasa. Ini terutamanya berlaku untuk pelajar di sekolah agama seperti sekolah maahad dan sekolah tahfiz.

Institusi tahfiz dan kolej komuniti boleh mengatasi kekurangan kajian Program PKTP dengan meningkatkan kualiti pengajaran melalui latihan guru berterusan, mengambil tenaga pengajar yang berpengalaman, menggubal kurikulum yang lebih sesuai dengan keperluan industri dan menyediakan lebih banyak latihan praktikal. Selain itu, mewujudkan kerjasama strategik dengan industri, meningkatkan infrastruktur dan sumber dan melaksanakan sistem penilaian yang berkesan juga adalah penting.

6.0 RUJUKAN

Berita Harian (2018), 15 November 2018, Retrieved from http://www2.bharian.com.my /rencana/agama/2018/11/498521/tahfiz-tvet-sasar-lahir-huffaz-profesional. Berita Harian (2018), 26 Julai 2018, Retrieved from https://www.bharian.com.my/ berita/nasional /2018/07/454252/pelajar-tahfiz-ikuti-tvet.Berita Harian (2022), 1 Julai 2022, Retrieved from https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/07/971834/ kemahiran-tvet-jadi-nilai-tambah-pelajar-tahfiz

Creswell, J. W. (2005). Penyelidikan pendidikan: Merancang, melaksanakan, dan menilai penyelidikan kuantitatif dan kualitatif. Pearson Education.

Hasniza binti Tawyer & Khairul Aswad bin Ishak (2016). Pendidikan Dan Latihan Teknikal Dan Vokasional (TVET) Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz, Kolej Komuniti Kota Tinggi.

Hussain, M., & Rahman, A. (2020). Kesan program latihan sistematik terhadap kemahiran dan tahap keyakinan pelajar. *Journal of Vocational Education and Training, 72*(3), 350-367. Khalid, M. (2019). "Keberkesanan Program TVET@Tahfiz dalam Meningkatkan Kemahiran Pelajar." Jurnal Pendidikan Teknikal dan Vokasional, 10(2), 45-58.

Mohd Nawi, M. (2020). "Impacts of PISH on Tahfiz Institutions: A Study of Kolej Komuniti Tapah." International Journal of Islamic Education, 5(1), 15-30.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2018). Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti (2018-2025) Retrieved from: https://www.mypolycc.edu.my/index.php/ muat-turun/penerbitan/ download/2-penerbitan/5-psjppkk

Mohamed, S., & Aziz, N. (2019). Meningkatkan pengetahuan praktikal dan ciri-ciri keusahawanan melalui program latihan vokasional. *International Journal of Education and Research, 7*(8), 45-60.

KAJIAN TERHADAP PENGGUNAAN LAMAN B-EOMS DALAM MENINGKATKAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI DI KOLEJ KOMUNITI ROMPIN

Mohd Roslan bin Yussof
Kolej Komuniti Rompin
Mohd.roslan.yussof@kkrompin.edu.my

Nordiyana binti Mohd. Rani
Kolej Komuniti Rompin
nordiyana.mohdrani@kkrompin.edu.my

Mohamad Rasidi bin Ahmad
Kolej Komuniti Rompin
rasidi.ahmad@kkrompin.edu.my

ABSTRAK

Laman B-EOMS: Be - Educational Organisations Management System Kolej Komuniti Rompin dibangunkan bertujuan untuk mewujudkan satu platform yang bersifat sistematik bagi memudahkan warga kerja KKRP membuat capaian informasi berkaitan maklumat didokumentasikan EOMS. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mendapatkan maklum balas daripada warga KKRP berkaitan penggunaan Laman B-EOMS dalam membantu meningkatkan keberkesanan Sistem Pengurusan Kualiti di Kolej Komuniti Rompin. Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah jenis tinjauan. Sampel kajian seramai 40 orang responden telah dipilih secara rawak yang terdiri daripada warga kerja KKRP. Instrumen kajian yang digunakan adalah set soal selidik yang mengandungi 15 item berdasarkan skop kajian. Analisis statistik dengan menggunakan perisian Microsoft Excel 2016 telah digunakan ke atas kajian untuk mendapatkan skor min. Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden memberi maklum balas yang positif terhadap penggunaan Laman B-EOMS dan ini menunjukkan responden berpendapat bahawa penggunaan Laman B-EOMS telah memudahkan proses pengurusan kualiti di KKRP.

Kata kunci : Sistem Pengurusan Kualiti, Laman B-EOMS, EOMS

1.0 PENGENALAN

Educational Organisations Management System, ISO 21001:2018 merupakan standard antarabangsa yang dibangunkan untuk memberi panduan kepada sistem pengurusan kualiti bagi sesebuah organisasi pendidikan. Tujuan utama standard ini adalah untuk membantu institusi pendidikan dalam meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan yang ditawarkan dan memenuhi keperluan pihak berkepentingan lain secara lebih efektif. Sistem pengurusan kualiti yang cekap menjadi faktor utama kepada sesebuah institusi pendidikan supaya dapat menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan relevan dengan keperluan semasa pelajar dan pihak berkepentingan.

Dalam era digitalisasi yang pesat, penggunaan teknologi digital memainkan peranan yang penting dalam semua sektor termasuklah sektor pendidikan. Justeru dalam konteks ini, penggunaan teknologi digital dalam pengurusan kualiti menjadi semakin penting bagi sesebuah organisasi pendidikan dalam memperkemaskan pengurusan sistem kualiti dan meningkatkan keberkesanan operasinya selari dengan perkembangan semasa.

2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Dalam menyokong pengurusan lean di institusi, unit jaminan kualiti Kolej komuniti Rompin telah membangunkan Laman B-EOMS (Be-Educational Organisations Management System). Laman ini dibangunkan menggunakan aplikasi Google Sites dan tujuan utama pembangunan laman ini adalah untuk mewujudkan satu platform yang bersifat sistematik bagi memudahkan warga kerja KKRP membuat capaian informasi berkaitan maklumat didokumentasikan EOMS. Penggunaan laman ini juga dapat membantu pihak pengurusan memantau dan menilai kualiti perkhidmatan secara lebih berkesan. Laman B-EOMS ini menyimpan keseluruhan dokumentasi semasa dan terkini berkaitan dengan keperluan standard ISO 21001:2018.

Penggunaan Laman B-EOMS dalam sistem pengurusan kualiti menggunakan teknologi digital memberikan banyak impak yang positif kepada pengurusan dalam pelbagai aspek terutamanya penjimatan penggunaan kertas, penjimatan masa dan memudahkan warga kerja KKRP untuk membuat rujukan. Namun, dalam memastikan penggunaan laman ini berkesan dalam membantu sistem pengurusan kualiti dan warga kerja KKRP, satu kajian yang menyeluruh berkaitan reka bentuk, kepuasan pengguna dan kebolehfungsian laman ini perlu diselidik agar penggunaan laman ini mencapai objektif pembangunan serta meningkatkan keberkesanan pengurusan sistem kualiti di KKRP. Justeru, diharapkan kajian ini dapat menjadi penanda aras kepada unit jaminan kualiti KKRP dalam merancang strategi penambahbaikan yang bersesuaian berdasarkan kepada hasil dapatan kajian.

2.1 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini dijalankan adalah:

a. Mengenal pasti persepsi pengguna terhadap reka bentuk Laman B-EOMS.
b. Mengenal pasti tahap kepuasan pengguna terhadap Laman B-EOMS.
c. Mengenal pasti tahap kefungsian Laman B-EOMS sebagai pemudah cara sistem pengurusan kualiti.

2.2 SOROTAN KAJIAN

Kajian lepas mengenai sistem pengurusan kualiti dalam institusi pendidikan menunjukkan bahawa penggunaan teknologi digital mampu memberikan impak yang positif terhadap keberkesanan pengurusan kualiti. Menurut Navas et al. (2020) sistem pengurusan kualiti yang berkesan haruslah berfokus kepada memenuhi keperluan pihak berkepentingan lain dan memastikan proses penambahbaikan dilaksanakan secara berterusan.

Penggunaan platform digital dalam sistem pengurusan kualiti dilihat sebagai salah satu penyelesaian terbaik dalam mengatasi masalah pengurusan kualiti yang kompleks. Misra (2019), menyatakan bahawa pengenalan sistem pengurusan berasaskan web boleh memudahkan proses audit dalaman dilaksanakan bagi sesebuah institusi pendidikan. Dapatan ini disokong oleh kajian Smith dan Jones (2021) yang menyatakan bahawa institusi pendidikan yang menggunakan platform digital dalam pengurusan kualiti menunjukkan peningkatan dalam aspek tahap kepuasan pelajar serta kecekapan operasi.

Rahman et al. (2022) menyatakan bahawa penggunaan sistem dapat mengintegrasikan pelbagai komponen penting seperti penyimpanan data, dapatan analisis maklum balas pelajar dan pelaporan prestasi setiap bahagian atau unit untuk meningkatkan keseluruhan sistem pengurusan kualiti di institusi pendidikan. Perkara ini disokong Darmadi (2020) dalam kajiannya yang menyatakan bahawa penggunaan teknologi dalam pengurusan kualiti bukan sahaja memudahkan proses penilaian dan pemantauan malah dapat membantu institusi menambah baik operasi pengurusan. Namun penggunaan platform digital dalam pengurusan kualiti juga berhadapan dengan cabaran seperti masalah penerimaan daripada kakitangan dan masalah teknikal yang dihadapi seperti keperluan internet (Kumar, 2020).

Secara keseluruhannya, kajian lepas telah banyak menyatakan bahawa penggunaan platform digital sebagai pemudah cara pengurusan mampu untuk meningkatkan sistem pengurusan kualiti sesebuah institusi.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

3.1 SAMPEL KAJIAN

Kajian ini dijalankan di Kolej Komuniti Rompin, Pahang dan melibatkan seramai 40 orang responden yang dipilih secara rawak sebagai sampel kajian. Responden merupakan warga kerja KKRP yang terdiri daripada pengurusan tertinggi, pegawai kanan, staf akademik dan staf unit sokongan akademik.

3.2 KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Kaedah pengumpulan data adalah melalui instrumen kajian yang digunakan iaitu set borang soal selidik yang dibangunkan menggunakan Google Forms dan mengandungi empat bahagian seperti berikut:

Bahagian A: Demografi responden
Bahagian B: Persepsi pengguna terhadap reka bentuk Laman B-EOMS
Bahagian C: Tahap kepuasan pengguna terhadap Laman B-EOMS
Bahagian D: Tahap kefungsian Laman B-EOMS

3.3 INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini mengguna pakai instrumen kajian yang telah dibina oleh Ab Rahim, N. I. et al (2023) di dalam kajian yang bertajuk Kajian Terhadap Pelaksanaan Sistem e_KSPPMS Dalam Meningkatkan Sistem Pengurusan Kualiti di Politeknik Muadzam Shah. Dalam kajian ini, penyelidik telah membuat sedikit pengubahsuaian terhadap beberapa item soal selidik agar ia bersesuaian dengan kehendak objektif kajian yang dijalankan. Penyelidik terdahulu telah melaksanakan kajian rintis terhadap 10 orang responden bagi menentukan kesahan soalan. Hasil analisis data kajian rintis menggunakan perisian SPSS v21.0 menunjukkan nilai indeks kebolehpercayaan ialah 0.905. Menurut Radzi, M. S. M. (2010) nilai ini menunjukkan indeks kebolehpercayaan berada pada tahap tinggi dan setiap item boleh diterima.

Skala Likert yang digunakan adalah Skala Likert empat mata yang diadaptasi daripada Joshi, A. et al (2015) seperti jadual 1.

Jadual 1 : Tafsiran Skala Likert

Skala	Sangat Tidak Setuju (STS)	Tidak Setuju (TS)	Setuju (S)	Sangat Setuju (S)
Skor	1	2	3	4

Data dianalisis menggunakan perisian Microsoft Excel 2016. Interpretasi min yang digunakan dalam analisis deskriptif ini adalah adalah seperti jadual 2 (Creswell, J. W. 2017).

Jadual 2 : Jadual Interpretasi Min

Julat Skor Min	Interpretasi Min
1.00 – 1.75	Sangat Tidak Setuju
1.76 – 2.50	Tidak Setuju
2.51 – 3.25	Setuju
3.26 – 4.00	Sangat Setuju

4.0 PERBINCANGAN

4.1 BAHAGIAN A – DEMOGRAFI RESPONDEN

Dalam bahagian ini, demografi responden dianalisis menggunakan kaedah peratusan. Data yang dianalisis ini penting bagi menunjukkan bilangan sebenar responden yang terlibat dalam kajian ini berdasarkan pecahan program dan unit di Kolej Komuniti Rompin.

Jadual 3: Demografi Responden

Program / unit	Bil. Responden (orang)	Peratus (%)
Program Teknologi Automotif (SAU)	3	7.5 %
Program Teknologi Penyejukan & Penyamanan Udara (SPU)	4	10.0 %
Program Teknologi Elektrik (SKE)	2	5.0 %
Program Kulinari (SKU)	6	15.0 %
Program Operasi Perhotelan (SOP)	4	10.0 %
Unit Pengajian Am (UPA)	3	7.5 %
Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat (UPSH)	2	5.0 %
Pengurusan Tertinggi & Pegawai Kanan	8	20.0 %
Unit Sokongan Akademik	8	20.0 %

Jadual 3 menunjukkan pecahan responden yang telah memberi maklum balas kepada soal selidik yang diedarkan. Responden terbahagi kepada sembilan kategori berdasarkan program dan unit yang terdapat di KKRP. Berdasarkan rajah ini, pengurusan tertinggi dan unit sokongan akademik mencatat peratus yang sama dan tertinggi yang menjawab soal selidik iaitu 20% (8 responden). Program SKU 15% (6 orang) dan diikuti Program SOP dan SPU masing-masing seramai 4 orang (10%). Program SAU mewakili 7.5% (3 orang) daripada keseluruhan peratus responden yang menjawab. UPSH dan Program SKE mencatat peratus terendah yang memberi maklum balas kepada soal selidik iaitu 5% (2 orang).

4.2 Bahagian B – Persepsi Pengguna Terhadap Reka bentuk Laman B-EOMS

Terdapat tiga (3) item bagi mengukur persepsi responden terhadap reka bentuk Laman B-EOMS. Hasil analisis adalah seperti jadual 4.

Jadual 4 : Persepsi Pengguna Terhadap Reka bentuk Laman B-EOMS

Bil	Item	Skor Min	Interpretasi Min
B1.	Susun atur Laman B-EOMS adalah jelas.	3.65	Sangat Setuju
B2.	Antara muka pengguna Laman B-EOMS adalah mesra pengguna.	3.70	Sangat Setuju
B3.	Maklumat dan imej yang dipaparkan teratur dan mudah difahami.	3.75	Sangat Setuju
Purata Min Keseluruhan: N = 40		3.70	Sangat Setuju

Berdasarkan jadual 4, skor min keseluruhan adalah 3.70 dengan interpretasi min sangat setuju. Ini menunjukkan bahawa responden mempunyai perspektif yang sangat positif terhadap reka bentuk Laman B-EOMS. Hasil analisis menunjukkan Item B3 memperoleh skor min tertinggi iaitu 3.75 dan berada pada interpretasi min sangat setuju. Ini menggambarkan bahawa maklumat yang dipaparkan dalam laman ini disusun dengan teratur dan penggunaan imej dapat membantu pengguna memahami kandungan dengan lebih mudah. Item B2 mendapat skor min kedua tertinggi iaitu 3.70. Ini menunjukkan pengguna merasa antara muka laman ini adalah mesra pengguna dan mudah untuk diakses oleh responden. Item B1 mendapat skor min terendah (min=3.65). Walaupun mendapat skor min terendah, min bagi pernyataan ini masih berada pada tahap interpretasi min sangat setuju. Skor min yang diperolehi bagi item ini menunjukkan bahawa majoriti pengguna bersetuju bahawa laman tersebut mempunyai susun atur yang jelas dan membantu pengguna dalam mencari maklumat berkaitan maklumat didokumentasikan EOMS.

4.3 Bahagian C – Tahap Kepuasan Pengguna Terhadap Laman B-EOMS

Bahagian ini mengandungi enam (6) item yang dibangunkan oleh penyelidik. Dapatan analisis adalah seperti jadual 5.

Jadual 5 : Tahap Kepuasan Pengguna Terhadap Laman B-EOMS

Bil	Item	Skor Min	Interpretasi Min
C1.	Saya selesa menggunakan Laman B-EOMS	3.68	Sangat Setuju
C2.	Laman B-EOMS memudahkan proses kerja saya.	3.78	Sangat Setuju
C3.	Penggunaan Laman B-EOMS menjadikan proses kerja saya lebih efektif dan efisien.	3.80	Sangat Setuju
C4.	Pentadbir Laman B-EOMS memberi maklum balas yang segera berkaitan aduan yang dikemukakan oleh saya.	3.58	Sangat Setuju
C5.	Rujukan dan capaian Maklumat Didokumentasikan EOMS menggunakan Laman B-EOMS ini adalah mudah dan cepat.	3.75	Sangat Setuju
C6.	Keseluruhannya, saya berpuas hati dengan Laman B-EOMS.	3.80	Sangat Setuju
Purata Min Keseluruhan: N = 40		3.73	Sangat Setuju

Jadual 5 menunjukkan analisis min dari aspek tahap kepuasan pengguna terhadap Laman B-EOMS. Berdasarkan dapatan analisis, purata skor min yang dicapai bagi bahagian C adalah 3.16 yang memberi interpretasi sangat setuju. Skor min keseluruhan yang diperolehi ini menunjukkan bahawa responden sangat setuju dan berpuas hati terhadap penggunaan Laman B-EOMS dalam meningkatkan sistem pengurusan kualiti di KKRP. Skor min yang terendah ialah pada item C4 (min=3.58). Walau bagaimanapun, min bagi pernyataan ini masih berada pada tahap kecenderungan interpretasi min sangat setuju. Dalam konteks ini setiap aduan yang diberikan oleh pengguna perlu diberi perhatian oleh pentadbir laman ini bagi menambah baik proses maklum balas dalam memenuhi kepuasan pengguna. Manakala skor min yang kedua rendah merupakan item C1 yang mengukur keselesaan pengguna dalam menggunakan laman ini. Seterusnya, item C5 (min=3.75) dengan interpretasi min sangat setuju. Item C2 “Laman B-EOMS memudahkan proses kerja saya” mendapat skor min ketiga tertinggi iaitu 3.78. Ini menunjukkan pengguna merasa laman ini memberikan impak yang besar dalam membantu dan meningkatkan kecekapan kerja pengguna berkaitan pengurusan dokumentasi. Skor min paling tinggi ialah item C3 dan C6 yang mendapat skor min 3.80 dan berada pada tahap interpretasi min sangat setuju.

4.4 Bahagian D – Tahap Kefungsian Laman B-EOMS

Bahagian D mengandungi enam (6) item bagi mengkaji tahap kefungsian Laman B-EOMS. Dapatan analisis adalah seperti jadual 6.

Jadual 6 : Tahap Kefungsian Laman B-EOMS

Bil	Item	Skor Min	Interpretasi Min
D1.	Proses pendaftaran (login) Laman B-EOMS adalah mudah dan cepat.	3.70	Sangat Setuju
D2.	Laman B-EOMS dapat diakses pada bila-bila masa.	3.80	Sangat Setuju
D3.	Laman B-EOMS dapat diakses di dalam atau di luar organisasi.	3.68	Sangat Setuju
D4.	Laman B-EOMS berkesan dalam mencapai objektifnya.	3.65	Sangat Setuju
D5.	Penggunaan Laman B-EOMS adalah menyokong pengurusan lean di institusi.	3.68	Sangat Setuju
D6.	Secara keseluruhannya, Laman B-EOMS dapat menjalankan fungsinya dengan baik.	3.78	Sangat Setuju
Purata Min Keseluruhan: N = 40		3.71	Sangat Setuju

Berdasarkan jadual 6, secara keseluruhannya pengguna sangat setuju terhadap tahap kefungsian Laman B-EOMS bagi kesemua item yang dinilai. Ini dapat diukur melalui skor min keseluruhan yang diperolehi iaitu 3.71 dan berada pada tahap interpretasi min sangat setuju. Item D2 mendapat skor min tertinggi iaitu 3.80. Ini menunjukkan laman ini mudah untuk diakses oleh pengguna tanpa kekangan masa. Seterusnya item D6 dengan nilai skor min 3.78. Ini menandakan laman ini telah memenuhi keperluan pengguna dari aspek kebolehfungsian operasi. Item D1 “proses pendaftaran (login) Laman B-EOMS adalah mudah dan cepat” mencatat skor min 3.70 dengan interpretasi adalah sangat setuju. Dapatan ini membuktikan bahawa pengguna sangat berpuas hati dan sangat bersetuju dengan proses login yang dianggap mudah dan tidak mengambil masa yang lama. Item D3 dan D5 mendapat skor min yang sama iaitu 3.68. Responden menyatakan “Laman B-EOMS dapat diakses di dalam atau di luar organisasi” dan “penggunaan Laman B-EOMS adalah menyokong pengurusan lean di institusi”. Manakala skor min yang terendah diperolehi daripada item D4. Walau bagaimanapun, min bagi pernyataan tersebut masih berada pada tahap kecenderungan interpretasi min sangat setuju. Skor min bagi item D4 ini juga menunjukkan terdapat ruang untuk penambahbaikan oleh pentadbir Laman B-EOMS dalam memastikan laman ini benar-benar mencapai sasaran dan tujuan utama objektif pembangunan laman ini.

5.0 KESIMPULAN

Hasil daripada dapatan kajian, secara keseluruhannya menunjukkan bahawa warga KKRP mempunyai persepsi yang baik terhadap reka bentuk Laman B-EOMS yang dibangunkan ini. Dalam masa yang sama, Laman B-EOMS ini terbukti dapat berfungsi dengan baik dalam membantu memudahkan warga KKRP terutamanya Pemilik Proses (PP) EOMS dalam aspek pengurusan dokumentasi berkaitan EOMS, ISO 21001:2018. Pembangunan Laman ini juga telah membantu pihak pengurusan unit jaminan kualiti dalam memudahkan dan meningkatkan kecekapan sistem pengurusan kualiti di KKRP. Walau bagaimanapun, masih terdapat ruang yang boleh dilakukan oleh unit jaminan kualiti bagi memastikan proses penambahbaikan sentiasa berlaku agar penggunaan Laman B-EOMS ini kekal relevan dan memenuhi kehendak warga kerja KKRP.

5.1 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

a. Kajian lanjutan perlu dijalankan ke atas sampel yang lebih besar iaitu keseluruhan warga KKRP bagi mendapatkan kesahan yang lebih tinggi.

b. Kajian lanjutan dijalankan untuk mengenal pasti keberkesanan penggunaan Laman B-EOMS oleh pengguna dengan mengambil kira faktor sebelum dan selepas pembangunan laman ini dalam sistem pengurusan kualiti KKRP.

6.0 RUJUKAN

Ab Rahim, N. I., Isnin, S. R., & Mursid, S. M. Kajian Terhadap Pelaksanaan Sistem e_KSPPMS Dalam Meningkatkan Sistem Pengurusan Kualiti di Politeknik Muadzam Shah. *In 9th International Conference on Business Studies and Education (ICBE) 25 & 26 March 2023* (Vol. 44).

Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2017). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches.* Sage publications.

Darmadi, H. (2020). The role of technology in improving quality management in educational institutions. *Journal of Educational Administration, 58(4), 512-528*. https://doi.org/10.1108/JEA-10-2019-0203

Joshi, A., Kale, S., Chandel, S., & Pal, D. K. (2015). Likert scale: Explored and explained. *British journal of applied science & technology, 7(4)*, 396-403.

Kumar, R. (2019). Adopting digital management systems in education: A comprehensive review of challenges and benefits. *International Journal of Educational Management*, 33(5), 1112-1125. https://doi.org/10.1108/IJEM-03-2018-0104

Misra, R. (2019). Digital platforms in education: A step towards efficient management and quality improvement. *Journal of Educational Technology*, 34(2), 215-230.

Navas, E., Romero, J., & Torres, L. (2020). Implementing ISO 21001:2018 for quality management in educational organizations. *International Journal of Educational Management*, 36(4), 567-582. https://doi.org/10.1108/IJEM-08-2019-0312

Radzi, M. S. M. (2010). Aplikasi kemahiran berfikir aras tinggi melalui pembelajaran berasaskan masalah. *Disertasi Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam): Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*.

Rahman, A., Abdullah, M., & Hassan, N. (2022). Challenges of implementing digital quality management systems in Malaysian educational institutions. *Asian Journal of Education and Technology*, 45(1), 102-119.

Smith, P., & Jones, M. (2021). Vocational education and digital management systems: Enhancing performance and satisfaction. Vocational Studies Review, 28(3), 79-93. https://doi.org/10.1016/vst.2021.05.013


Zhou, Y., Wang, L., & Li, F. (2021). Implementing ISO 21001:2018 in educational institutions: A pathway to improved quality management. *Journal of Quality in Education*, 42(3), 120-135. https://doi.org/10.1016/j.jqe.2021.03.004

KOLEJ KOMUNITI ROMPIN

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa juga bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah Kolej Komuniti Rompin.

Diterbitkan oleh:

Kolej Komuniti Rompin
Kementerian Pendidikan Tinggi
KM5 Jalan Rompin-Pekan
26800 Kuala Rompin
Pahang
Tel: 09-414 0333
Faksimili: 09-414 1606
E-mel: kolejkomunitirompin@gmail.com




KOLEJ KOMUNITI ROMPIN

KOLEJ KOMUNITI ROMPIN

KM5 JALAN ROMPIN-PEKAN, 26800 KUALA ROMPIN, PAHANG

Tel: 09-414 0333 I Faksimili: 09-414 1606
E-mel: kolejkomunitirompin@gmail.com
Facebook: kolejkomunitirompin (official) I Instagram: kolejkomunitirompin
Tiktok: kolejkomunitirompin_off



eISSN 3083-8274